بسم الله الرحمن الرحيم

Buku ini adalah terjemahan daripada buku asal berbahasa Inggeris bertajuk **Evolution Deceit** oleh **Harun Yahya** dan telah diterbitkan oleh Okur Publishing, 1999 PK 7 Yesilkoy, Istanbul, Turkey.
www.harunyahya.com/E-Mail:info@harunyahya.org

Tajuk Buku	:	**Evolution Deceit**
Penulis	:	**Harun Yahya**
Penterjemah	:	**Rohidzir Rais**
Muka Taip Teks	:	**Palatino Türk**
Saiz Taip Teks	:	**10.5**
Penerbit	:	**Badan Penerangan dan Penerbitan Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir.**

CETAKAN PERTAMA 2001
ISBN (the isnb number)

Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM)
The Malay Association in Arabic Republic of Egypt

7, Hunain Ibn Ishak Street, 7th District, Nasr City, Cairo, Arabic Republic of Egypt.
Phone/Fax: 002-02-2631719 / 2629254
Homepage: http://pmram.cjb.net@www.geocity.com/The Tropics/Beach/7666
E-Mail: pmram30@hotmail.com

PENIPUAN EVOLUSI

Menyingkap Kepincangan Darwinisme dan Latar Belakang Ideologinya Berdasarkan Sains

HARUN YAHYA

KANDUNGAN

KEPADA PEMBACA

Hasil kerja ini mempunyai kepentingan yang besar di dalam menyingkap wajah sebenar Darwinisme untuk dilihat umum. Matlamat utamanya adalah untuk memberikan kepada pembaca idea asas tentang kepalsuan Teori Evolusi juga untuk mendedahkan kebuntuan yang sedang dihadapi oleh para evolusionis, penipuan-penipuan yang mereka lakukan untuk menyokong dakwaan mereka, dan senario-senario khayalan dan imaginasi yang mereka jadikan landasan kepada tesis mereka. **"Evolution Deceit"** secara saintifik telah membatalkan penipuan ini, yang dimajukan seolah-olah ia merupakan sebuah fakta sains dengan motif untuk menolak hakikat kejadian dan juga kewujudan Allah, dan untuk melahirkan generasi yang mengetepikan agama mereka, moral dan nilai-nilai nasional.

Hari ini, golongan yang menerima Darwinisme sebagai tulang belakang keintelektualan mereka dan berdiri teguh untuk menyokongnya adalah sama dengan mereka yang mempertahankan ideologi-ideologi jahat seperti materialisme, komunisme, Marxisme, rasisme, dan terrorisme. Apabila kepalsuan Teori Evolusi didedahkan dengan jelas, semua ideologi-ideologi ini telah tergugat hingga ke akar umbi dan penganjur-penganjurnya telah dihantui oleh kekacauan intelektual yang tidak dapat dilihat.

Dengan membaca **"Evolution Deceit"**, kamu juga turut berkongsi tanggungjawab-tanggungjawab penting. Setiap orang, walau pun mereka yang tidak mempunyai pengetahuan asas Darwinisme, yang membaca buku ini dengan cermat dan dengan penuh penghargaan akan memperolehi pemahaman yang luas tentang Teori Evolusi. Hinggakan

mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah akan mendapat pengetahuan yang jelas dan terang tentang subjek ini sehingga boleh dianggap sebagai seorang pakar. Berpandukan kepada maklumat-maklumat saintifik ini, sumbangan peribadi setiap orang dengan usahanya sendiri tidak dapat dipersoalkan lagi merupakan kepentingan yang amat besar.

Sumbangan yang pertama dan ringkas ialah untuk menjadikan fakta-fakta saintifik yang memusnahkan evolusi ini diketahui oleh setiap lapisan masyarakat dan untuk membolehkan mereka mengenal pasti ancaman ideologi di sebalik teori ini. Oleh itu, adalah amat penting untuk membaca fakta-fakta di dalam **"Evolution Deceit"**, setiap baris mempunyai kepentingannya yang tersendiri, ia saling berkaitan antara satu sama lain: supaya mereka membacanya dan menggalakkan mereka mengkajinya.

"Evolution Deceit" merupakan sebuah buku untuk setiap orang yang mahu menyingkap wajah sebenar Darwinisme dan kepalsuan saintifik Teori Evolusi. Dengan mengkaji buku ini dengan teliti, seseorang itu, sekiranya terlibat di dalam perbincangan, pasti akan dapat mengemukakan bukti-bukti padat yang menyanggah teori ini secara saintifik dan untuk mempertahankan bukti yang sebenar. Untuk memperolehi keyakinan diri daripada ini, seseorang itu mesti bertenang, rasional, dan penampilan sederhana dan menjadi damai dan bersabar. Perlakuan-perlakuan seperti ini, tidak dapat dinafikan akan memberikan kesan positif kepada pendengar dan membantu memahami subjek ini.

Hasil kerja ini adalah sebahagian daripada siri-siri buku dan risalah berkaitan dengan Darwinisme dan Teori Evolusi. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya di dalam subjek ini, kamu boleh merujuk hasil kerja lain oleh Harun Yahya yang disenaraikan di akhir buku ini.

Siapa Harun Yahya?

Kisah Hidup
ADNAN OKTAR

Adnan Oktar, penulis yang menggunakan nama pena "Harun Yahya", adalah seorang pendakwah yang mengabdikan seluruh hidupnya untuk berkongsi pandangan beliau terhadap kewujudan dan kesatuan Allah serta keindahan moral yang ditunjukkan oleh al-Quran, dengan orang lain. Bermula sejak alam universiti lagi, beliau telah meluahkan setiap detik dalam hidupnya, untuk merealisasikan hasrat ini dan tanpa pernah gentar menghadapi sebarang halangan. Hari ini, dia masih berdiri gagah menghadapi segala tekanan dan fitnah yang terpaksa dihadapinya dengan mempamerkan kesabaran dan kekuatan yang sama.

Berikut adalah sejarah ringkas kehidupan Adnan Oktar serta pahit maung dan onak duri yang terpaksa dihadapinya demi meneruskan perjuangan sucinya.

A**dnan Oktar** telah dilahirkan pada 1956 di Ankara dan menghabiskan masanya di sana sehingga tamat pengajian menengahnya. Komitmen beliau terhadap Islam telah pun bermula sejak daripada sekolah menengah lagi. Dengan membaca berbagai-bagai buku agama pada masa itu, beliau telah mendalami Islam dengan lebih baik. Lebih daripada itu, beliau sendiri telah mencapai fakta yang penting dan berhasrat untuk berkongsi dengan masyarakat sekelilingnya. Pada 1979, Adnan Oktara telah berpindah ke Istanbul untuk memasuki Universiti Mimar Sinan. Pada masa tersebut, beliau telah pun memulakan misi untuk menyeru manusia kepada moral yang

baik, memperjuangkan kebaikan dan menentang kejahatan.



Kehidupan di Universiti Mimar Sinan

Ketika Adnan Oktar memasuki Universiti Mimar Sinan, ia telah pun berada di bawah pengaruh beberapa organisasi haram Marxisme dan pemikiran berhaluan kiri telah menguasai universiti tersebut. Semua orang, samada ahli fakulti atau pelajar, telah menganuti pemikiran ateis. Tambahan pula, para pengajar telah menggunakan semua peluang yang ada untuk mempropagandakan **falsafah materialisme** dan **Darwinisme** di dalam syarahan mereka walau pun ia tidak berkaitan dengan tajuk yang diajarkan.

Di dalam persekitaran di mana setiap agama dan nilai-nilai moral sudah tidak dihormati dan telah ditolak mentah-mentah, Adnan Oktar mula menyeru masyarakat sekelilingnya kepada kesatuan dan kepercayaan kepada kewujudan Allah. Seperti yang telah diduga, di dalam keadaan seperti ini, Islam tidak diberikan peluang untuk membangun. Seperti yang dijelaskan oleh Mediha Oktar, bonda beliau, bahawa beliau hanya tidur beberapa jam setiap malam, dengan meluangkan masanya membaca, membuat nota-nota dan menyimpan fail-fail. Beliau telah membaca beratus-ratus buku, termasuk buku yang berkaitan dengan asas pemikiran Marxisme, komunisme dan materialisme dan mengkaji buku-buku berkaitan dengan ideologi berhaluan kiri. Beliau mengkajinya, menandai bahagian-bahagian yang penting dan membuat catatan pada sebelah belakangnya. Beliau telah menjadi mahir dengan

falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi ini, malah lebih daripada penganjurnya sendiri. Beliau juga menjalankan kajian intensif terhadap teori evolusi, asas saintifik ideologi-ideologi ini, dan mengumpulkan dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat berkaitan dengannya.

Dengan mengumpulkan maklumat-maklumat tentang kebuntuan, kontradiksi dan penipuan yang terdapat di dalam falsafah-falsafah dan ideologi-ideologi yang berasaskan kepada penolakan kepada Allah ini, tanpa membuang masa, Adnan Oktar telah menggunakannya untuk menyatakan kebenaran. Hampir kepada setiap orang, termasuk para penuntut dan pengajar universiti tersebut, beliau telah memberitahu mereka tentang kewujudan dan perpaduan Allah dan al-Quran, dengan berlandaskan sains. Di dalam setiap perbualannya samada di kantin sekolah, di koridor atau ketika waktu rehat, seseorang akan dapat melihat beliau memberikan penjelasan tentang kerosakan semula jadi falsafah materialisme dan Marxisme, berdasarkan kepada buku-buku rujukan ideologi mereka sendiri.

Beliau secara keseluruhannya telah menekankan kajian beliau terhadap **Teori Evolusi**. Teori ini yang dimajukan dengan menentang ciptaan di dalam berbagai segi, telah dianuti oleh sebahagian besar pelajar universiti. Dengan menggunakan sains, teori tersebut telah menyerang keimanan dan nilai-nilai moral para belia. Melainkan tujuan utama penipuan saintifik ini dibongkarkan, tidak dapat dielakkan, kekosongan nilai-nilai spirituil, moral dan agama akan terus meningkat.

Risalah Pertama Teori Evolusi

Dengan meletakkan matlamat ini di minda, Adnan Oktar telah menumpukan usahanya di dalam membuktikan kepalsuan teori ini. Disebabkan ia telah dimajukan di bawah neraca sains, maka beliau berpendapat sains adalah alat terbaik untuk membongkarkan akar umbi teori rekaan ini. Beliau menyiapkan sebuah risalan bertajuk "The Evolution Theory", yang merupakan ringkasan daripada penyelidikan

dan kajian intensif beliau. Beliau sendiri menanggung semua kos risalah tersebut dengan menjualkan sebahagian daripada harta yang telah diwarisinya daripada keluarga. Kemudian, beliau mula menyebarkan naskhah percuma risalah ini kepada pelajar-pelajar universiti dan membincangkannya dengan sesiapa sahaja yang ditemuinya.

Risalah tersebut sebenarnya adalah sebuah hasil kerja komprehensif yang mendedahkan bahawa teori evolusi adalah satu penipuan yang tidak mempunyai sebarang nilai saintifik dan logik. Sesiapa yang telah berbincang dengannya pasti akan menyedari bahawa teori evolusi tidak memiliki sebarang pengesahan saintifik. Dengan itu, seseorang akan dapat memahami kenyataan bahawa tidak ada hidupan yang dapat muncul secara kebetulan dan semuanya telah diciptakan oleh Allah. Bagaimana pun, pelajar-pelajar yang telah terpengaruh dengan pemikiran materialistik yang menyekat mereka daripada melihat realiti yang sebenar, telah melahirkan keingkaran mereka secara terbuka. Sehingga sebahagian daripada mereka sanggup menyatakan: **"Sekiranya saya melihat Allah dengan mata saya sendiri sekali pun, saya akan tetap memerangiNya".**

Lebih daripada itu, pelajar-pelajar yang ganas di universiti tersebut telah menggertaknya dengan menegaskan bahawa nyawanya akan terancam sekiranya beliau tidak menghentikan aktiviti-aktivitinya. Tetapi, semua tekanan dan ancaman tersebut hanya membuatkan Adnan lebih komitmen dan beriltizam. Reaksi dan kerisauan yang ditunjukkan oleh golongan materialis dan ateis merupakan bukti yang jelas bahawa Adnan Oktar berada di landasan yang tepat.

Di sebuah universiti yang didominasi oleh Marxis di mana keganasan telah menguasai keadaan, setiap hari berpuluh-puluh orang telah terbunuh. Di dalam keadaan seperti ini, beliau secara terang-terang menyeru kepada kewujudan dan kesatuan Allah, dan kebenaran al-Quran. Di sekolah yang pelajarnya tidak pernah mengendahkan keimanan mereka, beliau sering ke Masjid Molla untuk menunaikan sembahyang, tanpa mempedulikan reaksi dan ancaman yang dihadapinya.

Kebimbangan Pensyarah-pensyarah Ateis

Adnan Oktar sering menghadiri kuliah dengan membawa bersamanya dokumen-dokumen sains dan fail-fail kajian dan mengadakan perbincangan dengan pensyarah berkaitan dengan falsafah materialisme dan teori evolusi. Pada masa tersebut, terdapat dua orang ahli fakulti yang dikenali sebagai mereka yang sering membincangkan teori evolusi dan mempropagandakan ateisme. Oleh itu, mereka amat popular di kalangan pelajar Marxis dan amat disegani. Bagaimana pun, usaha gigih mereka untuk mempertahankan idea mereka melalui perbincangan dengan Adnan Oktar, dan jawapan-jawapan tidak logik yang mereka kemukakan, telah mendedahkan betapa idea yang mereka doktrinkan terhadap pelajar mereka selama ini adalah tidak realistik dan sia-sia.

Suatu hari selepas kuliah, seorang pensyarah meminta diadakan perbincangan yang efisien tentang kebuntuan teori evolusi dengan Adnan Oktar. Tetapi beliau tidak dapat memberikan penjelasan dan jawapan yang munasabah terhadap dokumen-dokumen sains dan penjelasan logik yang dikemukakan oleh Adnan Oktar. Apa yang dapat dilakukannya ialah meninggalkan tempat tersebut dengan segera.

Bagaimana pun, apa yang paling meresahkan ekoran kekalahan tersebut ialah mata-mata pelajarnya yang sering membuatkannya tertekan... Lelaki ini yang sering kelihatan di koridor dan sering mengadakan perbincangan falsafah dengan pelajar-pelajarnya selepas kuliah, kini lari tergesa-gesa ke biliknya setiap kali selepas kuliah semata-mata untuk menghindarkan diri daripada Adnan Oktar.

Bersendirian Selama Tiga Tahun

Adnan Oktar berseorangan apabila beliau menyampaikan Islam di Universiti Mimar Sinan. Selama hampir tiga tahun, tiada sesiapa pun yang menerima pandangan beliau. Mereka yang berkongsi pendapat dengannya dan menyokongnya dengan sepenuh hati tidak bersamanya pada masa itu. Bagaimana pun, kekurangan sokongan ini tidak sesekali menggugat komitmennya. Beliau sedar bahawa Allah adalah



pendampingnya yang paling utama, dan melakukan semua ini semata-mata untuk meraih keredaan Allah.

Kemudian, terdapat beberapa orang pemuda yang mula mendengar dan berkongsi idea dengannya, setelah mendapati semuanya adalah betul. Bagaimana pun, ia hanyalah secara sambil lewa sahaja tanpa berubah menjadi sokongan sepenuh hati. Tiga tahun berlalu di Universiti Mimar Sinan dan sepanjang masa ini, Adnan Oktar berusaha untuk mendapatkan mereka yang dapat memahami kewujudan Allah. Pada tahun-tahun inilah beliau memulakan penentangan terhadap Marxisme dan ateisme secara berseorangan, dan melakukan semuanya dengan ikhtiar sendiri.

Pimpinan Marxisme di sekolah telah mula menjauhinya. Kerana tidak dapat mematahkan hujah beliau terhadap teori evolusi dan Marxisme, mereka hanya dapat menyindir dan mengkritik janggutnya dan cara beliau berpakaian.

Sahabat Pertama

Adnan Oktar telah mendapat keputusan yang cemerlang di dalam ujian kemasukan Universiti Mimar Sinan. Dia mempunyai kebolehan melukis yang baik. Sekiranya itu adalah matlamat beliau, dia boleh mendapat ijazah di dalam bidang seni dengan mudah dan membina karier yang baik. Dia mungkin berfikir, "Mula-mula sekali biar saya memulakan karier dan kemudian baru saya mula menyampaikan Islam";

tetapi beliau tidak melakukannya. Dia telah mengorbankan seluruh masa, tenaga dan hartanya untuk matlamatnya yang satu.

Disebabkan oleh ketandusan sokongan sepanjang tahun-tahun tersebut, Adnan Oktar mungkin patah hati dan berundur. Tetapi ini tidak terjadi. Dengan semangat dan komitmen yang tinggi, beliau terus melaungkan kalimat Allah kepada masyarakat sekelilingnya. Dengan berpegang kepada pesanan Bedi-uz-Zaman Said Nursi, **"The skill is not by having many listeners but to earn the good pleasure of Allah"**, dia terus mara ke hadapan.

Akhirnya pada tahun 1982, untuk pertama kalinya, beberapa orang belia yang baru memasuki Universiti Mimar Sinan, telah memilih untuk menyokong Adnan Oktar di dalam perjuangan ideologinya. Setelah berlalu bulan demi bulan dan tahun silih berganti, jumlah golongan muda yang menerima pandangannya telah meningkat. Keajaiban ciptaan Allah, kepalsuan fahaman Marxisme yang menjadi ideologi paling dominan waktu itu, merupakan topik-topik yang menjadi subjek perbincangan beliau dengan belia-belia ini. Impian utamanya adalah untuk membimbing mereka menjadi manusia yang amanah. Daripada 1982 hingga 1984, sekumpulan 20-30 orang belia telah dibentuk.

Dalam tahun 1984, beberapa orang belia yang berasal daripada keluarga-keluarga yang tersohor di Istanbul, dan memasuki sekolah-sekolah swasta, telah diperkenalkan kepada beliau. Golongan muda ini, ketika perbincangan dengan Adnan Oktar, telah menyedari kepentingan nilai-nilai moral dan mula memperbaiki kehidupan mereka. Golongan ini datang daripada keluarga yang aktif bersosial dan amat dikenali serta mempunyai status ekonomi yang tinggi. Mereka yang merupakan golongan yang mentaati moral Islam memberikan kesan yang baik kepada masyarakat sekelilingnya.

Dua tahun berikutnya selepas 1984, perbincangan yang dilakukan dengan golongan muda yang memasuki sekolah-sekolah swasta di Istanbul, adalah berkisar tentang nilai-nilai moral. Sepanjang tahun-tahun ini, Adnan Oktar tidak ke Universiti Mimar Sinan. Sebaliknya, beliau telah mendaftar di sebuah fakulti baru di Universiti Istanbul, di

dalam Kuliah Falsafah. Bagaimana pun, beliau tidak dapat memasuki kuliah tersebut kerana beliau menyimpan jambang.

Golongan muda yang bertemu dengan Adnan Oktar merasa simpati dengannya dan merasa amat tertarik dengan tingkah laku, pandangan dan sikapnya yang baik. Ekoran itu mereka juga telah memperkenalkan rakan-rakan mereka kepadanya, sehingga sejumlah besar penuntut-penuntut sekolah telah berpeluang bertemu dengannya.

Bagaimana pun, nama beliau mula muncul di dalam majalah Nokta (the Point) untuk pertama kalinya pada tahun 1986 dan bermula dari itu beliau telah kenali oleh masyarakat umum.

Kemunculan Pertama Di Akhbar

Berita tentang Adnan Oktar telah muncul sebagai cerita muka majalah Nokta- selepas lawatan Rusen Cakir, seorang koresponden majalah tersebut, ke masjid tempat Andan Oktar berkumpul bersama rakan-rakannya dan mengadakan perbincangan. Cerita tersebut disiarkan di bawah tajuk ***"Disciples from Colleges"*** yang menceritakan perihal Adnan Oktar dan cara beliau menyampaikan risalah Islamnya kepada golongan muda di sekelilingnya. Bermula dari detik itu, ramai penuntut-penuntut universiti, kebanyakannya daripada Universiti Bosphorus, yang merupakan sebuah universiti Turkey yang paling berprestij, mula menyertai di dalam perbincangan Adnan Oktar.

Sehingga pada permulaan musim panas tahun yang sama, organisasi akhbar telah membuat liputan lengkap tentang Adnan Oktar hampir setiap hari. Banyak surat khabar memuatkan namanya sebagai tajuk utama. Adnan Oktar, yang menyebarkan risalah Islam di dalam masyarakatnya telah dilihat sebagai seorang yang paling akrab dengan agama, merupakan suatu kejutan kepada media.

Judaisme dan Freemasonary

(Agama dan Budaya Yahudi)

Pada waktu tersebut, penyelidikan Adnan Oktar tentang Yahudi dan

Freemason telah pun sedia untuk diterbitkan. Adnan Oktar menumpukan sepenuh usahanya di dalam subjek ini memandangkan di dalam al-Quran, Allah telah mengingatkan orang-orang Islam dan menyebutkan Yahudi sebagai musuh utama orang-orang beriman. Natijah daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa aktiviti Zionisme di Turkey telah didalangi oleh Freemason, sebuah kumpulan bawah tanah. Terdapat perubahan yang disebabkan oleh pengaruh budaya Freemason ke atas pejabat-pejabat kerajaan, universiti-universiti, parti-parti politik dan media.

Prinsip misi ini ialah untuk menjauhkan rakyat Turkey daripada nilai-nilai spirituil, agama dan moral dan menjadikan mereka seperti binatang, seperti yang disebutkan di dalam Taurat yang telah diselewengkan. Untuk melaksanakan matlamat ini, dasar materialisme, teori evolusi, gaya hidup tanpa agama dan tanpa moral telah diserapkan ke dalam masyarakat. Freemason yang terdapat di dalam kerajaan, media dan institusi-institusi pengajian telah memainkan peranan utama untuk menjalankan kerja-kerja pendoktrinan ini.

Kerana itulah, Adnan Oktar menumpukan seluruh usahanya untuk mengkaji subjek ini. Ia memerlukan usaha yang dedikasi tetapi akhirnya beliau berjaya memasuki penerbitan asal Freemason yang hanya dikhaskan untuk kegunaan mereka sahaja. Rentetan daripada itu, buku **Judaism and Freemasonary** telah diterbitkan, ia mengandungi penyelidikan teliti ke atas kebudayaan sebenar Freemason yang telah berjalan sejak sekian lama.

Penerbitan **"Judaism and Freemasonary"** merupakan batu loncatan kepada Adnan Oktar. Masyarakat telah diberikan "kunci" untuk memasuki Freemason, dan mengenali siapakah yang menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dengan teliti.

Di dalam buku ini, senarai ahli-ahli penempatan Freemason, kedudukan individu di dalam organisasi, senarai Freemason di dalam kerajaan, kilang-kilang dan institusi-institusi Freemason, aktiviti-aktiviti mereka, kuasa ekonomi dan politik yang dimiliki oleh Freemason, telah didedahkan. Sumber utama maklumat-maklumat ini ialah penerbitan asal

Freemason sendiri. Secara ringkasnya, buku ini telah membongkarkan keburukan Freemason sebagai sebuah kumpulan rahsia yang mempunyai hubungan rapat dengan Zionisme. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Freemason mempunyai hubungan dengan idea Zionis, struktur organisasi dan hierarki arahan Freemason, simbol dan ritual, hubungan intim di antara budaya Yahudi dan agama mereka, Taurat yang telah diselewengkan dan *Kabbalah*, boleh didapati di dalam buku ini.

Freemason Mula Menyerang

Pendedahan rahsia-rahsia sulit Freemason kepada umum telah menaikkan kemarahan mereka. Dari segi lain pula, sebahagian keluarga ternama di Istanbul merasa gusar dengan anak-anak mereka yang telah mengubah gaya hidup mereka dan mula mentaati kewajipan agama mereka. Dua faktor inilah yang telah menggerakkan Freemason untuk menyekat aktiviti-aktiviti Adnan Oktar.

Sebagai permulaan, mereka menawarkan sejumlah imbuhan yang besar melalui "orang perantaraan" untuk menghentikan penerbitan buku Judaism and Freemasonary ini. Memandangkan jawapan Adnan Oktar ialah "Tidak", maka mereka mula menggertaknya. Setelah gagal dengan cara yang kedua, Adnan Oktar seterusnya telah ditahan di atas kesalahan yang dia sendiri tidak tahu. Hanya kemudian telah dijelaskan bahawa beliau telah ditahan kerana kenyataan beliau ***"I am from the nation of Ibrahim and Turkish ethnicity"***. Kenyataan ini telah muncul di dalam satu temu ramah yang disiarkan di dalam sebuah akhbar. Pada masa itu juga timbul beberapa laporan palsu, maklumat-maklumat tidak berasas dan fitnah mula muncul di media. Jelaslah bahawa Freemason telah mengenal pasti beliau sebagai satu ancaman kepada kewujudan mereka. Sebelum terlambat, mereka telah mengambil inisiatif untuk menyekatnya.

Penderaan di Hospital Sakit Jiwa

Pada mulanya Adnan Oktar telah ditahan dan dipenjarakan. Kemudian dia telah dipindahkan ke Hospital Sakit Jiwa Barkirkoy dan

ditempatkan di bawah pemerhatian dengan alasan dia menghadapi tekanan jiwa. Di hospital tersebut, beliau telah ditempatkan di wad 14A, sebuah bahagian khas yang hanya menempatkan pesakit-pesakit yang bahaya dan kebal daripada sebarang hukuman. Memandangkan pembunuhan merupakan perkara biasa di situ, maka mereka berharap agar Adnan Oktar akan dibunuh. Untuk beberapa lama, beliau telah dirantai di sebuah katil dan telah didedahkan kepada keganasan. Secara paksa, dia juga telah diberikan dadah yang menjejaskan kesedaran beliau.

Pada masa yang sama, rakan-rakan yang menziarahinya melihat bagaimana dia masih terus berkomitmen dan bersemangat di dalam hospital. Malah semua yang dihadapinya hanya menambahkan lagi komitmennya. Ekspresi wajahnya pada gambar yang diambil di hadapan kurungannya, merupakan alamat yang jelas bahawa Adnan Oktar masih berazam untuk terus mara.

Adnan telah berada di penjara dan hospital sakit jiwa selama 19 bulan dan kemudian telah dibebaskan dan dilepaskan oleh mahkamah memandangkan kenyataan beliau didapati tidak membahayakan. Selepas dibebaskan, beliau mendapati jumlah golongan muda yang menyokongnya telah bertambah dengan begitu drastik. Sebahagian



Adnan Oktar telah dimasukan ke dalam bilik kurungan yang menempatkan pesakit-pesakit jiwa yang bahaya. Rakan-rakannya hanya dibenarkan berjumpa dengannya 5-10 minit di sebalik jaring besi. Dia sering mengingatkan kepada pelawat-pelawatnya *"Don't worry, Allah is with us".*

mereka hanya berjumpa dengannya pertama kali ketika beliau di dalam penjara.

Disebabkan mereka dilarang daripada bertemu dengannya, maka mereka hanya dapat menemuinya di sebalik jaring hospital. Dengan hanya beberapa minit berbual dengannya di sebalik jaring, telah memadai untuk menyebabkan golongan muda ini merasa kagum, seterusnya merasa sayang dan menghormatinya.

Teori Evolusi

Sejak mula menyampaikan pandangannya tentang agama pada tahun 1979 lagi, pendedahan wajah sebenar teori evolusi telah menjadi matlamat utamanya. Teori evolusi ini telah menjadi satu subjek yang lebih utama daripada yang lain. Dengan penuh iltizam, Adnan Oktar melaksanakan aktiviti-aktiviti menentang Darwinisme. Dalam tahun 1986, beliau telah menghimpunkan kajian berharganya terhadap Darwinisme di dalam buku bertajuk **"Living Things and Evolution"**. Berpandukan sumber-sumber sains, buku ini menunjukkan kebuntuan teori ini dan mendedahkan hakikat sebenar kejadian. Selama beberapa tahun, buku ini telah menjadi sebuah rujukan yang unik kepada anti-Dawinisme.

Dalam masa yang sama, sahabat-sahabat beliau juga menumpukan usaha mereka mengkaji teori evolusi. Mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk menerangkan kepada masyarakat bahawa teori ini tidak mempunyai sebarang asas yang kukuh. Di kolej-kolej dan sekolah-sekolah menengah, perdebatan saintifik dijalankan di kalangan pelajar. Amat memeranjatkan apabila mendapati sebahagian pembimbing sendiri menerima Darwinisme secara membuta tuli. Seumur hidup mereka, inilah pertama kalinya mereka bertemu dengan pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan yang amat luas tentang teori evolusi ini. Lebih memeranjatkan lagi, pelajar-pelajar ini mengetahui lebih daripada mereka sendiri dan mempertahankan fakta penciptaan dengan begitu lancar sekali. Di sesetengah universiti, persidangan tentang teori evolusi

diadakan. Dengan tidak disangka-sangka, pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar ateis yang telah berpusu-pusu menghadirinya, telah "dikejutkan" dengan bukti-bukti sains yang dikemukakan di dalam persidangan-persidangan tersebut. Selepas itu kepalsuan teori evolusi dapat didengari di mana-mana sahaja samada di pesta-pesta buku, pusat-pusat kebudayaan dan di dalam pengangkutan awam.

Ini merupakan kerja-kerja awal untuk kempen yang dilancarkan pada 1998. matlamat kempen ini ialah; **untuk menghapuskan teori evolusi dan materialisme dari lipatan sejarah.**

Golongan Baru

Ketika Adnan Oktar dibebaskan pada 1988, kebanyakan sahabat-sahabatnya telah memasuki universiti. Oleh itu, usaha beliau untuk menyebarkan risalah Islam dan nilai moral tidak lagi terhad di sekolah sahaja. Pada waktu itu, sebahagian besar masyarakat telah mendapat kefahaman yang jelas terhadap pandangan ini. Adnan dan rakan-rakannya meletakkan di bahu mereka tanggungjawab untuk mengingatkan golongan muda, bahawa mereka akan dipertanggung-jawabkan di atas segala yang mereka lakukan dan anuti, dan bahawa mereka akan dihakimi di hadapan Allah. Oleh itu, mereka menyeru anak-anak muda ini untuk mengatur semula amalan mereka dan membimbing hidup mereka untuk mematuhi segala arahan Allah. Akhirnya, sebahagian mereka yang sebelum ini mengamalkan gaya hidup yang ekstrem dan liar telah mula mengubah cara hidup mereka dan menjadi manusia yang berhemah tinggi dan bertanggungjawab.

Menyedari bahawa seseorang tidak mampu untuk membimbing dirinya untuk melihat hakikat Islam tanpa pembimbing, Adnan menasihatkan golongan muda di sekelilingnya untuk meletakkan keredaan Allah sebagai matlamat utama di dalam hidup mereka. Beliau sering mengingatkan bahawa setiap orang akan dihakimi di hadapan Allah, maka mereka perlu berkelakuan dengan sebaik-baik akhlak.

The Science Research Foundation

Dua tahun selepas pembebasannya pada tahun 1988, Adnan Oktar telah meletakkan idea asas **Science Research Foundation** (Yayasan Penyelidikan Sains) yang telah diasaskan pada 1990. Beliau mengadakan perbincangan berkaitan nilai-nilai moral bersama dengan rakan-rakan yang berkongsi idea dengannya. Pada waktu inilah asas Science Research Foundation dibentuk dengan sumbangan Adnan Oktar.

Akhirnya, pada Januari 1990, Adnan Oktar dan rakan-rakan belianya telah mengasaskan Science Research Foundation untuk membolehkan mereka menjalankan perkhidmatan mereka di bawah nama sebuah institut dan menyampaikannya kepada masyarakat. Adnan Oktar telah dilantik sebagai Presiden Kehormat Yayasan. Yayasan tersebut menetapkan pelaksanaan beberapa aktiviti; ahli-ahli yayasan tersebut menerbitkan buku-buku dan menjalankan penyelidikan kebudayaan, menjalankan panel, diskusi dan persidangan untuk memelihara dan menghidupkan kembali nilai-nilai moral.

Selepas penubuhan yayasan tersebut, sepasukan polis telah menyerbu ke sebuah perjumpaan biasa yang dihadiri oleh 100 ahli. Lebih seratus ahli telah diletakkan di bawah pengawasan dan telah disoal siasat oleh polis. Keesokan harinya, organisasi media kepunyaan Freemason telah membuat liputan tentang penangkapan ini seolah-olah sekumpulan penjenayah besar telah ditangkap. Kebanyakan ahli telah dibebaskan selepas 3-4 jam ditahan. Tetapi kempen fitnah yang dilancarkan oleh akhbar telah berlangsung selama berhari-hari. Akhbar tersebut menulis berbagai cerita menarik berkaitan Adnan Oktar dan ahli-ahli yayasan. Tujuan utama berita-berita subjektif ini adalah untuk mengelirukan institusi sekuriti dan kehakiman dengan tuduhan-tuduhan rekaan. Bagaimana pun, semua usaha ini sia-sia belaka. Adnan yang telah diletakkan di bawah pengawasan dan disoal siasat selama seminggu telah dibebaskan kerana tidak terdapat sebarang elemen jenayah di dalam peristiwa tersebut. Ia menunjukkan bahawa golongan yang sama cuba menyampaikan amaran mereka dengan cara mereka sendiri.

Plot Kokain

Pada tahun 1990, aktiviti-aktiviti Science Research Foundation telah berjalan dengan lebih beriltizam. Pada pertengahan 1991, dua orang ahli yayasan tersebut telah melangsungkan perkahwinan. Bagaimana pun, keluarga mereka telah membuat aduan menentang perkahwinan ini. Lebih daripada itu, Adnan Oktar telah disalahkan di atas perkahwinan ini, yang sama sekali tidak menyalahi undang-undang. Ekoran itu, Adnan telah sekali lagi ditahan. Tetapi kali ini, kewujudan sebuah perancangan dapat dilihat jelas. Pegawai polis yang memecah masuk ke dalam rumah Adnan, di mana beliau tinggal bersama ibunya, telah menemui sebungkus kokain di dalam sebuah buku. Terdapat beratus-ratus buku di dalam rak-rak buku yang memenuhi dua dinding, dan pegawai tersebut telah menemui kokain itu di dalam beberapa minit, seolah-olah mereka sendiri yang meninggalkannya.

Hanya selepas peristiwa ini, Adna Oktar yang pada waktu itu berada di Izmir bersama beberapa orang kawan, telah ditangkap. Beliau kemudian telah dipindahkan ke Ibu pejabat Keselamatan Istanbul, di mana beliau telah ditahan selama 62 jam. Selepas 62 jam, beliau telah dihantar ke Forensic Medicine Institution untuk membuat pemeriksaan kokain. Keputusannya amat memeranjatkan! Kesan dos kokain yang tinggi telah dikesan di dalam darah Adnan Oktar!

Ini membuktikan dengan jelas bahawa ia adalah sebuah konspirasi. Mulanya, telah ditemui kokain di rumah Adnan. Tidak berapa lama sebelum kejadian tersebut, Adnan telah merasakan seolah-olah ada plot yang sedang dirancangkan untuk menentangnya dan beliau meninggalkan rumahnya di Ortakoy, Istanbul. Kemudian, beliau menghubungi ibunya dan memberitahu bahawa dia menjangkakan sebuah perancangan telah diatur untuk memerangkapnya, dan dia meminta ibunya membersihkan dan memeriksa rumah mereka dengan teliti bersama beberapa orang lain, supaya mereka dapat menjadi saksi. Ibu beliau, Mehina Oktar, telah menghubungi seorang jiran dan seorang penjaga pintu, dan mereka telah membersihkan rumah tersebut dengan

cermat, dan meneliti setiap buku yang terdapat di rak-rak buku. Walaupun, Adnan tidak pernah pulang ke rumahnya selepas pembersihan ini, 16 orang anggota polis telah menyerbu flat tersebut dan menemui "sebungkus kokain" di dalam sebuah buku. Jiran beliau dan penjaga pintu telah memberikan keterangan mereka secara individu sebelum natori umum membuat kenyataan; **"Kami telah membersihkan buku-buku Adnan Oktar dengan teliti dan tidak terdapat sebarang bungkusan seperti itu".**

Bahagian kedua plot kokain ini ialah kesan kokain yang dikesan di dalam darah Adnan Oktar. Bukti sains dan kehakiman telah membatalkan dakwaan ini. Adnan telah berada di Ibu Pejabat Keselamatan Istanbul selama 62 jam dan pemeriksaan tersebut telah dijalankan selepas 62 jam. Bagaimana pun, dengan melihat pada jumlah kesan kokain yang dikesan di dalam darah beliau, kita akan dapat mengagak berapa banyak kokain yang telah diambilnya. Di samping itu, perkiraan ini juga dapat menentukan berapa lama kokain itu telah diambil. Dos kokain yang dikesan di dalam darah Adnan Oktar yang berada pada paras bahaya, telah diambil 62 jam yang lalu. Dengan kata lain, dos yang tinggi seperti ini akan membunuhnya sekiranya ia diambil 62 jam yang lalu. Keputusan ini menunjukkan bahawa kokain yang dikesan di dalam darah Adnan Oktar telah dimasukkan ke dalam badannya dalam tempoh 62 jam. Dengan lain perkataan, beliau telah diberikan kokain ketika ditahan di ibu pejabat keselamatan. **Kokain tersebut telah dicampurkan ke dalam makanannya ketika beliau berada di dalam tahanan polis.**

Kenyataan ini telah diakui oleh 30 institusi forensik, termasuk Scotland Yard. Mereka telah mengkaji fail yang telah dikirimkan kepada mereka berkaitan dengan kes tersebut. Konklusi mereka ialah; **"Kokain telah dicampurkan ke dalam makanan ketika beliau berada di dalam tahanan polis. Kejadian ini adalah satu perancangan".**

Seterusnya, Institut Forensik Turkey sendiri mengakui bahawa **kokain telah dicampurkan ke dalam makanan beliau ketika dia berada di dalam tahanan polis,** dan Adnan Oktar telah dibebaskan.

Bagaimana pun, plot ini telah mendedahkan satu fakta penting; terdapat beberapa golongan jahat yang mempunyai dendam yang dalam terhadap Adnan Oktar dan akan menggunakan apa sahaja jalan yang salah untuk menghentikan aktiviti-aktivitinya. Adnan oktar mengumumkan bahawa mereka sedang membuat sebuah buku tentang Freemason yang akan mendedahkan strategik-strategik rahsia mereka di Turkey. Ia telah jelas bahawa pusat Freemason berhasrat untuk mengancam Adnan dengan memenjarakannya dan memberikan tekanan ke atasnya, kali ini dengan mengadakan sebuah plot.

Bagaimana Media Membantu Plot Ini?

Melalui plot kokain ini, matlamat golongan jahat Freemason ini adalah untuk membiarkan Adnan Oktar di dalam penjara selama setahun, walau pun beliau tidak melakukan sebarang jenayah. Matlamat yang lain pula, ialah untuk menonjolkan beliau sebagai seorang penagih dadah dan juga untuk menjatuhkan maruahnya di mata masyarakat umum. Sememangnya, terdapat beberapa organisasi akhbar yang berada di bawah cengkaman Freemason, dan menjalankan kempen memfitnah, secara terang-terang telah menonjolkan sokongan mereka kepada Freemason. Sesetengah akhbar menyiarkan tajuk utama di muka depan yang mencela dengan tulisan berhuruf besar. Matlamat utama mereka ialah untuk menyekat semua aktiviti-aktiviti mereka yang komitmen dalam menyebarkan risalah Allah dan nilai-nilai murni. Usaha Adnan Oktar sering menghalang matlamat mereka dan usaha mereka untuk melahirkan sebuah masyarakat materialistik yang sepenuhnya menolak nilai-nilai murni.

Sikap subjektif organisasi-organisasi media ini dapat dilihat dengan jelas pada tahun-tahun berikutnya. Akhbar-akhbar yang sering melemparkan fitnah kepada Adnan Oktar, telah memperuntukkan lapan kolum untuk berita-berita yang mencela walau pun gagal untuk membuat liputan berita-berita Adnan Oktar yang sebenar atau sekurang-kurangnya menyebarkan beberapa baris perkataan tidak senonoh.

Tindakan Freemason dan materialis berganding bahu menyerang Adnan Oktar merupakan tanda terbesar bahawa dia sebenarnya berada di landasan yang lurus. Semua celaan yang pernah disebarkan untuk menentang orang-orang Muslim seperti yang disebutkan di dalam al-Quran, juga telah digunakan untuk menentangnya. Beliau telah dituduh sebagai **"seorang ahli sihir", "seorang gila", dan "seorang yang hanya mementingkan dirinya sendiri"**. Semua tohmahan yang diterimanya ini adalah disebabkan oleh kejujuran dan kemurniannya. Bagaimana pun, Adnan Oktar sering menganggap semua tuduhan dan serangan ke atasnya yang dilakukan oleh golongan-golongan tertentu ini, sebagai kehormatan kepada dirinya!

Kehidupan Terasing Adnan Oktar

Selepas menyempurnakan misinya menubuhkan Science Research Foundation, beliau meneruskan aktivitinya selama dua tahun tanpa gangguan dan kemudian pada tahun 1991, beliau menumpukan seluruh masa untuk bukunya. Terutama selepas plot kokain yang dirancang untuk menjatuhkannya, beliau menjalani kehidupan yang terasing dalam usaha untuk mencegah sebarang plot dan serangan lain ke atasnya dan supaya beliau dapat meluangkan lebih masa untuk bukunya. Beliau menghabiskan sepenuh masanya di rumah. Sekali sekala, beliau menziarahi rakan-rakan dan menjalankan perbincangan. Beliau menolak sebarang temuramah akhbar dan saluran TV walau pun mereka mendesaknya.

Pada waktu itu, Adnan Oktar hanya melibatkan dirinya di dalam aktiviti-aktiviti yayasan tersebut pada peringkat merangka prinsip asas yayasan. Beliau menasihatkan ahli-ahli yayasan tersebut supaya mengikut al-Quran dan mengamalkan akhlak yang murni. Keadaan ini berlangsung sehinggalah 12 November 1999, pada hari di mana satu operasi polis telah diatur untuk menentang komuniti SRF.

Menyampaikan Islam Kepada Golongan Atasan

Di antara matlamat utama Adnan Oktar ialah untuk melakukan perubahan radikal ke atas masyarakat yang beranggapan bahawa **"agama hanyalah satu fenomena yang berkaitan dengan orang-orang tua dan beberapa golongan tertentu di dalam masyarakat"**. Anggapan ini menyekat pengaruh ajaran al-Quran untuk menyerap masuk ke dalam masyarakat. Mereka yang diharapkan menjadi contoh teladan kepada golongan muda adalah terdiri daripada golongan homoseksual, penipu, tidak berakhlak dan sebagainya. Lebih buruk lagi, mereka yang menolak agama dan nilai-nilai murni ini, telah menjerumuskan diri mereka ke kancah kemusnahan setiap hari. Namun begitu, masih ada harapan bagi mereka sekiranya mereka disedarkan tentang hakikat sebenar. Dalam usaha untuk menyekat prejudis yang telah tersebar luas ini, Adnan Oktar terlah mengambil inisiatif untuk menyeru golongan yang mampu memberi kesan "simbolik" kepada masyarakat dan menyedarkan mereka tentang nilai-nilai moral. Kerana itulah, sebahagian ahli-ahli SRF menghampiri mereka yang terkenal seperti model, penyanyi dan pelakon. Ini dapat dijelaskan melalui kenyataan akhbar oleh SRF seperti berikut:

> *"Dialog di antara sebahagian ahli Science Research Foundation dengan model-model adalah berdasarkan usaha untuk membiasakan mereka dengan akhlak yang baik. Terutamanya, pada tahun 1994-95, beberapa orang ahli yayasan telah menjalinkan hubungan persahabatan dengan beberapa orang model. Pada masa inilah, ahli-ahli menerangkan kepada mereka keruntuhan akhlak yang dihadapi oleh masyarakat kini dan menyedarkan mereka tentang kewujudan Allah. Banyak buku telah diberikan kepada mereka berkaitan dengan al-Quran dan moral yang baik. Ini memberikan kesedaran dalaman kepada sebahagian daripada mereka".*

Gulay Pinarbasi, merupakan satu contoh terbaik untuk kesedaran spirituil ini. Beliau adalah seorang model sebelum bertemu dengan komuniti SRF; tetapi kemudian beliau mengambil keputusan untuk mengubah seluruh kehidupannya. Tidak lama kemudian, beliau telah meninggalkan cara hidupnya yang lama dan memulakan sebuah

kehidupan baru yang lebih sempurna. Beliau meluangkan sepenuh masanya mempelajari sains dan agama, selepas itu, beliau telah memulakan sebuah karier baru sebagai seorang kolumnis di sebuah akhbar konservatif. Pada masanya sama, beberapa orang model lelaki yang terpesona dengan kebenaran yang dijelaskan oleh ahli-ahli SRF, telah berhenti daripada karier mereka dan mula menyusun kembali seluruh kehidupan mereka dengan gaya yang sama sekali berbeza.

Penentangan Keras Ke Atas Darwinisme

Pada awal 1998, Adnan Oktar dan rakan-rakannya telah melancarkan kempen intelektual menyerang Darwinisme. Sebagai permulaan, beratus-ratus naskhah buku Adnan Oktar ***"Evolution Deceit"*** dan risalah berkaitan dengan buku tersebut telah diedarkan secara percuma ke seluruh pelosok Turkey. Science Research Foundation telah memulakan siri persidangan **"The Collapse of the Evolution Theory and the Fact of the Creation"**, di serata Turkey. Tiga persidangan yang diadakan di Istanbul dan Ankara telah dihoskan oleh para saintis Amerika yang terkenal sebagai pensyarahnya.

Kemudian, beberapa persidangan lain telah diadakan di 120 bandar dan pekan Turkey. Di dalam persidangan-persidangan ini, ahli-ahli SRF yang pakar di dalam bidang masing-masing telah memberikan syarahan mereka. Matlamat mereka adalah untuk menutup mulut **Darwinisme**, sebuah penipuan yang telah dipropagandakan di bawah nama sains, dan juga untuk memusnahkan fahaman dan moral materialis.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Science Research Foundation dengan diketuai oleh Adnan Oktar, telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Mereka yang tidak mengetahui tentang teori evolusi, kini telah berpeluang untuk mempelajari dalaman teori ini dan penipuan saintifik yang dilakukannya ke seluruh dunia. Masyarakat Turkey, telah menyedari bahawa sistem pendidikan yang diasaskan di atas desakan teori evolusi kepada golongan muda, merupakan satu perancangan tersembunyi menentang nilai-nilai kemasyarakatan dan moral, dan juga

generasi masa depan. Lebih dari itu, mereka juga telah berpeluang untuk mengetahui bahawa falsafah materialistik dan teori evolusi, merupakan sumber utama fahaman komunis yang menyebabkan kekacauan dan keganasan di dalam setiap negeri.

Penerbitan buku-buku, pengurusan persidangan-persidangan, pengeluaran kaset-kaset video dan CD, merupakan di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh yayasan ini. Kebanyakan pengeluaran ini adalah berkaitan dengan pemansuhan teori evolusi secara saintifik, ideologi di belakang ideologi ini dan hakikat kejadian.

Buku-buku yang ditulis oleh **Harun Yahya** dan pengeluaran yang dilakukan oleh Science Research Foundation melibatkan 100 buah buku-buku di dalam politik, isu-isu sains dan agama, 5 dokumentari, berdozen-dozen kaset dan CD berkaitan teori evolusi dan penciptaan.

Terus Ditekan…

Semua aktiviti-aktiviti ini telah menyinggung beberapa golongan. Ekoran itu, golongan materialis dan Freemason telah melancarkan kempen menentang aktiviti-aktiviti ini. Mereka menyeluarkan kenyataan-kenyataan seperti, **"Persidangan yang diadakan oleh Science Research Foundation mesti dihalang"**. Tujuan mereka adalah untuk menyekat sebarang kajian sains yang boleh membuntukan teori evolusi. Disebabkan mereka tidak dapat memberikan respons yang saintifik, maka satu-satunya perkara yang dapat mereka lakukan ialah menyeru supaya aktiviti-aktiviti ini dihentikan segera. Mereka tidak dapat menerima segala kebuntuan teori ini didedahkan kepada masyarakat awam Turkey. Usaha Adnan Oktar dan rakan-rakannya telah berterusan sehingga 1999. pada masa inilah berita tentang **"Global Freemason"**, buku terbaru Harun Yahya di dalam tiga jilid, telah diedarkan… Ia merupakan cabaran kepada beberapa golongan. Tanpa membuang masa, mereka mula mengatur rancangan dan membuat berbagai kecaman kepada pihak berkuasa serta menghasut mereka. Selepas itu, bermulalah operasi polis Turkey yang terbesar.

Tentunya Adnan Oktar tidak didakwa kerana "menyeru manusia kepada kebenaran Allah, mengingatkan mereka akan Allah, agama dan nilai-nilai murni Islam, dan menentang materialisme, keingkaran dan perkara tidak bermoral". Tetapi pada kaca mata mereka yang cuba menyekatnya, ini semua adalah "jenayahnya" yang sebenar. Pada masa yang sama, media seperti biasa telah menjalankan peranan mereka untuk menyampaikannya dengan cara yang berbeza kepada masyarakat umum...

Pada 12 November 1999, beberapa organisasi media, telah menjalankan penentangan ke atas Adnan Oktar, dengan menyebarkan fitnah, mereka-reka senario dan penipuan. Penipuan dan fitnah yang tidak berasas telah muncul di dalam akbar setiap hari dan yang lebih menarik penipuan-penipuan ini sering menyanggah penipuan yang lain. Dengan mengetepikan prinsip kejujuran akhbar mereka, organisasi-organisasi ini benar-benar telah terkesan dengan permusuhan mereka dengan Adnan Oktar selama beberapa tahun.

Bagaimana pun, seperti yang sering disebutkan oleh Adnan Oktar, mereka sendiri sebenarnya tidak dapat mengelak untuk mengikut kehendak Allah, dan tanpa mereka sedari, mereka telah pun menjalankan tanggungjawab yang ditetapkan kepada mereka dengan sebaik yang mungkin, kerana Allah telah menetapkan segalanya kepada mereka.

Mereka tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya telah membantu orang-orang Islam mencapai matlamat mereka, kerana mereka telah diuji dan menerima keberkatan Allah. Tambahan pula, dengan cara ini juga mereka yang menyeru kebenaran akan menonjol supaya masyarakat dapat mengenalinya.

Berdasarkan firman Allah ***"Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik" (Surah Fishshilat:34)***, Adnan Oktar sering bersikap damai dan toleran dengan mereka yang memusuhinya. Beliau berpegang bahawa **"The fate Allah creates always perfect and there is goodness in all"**. Kebaikan yang Allah jadikan ini Insyallah akan dapat disaksikan oleh semua.

BAHAGIAN 1:

Penyanggahan Darwinisme

MENGAPA TEORI EVOLUSI?

Sebahagian masyarakat yang pernah mendengar tentang "Teori Evolusi" atau "Darwinisme", mungkin menyangka ia hanyalah sebuah konsep biologi sahaja dan tidak mempunyai apa-apa kepentingan di dalam kehidupan mereka. Suatu kesilapan yang besar, kerana ia tidak hanya berkisar dengan kepentingan biologi sahaja, malah teori evolusi adalah suatu penyelewengan falsafah yang telah mempengaruhi ramai orang.

Falsafah ini adalah **"materialisme"**, yang mengandungi kepalsuan tentang bagaimana kita datang (asal kejadian). Matlamat utama materialisme tiada yang lain melainkan kebendaan dan kebendaan itu adalah intipati segalanya. Bermula dari persoalan pokok inilah **ia telah menolak kewujudan seorang Al-Khaled (Pencipta), iaitu Allah.** Meletakkan segalanya pada status benda, anggapan ini menjadikan manusia satu makhluk yang hanya mengambil berat tentang kebendaan dan mengetepikan segala jenis nilai-nilai moral. Ini adalah permulaan sebuah tragedi yang akan menimpa kehidupan manusia.


Bahaya materialisme tidak hanya terhad kepada individu sahaja, tetapi ia juga akan **menghancurkan nilai-nilai asas yang dipegang oleh sesebuah negara dan masyarakat**, seterusnya membentuk sebuah masyarakat yang tidak berjiwa dan hilang sentivitinya, sehingga yang menjadi perhatian utama mereka ialah kebendaan. Memandangkan anggota sesebuah masyarakat itu boleh menerima fahaman-fahaman yang idea seperti semangat pejuangan, kecintaan kepada seseorang, keadilan, kemuliaan, kejujuran, pengorbanan, amanah, atau moral- moral yang baik, susunan masyarakat yang diasaskan oleh individu-individu

ini telah ditakdirkan untuk dimusnahkan dalam masa yang singkat. Dengan sebab itu, materialisme merupakan satu daripada beberapa bahaya terhadap nilai-nilai asas politik dan masyarakat sebuah bangsa.


Satu lagi keburukan materialisme ialah **anjurannya terhadap keganasan dan perbalahan yang menyerang sesebuah negara dan masyarakatnya. Komunisme**, pegangan asas ideologi ini, adalah hasil daripada falsafah materialis. Ia berusaha untuk membasmi fahaman-fahaman suci agama sesuatu negara dan keluarga, ia mengandungi dasar ideologi bahawa setiap bentuk perbuatan-perbuatan yang terpisah secara langsung menentang struktur negeri yang bersatu.

Teori evolusi mengandungi asas saintifik materialisme yang menjadi sandaran fahaman komunis. Dengan merujuk kepada teori evolusi ini, komunis mencari kebenaran dirinya sendiri dan mendakwa bahawa ideologinya adalah yang paling tepat dan selamat. Sebab itulah, pengasas komunisme, **Karl Marx**, menulis untuk buku Darwin, bertajuk ***"The Origin of Species"*** yang membahaskan dasar teori evolusi, sebagai *"... ini adalah buku yang mengandungi asas sejarah semulajadi untuk panduan kita"*.[1]

Dengan sebab itu, setiap fahaman materialis, yang menjadikan idea-idea Marx sebagai rujukan, sesungguhnya telah musnah kerana teori evolusi telah dipatahkan hujahnya melalui kajian sains moden. Sains telah membuktikan kesilapan teori ini dan akan berterusan membuktikan kesilapan andaian materialis yang beranggapan bahawa kewujudan itu



Karl Marx sendiri menjelaskan bahawa teori evolusi menghasilkan dasar penuh materialisme dan juga komunisme. Beliau juga menunjukkan rasa simpatinya terhadap Darwin dengan menyebut di dalam bukunya yang dikira sebagai yang terbaik, Das Kapital. Di dalam edisi Jerman, beliau menulis; "Daripada peminat setia Charles Darwin".



tidak lain melainkan suatu benda (jisim), dan membayangkan bahawa setiap kejadian itu terhasil daripada satu kejadian yang lebih awal daripadanya (berperingkat-peringkat).

Tujuan utama buku ini ialah untuk mendedahkan fakta-fakta saintifik yang menyanggah teori evolusi di dalam segenap lapangan dan memaklumkan kepada masyarakat tentang kepalsuan, penipuan dan tujuan sebenar "sains" (evolusi) ini, yang sememangnya telah jelas sebagai suatu fakta yang sesat.

Perlu ditegaskan di sini, bahawa para ahli evolusi tidak mempunyai jawapan terhadap buku yang sedang kamu baca ini. Dan mereka sendiri tidak akan sama sekali cuba untuk menjawabnya kerana ia hanya akan memudahkan masyarakat mengenal pasti kepalsuan teori mereka ini.

Bab 1

UNTUK MEMBEBASKAN DIRI DARIPADA PREJUDIS

Sebahagian besar masyarakat menerima segala yang mereka dengar daripada saintis sebagai sesuatu yang benar belaka. Tidak terlintas di fikiran mereka bahawa para saintis juga mungkin prejudis terhadap sesuatu fahaman atau falsafah. Fakta kebendaan yang dikemukakan oleh evolusionis kepada masyarakat umum melalui saluran sains, merupakan contoh yang jelas terhadap ketaksuban mereka terhadap suatu fahaman. Sebagai contoh, walau pun mereka menyedari bahawa kejadian yang berkecamuk tidak akan menghasilkan apa-apa melainkan kejanggalan dan kekeliruan, mereka masih mendakwa bahawa aturan, perancangan dan rekaan mengagumkan yang dapat dilihat pada alam dan hidupan telah terbentuk secara kebetulan.

Tambahan pula, seorang ahli biologi akan mendapati terdapatnya keseimbangan yang sukar difahami di dalam molekul protein yang menjadi blok pembinaan hidupan, maka amat mustahil untuk kita katakan bahawa ianya terjadi secara kebetulan sahaja. Lebih-lebih lagi, dia mendakwa protein ini berasal daripada kerak bumi yang primitif dan kemudian terkesan secara kebetulan berbilion-bilion tahun dahulu. Tidak cukup dengan itu; dia juga mendakwa tanpa ragu-ragu bahawa tidak hanya satu, tetapi berjuta-juta protein terbentuk secara kebetulan dan bercantum untuk membentuk suatu sel hidupan yang pertama. Lebih daripada itu, dia juga berterusan mempertahankan pendapatnya dengan kedegilan yang tuli. Individu ini adalah seorang saintis "evolusi".

Sekiranya saintis yang sama ini berjumpa dengan tiga bongkah bata bertindan di antara satu sama lain, ketika berjalan-jalan di suatu lorong, pasti dia tidak akan beranggapan batu bata ini telah bercantum secara

kebetulan dan merangkak naik antara satu sama lain, juga secara kebetulan. Bukan itu sahaja, malah sesiapa yang membuat andaian seperti itu akan dianggap tidak siuman.

Bagaimana mungkin manusia yang dapat berfikiran rasional dalam kes-kes biasa seperti ini, tetapi berubah menjadi tidak waras apabila memperkatakan tentang kewujudan mereka sendiri?

Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa sifat ini diterima (secara tidak jujur) di atas nama sains; sains menuntut pengambilan kedua-dua alternatif untuk dipertimbangkan apabila terdapat dua kemungkinan yang berbeza di dalam suatu kes yang sama. Dan sekiranya suatu kemungkinan itu lebih rendah, seperti hanya satu peratus, maka secara rasional dan saintifiknya diambil alternatif yang lain, yang kebarangkaliannya adalah 99 peratus, sebagai alternatif yang sah.

Mari kita teruskan, dengan berpegang kepada asas saintifik ini. Terdapat dua pandangan yang boleh menjelaskan bagaimana kehidupan boleh wujud di muka bumi ini; (I) yang pertama ialah semua benda hidup ini telah diciptakan oleh Allah s.w.t di dalam bentuk struktur yang sempurna, (2) yang kedua ialah kehidupan ini terbentuk secara tidak sengaja atau secara kebetulan. Yang kedua ini adalah pendapat teori evolusi.

Jika kita lihat pada data-data saintifik, iaitu biologi molekul sebagai contoh, kita akan dapati bahawa tidak mungkin sebuah sel - walau hanya satu daripada berjuta-juta protein yang terdapat di dalam sel - dapat wujud secara kebetulan, sebagaimana yang didakwa oleh evolusionis. Seperti yang akan kami terangkan di dalam bab-bab yang seterusnya, perkiraan kebarangkalian juga telah membuktikannya beberapa kali. Oleh itu, pandangan evolusionis terhadap pembentukan hidupan mempunyai kebarangkalian sifar untuk menjadi betul.

Ini bererti pandangan pertama adalah seratus peratus betul. Iaitu kehidupan ini terjadi secara berencana (bukannya kebetulan). Atau dengan kata lain, ia telah diciptakan (oleh Allah). Semua benda hidup wujud dengan ciptaan seorang Pencipta Yang Maha Berkuasa, Yang Maha Bijaksana dan Yang Maha Tinggi IlmuNya. Kenyataan ini

bukannya suatu andaian, tetapi ia adalah suatu konklusi yang normal dan dapat diterima oleh akal fikiran, logik dan sains.

Dalam keadaan ini, para saintis evolusi sepatutnya menarik balik dakwaan mereka dan menyokong fakta yang telah dibuktikan ini. Jika tidak, maka ia menunjukkan bahawa dia adalah seorang individu yang mengorbankan sains untuk kepentingan falsafah, ideologi dan dogmanya , lebih daripada menjadi seorang saintis yang sejati.

Kemarahan, kedegilan dan prejudis saintis ini makin meningkat dan terus meningkat setiap kali dia berhadapan dengan kebenaran. Perangainya dapat dijelaskan dengan sepatah perkataan "kepercayaan" (atau keimanan). Tetapi ia hanyalah suatu kepercayaan yang membuta tuli, memandangkan tidak terdapat sebarang keterangan yang boleh diterima untuk membuktikan fakta-fakta yang hanya direka-reka di dalam imaginasinya sendiri.

Materialisme Tuli

Kepercayaan yang sedang kita perkatakan ini ialah suatu **falsafah materialistik**, yang mendakwa bahawa kebendaan wujud setiap masa dan tiada yang lain selain daripadanya. Teori Evolusi dianggap "asas sains" untuk falsafah materialistik ini, dan teori ini dipertahankan secara membuta tuli dalam usaha untuk menyokongnya. Tetapi kini, apabila sains sendiri telah menyanggah kebenaran teori ini, maka mereka terus menyokongnya hanya untuk mengekalkan kesinambungan materialisme ini.

Beberapa kenyataan yang ditulis oleh seorang saintis evolusi Turkey yang terkenal, dapat menunjukkan kepada kita bagaimana mereka membuat ketetapan yang keliru dan sesuka hati disebabkan oleh kesetiaan mereka (terhadap teori ini). Saintis ini membincangkan kebarangkalian berlakunya pembentukan ***Cytochrome-C*** sebagai suatu kebetulan. Cytochrome-C ialah enzim terpenting di dalam pembentukan suatu hidupan. Beliau menerangkan seperti berikut:

*Kebarangkalian pembentukan sebuah rangkaian **Cytochrome-C** adalah*

mustahil. Iaitu, sekiranya suatu hidupan berkehendak kepada suatu rangkaian yang tertentu, dapat dianggarkan ia mempunyai kemungkinan yang sukar untuk terungkai sekali ke seluruh cakerawala. Melainkan, suatu ***kuasa metafizik*** *yang di luar definisi kita telah mengaktifkan formasinya. Untuk menerima kenyataan ini adalah tidak secocok dengan matlamat sains. Oleh itu, kita terpaksa melihat kembali kepada andaian yang pertama.*[2]

Saintis ini mendapati ianya lebih saintifik untuk menerima kebarangkaliannya sebagai "mustahil" daripada mengakui bahawa ianya adalah suatu ciptaan. Tetapi berdasarkan undang-undang sains, sekiranya terdapat dua penjelasan alternatif berkaitan suatu peristiwa dan satu daripadanya adalah "mustahil" untuk direalisasikan, maka alternatif yang kedua diterima sebagai pandangan yang sahih. Namun begitu, **ketaksuban saintis ini dengan dogma materialistiknya, telah menolak peranan seorang Pencipta Yang Maha Agung**. Ini menyebabkan mereka menerima sesuatu yang berlawanan dengan sebab musabab.

Mereka yang mempercayai dan meyakini para saintis ini turut terpukau dan dibutakan oleh sumpahan materialistik yang sama dan terpengaruh dengan sumpahan yang sama ketika membaca buku-buku dan artikel-artikel mereka.

Pandangan dogma materialistik inilah yang menyebabkan sebahagian besar saintis ternama di dalam bidang ini adalah ateis (tidak beragama). Mereka yang bebas daripada sumpahan ini dan berfikiran terbuka, pastinya tidak akan teragak-agak untuk menerima kewujudan seorang Pencipta. Seorang pakar biokimia Amerika, **Dr. Michael J. Behe**, merupakan seorang saintis terkemuka yang menyokong "penciptaan bijaksana" *(intelligent design)* yang sejak kebelakangan ini mula diterima. Beliau menggambarkan para saintis yang menolak



Michael Behe: "kebisuan yang memalukan mengelilingi kekompleksitian sebuah sel"

kepercayaan terhadap suatu "rekaan" atau "ciptaan" organisma hidup ini seperti berikut;

> *Lebih empat dekad, biokimia moden masih belum dapat mengesan rahsia sel. Ia menuntut berpuluh ribu orang untuk mengorbankan sebahagian hidup mereka untuk bekerja di dalam makmal-makmal yang membosankan. Hasil kumulatif ini adalah untuk mengkaji sel tersebut - mengkaji kehidupan pada peringkat molekul - ia amat jelas, ia adalah suatu "ciptaan". Natijah ini amat jelas dan penting yang mesti dicatatkan sebagai bahan penting di dalam sejarah sains… Selain daripada pelik,* ***kebisuan yang memalukan*** *mengelilingi kekompleksitian sebuah sel. Kenapa komuniti sains tidak segera menerima penemuan nekad ini? Mengapakah pemerhatian rekaan dikendalikan dengan sarung tangan intelektual?* ***Dilemanya ialah bahawa apabila sebelah gajah dilabelkan oleh rekaan bijaksana, sebelah yang satu lagi pula pasti telah dilabelkan olehTuhan.***[3]

Ini adalah bahaya yang dibawa oleh para saintis evolusi yang berfahaman ateis yang sering kamu lihat di dalam majalah-majalah dan televisyen dan kamu mungkin telah membacanya di dalam berbagai-bagai jenis buku. Semua kajian saintifik telah membuktikan kewujudan seorang Pencipta. Tetapi sehingga kini, mereka masih dibutakan oleh dogma materialistik yang menyebabkan mereka terus menafikan kebenaran ini.

Mereka yang menolak keterangan dan bukti-bukti jelas daripada Pencipta ini menjadi sepenuhnya tidak peka. Terperangkap oleh ketidakyakinan kepada diri sendiri yang terkesan daripada sifat ketidakpekaan ini, akhirnya mereka mungkin akan menyokong suatu perkara yang mustahil sebagai sesuatu yang mulia. Satu contoh yang terbaik ialah seorang evolusionis yang terkemuka, **Richard Dawkins** yang menyeru kepada orang-orang Kristian supaya tidak beranggapan



Richard Dawkins, sibuk mempropagandakan evolusi.

bahawa mereka telah melihat sebuah mukjizat sekali pun mereka telah melihat tugu Mariam Si Dara *(Virgin Mary)* melambai kepada mereka.

وَلَوْ أَنَّنَا نَزَّلْنَآ إِلَيْهِمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ وَكَلَّمَهُمُ ٱلْمَوْتَىٰ وَحَشَرْنَا عَلَيْهِمْ
كُلَّ شَىْءٍ قُبُلًا مَّا كَانُوا۟ لِيُؤْمِنُوٓا۟ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ
يَجْهَلُونَ ﴿١١١﴾

Menurut Dawkins, "Mungkin atom-atom tangan tugu tersebut telah bergerak pada arah dan masa yang sama - sebuah kejadian yang sukar untuk berlaku, tetapi tidak mustahil".[4]

Pemikiran orang-orang yang tidak beriman ini telah wujud di dalam sejarah. Di dalam al-Quran ia diungkapkan seperti berikut;

> **Dan jika Kami turunkan malaikat pun kepada mereka, dan orang-orang yang mati (hidup semula lalu) berkata-kata dengan mereka, dan kami himpunkan pula tiap-tiap sesuatu di hadapan mereka (untuk menjadi saksi tentang kebenaran Nabi Muhammad), nescaya mereka tidak juga akan beriman, kecuali jika dikehendaki Allah; tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenar). (Surah Al-An'aam:111)**

Ayat di atas telah membuktikan dengan jelas bahawa pemikiran evolusionis ini bukan sebuah jalan pemikiran yang asal, walaupun ia pelik pada mereka. Kenyataannya, apa yang dipegang oleh para evolusionis ini bukan sebuah pemikiran sains moden tetapi hanyalah sebuah pengingkaran yang telah dianuti oleh komuniti-komuniti orang-orang pagan* yang tidak bertamadun.

Pemikiran yang sama telah diterangkan di dalam ayat lain di dalam al-Quran:

وَلَوْ فَتَحْنَا عَلَيْهِم بَابًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فَظَلُّوا۟ فِيهِ يَعْرُجُونَ ﴿١٤﴾ لَقَالُوٓا۟
إِنَّمَا سُكِّرَتْ أَبْصَٰرُنَا بَلْ نَحْنُ قَوْمٌ مَّسْحُورُونَ ﴿١٥﴾

** Pagan – Orang yang tidak menganut sebarang agama terbesar di dunia*

Dan kalau Kami bukakan kepada mereka mana-mana pintu langit, kemudian mereka dapat naik melalui pintu itu (pada siang hari yang membolehkan mereka menyaksikan segala kenyataan yang ada).Tentulah mereka akan (mengingkari kenyataan yang benar itu dengan) berkata: "Hanya mata kami telah disilapkan penglihatannya bahkan kami adalah kaum yang telah disihirkan (oleh Muhammad)". (Surah Al-Hijr:14-15)

Pendoktrinan Massa Evolusionis

Seperti yang telah digariskan di dalam ayat-ayat di atas, salah satu sebab mengapa manusia tidak dapat melihat hakikat kewujudan mereka adalah disebabkan oleh sejenis "sumpahan" yang menyekat kewarasan mereka. Ia adalah "sumpahan" yang sama yang telah mendasari penerimaan masyarakat dunia terhadap teori evolusi. Apa yang kami maksudkan dengan sumpahan ialah keadaan yang terhasil daripada pendoktrinan (indoctrination). Masyarakat telah didedahkan kepada berbagai pendoktrinan tentang betapa tepatnya teori evolusi ini sehinggakan mereka tidak menyedari penipuan yang wujud.

Pendoktrinan ini menghasilkan kesan negatif kepada otak dan menggagalkan fungsi pertimbangan akal. Akhirnya, otak yang diasak dengan doktrin ini mulai menerima kenyataan tersebut bukan kerana keadaannya tetapi sebagaimana yang telah didoktrinkan. Fenomena ini dapat dibuktikan dengan contoh-contoh lain. Umpamanya, jika seseorang telah dipukau (hipotesis) dan didoktrinkan bahawa katil yang dia tidur itu adalah sebuah kereta, maka dia akan menerima katil itu sebagai sebuah kereta selepas sesi hipotesis tersebut. Dia merasakan ianya adalah sangat logik dan rasional kerana dia melihat sebegitu dan tidak merasa ragu bahawa dia adalah betul. Contoh di atas ini, yang menunjukkan keberkesanan dan kuasa mekanisme pendoktrinan, adalah realiti sains yang telah dibuktikan oleh banyak eksperimen yang telah dicatatkan di dalam kebudayaan sains dan adalah santapan harian psikologi dan buku-buku teks psikiatri.

Teori evolusi dan pandangan dunia materialistik yang berlandaskan kepadanya telah melakukan asakan ke atas massa dengan metode-metode seperti ini. Masyarakat yang terus menerus berhadapan dengan pendoktrinan evolusi di dalam media, sumber-sumber akademik, dan platform-platform "sains", tidak menyedari bahawa penerimaan teori ini sebenarnya bertentangan dengan kebanyakan prinsip-prinsip asas sebab musabab. Pendoktrinan yang sama telah memerangkap ramai para saintis. Mereka yang baru memulakan langkah dalam karier sains telah mengambil pandangan dunia materialis ini sedikit demi sedikit. Terpesona dengan sumpahan ini, ramai saintis evolusionis meneruskan pencarian kepada pengesahan/pengukuhan saintifik kepada dakwaan evolusionis kurun ke-19 yang tidak rasional dan kuno ini, yang telah lama disanggah oleh bukti-bukti sains.

Terdapat juga mekanisme-mekanisme tambahan yang mendorong saintis untuk menjadi evolusionis dan materialis. Di negara-negara Barat, seorang saintis perlu menerima beberapa standard untuk diketengahkan, untuk menerima pengiktirafan akademik, atau untuk membolehkan artikelnya diterbitkan di dalam jurnal-jurnal sains. Penerimaan terhadap teori evolusi merupakan di antara kriteria-kriterianya. Sistem ini telah mengakibatkan saintis-saintis ini mengorbankan seluruh hidup mereka dan karier sains mereka semata-mata hanya untuk sebuah kepercayaan palsu ini.

Ini adalah kenyataan yang terus berada di belakang dakwaan "evolusi masih diterima oleh dunia sains". Evolusi masih hidup hingga kini bukan kerana ia mempunyai nilai saintifik, tetapi kerana ia adalah sebuah obligasi (tanggungjawab) ideologi. Tidak ramai saintis yang menyedari kenyataan ini dapat bangun menegaskan bahawa... Raja sebenarnya tidak memakai sebarang pakaian.

Di dalam bab-bab berikutnya, kami akan mengemukakan penemuan-penemuan sains moden yang telah membuktikan kehancuran kepercayaan evolusi ini dan menunjukkan bukti-bukti yang jelas terhadap kewujudan Allah. Para pembaca akan mendapati bahawa teori evolusi sebenarnya adalah sebuah penipuan – penipuan yang telah

dipercayai oleh sains di setiap peringkat tetapi menyokong penutupan kebenaran penciptaan. Apa yang diharapkan daripada pembaca ialah supaya kita dapat sedar daripada sumpahan yang membutakan minda-minda manusia dan menyekat kebolehan mereka untuk menghukum dan ia akan membalas dengan serius terhadap apa yang berkaitan dengan buku ini.

Sekiranya dia melepaskan dirinya daripada sumpahan ini dan berfikir dengan jelas, bebas, dan tanpa sebarang prejudis, dia akan segera menemui kebenaran dengan sejelas-jelasnya. Kebenaran yang tidak dapat diselindung ini, yang telah dibuktikan oleh sains moden di dalam semua aspek-aspeknya, ialah bahawa organisma hidup tidak wujud secara kebetulan tetapi hasil daripada ciptaan. Manusia akan dapat melihat kebenaran ciptaan ini dengan mudah apabila dia dapat memikirkan bagaimana dirinya terbentuk, bagaimana dia telah terbentuk daripada setitis air, atau pun daripada kesempurnaan hidupan yang lain.

Bab 2

SEJARAH RINGKAS TEORI EVOLUSI

Asal usul kepercayaan evolusi ini adalah seiring dengan kepercayaan yang menolak kewujudan ciptaan (Allah). Sebahagian besar daripada ahli-ahli falsafah yang tidak beragama di Greece purba telah mempertahankan ide evolusi ini. Jika kita mengkaji sejarah falsafah, kita akan mendapati bahawa ide evolusi ini telah menjadi tulang belakang kepada banyak falsafah-falsafah pagan yang tidak beragama.

Bagaimanapun, falsafah-falsafah purba ini tidak membantu perkembangan sains moden, sebaliknya keimanan kepada Allahlah yang memainkan peranan yang memberangsangkan dalam melahirkan dan mempertingkatkan sains moden. Kebanyakan pengasas-pengasas sains moden mempercayai kewujudan Allah; dan ketika mempelajari sains mereka berusaha untuk meneroka cakerawala yang Allah ciptakan dan memahami undang-undang-Nya dan segala maklumat di dalam ciptaan-Nya. Ahli-ahli falak (astronomer) seperti **Leonardo da Vinci, Copernicus, Keppler, Galileo**; Bapa Paleontologi, **Cuveir**; pengasas sains botani dan zoologi, **Linnaeus**; dan **Isaac Newton**, yang dirujuk sebagai "seorang saintis terhebat pernah hidup", mereka semua telah mengkaji sains dan mempercayai tidak hanya kepada kewujudan Allah tetapi mereka juga percaya bahawa seluruh cakerawala ini muncul sebagai suatu hasil daripada ciptaanNya.[5] **Albert Einstein**, yang dianggap sebagai orang terpintar pada zaman kita, merupakan di antara saintis warak yang mempercayai Allah dan menyatakan seperti berikut; ***"Saya tidak mengiktiraf kebijaksanaan seorang saintis yang tidak mempunyai keimanan yang mendalam. Situasi ini dapat dijelaskan melalui sebuah***

gambaran iaitu; Sains tanpa Agama adalah pincang".[6]

Salah seorang pengasas sains fizik moden, seorang ahli fizik Jerman **Max Planck** menyatakan bahawa sesiapa yang mempelajari sains secara serius, adalah untuk membaca fasa yang terdapat di atas pintu sebuah kuil sains, iaitu; "Berimanlah". **Iman adalah sifat utama seorang saintis.**[7]

Teori evolusi adalah hasil daripada falsafah materialis yang dibayangi oleh falsafah-falsafah materialistik purba dan mula tersebar dengan meluasnya pada kurun ke-19. Seperti yang telah kami jelaskan sebelum ini, materialisme mencari penjelasan semulajadi melalui faktor-faktor material sepenuhnya. Memandangkan ia telah menolak ciptaan (Allah) sejak awal lagi, maka ia mendakwa bahawa setiap benda, samada yang hidup atau tidak, telah muncul tanpa suatu gerakan daripada ciptaan tetapi hanyalah hasil daripada sebuah kebetulan yang kemudiannya tersusun mengikut keadaan. Minda manusia bagaimanapun, adalah amat teratur untuk memahami kewujudan suatu kehendak yang tersusun apabila ia mendapat arahan. Falsafah materialistik, yang bertentangan dengan kriteria asas pemikiran manusia ini telah menghasilkan "teori evolusi" pada pertengahan abad ke 19.

Khayalan Darwin Darwin's Imagination

Individu yang mengemukakan teori evolusi ini ialah seorang naturalis amatur, **Charles Robert Darwin**.

Darwin tidak pernah mendapat pendidikan biologi secara formal. Beliau hanya meminati subjek alam semulajadi dan benda-benda hidup. Minat beliau terhadap subjek ini telah mendorong beliau menjadi sukarelawan sebuah ekspedisi di atas sebuah kapal bernama, **H.M.S Beagle** yang dirancangkan di England pada tahun 1832 dan mengembara mengelilingi berbagai kawasan-kawasan yang berbeza di seluruh dunia selama lima tahun. Darwin yang masih muda pada masa itu, amat tertarik dengan berbagai spesies hidupan, terutamanya burung-burung ciak yang dilihatnya di Kepulauan Galapagos. Dia menyangkakan bahawa variasi pada paruh burung tersebut adalah disebabkan oleh

adaptasi (penyesuaian) mereka terhadap habitat mereka. Dengan meletakkan ide ini di dalam mindanya, beliau menyangka bahawa asal hidupan dan spesies adalah berlandaskan kepada konsep "adaptasi kepada persekitaran". Menurut Darwin, spesies-spesies hidupan yang berbeza ini bukannya diciptakan oleh Allah, tetapi sebaliknya datang daripada satu moyang dan kemudiannya menjadi berbeza di antara satu sama lain disebabkan oleh keadaan-keadaan semulajadi.

Hipotesis Darwin ini tidak berdasarkan kepada mana-mana penemuan atau eksperimen sains; bagaimanapun beliau kemudiannya telah menukarkan teori ini menjadi sebuah teori yang berpengaruh hasil sokongan dan galakan yang diterimanya daripada ahli-ahli biologi materialis yang terkenal pada masa itu. Ide tersebut ialah individu-individu yang telah menyesuaikan diri dengan habitat sebagai suatu cara terbaik memindahkan kualiti mereka kepada generasi-generasi mendatang; kualiti berguna *(advantageous qualities)* ini telah berkumpul di dalam satu masa dan merubah individu tersebut kepada suatu spesies yang berlainan sama sekali dengan moyangnya. (Asal kepada "kualiti-kualiti berguna" ini belum diketahui pada zaman tersebut). Menurut Darwin, manusia merupakan hasil termaju mekanisme ini.

Darwin menggelar proses ini sebagai "evolusi oleh pilihan semulajadi". Beliau menyangkakan bahawa dia telah menemui asal usul hidupan, iaitu: asal suatu spesies ialah spesies yang lain. Beliau mengeluarkan pandangan ini di dalam bukunya bertajuk ***"The Origin of Species, By Means of Natural Selection"*** pada tahun 1859.

Darwin menyedari teorinya ini akan menghadapi banyak masalah. Beliau menyakuinya sendiri di dalam buku tersebut di dalam bab *"Difficulties of the Theory"* (Kesukaran-kesukaran Teori Ini). Kesukaran-kesukaran ini secara dasarnya berkaitan dengan rekod-rekod fosil dan organ-organ hidupan yang kompleks yang tidak dapat dijelaskan sebagai suatu kebetulan (seperti mata), dan naluri benda-benda hidup ini. Darwin berharap supaya kesukaran-kesukaran ini akan dapat diselesaikan oleh penemuan-penemuan terbaru; tetapi ini semua tidak menyekatnya untuk mengeluarkan sejumlah penjelasan yang berbagai.

Seorang ahli fizik Amerika, **Lipson** membuat komentar berikut tentang kesukaran-kesukaran Darwin ini:

> *Ketika membaca The Origin of Species, saya mendapati Darwin sendiri tidak yakin dengan apa yang dikatakannya seperti yang sering ditonjolkannya; sebuah bab bertajuk "Difficulities of the Theory" sebagai contoh, menunjukkan keraguan yang nyata. Sebagai seorang ahli fizik, saya amat hairan dengan komentar beliau tentang bagaimana mata diterbitkan.*[8]


Ketika memajukan teori beliau, Darwin merasa kagum dengan ramai ahli biologi evolusionis yang menyokong beliau, terutamanya oleh seorang ahli biologi Perancis, **Lamarck**.[9] menurut Lamarck, makhluk-makhluk hidup memindahkan sifat-sifat yang mereka terima sepanjang hidup mereka dari satu generasi kepada generasi berikutnya dan dengan demikian ia berubah. Sebagai contoh, zirafah telah berubah daripada rusa dengan memanjangkan lehernya sedikit demi sedikit dari satu generasi ke satu generasi ketika mereka cuba mencapai dahan-dahan yang lebih tinggi untuk mendapatkan makanan. Darwin telah menggunakan tesis "memindahkan sifat-sifat yang diperolehi" yang dikeluarkan oleh Lamarck sebagai suatu faktor yang menyebabkan benda hidup berubah.

Tetapi, kedua-dua mereka, Darwin dan Lamarck telah melakukan kesilapan kerana pada masa tersebut, hidupan hanya dapat dikaji dengan teknologi yang amat primitif dan pada peringkat yang amat tidak mencukupi. Lapangan sains seperti genetik dan biokimia belum wujud walau hanya pada nama. Teori-teori mereka ini hanya bergantung penuh kepada keupayaan imaginasi mereka semata-mata.

Ketika gegak buku Darwin ini telah bergema, seorang ahli botani Austria, **Gregor Mendel** telah menemui undang-undang pewarisan pada tahun 1865. Tidak banyak yang dapat diketahui sehinggalah pada penghujung abad tersebut, penemuan Mendel telah mendapat kepentingan yang besar pada awal 1900an. Ia merupakan kelahiran kepada ilmu sains genetik. Tidak berapa lama kemudian, struktur gen dan kromosom telah ditemui. Penemuan molekul DNA pada tahun 1950an yang mengandungi maklumat-maklumat genetik, telah

RASISME DARWIN

Satu di antara aspek Darwin yang paling penting ialah fahaman rasnya (rasisme); Darwin menganggap bangsa kulit putih Eropah adalah 'lebih maju' daripada bangsa-bangsa manusia lain. Apabila Darwin menganggarkan manusia telah berubah daripada makhluk beruk, dia menduga bahawa sesetengah bangsa telah berkembang lebih maju daripada yang lain dan sesetengah bangsa lain pula masih memiliki sifat-sifat monyet. Di dalam bukunya, *The Descent of Man*, yang telah *diterbitkan selepas buku The Origin of the Species*, beliau telah memberikan komentar berkenaan "perbezaan yang ketara di antara manusia dari bangsa yang berbagai"[1] Di dalam bukunya, Darwin beranggapan bangsa kulit hitam dan Australian Aborigines sebagai kesinambungan kepada gorila dan kemudian disimpulkan bahawa ini semua boleh berlaku dengan *"civilised races"* (mentamadunkan bangsa-bangsa) mengikut masa. Beliau berkata:



> "Di suatu jangka masa akan datang, tidak terlalu jauh seperti diukur dengan abad-abad, pertamadunan bangsa-bangsa manusia ini akan menghapuskan dan menggantikan tempat bangsa-bangsa liar di seluruh dunia. Pada masa yang sama, beruk-beruk yang menyerupai manusia *(anthropomorphous apes)*... pasti akan terhapus. Perbezaan di antara manusia pada peringkat yang lebih bertamadun ini, seperti yang kita harapkan, sehinggakan *Caucasian** dan beberapa beruk rendah seperti babun, seumpama perbezaan di antara bangsa Negro atau Australian dan gorila".[2]

Idea gila Darwin ini tidak hanya sebuah teori, tetapi juga telah berada pada satu kedudukan



yang menghasilkan "landasan saintifik" yang paling penting untuk rasisme. Dengan beranggapan bahawa hidupan ini berubah dalam usaha untuk hidup, Darwinisme telah mengadaptasikannya ke dalam sains sosial, dan ia menjadi sebuah konsep yang dikenali sebagai "Darwinisme Sosial" *(Social Darwinism)*. Darwinisme sosial mendakwa bahawa kemunculan ras manusia dapat dikesan pada pusingan "tangga-tangga evolusi"

1 Benjamin Farrington, What Darwin Really Said. London, Sphere Books, 1971, p.54-56
2 Charles Darwin, The Descent of Man, 2nd ed., New York, A.L. Burt Co., 1874, p.178
** Caucasian – Sekumpulan manusia orang asli (native) yang tinggal di kawasan Caucacus.*

meletakkan teori evolusi di dalam krisis hebat. Ianya disebabkan oleh kekompleksitian hidupan yang mengagumkan di samping ketiadaan mekanisme-mekanisme evolusi yang dikemukakan oleh Darwin.

Kemajuan-kemajuan ini sepatutnya telah menyebabkan teori Darwin dibakulsampahkan daripada sejarah. Bagaimanapun, ia tidak berlaku, kerana terdapat beberapa golongan tertentu yang cuba menyemak semula, memperbaharui dan mengangkat teori ini ke platform sains. Keadaan ini hanya dapat difahami sekiranya kita menyedari bahawa di sebalik teori ini terdapat kepentingan ideologi yang lebih daripada sains.

Usaha Nekad Neo-Darwinisme

Teori Darwin telah menghadapi krisis yang hebat disebabkan oleh undang-undang genetik yang telah ditemui pada awal suku kurun ke 20. Namun begitu, sekumpulan saintis yang setia dengan Darwin telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari penyelesaiannya. Mereka telah berkumpul di dalam sebuah perjumpaan yang dikendalikan oleh Persatuan Geologi Amerika pada tahun 1941. para ahli geologi seperti **G. Ledyard Stebbins** dan **Theodosius Dobzhansky**, ahli zoologi seperti **Ernst Mayr** dan **Julian Huxley**, ahli paleontologi seperti George Gaylord dan **Glenn L. Jepsen**, dan ahli matematik genetik seperti **Ronald Fisher** dan **Sewall Right**, selepas perbincangan yang panjang lebar, akhirnya mereka telah bersetuju untuk "memperbaiki" Darwinisme.

Kumpulan ini menumpukan kepada persoalan **asal usul variasi maju yang sepatutnya menyebabkan organisma-organisma hidup berubah** - ia merupakan sebuah isu yang Darwin sendiri tidak dapat menjelaskannya tetapi hanya dapat berdalih dengan bergantung kepada Lamarck. Ide terbaru kini ialah **"mutasi rawak"** *(random mutations)*. Mereka menamakan teori baru ini sebagai ***"The Modern Synthetic Evolution Theory"***, yang dirumuskan dengan mencampurkan konsep mutasi kepada tesis pilihan semulajadi Darwin. Dalam masa yang singkat sahaja, teori ini telah dikenali sebagai **"neo-Darwinisme"** dan mereka

yang menghasilkan teori ini digelar sebagai "neo-Darwinis".


Dekad berikutnya telah menjadi era percubaan-percubaan untuk membuktikan neo-Darwinisme ini. Telah diketahui bahawa **mutasi** - atau "kemalangan" yang berlaku di dalam gen organisma-organisma hidup sering menyebabkan kerosakan. Neo-Darwinis cuba mengemukakan satu keadaan "mutasi maju" dengan menjalankan beratus-ratus ekperimen mutasi. Tetapi, semua percubaan mereka berakhir dengan kegagalan.

Mereka juga telah cuba membuktikan bahawa organisma hidup yang pertama telah terbentuk secara tidak sengaja di bawah keadaan bumi primitif seperti yang dijelaskan oleh teori ini. Tetapi malangnya kegagalan yang sama telah menimpa eksperimen-eksperimen ini. Setiap eksperimen yang dilakukan untuk membuktikan bahawa hidupan telah terbentuk secara kebetulan telah mengalami kegagalan. Perkiraan kebarangkalian telah membuktikan bahawa tidak sebuah protein pun, yang menjadi blok binaan hidupan, dapat wujud secara kebetulan. Dan sebuah sel, yang sepatutnya terbentuk secara kebetulan di bawah keadaan muka bumi yang primitif dan tidak terkawal seperti yang didakwa oleh evolusi, tidak akan dapat disintesiskan walau oleh makmal-makmal abad ke-20 yang paling canggih sekali pun.

Teori Neo-Darwinis juga telah disanggah oleh **rekod fosil**. Ketiadaan "formasi peralihan" *(transitional form)*, yang sepatutnya membuktikan evolusi beransur-ansur organisma hidup daripada primitif kepada spesies yang maju seperti yang didakwa oleh Neo-Darwinis, sehingga kini ia masih belum pernah ditemui di mana-mana tempat di dunia. Pada masa yang sama, perbandingan anatomi telah mendedahkan bahawa spesies yang dikatakan berkembang daripada spesies yang lain di dapati mempunyai sifat-sifat anatomi yang amat berbeza dan ia menjadikannya mustahil untuk ia menjadi moyang atau keturunan kepada yang lain.

Tetapi memandangkan Neo-Darwinis sendiri bukan sebuah teori yang saintifik, tetapi hanya sebuah dogma ideologi, kalau tidak dikatakan sebagai sejenis "agama". Kerana itulah, pelopor teori ini masih terus mempertahankannya dengan menolak semua bukti yang

TAHAP SAINS DAN TEKNOLOGI YANG PRIMITIF PADA ZAMAN DARWIN




Apabila Darwin mengemukakan dakwaan-dakwaannya, disiplin genetik, mikrobiologi dan biokimia masih belum wujud. Sekiranya ini semua telah ditemui sebelum Darwin mengemukakan teori ini, pasti Darwin dengan mudah menyedari bahawa teorinya sama sekali tidak saintifik dan dia tidak akan berhasrat untuk memajukan pandangan yang tidak berguna ini. Maklumat ini telah membuktikan suatu spesies telah pun wujud di dalam gen dan adalah mustahil untuk pilihan semulajadi menghasilkan spesies yang baru melalui perubahan di dalam gen.

Tambahan pula, dunia sains pada waktu tersebut mempunyai pengetahuan yang amat cetek dan kasar (asas) tentang struktur dan fungsi-fungsi sel. Sekiranya Darwin mendapat peluang untuk melihat sel tersebut dengan menggunakan sebuah mikroskop elektronik, dia akan dapat menyaksikan kekompeksitian yang hebat dan struktur yang luar biasa di dalam organelle (sebuah struktur di dalam sel) sebuah sel. Dia akan dapat memerhatikan dengan matanya sendiri bahawa adalah mustahil untuk sebuah sistem yang rumit dan kompleks terhasil melalui variasi (perbezaan) yang kecil. Sekiranya beliau mengetahui tentang bio-matematik, dia akan mengedari bahawa tidak sebuah molekul protein pun dapat dihasilkan melalui proses perubahan.

Kajian secara terperinci terhadap sel hanya dapat dilakukan selepas penemuan mikroskop elektronik. Ketika zaman Darwin, dengan menggunakan mikroskop yang primitif, hanya permukaan luar sel sahaja yang dapat melihat.





bersalahan dengan teori ini. Satu perkara yang mereka tidak sepakat padanya ialah model-model berbeza manakah yang sepatutnya merealisasikan evolusi adalah yang paling "tepat". Di antara model yang paling penting ialah sebuah senario yang menarik yang dikenali sebagai *"punctuated equilibrium"*.


Percubaan dan Kesilapan: Punctuated Equilibrium

Kebanyakan santis yang mempercayai teori evolusi menerima teori neo-Darwinis tentang evolusi perlahan dan beransur-ansur. Bagaimana pun, di dalam beberapa dekad terakhir ini, sebuah model yang berbeza telah diutarakan. Ia digelar *"Punctuated Equilibrium"*. Model ini menolak ide neo-Darwinis tentang sebuah kumulatif, evolusi beransur-ansur, dan berpegang bahawa evolusi telah berlaku di dalam satu "lompatan' yang besar dan tidak berterusan.

Laungan pertama yang kedengaran untuk mempertahankan fahaman ini telah muncul pada awal 1970-an. Dua orang paleontologi Amerika, **Niles Eldredge** dan **Stephen Jay Gould**, telah menyedari bahawa teori neo-Darwinis ini sebenarnya telah disanggah oleh rekod-rekod fosil. Fosil-fosil telah membuktikan bahawa organisma-organisma hidup tidak terbentuk melalui evolusi beransur-ansur, tetapi sebaliknya muncul secara mendadak (bukan beransur-ansur) dan di dalam bentuk yang sempurna. Neo-Darwinis terus hidup dengan harapan formasi perantaraan yang hilang akan dapat ditemui suatu hari nanti. Walau pun, mengetahui bahawa harapan ini tidak mungkin tercapai, Eldredge dan Gould tidak dapat meninggalkan dogma teori mereka, oleh itu mereka telah mengemukakan sebuah teori; Punctuated Equilibrium. Ia mendakwa bahawa evolusi tidak berlaku melalui



Stephen Jay Gould



' ribu saintis seluruh dunia, terutamanya di USA dan Eropah, menolak teori evolusi dan telah menerbitkan banyak buku-buku tentang kepalsuan teori ini. Di atas ini adalah sebahagian daripadanya.

perbezaan-perbezaan kecil tetapi melalui perubahan yang mengejut dan besar.

Model ini tidak lebih daripada sebuah model fantasi. Sebagai contoh, seorang ahli paleontologi Eropah, **O.H Shindewolf**, yang membimbing Eldredge dan Gould, mendakwa bahawa burung pertama telah terhasil daripada sebiji telur reptilia, sebagai hasil sebuah "mutasi kasar" *(gross mutation)*, iaitu hasil daripada "kemalangan" yang berlaku di dalam struktur genetik.[10] Menurut teori yang sama ini, beberapa makhluk darat telah berubah menjadi ikan paus raksasa setelah mengalami transformasi yang mengejut dan menyeluruh. Dakwaan-dakwaan yang bersalahan sama sekali dengan undang-undang genetik, biofizik dan biokimia ini, tidak ubah seperti dongengan tentang katak yang berubah menjadi seorang putera! Walau pun, tertekan dengan krisis yang telah dihadapi oleh dakwaan neo-Darwinis ini, beberapa orang saintis paleontologi telah menerima teori ini, yang lebih pelik daripada neo-Darwinisme sendiri.

Tujuan model ini ialah untuk mendapatkan penjelasan terhadap jurang-jurang di dalam rekod fosil yang tidak dapat dijelaskan oleh model neo-Darwinis. Bagaimana pun, adalah sukar untuk cuba menjelaskan jurang rekod fosil pada evolusi burung dengan dakwaan bahawa **"seekor burung keluar secara tiba-tiba daripada sebiji telur reptilia"**, kerana menurut pengakuan evolusionis sendiri, evolusi satu spesies kepada spesies yang lain memerlukan kepada perubahan besar yang maju di dalam maklumat genetik. Bagaimana pun, tidak terdapat satu mutasi yang dapat memajukan maklumat genetik ini atau menambah maklumat-maklumat baru kepadanya. Mutasi hanya akan menjadikan maklumat-maklumat gen kucar kacir. Oleh itu, "mutasi kasar" yang digambarkan oleh model *"punctuated equilibrium"* hanya akan menyebabkan kekotoran, kekurangan dan kelemahan pada maklumat genetik.

Tambahan pula, model *"punctuated equilibrium"* ini telah pun musnah pada peringkat awal lagi apabila ia gagal untuk menjelaskan persoalan asal usul hidupan, ia juga merupakan persoalan yang menyanggah model neo-darwinis sejak permulaannya lagi. Memandangkan tidak terdapat walau satu protein yang terbentuk secara kebetulan, maka perbahasan tentang samada organisma-organisma ini terhasil daripada bertrilion-trilion protein yang telah menempuhi evolusi yang "tepat" atau "beransur-ansur", adalah tidak munasabah.

Tanpa mempedulikan ini semua, model yang difikirkan apabila memperkatakan tentang isu "evolusi" hari ini ialah model neo-Darwinisme. Pada bab-bab berikutnya, kita akan mengkaji dua mekanisme khayalan model neo-Darwinis dan kemudian kita akan mengkaji pula dua rekod fosil untuk menguji model ini. Kemudian, kita akan memperkatakan tentang persoalan asal usul hidupan, yang akan membatalkan kedua-dua model neo-Darwinis ini dan semua model-model evolusionis yang lain seperti model *"evolution by leaps"* (evolusi dengan lompatan).

Sebelum melakukannya, perlu diingatkan kepada para pembaca bahawa kenyataan yang akan kita hadapi pada setiap peringkat adalah

bahawa senario evolusi adalah sebuah cerita dongeng, sebuah penipuan yang sama sekali jauh daripada dunia nyata. Ia adalah sebuah senario yang telah digunakan untuk menipu dunia selama 140 tahun. Terima kasih kepada penemuan-penemuan sains terkini, pertahanan berterusannya telah akhirnya menjadi mustahil.

Bab 3

MEKANISME KHAYALAN EVOLUSI

Model utama Darwinis, yang menjadi haluan utama teori evolusi hari ini, menegaskan bahawa kehidupan ini telah berubah melalui dua mekanisme semula jadi ; (1) **Pilihan Semula jadi** *(Natural Selection)*, dan (2) **Mutasi** *(Mutation)*. Kenyataan asas teori ini adalah seperti berikut; Pilihan Semula jadi dan Mutasi adalah dua mekanisme yang saling melengkapi. Asal pengubahan secara berperingkat ini ialah mutasi (perubahan) rawak yang mengambil tempat di dalam struktur genetik benda-benda hidup. Keadaan ini terjadi disebabkan oleh mutasi yang telah dipilih oleh mekanisme pilihan semula jadi dan dengan itu, hidupan ini akan berubah.

Apabila kami mengkaji teori ini, kami dapati tidak terdapat langsung sebarang mekanisme evolusi, kerana samada pilihan semula jadi ataupun mutasi tidak membuktikan bahawa spesies yang berbagai ini telah berubah menjadi spesies yang lain.

Pilihan Semula jadi

Seperti proses semula jadi , pilihan semula jadi juga telah dikenali oleh ahli-ahli biologi sebelum Darwin, ia dikenali sebagai "suatu mekanisme yang mengekalkan suatu spesies daripada berubah tanpa sebarang gangguan". Darwin merupakan orang pertama yang telah mendakwa bahawa proses ini mempunyai kuasa evolusi dan dia membina seluruh teorinya berdasarkan kepada dakwaan ini. Nama yang telah digunakan sebagai judul bukunya telah membuktikan bahawa pilihan semula jadi telah menjadi asas teorinya; ***The Origin of Species, by means of Natural Selection…***

Walau bagaimana pun, ketika zaman Darwin, tidak terdapat sebarang bukti yang menunjukkan bahawa pilihan semula jadi ini menyebabkan hidupan berubah. **Colin Patterson**, seorang senior di dalam ilmu paleontologi di Museum Natural History, England, juga seorang saintis evolusi. Beliau menegaskan bahawa pilihan semula jadi tidak akan dapat menyebabkan hidupan berubah:

> *Belum pernah seorang pun berjaya melahirkan satu spesies baru dengan menggunakan mekanisme pilihan semula jadi . Walaupun hanya untuk hampir melahirkanya dan inilah yang sering menjadi perdebatan di kalangan neo-Darwinis.*[11]

Pilihan semula jadi berpegang bahawa semua hidupan yang lebih sesuai dengan keadaan semula jadi habitatnya akan memperolehi baka yang akan kekal selamat, sementara yang tidak sesuai (dengan habitat semula jadi) akan pupus. Sebagai contoh, di dalam sekawan rusa yang berada di dalam kepungan binatang buas, secara semula jadi yang berlari pantas akan berjaya menyelamatkan dirinya. Benar. Tetapi walau berapa lama sekalipun proses ini berterusan, ia tidak akan merubah rusa-rusa ini menjadi binatang lain. Rusa akan tetap menjadi rusa juga.

Jika kita perhatikan kepada beberapa peristiwa yang digunakan oleh para evolusinis sebagai contoh pilihan semula jadi , kita akan dapati bahawa tidak terdapat sebarang bukti yang kukuh melainkan tipu muslihat sahaja.

"Melanin Industri"

Pada tahun 1986 **Douglas Futuyma** telah menerbitkan sebuah buku bertajuk *The Biology of Evolution*, ia diterima sebagai suatu sember yang menjelaskan tentang teori evolusi oleh pilihan semula jadi dengan cara yang paling jelas. Antara contoh yang paling sering digunakan di dalam subjek ini ialah tentang warna sekelompok rama-rama yang telah menjadi gelap ketika berlakunya Revolusi Perindustrian di England.

Menurut mereka, pada awal permulaan Revolusi Perindustrian di England, warna pohon kayu di sekitar Manchester agak terang. Oleh itu,



Contoh rama-rama Revolusi Industri telah dikemukakan sebagai bukti terhebat kepada evolusi oleh pilihan semula jadi . Bagaimana pun, evolusi tidak berlaku dalam contoh ini, kerana tidak terdapat sebarang spesies rama-rama baru yang terbentuk. Di atas sebelah kiri ialah rama-rama pokok dan di kanan rama-rama era Revolusi Industri dan di tengah ialah pos era Revolusi Industri

rama-rama berwarna gelap yang sering hinggap di atas pohon-pohon ini akan mudah dikesan oleh burung-burung yang memburu mereka dan mereka mempunyai peluang tipis untuk melepaskan diri. Lima belas tahun kemudian, disebabkan oleh pencemaran, pohon-pohon kayu ini telah berubah warnanya menjadi gelap, dan kali ini rama-rama yang berwarna cerah pula menjadi buruan. Hasilnya, rama-rama berwarna cerah telah berkurangan, sementara yang berwarna gelap makin bertambah kerana ia sukar dikesan oleh pemangsa. Para elovusionis menggunakannya sebagai bukti utama teori mereka. Sementara di pihak yang lain, para evolusionis menggunakan bukti ini untuk membuktikan bagaimana rama-rama berwarna cerah ini berubah menjadi gelap.

Bagaimanapun, jelas di sini situasi tersebut tidak boleh digunakan sebagai bukti teori evolusi ini, kerana pilihan semula jadi tidak akan membentuk format baru kepada sesuatu yang asalnya tidak wujud. Sedangkan rama-rama berwarna gelap telah pun wujud sebelum

Revolusi Perindustrian. Hanya jumlah di dalam populasinya telah berubah. Rama-rama ini tidak mendapat sifat atau organ baru yang boleh merubahnya menjadi spesies lain. Untuk membolehkan rama-rama ini berubah menjadi spesies lain, seperti burung misalnya, maka hendaklah berlaku perubahan di dalam susunan gennya. Iaitu, seluruh program genetik mestilah dimuatkan ke dalam gennya, termasuklah maklumat-maklumat tentang sifat-sifat fizikal burung.

Secara ringkasnya, pilihan semula jadi tidak mempunyai kapasiti untuk menambah organ baru kepada organisma hidup atau membuang, atau mengubahnya menjadi spesies lain – ia amat bercanggah dengan apa yang telah didakwa oleh golongan evolusionis. Bukti-bukti lain yang dikemukakan tidak lebih daripada kejadian rama-rama di England ini sahaja.


Bolehkah Pilihan Semula jadi Menerangkan Kompleksiti Kelakuan?

Tidak terdapat sebarang kaitan di antara pilihan semula jadi , kerana mekanisme ini tidak akan dapat **menambah atau memperbaiki maklumat genetik sesuatu spesies.** Begitu juga, ia tidak akan dapat mengubah satu spesies kepada spesies yang lain, seperti; mengubah tapak sulaiman kepada ikan, seekor ikan kepada katak, seekor katak kepada seekor buaya atau dari seekor buaya kepada seekor burung. Pendokong utama punctuated equilibrium, Gould merujuk kepada kebuntuan pilihan semula jadi ini seperti berikut:

Intipati Darwinisme ini berdasarkan kepada satu fasa: pilihan semula jadi adalah suatu tenaga kreatif yang berubah secara evolusi. Tidak ada orang yang menafikan bahawa pilihan semula jadi ini memainkan peranan negatif di dalam menghapuskan yang tidak sesuai (dengan perubahan habitat). Para Darwinis mendakwa kononnya pilihan semula jadi ini membentuk (spesies lain) yang sesuai.[12]

Sebuah lagi metode keliru yang digunakan oleh para evolusionis ini terhadap pilihan semula jadi ialah dakwaan mereka bahawa mekanisme

ini adalah proses terancang. Sedangkan, **pilihan semula jadi adalah suatu proses tidak terancang**. Ia tidak mempunyai sebarang kemampuan untuk memilih yang mana yang baik dan yang mana yang tidak baik untuk suatu hidupan. Kerana itulah, pilihan semula jadi tidak dapat menjelaskan sistem-sistem biologi dan organ-organ yang mempunyai **"Kompleksiti Kekal"** *(Irreducible Complexity)*. Sistem-sistem dan organ-organ ini berfungsi dengan bantuan berbagai-bagai anggota lain, dan ia tidak akan berfungsi sekiranya satu daripada anggota-anggota ini hilang atau rosak. Sebagai contoh, mata manusia tidak akan dapat berfungsi melainkan dengan adanya anggota-anggota lain. Oleh itu, kemampuan yang mengumpulkan semua anggota-anggota ini pastinya dapat juga merencana kemajuan masa depan dan menumpukan ke arah sesuatu yang berfaedah iaitu untuk diterima pada peringkat yang terakhir. Memandangkan mekanisme semula jadi tidak memiliki keupayaan untuk merencana sesuatu apa pun, maka ia tidak akan dapat melakukannya. Fakta ini juga menggugat asas teori evolusi dan ini amat membimbangkan Darwin: **"Jika dapat dipastikan semua organ-organ yang kompleks telah pun wujud, dan bukannya terbentuk melalui pengubahan yang berbagai, maka teori saya mungkin akan tertolak sepenuhnya"**.[13]





Pilihan semula jadi berfungsi sebagai satu mekanisme yang menyingkirkan individu yang lemah di dalam satu spesies. Ia adalah satu kuasa konservatif yang memelihara spesies yang wujud daripada merosot. Selain daripada itu, ia tidak mempunyai keupayaan untuk mengubah satu spesies kepada yang lain.

Pilihan semula jadi hanya memilih individu yang rosak, lemah dan tidak sesuai sesuatu spesies. Ia tidak dapat mengeluarkan spesies baru, maklumat-maklumat genetik baru atau organ-organ baru. Ia tidak mungkin dapat mengubah suatu apa pun. Darwin mengiktiraf realiti ini dengan berkata; **"Pilihan Semula jadi tidak dapat melakukan apa-apa pun sehingga berlakunya perubahan variasi pilihan"**.[14] Kerana itulah, pengikut Darwin terpaksa meletakkan mutasi selepas pilihan semula jadi sebagai "sebab perubahan yang berguna". Tetapi seperti mana yang akan kita saksikan, mutasi hanyalah suatu proses perubahan yang menyakitkan.

Mutasi


Mutasi didefinasikan sebagai sekatan atau penggantian yang mengambil tempat di dalam molekul DNA, yang terdapat di dalam nukleus sel suatu organisma hidup dan ia mengandungi segala maklumat genetik. Sekatan atau penggantian ini disebabkan oleh kesan luaran seperti kesan radiasi atau tindak balas kimia. Setiap proses mutasi adalah secara kebetulan dan samada ia merosakkan ikatan nukleus yang mengandungi DNA ataupun ia mengubah kedudukannya. Selalunya, kesan mutasi ini merosakkan dan mengubahnya dengan teruk sekali, sehinggakan sel tersebut tidak dapat memperbaikinya lagi.

Mutasi, yang para evolusionis berselindung di sebaliknya, bukanlah sebatang tongkat sakti yang boleh mengubah organisma-organisma hidup ke bentuk yang lebih baik dan cemerlang. Kesan utama mutasi ialah kerosakan. Perubahan yang disebabkan oleh mutasi ini seumpama pengalaman yang dilalui oleh penduduk-penduduk Hiroshima, Nagasaki dan Chernobyl: kesannya ialah, kematian, hilang upaya diri dan menjadi ganjil…

Sebabnya adalah mudah: DNA mempunyai struktur binaan yang amat kompleks dan kesan yang berkecamuk hanya akan menjejaskan struktur ini. **B.G Ranganathan** menyatakan:

SEMUA MUTASI MEMUDARATKAN





Kiri:Seekor lalat buah (drosophila) normal. Kanan: Seekor lalat buah dengan kakinya tersembul keluar daripada kepalanya: satu mutasi yang terangsang oleh radiasi

Kesan malang mutasi pada badan manusia. Budak di sebelah adalah salah seorang mangsa tragedi logi nuklear Chernobyl

Mutasi adalah kecil, kecamuk dan memudaratkan. Ia jarang berlaku dan kadang kala ia tidak berhasil. Empat karakteria mutasi ini menunjukkan bahawa ia tidak mungkin membantu pembentukan evolusi. ***Perubahan secara rawak di dalam organisma ini, samada ia langsung tidak berhasil atau ia berhasil tetapi amat memudaratkan.*** *Seperti, perubahan rawak di dalam jam tangan tidak akan dapat memperbaiki jam tersebut. Ia mungkin akan merosakkannya atau sekurang-kurangnya tidak bertindak balas. Sebagaimana gempa bumi tidak akan memperelokkan sebuah bandar, malah ia hanya memusnahkan.*[15]

Tidak memeranjatkan, apabila **sehingga kini belum didapati sebarang mutasi yang berguna**. Semua mutasi telah terbukti sebagai

menyakitkan. Seorang saintis evolusi **Warren Weaver** memberikan komentarnya terhadap sebuah laporan yang disediakan oleh *The Committee on Genetic Effects of Atomic Radiation*, ia ditubuhkan untuk menyiasat kesan mutasi yang mungkin disebabkan oleh senjata-senjata nuklear yang telah digunakan di dalam Perang Dunia Kedua:

> *Ramai akan tertanya-tanya tentang kenyataan yang telah diketahui umum, bahawa mutasi gen ini adalah sesuatu yang memudaratkan. Dalam masa yang sama, ia juga merupakan suatu bahagian penting di dalam proses evolusi. Bagaimana mungkin, suatu kesan yang baik – berubah kepada bentuk hidupan yang lebih baik – boleh terhasil* ***daripada praktikal mutasi yang nyata memudaratkan?***[16]

Berbagai cubaan telah dilakukan untuk mencari kegunaan mutasi, tetapi tidak pernah berjaya. Setelah beberapa dekad, para evolusionis telah melakukan berbagai ekperimen untuk menghasilkan mutasi pada lalat buah, kerana ia boleh membiak dengan mudah dan kerap, oleh itu hasil mutasi dapat dilihat dengan lebih cepat. Generasi demi generasi lalat-lalat ini telah dimutasikan , tetapi sehingga kini tiada sebarang kegunaan mutasi dapat dikesan. Seorang pakar genetik evolusionis **Gordan Taylor** menulis seperti berikut:

> ***Di dalam beratus-ratus ujian pembiakan lalat yang telah dilakukan di seluruh dunia untuk jangka masa lebih lima belas tahun, tetapi tidak satu pun spesies baru pernah dicipta… tidak walau satu enzim yang baru pun.***[17]

Penyelidik yang lain pula, Michael Pitman, memberikan komentarnya terhadap kegagalan ujian mutasi terhadap lalat-lalat buah tersebut:

> *Morgan, Goldschmidt, Muller dan beberapa saintis genetik lain telah mengkaji generasi-generasi lalat buah ini pada keadaan-keadaan ekstrem seperti panas, sejuk, cerah, gelap dan mendedahkannya dengan bahan kimia dan radiasi. Semua jenis mutasi, telah dikeluarkan. Apakah manusia telah berjaya melakukan evolusi? Mungkin tidak! banyak monster genetik telah terlepas daripada botol tempat mereka dibiakkan. Ketika melakukan praktis,* ***mutan ini***

mati, menjadi mandul atau berubah menjadi jenis yang liar.[18]

Perkara yang sama berlaku kepada manusia. Setiap mutasi yang berlaku ke atas manusia menghasilkan natijah yang samar. Dalam hal ini, para evolusinis mengetepikannya dan cuba menunjukkan bahawa hasil yang samar ini adalah "bukti evolusi". Semua mutasi yang menimpa manusia menyebabkan kecacatan fizikal, dan menjadi lemah, seperti **Monggolism, Down Syndrome, terencat atau katik**. Mutasi-mutasi ini dikemukakan di dalam buku-buku teks sebagai bukti-bukti "hasil kerja mekanisme evolusi". Tidak perlu dijelaskan lagi, suatu proses yang melemahkan manusia tidak mungkin menjadi "mekanisme evolusi" - kerana evolusi seharusnya menghasilkan bentuk yang lebih baik agar ia bersesuaian untuk terus selamat (dari ancaman perubahan habitatnya).

Ringkasnya, terdapat tiga sebab utama mengapa mutasi tidak boleh digunakan untuk menyokong teori evolusi:

(1) Kesan secara langsungnya amat memudaratkan: memandangkan ia berlaku secara rawak, maka ia sering merosakkan organisma hidup ini. Sebab musabab menjelaskan kepada kita bahawa campur tangan yang tidak terancang di dalam struktur yang kompleks dan sempurna tidak akan dapat memperbaikinya, malah hanya akan merosakkan. Tambahan pula, tidak terdapat sebarang kegunaan mutasi yang telah ditemui setakat ini.

(2) Mutasi juga tidak menambah sebarang maklumat baru ke dalam DNA organisma: kesan yang berlaku terhadap maklumat genetiknya ialah samada ianya terjejas, musnah atau berubah tempat. Mutasi tidak dapat menjadikan satu hidupan menerima satu organ atau sifat yang baru. Ia hanya akan menjadikannya berubah menjadi sesuatu yang ganjil, seperti kaki yang tumbuh di tengah belakang atau mata tumbuh di badan.

(3) Dalam usaha untuk memindahkan sesuatu mutasi ke generasi berikutnya, ia harus mengambil tempatnya di dalam sel-sel pembiakan organisma: Tetapi malangnya, perubahan secara rawak yang berlaku di dalam sel atau organ badan sementara tidak dapat dipindahkan kepada

generasi yang berikutnya. Sebagai contoh, mata manusia yang berubah disebabkan oleh kesan radiasi atau sebab-sebab lain tidak akan berpindah ke generasi-generasi berikutnya.

Kesimpulannya, adalah mustahil satu hidupan itu untuk berubah, kerana tidak terdapat sebarang mekanisme semula jadi yang boleh menyebabkannya berubah. Ini bertepatan dengan bukti rekod fosil, ia menunjukkan bahawa senario ini tersasar jauh daripada realitinya.

Bab 4

REKOD FOSIL MENYANGGAH EVOLUSI

Menurut teori evolusi, setiap spesies hidupan telah melompat dari satu kedudukan. Spesies ini berubah menjadi suatu yang lain dalam suatu masa dan semua hidupan berubah dengan cara ini. Mengikut teori ini lagi, perubahan ini terpaksa melalui berjuta-juta tahun.

Jika demikian, pastinya terdapat berbagai spesies perantaraan yang wujud dan hidup di dalam jangka masa perubahan ini.

Sebagai contoh, terdapatnya haiwan separuh-ikan/separuh reptilia yang pernah hidup di masa lampau dan mempunyai sifat-sifat reptilia sebagai tambahan sifat-sifat ikan yang telah sedia dimilikinya. Atau, mungkin juga terdapat haiwan separuh-reptilia/separuh-burung yang mempunyai sifat-sifat burung sebagai tambahan kepada sifat-sifat reptilia yang telah ada padanya. Para evolusionis merujuk kepada makhluk khayalan ini yang mereka percaya pernah hidup pada masa lampau, sebagai **"formasi perantaraan"** *(transitional forms).*

Jika benarlah haiwan-haiwan seperti ini pernah wujud, maka pasti terdapat berjuta-juta malah berbilion-bilion dari segi jumlah dan jenis-jenisnya. Yang lebih penting ialah, sisa haiwan-haiwan aneh ini seharusnya terdapat di dalam rekod-rekod fosil. Jumlah formasi-formasi perantaraan ini sepatutnya lebih banyak daripada spesies yang ada sekarang dan saki-bakinya sepatutnya mudah didapati di seluruh pelosok dunia. Di dalam buku *The Origin of Species*, Darwin menjelaskan:

> *Sekiranya teori saya ini benar, pasti terdapat jenis-jenis perantaraan yang menghubungkan hampir semua spesies dari kumpulan yang sama… Oleh itu, bukti-bukti kewujudan haiwan-haiwan ini sepatutnya hanya dapat ditemui di*

kalangan saki baki fosil.[19]

Ternyata, Darwin sendiri sedar akan ketiadaan formasi perantaraan ini. Beliau hanya berharap agar ia akan ditemui pada masa hadapan. Di samping, harapannya yang sia-sia itu, dia sedar bahawa halangan terbesar di dalam teorinya ialah kehilangan formasi perantaraan ini. Oleh itu, di dalam bukunya, The Origin of Species dia mencatatkan di bawah tajuk *"Difficulties of The Theory"* – Kesukaran Teori Ini:

> *…Mengapa, sekiranya spesies-spesies mewarisi dari spesies lain secara beransur-ansur,* ***kenapa kita tidak dapat menemui kesan saki baki formasi perantaraan ini di mana-mana?*** *Kenapa tidak semua alam semula jadi di dalam kekeliruan, sebagai ganti spesies hidupan, yang dapat kita lihat mereka tertakrif dengan sempurna?... Berdasarkan kepada teori ini, berbagai-bagai formasi perantaraan pasti telah wujud, tetapi, kenapa kita masih tidak menemuinya tertanam dengan banyaknya di dalam kerak bumi?... Tetapi di dalam kawasan pertengahan, yang mempunyai keadaan hidupan pertengahan, kenapa kita tidak menemui kini jenis-jenis perantaraan yang berhubung rapat? Kesukaran ini telah lama membingungkan saya.*[20]

Penjelasan mudah yang dapat Darwin kemukakan untuk melawan bantahan ini ialah dengan mendakwa bahawa rekod-rekod fosil yang telah ditemui setakat ini masih tidak mencukupi. Beliau mendakwa apabila rekod-rekod fosil telah dikaji dengan teliti, rantai yang hilang ini akan ditemui.

Kerana meyakini ramalan Darwin ini, maka para evolusionis telah mencari fosil dan menggali untuk mendapatkan rantaian yang hilang ini semenjak pertengahan kurun ke-19 di seluruh pelosok dunia. Hasil daripada usaha gigih mereka ini, **tiada satu pun formasi perantaraan yang berjaya ditemui.** Semua fosil yang digali dalam misi penggalian menunjukkan bahawa hidupan telah muncul di bumi secara mendadak dan di dalam format yang sempurna, ia sama sekali bertentangan dengan kepercayaan evolusionis, dalam cubaan untuk membuktikan teori mereka, evolusionis telah sebaliknya menyebabkan kehancuran teori ini.

Seorang ahli paleontologi British terkenal, **Derek V. Ager**, mengakui

kenyataan ini walau pun beliau adalah seorang evolusionis:

> *Kenyataannya ialah, sekiranya kita mengkaji rekod fosil dengan teliti, samada pada peringkat susunan atau spesies, kita akan terus mendapati* ***bukannya evolusi beransur-ansur, tetapi ledakan mendadak sebuah kumpulan pada kawasan yang lain.***[21]

Seorang lagi ahli paleontologi evolusionis, **Mark Czarnecki** memberikan komentar beliau seperti berikut:

> *Masalah utama dalam membuktikan teori ini ialah rekod fosil; tekapan (imprinting) spesies yang telah pupus yang terawet di dalam formasi geologi bumi. Rekod ini tidak pernah menjurus kepada hipotesis Darwin tentang varian pertengahan -* ***sebaliknya ia menunjukkan bahawa spesies ini muncul dan hilang secara mendadak*** *dan kesilapan ini telah menguatkan dakwaan bahawa setiap spesies ini telah diciptakan oleh Tuhan.*[22]

Mereka juga terpaksa berhadapan dengan kesia-siaan menanti formasi perantaraan yang "hilang" untuk ditemui semula di masa hadapan, seperti yang dijelaskan oleh seorang profesor paleontologi daripada Universiti Glasgow, **T. Neville Geoge**:

> *Tidak perlu lagi merasa kesal kerana kepapaan rekod fosil ini. Dari segi lain, ia telah menjadi teramat kaya dan menemui adalah integrasi yang tidak terkira banyaknya...* ***Rekod fosil terus digubah daripada jurang-jurang ini.***[23]

Hidupan Muncul di atas Bumi Secara Mendadak dan di dalam Bentuk Yang Kompleks

Apabila lapisan daratan bumi dan rekod fosil telah dikaji, di dapati semua benda hidup telah muncul serentak. Lapisan bumi tertua yang telah ditemui padanya berbagai fosil hidupan, ialah lapisan Cambrian, yang dianggarkan berusia 500-550 juta tahun dahulu.

Hidupan yang ditemui di lapisan kepunyaan Zaman Cambrian ini telah muncul secara mendadak di dalam rekod fosil – tidak terdapat sebarang moyang pra-wujud. Fosil-fosil yang ditemui di dalam batu Cambrian adalah kepunyaan siput, trilobit *(trilobite)*, span *(sponge)*, cacing

FOSIL HIDUP

Evolusionis mendakwa spesies-spesies terus berubah kepada spesies-spesies lain. Tetapi, apabila kita membandingkan benda hidup dengan fosilnya, kita akan dapat melihat bahawa ia tidak berubah sejak berjuta-juta tahun. Kenyataan ini merupakan bukti yang jelas kepada kesilapan dakwaan evolusionis.





Lebah hidup ini tidak berbeza dengan fosilnya, yang dianggarkan berusia berjuta-juta tahun.





Fosil pepatung berusia 135 juta tahun ini tidak berbeza daripada pepatung moden yang ada kini.





Perbandingan di antara fosil semut berusia 100 tahun dan semut yang hidup kini, menunjukkan dengan jelas bahawa semut tidak mempunyai sebarang sejarah evolusi.

tanah, obor-obor, landak laut, dan beberapa invertebrat kompleks lain. Mozek luas organisma hidup yang terhasil daripada sejumlah makhluk-makhluk yang kompleks ini telah terbentuk dengan begitu mendadak sehingga peristiwa ajaib ini digelar sebagai **"Ledakan Cambrian"** *(Cambrian Explosion)* di dalam ilmu geologi.

Kebanyakan formasi hidupan yang ditemui di lapisan ini mempunyai sistem-sistem yang kompleks seperti mata, insang, sistem perkumuhan, dan struktur fizikal yang maju tidak berbeza dengan jenisnya yang moden. Sebagai contoh, lensa berkembar yang menyisir struktur mata trilobit adalah sebuah bentuk yang menakjubkan. **David Raup**, seorang profesor geologi di Universiti Harvard, Rochester dan Chicago, menyatakan: **"trilobit- trilobit ini menggunakan sebuah bentuk optimum yang memerlukan seorang jurutera beroptikal yang terlatih dan mempunyai daya imaginasi yang tinggi untuk membentuknya kini."**[24]

Invertebrat-invertebrat kompleks ini telah muncul secara mendadak dan sempurna tanpa ada sebarang rantaian atau formasi perantaraan di antara mereka dan organisma-organisma ekasel (satu sel), yang merupakan satu-satunya bentuk hidupan di bumi sebelum mereka.

Richard Monartersky, editor majalah *Earth Sciences*, yang merupakan sebuah penyiaran evolusi yang popular, mengeluarkan kenyataan berikut berkaitan dengan "Ledakan Cambrian" yang menjadi kejutan kepada para evolusionis:


> *Setengah juta tahun dahulu, bentuk-bentuk haiwan yang amat kompleks yang dapat kita lihat kini telah muncul secara mendadak. Pada ketika ini, di awal Zaman Cambrian Bumi, sekitar 550 juta tahun dahulu, menandai ledakan evolusi yang memenuhi laut-laut dengan makhluk-makhluk pertama dunia yang kompleks. Filum haiwan besar hari ini telah pun ada pada Zaman Cambrian dan ia adalah berbeza di antara satu sama lain seperti sekarang.*[25]

Bagaimana bumi boleh dilimpahi dengan sejumlah besar spesies-spesies haiwan semuanya secara mendadak dan bagaimana jenis-jenis spesies yang berbeza tanpa moyang yang sama ini dapat muncul, adalah

sebuah persoalan yang masih tidak dapat dijawab oleh evolusionis. Ahli zoologi Oxford, **Richard Dawkins**, salah seorang evolusionis yang terkemuka di seluruh dunia, mengeluarkan komentarnya terhadap kenyataan ini yang membatalkan dakwaan yang paling asas yang pernah dipertahankannya dahulu:

> *Sebagai contoh lapisan batu Cambrian, jangka masa sekitar 600 juta tahun dahulu, adalah yang tertua di mana kita dapat menemui sebahagian besar kumpulan invertebrat yang asas. Dan kita dapati kebanyakannya telah berada pada peringkat evolusi yang maju sejak mula muncul lagi.* ***Seolah-olah mereka telah tumbuh di situ, tanpa sebarang sejarah evolusi.*** *Tidak perlu*

MATA TRILOBIT





Trilobit yang muncul pada zaman Cambrian secara mendadak, mempunyai struktur mata yang amat kompleks. Mengandungi berjuta-juta bahagian yang berbentuk sarang lebah dan sistem lensa berkembar, mata ini "menggunakan sebuah bentuk optimum yang memerlukan seorang jurutera beroptikal yang terlatih dan mempunyai daya imaginasi yang tinggi untuk membentuknya kini" di dalam ucapan David Raup, seorang profesor geologi.
Mata ini telah terbentuk 530 juta tahun dahulu di dalam keadaan yang sempurna. Tidak dapat diragui lagi, kemunculan mendadak sebuah rekaan yang hebat ini tidak mungkin dapat dijelaskan oleh evolusi dan ia membuktikan kebenaran ciptaan.
Tambahan pula, struktur mata trilobit yang seperti sarang lebah ini telah berjaya mengekalkannya hingga kini tanpa sebarang perubahan. Beberapa jenis serangga seperti lebah dan pepatung mempunyai struktur mata yang sama seperti trilobit.* Situasi ini telah membatalkan tesis evolusi yang menyatakan bahawa benda hidup telah berubah secara progresif daripada primitif kepada kompleks.

R.L.Gregory, Eye and Brain: The Physiology of Seeing, Oxford University Press, 1995, p.31.

disebutkan lagi, kemunculan mendadak ini telah menerima ciptaan (telah diciptakan).[26]

Seperti yang telah ditegaskan oleh Dawkin, Ledakan Cambrian adalah bukti ciptaan paling kukuh, kerana hanya ciptaan dapat menjelaskan kemunculan bentuk hidupan yang sempurna di muka bumi. **Douglas Futuyma**, seorang ahli biologi evolusionis terkemuka, mengakui kenyataan ini dan menyatakan; "Organisma, samada ia muncul di muka bumi dalam keadaan bentuk yang sempurna atau tidak. Sekiranya tidak, pasti mereka telah berubah daripada spesies-spesies pra-wujud oleh satu proses pengubahsuaian. Sekiranya, **mereka memang muncul dalam peringkat pembentukan yang sempurna, pasti mereka sebenarnya telah diciptakan oleh suatu kebijaksanaan yang amat luar biasa."**[27] Darwin sendiri menyedari kebarangkalian ini apabila beliau menulis; "Jika banyak spesies, kepunyaan genus atau keluarga yang sama, telah benar-benar mula hidup serentak, **kenyataan ini akan menjadi satu fatal kepada teori keturunan dengan pengubahsuaian perlahan-lahan melalui pilihan semula jadi."**[28] Ledakan Cambrian tidak lain adalah "pukulan maut" Darwin. Kerana itulah seorang ahli paleontologi evolusionis Swiss, **Stefan Bengston**, mengakui kelemahan rantaian perantaraan ini ketika beliau menghuraikan Zaman Cambrian dan menyatakan; "Kekeliruan (dan memalukan) kepada Darwin, kejadian ini masih mengerikan kami."[29]

Seperti yang dapat dilihat, rekod fosil telah membuktikan bahawa benda hidup tidak berubah daripada bentuk primitif kepada bentuk yang lebih maju, tetapi sebaliknya telah muncul secara mendadak dan pada satu peringkat yang sempurna. Kesimpulannya, benda hidup tidak wujud secara evolusi, mereka telah diciptakan.

KISAH PERALIHAN DARIPADA AIR KE DARAT

Evolusionis mendakwa bahawa invertebrat (haiwan yang tidak bertulang belakang) air yang ditemui di lapisan batu di kerak bumi Cambrian telah berubah kepada ikan dalam masa sepuluh juta tahun. Tetapi, seolah-olah invertebrat ini tidak mempunyai moyang, tidak terdapat sebarang rangkaian peralihan yang membuktikan bahawa satu proses evolusi telah berlaku di antara haiwan invertebrat ini dan ikan. Perlu dicatatkan bahawa invertebrat dan ikan mempunyai perbezaan yang amat besar. Invertebrat mempunyai tisu luaran yang keras pada kulit luarnya, sedangkan ikan adalah vertebrat (haiwan bertulang belakang). Seolah-olah telah berlaku satu proses evolusi besar-besaran yang melalui berbilion-bilion langkah untuk disempurnakan, oleh itu, sepatutnya terdapat berbilion-bilion formasi perantaraan untuk membuktikannya.

Evolusionis telah menggali fosil lapisan kerak bumi sejak kira-kira 140 tahun untuk mencari formasi-formasi andaian ini. Mereka telah menemui berjuta-juta fosil invertebrat dan fosil-fosil ikan, tetapi tidak



Mengikut senario andaian "daripada air ke darat", beberapa ekor ikan telah merasa perlu untuk beralih daripada air ke darat kerana masalah makanan. Semestinya, ia tidak disokong oleh sebarang bukti. Dakwaan ini hanya disokong oleh lukisan-lukisan spekulasi yang tidak berasas, seperti gambar di sebelah.

seorang pun berjaya menemui walau hanya satu fosil perantaraan di antara keduanya.

Seorang ahli paleontologi evolusionis, **Gelard T. Todd** mengakui kenyataan ini di dalam sebuah artikel bertajuk *"Evolution of the Lung and the Origin of Bony Fishes"*.

> *Tiga bahagian-bahagian kecil ikan bertulang yang pertama muncul di dalam rekod fosil pada masa yang hampir sama. Mereka telah sedia berbeza dari segi morfologi, dan mereka berperisai. Bagaimana mereka terbentuk? Apa yang menyebabkan mereka berbeza sama sekali? Bagaimana mereka dapat berperisai sebegitu sekali? Dan kenapa tidak terdapat sebarang kesan formasi-formasi awal dan pertengahan?*[30]

Senario evolusi melangkah setapak ke hadapan dan mendakwa bahawa ikan telah berubah daripada invertebrat kemudian berubah kepada amfibia. Tetapi senario ini adalah bukti yang lemah kerana hingga kini tidak terdapat satu fosil yang menunjukkan makhluk separuh-ikan/separuh-amfibia pernah wujud. Fakta ini dikuatkan oleh seorang evolusionis terkenal, **Robert L. Carroll**, penulis buku *"Vertebrate Paleontology and Evolution"* katanya : **"Kita tidak mempunyai fosil pertengahan ikan rhipidistian (moyang kegemarannya daripada tetrapod) dan amfibia awal".**[31] Dua orang ahli paleontologi, **Colbert** dan **Morales**, memberikan komentar mereka terhadap tiga kelas amfibia, iaitu katak, *salamander* (sejenis binatang seperti biawak), dan *caecilian* (sejenis amfibia seperti cacing):


> ***Tidak terdapat sebarang bukti terhadap sebarang amfibia Paleozoic yang mempunyai gabungan karakter yang dijangkakan terdapat pada moyang yang sama.*** *Katak salamamder dan caecilian adalah amat mirip dengan keturunan mereka yang masih hidup kini.*[32]

Sejak lima belas tahun dahulu, para evolusionis meramalkan makhluk-makhluk seperti ini wujud. Ikan ini yang dikenali sebagai ikan kolakan *(Coelacanth)*, yang dijangkakan sebagai berusia 410 tahun dahulu, telah dikemukakan sebagai sebuah formasi perantaraan dengan paru-paru yang primitif, otak yang membangun, sistem penghadaman dan

sistem peredaran yang siap dapat berfungsi di darat, dan malah sebuah mekanisme berjalan yang primitif. Tafsiran-tafsiran anatomi ini telah diterima sebagai kebenaran yang tidak dapat dipertikaikan di kalangan para saintis sehingga akhir tahun 1930an. kolakan telah diperkenalkan sebagai sebuah formasi perantaraan bijak yang membuktikan perantaraan daripada air ke darat evolusi.

Bagaimana pun, pada 22 Disember 1938, sebuah penemuan menarik telah dilakukan di Lautan India. Seekor hidupan daripada keluarga kolakan, yang diperkenalkan sebagai sebuah formasi peralihan yang telah pupus tujuh belas juta tahun dahulu, telah ditangkap. Tidak dapat dinafikan penemuan hidupan asal kolakan telah memeranjatkan evolusionis. Seorang evolusionis, **J.L.B. Smith** menyatakan da tidak akan menjadi lebih terperanjat sekiranya dia melalui seekor dinosaur hidup.[33] Tahun-tahun seterusnya, 200 ekor kolakan telah banyak kali ditangkap di serata dunia.

Hidupan kolakan telah mendedahkan sejauh mana evolusionis sanggup mereka-reka senario-senario khayalan mereka. Sebaliknya, kolakan tidak mempunyai paru-paru yang primitif dan otak yang besar. Organ-organ yang penyelidik-penyelidik evolusionis sangka sebagai paru-paru primitif ini adalah kantung asid lemak.[34] Tambahan pula,





Fosil Kolakan berusia 410 tahun. Evolusionis mendakwa bahawa ia adalah formasi perantaraan yang mewakili formasi perantaraan daripada air ke darat. Contoh ikan hidup ini telah ditangkap beberapa kali semenjak 1938, memberikan contoh yang baik sejauh mana spekulasi yang dilakukan oleh evolusionis.

KENAPA PERALIHAN DARIPADA AIR KE DARAT ADALAH MUSTAHIL?

Evolusionis mendakwa bahawa suatu hari, satu spesies yang hidup di dalam air telah melangkah ke darat dan telah berubah menjadi spesies yang hidup di darat.

Terdapat beberapa fakta yang menjadikan peralihan seperti ini mustahil:

1. Membawa Berat Badan; makhluk yang hidup di air tidak mempunyai sebarang masalah untuk membawa berat badan mereka sendiri. Bagaimana pun, kebanyakan hidupan darat terpaksa menggunakan 40% tenaga mereka untuk membawa badan mereka. Makhluk-makhluk yang membuat peralihan daripada air ke darat perlu membentuk sistem otot-otot dan sistem rangka yang baru (!) untuk menghasilkan tenaga yang diperlukan pada masa yang sama, yang sememangnya mustahil untuk ia terbentuk melalui proses mutasi.

2. Penahanan Kepanasan; Di darat suhu dapat bertukar dengan cepat dan ia menggolak kawasan yang luas. Hidupan darat mempunyai mekanisme badan yang dapat menahan perubahan suhu yang mendadak. Bagaimana pun, di dalam air, suhu berubah perlahan-lahan dan perubahan tersebut tidak melibatkan kawasan yang luas. Organisma hidup yang mempunyai sistem badan yang teratur mengikut keadaan suhu laut, tidak berhajat kepada sistem perlindungan yang menjamin kerosakan minimum daripada perubahan suhu di darat. Adalah tidak masuk akal untuk mendakwa ikan telah mendapat sistem seperti itu melalui mutasi secara rawak sebaik sahaja mereka menjejakkan kaki ke darat.


3. Keperluan Air; Bekalan metabolisme, air dan kelembapan perlu digunakan secara terhad disebabkan oleh kesukaran mendapatkan air di darat. Sebagai contoh, kulit perlu dibentuk untuk membenarkan pengurangan air pada keluasan yang tertentu, dalam masa yang sama mengelakkan penyejatan yang melampau. Oleh itu, hidupan darat mempunyai rasa dahaga, suatu rasa yang tidak dimiliki oleh makhluk hidupan laut. Di samping itu, kulit hidupan air juga tidak sesuai untuk habitat tidak berair.

4. Buah Pinggang; Organisma hidupan laut dapat menyahkan barang-barang terpakai terutamanya ammonia di dalam badan mereka dengan menapisnya, memandangkan terdapat banyak air di dalam habitat mereka. Di darat, air perlu digunakan dengan lebih jimat. Kerana itulah hidupan ini mempunyai sebuah sistem buah pinggang. Terima kasih kepada buah pinggang, ammonia telah dipungut dengan menukarkannya menjadi air kencing dan penggunaan air dapat diminimumkan semasa pembuangannya. Tambahan pula, sebuah sistem baru diperlukan untuk menghasilkan fungsi buah pinggang. Ringkasnya, untuk membolehkan peralihan daripada air ke darat berlaku, hidupan yang tidak mempunyai buah pinggang perlu membentuknya serta-merta.

5. Sistem Respirasi; Ikan "bernafas" dengan mengambil oksigen yang larut di dalam air yang mengalir melalui insangnya. Mereka tidak dapat hidup di atas darat melainkan beberapa minit sahaja. Untuk hidup di atas darat, mereka perlu mendapat sebuah sistem paru-paru yang sempurna serta-merta.

Adalah mustahil untuk perubahan fizikal secara mendadak ini dapat berlaku dalam organisma yang sama, pada masa yang sama dan dengan hanya melalui proses perubahan.

PENYU TETAP SEEKOR PENYU



Fosil penyu 1000 juta tahun: Tidak berbeza dengan penyu moden. The Dawn of life, Orbis Pub., London 1972

Sebagaimana, teori evolusi tidak dapat menjelaskan asas kumpulan benda hidup seperti ikan dan reptilia, begitu juga ia gagal menjelaskan asal spesies-spesies di dalam kumpulan-kumpulan ini. Sebagai contoh, penyu, sejenis spesies reptilia, telah muncul di dalam rekod fosil secara mendadak lengkap dengan kulitnya yang unik. Mengikut sumber evolusi "... pada pertengahan Zaman Triassic (sekitar 175,000,000 tahun dahulu), anggota penyu telah pun banyak dan berada dalam keadaan asas karakter penyu. Rangkaian di antara penyu dan cotylosaurs yang merupakan asal penyu, adalah hampir tidak ada sama sekali" " *(Encyclopaedia Brittanica, 1971, v.22, p.418)*

Tidak terdapat sebarang perbezaan di antara fosil penyu purba dan spesies penyu yang hidup hari ini. Kesimpulannya, penyu tidak pernah "berubah", ia sentiasa menjadi penyu semenjak ia diciptakan lagi.

kolakan, yang diperkenalkan sebagai "reptilia yang bersiap untuk berpindah daripada laut ke darat", sebenarnya adalah seekor ikan yang hidup di dalam laut dalam dan tidak pernah muncul di permukaan kurang daripada 180 meter.[35]

Bab 6

ASAL USUL
BURUNG DAN MAMALIA

Menurut teori evolusi, hidupan telah terbentuk dan berkembang di dalam laut dan kemudian telah dipindahkan ke darat oleh amfibia. Senario evolusi ini juga menyebut bahawa amfibia ini telah berubah menjadi reptilia, makhluk yang hanya hidup di atas darat. Sekali lagi senario ini tidak masuk akal, jika dilihat kepada perbezaan-perbezaan struktur yang amat besar di antara kedua kelas haiwan ini. Sebagai contoh, telur amfibia dibentuk untuk berkembang di dalam air, sementara telur reptilia pula dibentuk untuk berkembang di atas darat. Evolusi berperingkat seekor amfibia adalah tidak wajar, kerana tanpa sebiji telur yang sempurna dan lengkap binaannya, adalah mustahil bagi satu spesies untuk selamat. Tambahan pula, seperti biasa, tidak terdapat sebarang bukti formasi-formasi perantaraan yang sepatutnya menyambungkan amfibia dan reptilia. Seorang ahli paleontologi evolusionis dan juga seorang pakar paleontologi vertebrat, **Robert L. Carroll terpaksa menerima kenyataan bahawa "reptilia pertama adalah amat berbeza daripada amfibia dan nenek moyangnya masih belum ditemui".**[36]

Tetapi kebuntuan senario ini masih belum tamat. Mereka masih bermasalah untuk membolehkan makhluk-makhluk ini terbang! Memandangkan evolusionis percaya bahawa burung telah berubah, maka mereka telah mendakwa bahawa ia telah berubah rupa daripada reptilia. Bagaimana pun, tidak satu pun sifat-sifat burung, yang mempunyai struktur yang sama sekali berbeza dengan makhluk-makhluk haiwan yang hidup di atas darat, dapat dijelaskan melalui evolusi beransur ansur. Di antaranya, ialah sayap, yang merupakan sifat


istimewa bagi burung, ia merupakan kebuntuan yang paling sukar kepada evolusionis. Seorang evolusionis berbangsa Turki, **Engin Korur,** mengakui kemustahilan evolusi sayap:

> *Persamaan sifat yang terdapat pada mata dan sayap ialah ia hanya akan berfungsi apabila telah terbentuk sepenuhnya. dengan kata lain,* ***mata yang terbentuk separuh jalan tidak akan dapat melihat; dan burung dengan sayap yang hanya separuh terbentuk tidak akan dapat terbang.*** *Bagaimana organ-organ ini terbentuk, telah menjadi suatu misteri alam semula jadi yang perlu kaji.*[37]

Persoalan bagaimana struktur sayap yang sempurna dapat terbentuk sebagai hasil mutasi rawak yang berterusan, tidak dapat dijawab. Tidak ada cara untuk menjelaskan bagaimana tangan depan seekor reptilia dapat berubah menjadi sayap yang berfungsi dengan sempurna hasil daripada perubahan di dalam gennya (mutasi)

Tambahan pula, dengan hanya mempunyai sayap masih belum dapat membolehkan seekor hidupan darat untuk terbang. Makhluk darat tidak mempunyai banyak mekanisme berstruktur yang digunakan oleh burung untuk terbang. Sebagai contoh, daging burung adalah lebih

PARU - PARU ISTIMEWA UNTUK BURUNG



Bentuk badan burung amat jauh berbeza daripada reptilia, yang sepatutnya menjadi moyang mereka. Paru-paru burung berfungsi berbeza daripada paru-paru haiwan-haiwan darat. Haiwan darat bernafas ke dalam dan keluar melalui saluran udara yang sama. Tetapi bagi burung, apabila udara masuk ke dalam paru-paru dari hadapan dan ia akan keluar mengikut arah belakang. 'Rekaan' ini hanya dikhususkan kepada burung sahaja, yang memerlukan oksigen yang lebih ketika terbang. Adalah mustahil bagi struktur seperti ini untuk berubah daripada paru-paru reptilia.

ringan daripada daging hidupan darat. Paru-paru mereka berfungsi dengan cara yang jauh berbeza. Mereka mempunyai sistem otot dan kerangka yang berbeza, dan sebuah sistem edaran jantung yang istimewa. Sifat-sifat ini amat diperlukan untuk terbang seperti mana keperluan sayap. Semua mekanisme ini perlu wujud bersama pada masa yang sama, ia tidak dapat terbentuk secara beransur ansur dengan cara "dikumpulkan". Kerana itulah dakwaan teori ini bahawa organisma darat telah berubah kepada organisma udara adalah salah sama sekali.

Semua ini menimbulkan persoalan lain di minda kita: sekiranya cerita pelik ini adalah benar, maka mengapa evolusionis masih belum dapat menemui sebarang fosil "separuh sayap" atau "satu sayap" untuk menguatkan teori mereka?

Satu Lagi Formasi Perantaraan : ARCHAEOPTERYX

Evolusionis telah mengumumkan nama seekor makhluk sebagai respons. Ia adalah fosil seekor burung yang digelar **ARCHAEOPTERYX** yang merupakan formasi perantaraan yang paling terkenal di kalangan beberapa fosil lain yang masih dipertahankan oleh evolusionis. Archaeopteryx, moyang burung moden kini mengikut evolusionis, telah hidup 150 juta tahun dahulu. Teori ini berpendapat bahawa beberapa dinosaur bersisik kecil yang dinamakan sebagai ***Velociraptor*** atau ***Dromeosaur*** telah berubah dengan mendapat sayap dan kemudian mulai terbang. Oleh itu, Archaeopteryx telah didakwa sebagai formasi perantaraan yang telah terpesong daripada nenek moyangnya dan mulai terbang untuk pertama kali.

Bagaimana pun, kajian terkini terhadap fosil Archaeopteryx ini telah menunjukkan bahawa makhluk ini sebenarnya bukan formasi perantaraan, tetapi hanya seekor burung yang mempunyai beberapa karakter yang berbeza dengan burung-burung hari ini.

Tesis yang menyatakan bahawa Archaeopteryx adalah seekor makhluk "separuh burung" yang tidak dapat terbang telah menjadi popular di kalangan para evolusionis untuk beberapa lama. Ketiadaan

sebuah sternum, iaitu tulang dada, di dalam makhluk ini, telah menjadi bukti paling penting bahawa burung ini tidak boleh terbang dengan baik. (Tulang dada ini ialah tulang yang terdapat di bawah torak (thorax) di mana otot-otot amat diperlukan untuk terbang. Pada hari ini, tulang dada ini terdapat di dalam semua burung yang boleh terbang atau tidak, malah terdapat juga di dalam kelawar – mamalia terbang dari sebuah keluarga yang berlainan.)

Bagaimana pun, **fosil Archaeopteryx ke tujuh yang ditemui pada tahun 1992** telah menggemparkan semua evolusionis. Ini kerana melalui penemuan fosil Archaeopteryx ini, telah ditemui tulang dada yang didakwa oleh evolusionis telah hilang, sebenarnya masih ada. Penemuan fosil ini telah disiarkan di dalam majalah *Nature* seperti berikut:

> *Penemuan spesimen Archaeopteryx ke tujuh ini telah mengubah satu bahagian bersegi empat sternum yang lama telah diramalkan tetapi tidak didokumenkan.* ***Ini membuktikan ia adalah otot terbang yang kuat.***[38]

Penemuan ini telah membatalkan pasak utama dakwaan bahawa Archaeopteryx adalah makhluk separuh-burung yang tidak boleh terbang dengan baik.

Di segi lain, struktur bulu burung juga telah menjadi satu bukti yang amat penting untuk mengesahkan bahawa Archaeopteryx sebenarnya adalah seekor burung yang boleh terbang. Struktur asimetri bulu Archaeopteryx yang tidak berbeza daripada burung-burung moden menunjukkan bahawa haiwan ini dapat terbang dengan baik. Seperti yang dinyatakan oleh seorang ahli paleontologi terkenal, **Carl O. Dunbar,** "Disebabkan oleh bulu Archaeopteryx, ia sepatutnya dikelaskan sebagai seekor burung".[39]

Fakta lain yang dapat didedahkan oleh struktur bulu Archaeopteryx ialah metabolisme berdarah-panas burung. Seperti yang diketahui, reptilia dan dinosaur adalah haiwan berdarah sejuk yang lebih terkesan dengan suhu persekitaran daripada mengatur suhu tubuhnya sendiri. Suatu fungsi penting bulu burung ialah untuk mengekalkan suhu badan haiwan. Fakta bahawa Archaeopteryx mempunyai bulu menunjukkan ia


adalah seekor burung yang berdarah panas yang perlu untuk mengekalkan suhu badannya, berlainan dengan dinosaur.

Spekulasi Evolusionis : Gigi dan Kuku Archaeopteryx

Dua hujah yang digunakan oleh evolusionis apabila mendakwa Archaeopteryx sebagai sebuah formasi perantaraan ialah kuku pada sayap dan giginya.

Memang benar Archaeopteryx mempunyai kuku pada sayapnya dan gigi di dalam mulutnya, tetapi sifat-sifat ini tidak menunjukkan bahawa ia mempunyai sebarang hubungan dengan reptilia. Tambahan pula, dua jenis burung yang terdapat hari ini, **Tauraco** dan **Hoatzin** juga mempunyai kuku untuk mencengkam dahan-dahan. Makhluk ini adalah burung yang lengkap tanpa sebarang karakter reptilia. Kerana itu, adalah maka amat tidak masuk akal untuk mendakwa bahawa Archaeopteryx sebagai satu formasi peralihan dengan hanya berdasarkan kepada kuku pada sayapnya.


Fakta paling penting di sini ialah, **struktur gigi Archaeopteryx dan**



Satu Lagi Rekaan Yang Tidak Dapat Dijelaskan Oleh Evolusionis : BULU BURUNG

Teori evolusi yang mendakwa bahawa burung telah berubah daripada reptilia, telah gagal untuk menjelaskan perbezaan-perbezaan yang besar di antara dua kelas hidupan yang berbeza ini. Di dalam beberapa sifat seperti struktur tengkorak mereka, sistem paru-paru dan metabolisme darah-panas, burung adalah amat berbeza daripada reptilia. Sifat lain yang menambahkan lagi jurang perbezaan di antara burung dan reptilia ialah bulu burung yang mempunyai bentuk yang dikhaskan untuknya.

Badan reptilia dilindungi oleh sisik-sisik, sementara badan burung ditutupi oleh bulu-bulu. Memandangkan evolusionis menganggap reptilia adalah moyang burung, maka mereka mendakwa bulu-bulu burung ini telah berubah daripada sisik-sisik reptilia. Bagaimana pun, tidak ada sebarang persamaan di antara bulu burung dan sisik reptilia.



Seorang profesor fisiologi dan neurologi daripada Universiti Connecticut, A.H. Brush, telah menerima kenyataan ini walau pun beliau adalah seorang evolusionis:

"Setiap sifat daripada struktur gen dan organisasi, untuk membentuk, morfogenesis *(morphogenesis)* dan tisu organisasi adalah berbeza (di dalam bulu dan sisik)."[1] Tambahan pula, Prof. Brush telah menganalisis struktur protein bulu burung dan menegaskan "ia adalah vertebrat yang unik"[2]

Tidak terdapat bukti fosil untuk membuktikan bahawa bulu burung telah berubah daripada sisik reptilia. Sebaliknya, "bulu-bulu ini muncul secara tiba-tiba di dalam rekod fosil, sebagai sebuah kriteria unik yang tidak dapat dinafikan yang menjadi tanda burung", seperti yang telah dinyatakan oleh Prof. Brush.[3] Lagi pun, di dalam reptilia, tidak ada struktur epidermis (kulit luar) yang telah dikesan boleh menghasilkan suatu sumber untuk bulu-bulu burung.[4]

Pada tahun 1996, ahli-ahli paleontologi telah menghebahkan tentang fosil-fosil seekor dinosaur berbulu yang digelar sebagai Sinosauropteryx. Bagaimana pun, di dalam tahun 1997, telah dikenal pasti bahawa fosil-fosil ini tidak mempunyai sebarang kaitan dengan burung dan tidak ada bulu moden.[5]

Dari segi lain, jika dikaji bulu-bulu burung ini dengan lebih dekat, kita akan menemui sebuah rekaan kompleks yang tidak dapat dijelaskan oleh mana-mana proses evolusi. Seorang ahli ornitologi terkenal Alan Feduccia, menyebut bahawa, "setiap sifat padanya mempunyai fungsi-fungsi yang aerodinamik. Ia sangat ringan, mempunyai keupayaan untuk mendongak ke atas untuk menambah kelajuan yang perlahan, dan kemudian boleh kembali semula ke posisi asal dengan mudah". Seterusnya beliau menambah, "Saya tidak faham bagaimana sebuah organ yang direka sempurna untuk terbang boleh terbentuk untuk kegunaan lain pada awalnya".[6]

Rekaan bulu burung ini juga telah memaksa Charles Darwin memikirkannya dengan lebih mendalam. Lebih-lebih dari itu, keindahan bulu burung merak telah menyebabkannya bosan (-sick- meminjam istilahnya sendiri). Di dalam sepucuk surat yang ditulis kepada Asa Gray pada 3 April 1860, beliau berkata "saya masih ingat dengan baik waktu ketika pandangan tentang mata telah membuatkan saya kaku, tetapi saya dapat melalui peringkat rungutan ini...". Kemudian dia menambah, "... dan sekarang perincian struktur yang tidak penting sering membuatkan saya tidak selesa. Tanda sehelai bulu pada ekor burung merak, setiap kali saya melihatnya, *it make me sick*".[7]

1 A. H. Brush, "On the Origin of Feathers", Journal of Evolutionary Biology, vol. 9, 1996, p. 132.
2 A. H. Brush, "On the Origin of Feathers", p. 131.
3 Ibid.
4 Ibid.
5 "Plucking the Feathered Dinosaur", Science, vol. 278, 14 novembre 1997, p. 1229.
6 Douglas Palmer, "Learning to Fly" (Recensione di The Origin of and Evolution of Birds di Alan Feduccia, Yale University Press, 1996), New Scientist, vol. 153, 1 marzo 1997, p. 44.
7 Norman Machbeth, Darwin Retried: An Appeal to Reason, Boston, Gambit, 1971, p. 101.



Apabila bulu burung dikaji dengan lebih teliti, ia didapati terbentuk daripada beribu-ribu sulur paut halus yang saling bersambung antara satu sama lain dengan cangkuk. Rekaan yang unik ini terhasil di dalam hasil kerja aerodinamik yang Maha Agung.

burung-burung lain yang bergigi adalah sama sekali berbeza dengan dinosaur yang didakwa sebagai moyang mereka. Ahli-ahli ornitologi terkenal, **Martin, Steward**, dan **Whetstone** menyatakan bahawa Archaeopteryx dan burung-burung lain yang bergigi, mempunyai gigi dengan permukaan atas yang rata dan akar yang besar. Tetapi gigi dinosaur adalah menonjol seperti gergaji dan mempunyai akar yang sempit.[40]

Para penyelidik juga telah membandingkan tulang pergelangan lengan Archaeopteryx dan moyangnya, dinosaur, dan tidak menemui sebarang persamaan di antara keduanya.[41]

Kajian ahli-ahli anatomi seperti **Tarsitano, Hecht**, dan **A.D. Walker** mendapati beberapa "persamaan" yang didakwa wujud di antara makhluk ini dan dinosaur seperti yang dikemukakan oleh **John Ostrom,** yang mendakwa bahawa Archaeopteryx telah berubah daripada dinosaur, sebenarnya adalah sebuah tafsiran yang tersasar.[42]

Semua penemuan ini menunjukkan bahawa Archaeopteryx bukan sebuah rangkaian perantaraan, tetapi hanya seekor burung yang dimasukkan di bawah kategori "burung bergigi".

Archaeopteryx dan Fosil-fosil Burung Purba Yang Lain

Ketika evolusionis selama beberapa dekad telah mendakwa Archaeopteryx sebagai bukti terunggul terhadap senario yang berkaitan dengan evolusi burung, beberapa penemuan terkini fosil-fosil ini telah membatalkan senario tersebut dari sudut lain.

Lianhai Hou, dan **Zhonghe Zhou**, dua orang ahli paleontologi di Chinese Institute of Vertebrate Paleontology, telah menemui sebuah fosil

burung baru pada tahun 1995 yang mereka dinamakan **Confuciusornis**. Burung ini berusia hampir sama dengan usia Archaeopteryx (sekitar 1400 tahun), tetapi ia tidak mempunyai gigi di dalam mulutnya. Tambahan pula, paruh dan bulunya mempunyai sifat yang sama dengan burung-burung yang terdapat hari ini. Ia mempunyai struktur tengkorak burung moden dan burung ini juga memiliki kuku pada sayapnya, seperti Archaeopteryx. Sebuah struktur khas digelar *"pygostyle"* terdapat di dalam spesies burung ini untuk menyokong bulu ekor. Ringkasnya, burung ini, yang berusia sama dengan Archaeopteryx (yang dianggap sebagai keturunan burung tertua dan diterima sebagai semi-reptilia), kelihatan amat mirip seperti seekor burung moden. Fakta ini telah membatalkan semua tesis evolusionis yang menganggap Archaeopteryx sebagai moyang burung yang paling primitif.[43]

Fosil lain yang telah digali di China pada November 1996, telah menyebabkan kekeliruan yang hebat. Kewujudan burung berusia 130 juta tahun yang digelar **Liaoningornis**, telah diumumkan di dalam majalah Science oleh **Hou**, **Martin** dan **Alan Feduccia**. Liaoningornis mempunyai tulang dada di mana terdapat otot-otot untuk terbang, tidak ubah seperti burung-burung moden. Burung ini juga menyerupai burung moden dari segi yang lain. Yang membezakannya hanyalah gigi di dalam mulutnya. Situasi ini menunjukkan bahawa burung-burung bergigi tidak mempunyai struktur primitif seperti yang didakwa oleh evolusionis.[44] ia telah disebut di dalam sebuah artikel di dalam majalah *Discovery, "Whence came birds? This fossil says that not from dinosaurs"*.[45]

Fosil lain untuk menyanggah dakwaan evolusionis menganggap Archaeopteryx adalah **Eoalulavis**. Struktur sayap Eoalulavis, yang dianggarkan berusia 30 juta tahun lebih tua daripada Archaeopteryx, menyerupai sayap burung moden yang terbang perlahan. Ini membuktikan bahawa 120 juta tahun dahulu, terdapat burung-burung yang menyerupai burung-burung moden yang terbang di angkasa.[46]

Fakta-fakta ini sekali lagi membuktikan bahawa Archaeopteryx bukan burung purba yang menjadi formasi perantaraan. Fosil-fosil tersebut tidak menunjukkan spesies burung-burung yang berbeza telah

berubah daripada satu sama lain. Sebaliknya, rekod-rekod fosil ini telah membuktikan bahawa burung-burung moden hari ini dan beberapa burung purba telah hidup bersama di dalam masa yang sama. Tetapi, sebahagian daripada spesies burung ini seperti Archaeopteryx dan Confuciusornis telah pupus dan hanya sebahagian spesies pra-wujud ini berjaya sampai ke masa kini.

Kesimpulannya, beberapa sifat Archaeopteryx tidak menunjukkan hidupan ini ialah sebuah formasi perantaraan! **Stephan Jay Gould** dan **Niles Eldredge**, dua orang ahli paleontologi daripada Harvard dan dikenali sebagai evolusionis yang terkenal, menerima Archaeopteryx sebagai sebuah "mozek" hidup yang mempunyai berbagai sifat di dalam bentuknya, tetapi ia tidak boleh dianggap sebagai sebuah formasi perantaraan.[47]



Burung yang dinamakan sebagai Confuciusornis berusia sama dengan Archaeopteryx

Burung Khayalan : Rangkaian Dinosaur

Dakwaan evolusionis yang cuba memperkenalkan Archaeopteryx sebagai sebuah formasi perantaraan ialah bahawa burung-burung telah berubah daripada dinosaur. Bagaimana pun, seorang ahli ornitologi terkenal, **Alan Feduccia** daripada Universiti Utara Carolina, telah menolak teori burung mempunyai pertalian dengan dinosaur, walaupun beliau adalah seorang evolusionis. Beliau menyatakan di dalam bab ini:

> ***Saya telah mengkaji tengkorak burung selama 25 tahun dan saya tidak melihat sebarang persamaan. Saya***

APAKAH ASAL USUL LALAT?



Satu Contoh Senario Evolusi: Dinosaur yang mendapat sayap secara tiba-tiba, ketika cuba menangkap lalat!

Mendakwa dinosaur berubah menjadi burung, evolusionis menyokong dakwaan mereka dengan menyatakan bahawa dinosaur yang menyipas kaki depannya ketika mengejar lalat, telah 'mendapat sayap dan terbang' seperti yang dapat diperhatikan di dalam gambar. Tanpa sebarang asas saintifik dan dengan hanya khayalan, teori ini telah meninggalkan percanggahan yang mudah: contoh yang digunakan oleh evolusion untuk menggambarkan asal usul terbang, iaitu lalat telah pun mempunyai kebolehan untuk terbang. Sedangkan manusia tidak dapat mengelipkan matanya 10 kali dalam masa sesaat, seekor lalat dapat menipas sayapnya 500 kali sesaat. Tambahan pula, ia menggerakkan kedua-dua sayapnya serentak. Sedikit canggung di dalam getaran sayap boleh menyebabkan lalat tersebut hilang keseimbangan, tetapi ini tidak pernah berlaku.

Evolusionis sepatutnya terlebih dahulu mengemukakan penjelasan terhadap bagaimana lalat boleh mendapat kebolehan untuk terbang. Sebaliknya, mereka mencipta lagi senario khayalan tentang bagaimana banyak lagi makhluk-makhluk yang pelik seperti reptilia boleh terbang.

Sedangkan ciptaan sempurna lalat-lalat rumah dapat membatalkan dakwaan evolusionis ini. Seorang ahli biologi **Robin Wotton** telah menulis sebuah artikel bertajuk *"The Mechanical Disign of Fly Wings"*

> "Semakin banyak kita memahami fungsi sayap serangga, lebih banyak kehalusan dan keindahan rekaannya muncul. Struktur-struktur direka untuk mencacatkan seberapa sedikit yang boleh (menjadi seberapa sempurna yang mungkin), mekanisma-mekanisma telah direka untuk menggerakkan bahagian-bahagian kompenan di dalam cara yang boleh diramal. Mereka memiliki beberapa teknologi yang sejajar".[1]

Dari segi lain pula, tidak terdapat walau satu fosil yang boleh menbuktikan evolusi khayalan lalat. Ini yang dimaksudkan oleh seorang ahli zoologi Perancis, **Grasse** apabila beliau menyatakan; "Kita berada di dalam kegelapan dalam mencari asal usul lalat".[2]

1 Robin J. Wootton, "The Mechanical Design of Insect Wings", Scientific American, v. 263, November 1990, p.120

2 Pierre-P Grass, Evolution of Living Organisms, New York, Academic Press, 1977, p.30.

tidak dapat melihatnya... *Theropod asal burung, pada pandangan saya adalah sesuatu yang memalukan kepada paleontologi abad ke 20.*[48]

Larry Martin, seorang pakar di dalam bidang burung purba daripada Universiti Kansas, menolak teori burung datang daripada keturunan yang sama dengan dinosaur. Apabila membicarakan tentang percanggahan yang dihadapi oleh evolusionis di dalam subjek ini, Martin menyatakan:

"Untuk memberitahu kamu yang sebenar, sekiranya saya menyokong dinosaur sebagai asal burung dengan semua karakter-karakter ini, saya akan merasa malu sepanjang masa setiap kali bangun dan bercakap tentangnya."[49]

Kesimpulannya, senario evolusi burung yang berdasarkan kepada Archaeopteryx, tidak lain hanyalah sebuah hasil pemikiran evolusionis yang prejudis dan terlampau berharap.

Asal Usul Mamalia

Seperti yang telah kami nyatakan sebelum ini, teori evolusi menganjurkan bahawa beberapa makhluk khayalan yang keluar daripada laut telah berubah kepada reptilia dan burung pula telah berubah daripada reptilia. Menurut senario yang sama, reptilia tidak hanya menjadi moyang kepada burung-burung tetapi juga kepada mamalia. Bagaimana pun, terdapat jurang struktur yang besar di antara reptilia, yang mempunyai sisik pada badannya, berdarah sejuk, dan membiak dengan cara bertelur, sedangkan mamalia yang mempunyai kulit pada badannya, berdarah panas, dan membiak dengan melahirkan anak hidup-hidup.

Satu contoh struktur yang membezakan di antara reptilia dan mamalia ialah **struktur rahang** mereka. Rahang bawah mamalia hanya mengandungi satu tulang rahang dan gigi-gigi ditempatkan di atas tulang ini. Di dalam reptilia, terdapat tiga batang tulang kecil di kedua-dua belah rahang. Perbezaan asas lain ialah semua mamalia mempunyai tiga batang tulang di dalam telinga tengah mereka (tukul, alas dan rakap). Di dalam telinga tengah reptilia hanya terdapat sebatang tulang.


Evolusionis mendakwa, rahang reptilia dan telinga tengahnya telah berubah beransur ansur kepada rahang dan telinga tengah mamalia. Tetapi, persoalan bagaimana perubahan ini boleh berlalu masih belum dapat dijawab. Terutamanya, persoalan bagaimana sepasang telinga dengan hanya satu tulang berubah menjadi sepasang telinga yang mempunyai tiga tulang dan bagaimana proses pendengaran masih terus berfungsi dalam masa yang sama, masih tidak dapat dijelaskan lagi. Tidak memeranjatkan apabila tidak satu pun fosil perantaraan reptilia dan mamalia ditemui. Kerana itulah, seorang ahli paleontologi, **Roger Lewin** terpaksa menyatakan bahawa, "perubahan kepada mamalia yang mungkin hanya berlaku sekali atau sekurang-kurangnya satu keturunan, masih menjadi satu enigma (sukar difahami)".[50]

George Gaylord Simpson, antara evolusionis yang berwibawa tinggi dan pengasas kepada teori neo-Darwinis mengeluarkan komentar berikut terhadap fakta yang membingungkan evolusionis ini:

Peristiwa paling sukar di dalam




Evolusionis menganjurkan bahawa semua spesies berubah daripada moyang yang sama. Bagaimana pun, terdapat perbezaan-perbezaan yang besar di antara spesies-spesies tertentu seperti, beruang, ikan paus, tikus, dan kelawar. Setiap haiwan ini memiliki bentuk sistem yang istimewa. Sebagai contoh, kelawar dijadikan dengan sistem sonar (pengesan gelombang bunyi) yang peka untuk membantunya mencari jalan di dalam gelap. Sistem-sistem kompleks ini, yang teknologi moden hanya dapat menirunya, tidak mungkin terbentuk sebagai hasil perubahan secara kebetulan. Rekod-rekod fosil juga telah menunjukkan kelawar telah muncul secara mendadak dan ia tidak pernah melalui sebarang "proses evolusi".



*Gambar – sebuah fosil kelawar berusia 50 juta tahun, tidak berbeza daripada kelawar moden. (daripada majalah Science Bil. 154)

DONGENGAN EVOLUSI KUDA



Sehingga kini, sebuah rangkaian khayalan yang sepatutnya menunjukkan evolusi kuda telah dimajukan sebagai prinsip bukti fosil untuk teori evolusi. Tetapi hari ini, ramai evolusionis mengakui sendiri bahawa senario teori evolusi sebenarnya telah bankrap. Seorang evolusionis, **Boyce Rensberger**, yang membentang masalah teori evolusi secara beransur ansur di sebuah simposium empat-hari yang berlangsung pada 1980 di padang *Museum of Natural University* di Chicago dengan diperhatikan oleh 150 orang evolusionis, menyebutkan bahawa senario evolusi kuda tidak mempunyai landasan di dalam rekod-rekod fosil dan bahawa sebenarnya tidak terdapat sebarang proses evolusi yang berlaku yang boleh menyebabkan evolusi beransur ansur kuda:

> Contoh popular yang sering disebut sebagai evolusi kuda, menganjurkan sebuah rangkaian perubahan beransur ansur daripada makhluk berjari empat yang hidup hampir 50 juta tahun dahulu kepada kuda moden yang mempunyai satu jari kaki yang lebih panjang, ia telah lama diketahui sebagai tidak benar. Sebaliknya daripada perubahan beransur ansur ini, fosil setiap spesies perantaraan muncul sepenuhnya, tanpa perubahan dan kemudian menjadi pupus. Formasi-formasi peralihan adalah tidak diketahui.1

Pengakuan ikhlas terhadap kebuntuan senario evolusi kuda, **Rensberg** telah merujuk kepada "kebuntuan rangkaian peralihan" yang sebenarnya menjadi masalah besar kepada teori ini apabila ia dikaitkan dengan rekod-rekod fosil.

Seorang ahli paleontologi terkenal, **Colin Patterson**, pengarah *Natural History Museum* di England, di mana skim "evolusi kuda" dipamerkan, mengeluarkan kenyataan berikut terhadap pameran yang masih dipertontonkan kepada umum di tingkat bawah muzium tersebut:

> Terdapat berbagai cerita mengarut, sebahagiannya lebih banyak khayalan daripada kenyataan, tentang bagaimana sejarah alam semula jadi sebenarnya. Contoh yang paling terkenal, yang masih dipamerkan di tingkat bawah, ialah pameran evolusi kuda yang telah disiapkan kira-kira lima belas tahun dahulu. Ia talah diperkenalkan sebagai perkara yang benar di dalam berbagai buku-buku teks. Sekarang saya rasa ia amat mendukacitakan, lebih-lebih lagi mereka yang telah mereka cerita ini sendiri telah mulai sedar tentang spekulasi yang terdapat pada benda-benda ini.2

Apakah asas senario evolusi kuda ini? Senario ini dibentuk dengan berbagai carta yang penuh dengan penipuan dengan aturan urutan dari fosil-fosil daripada spesies yang masih hidup kini di dalam zaman-zaman yang berbeza di India, Afrika Selatan, Amerika Utara, dan Eropah yang disesuaikan menyikut imaginasi evolusionis. Terdapat 20 carta evolusi kuda yang dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik yang berbeza. Evolusionis tidak menemui sebarang persamaan di dalam isu susun salur keluarga ini, yang sememangnya berbeza antara satu sama lain. Satu-satunya persamaan yang disepakati ialah kepercayaan bahawa makhluk bersaiz anjing yang digelar *"Eohippus" (Hyracotherium)* yang hidup Zaman Eocene 55 juta tahun dahulu, sebagai moyang kepada kuda-kuda moden *(Equus)*. Tetapi untuk menganggap adanya hubungan evolusi daripada Eohippus kepada Equus adalah amat tidak konsisten.

Seorang penulis sains evolusionis **Gordan R. Taylor**, menjelaskan kebenaran ini di dalam bukunya bertajuk *The Great Evolution Mystery*.

> Tetapi rasanya kelemahan Darwinisme yang paling serius ialah kegagalan ahli paleontologi untuk filum-filum yang meyakinkan atau rangkaian organisma-organisma yang membuktikan perubahan evolusi yang asas... Kuda sering dianggap sebagai sebuah contoh yang paling tepat. Tetapi kenyataannya, hubungan daripada Eohippus dan Equss terlalu eraktik (tidak menentu). Ia didakwa menunjukkan penambahan berterusan dari segi saiz, tetapi sebenarnya beberapa varian adalah lebih kecil daripada Eohippus, bukannya bertambah besar. Spesimen-spesimen daripada sumber-sumber yang berbeza boleh disatukan di dalam sebuah rangkaian yang meyakinkan, tetapi tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa ia tersusun mengikut urutan zaman.3

Semua fakta ini merupakan bukti yang kukuh bahawa carta evolusi kuda ini, yang dianggap sebagai bukti paling kukuh untuk Darwinisme, tidak lebih daripada cerita-cerita yang fantastik dan mustahil.

1 Boyce Rensberger, Houston Chronicle, November 5, 1980, blm.4, p.15
2 Colin Patterson, Harper's, February 1984, p.60
3 Gordan Rattray Taylor, The Great Evolution Mystery, Abacus, Sphere Book, London, 1984, p.230.

sejarah hidupan di bumi ialah ***perubahan daripada Mesozoic, Zaman Reptilia, kepada Zaman Mamalia****. Ia seperti turun ke bawah secara mendadak pada peringkat di mana semua peranan dimainkan oleh reptilia, terutamanya dinosaur, di dalam satu jumlah yang besar, dan kekeliruan yang berbagai, dan kemudian naik semula dengan segera pada latar yang sama tetapi dengan acuan yang sama sekali baru, acuan di mana dinosaur sudah tidak wujud sama sekali, reptilia lain pula menjadi lebih istimewa, dan* ***semua peranan-peranan utama dimainkan oleh jenis mamalia yang tidak membayangkan perlakuan yang utama.***[51]

Tambahan pula, apabila mamalia mula muncul, ia telah sedia berbeza di antara satu sama lain. Seperti kelawar, kuda, tikus, dan ikan paus adalah mamalia dan mereka muncul pada masa geologi yang sama. Ini membuktikan bahawa hubungan evolusi di antara mereka adalah mustahil walau dengan sempadan khayalan imaginasi yang paling luas sekali pun. Seorang ahli zoologi evolusionis, **R. Eric Lombard** menyebut perkara ini di dalam sebuah artikel yang disiarkan di dalam majalah *Evolution*:

Pencarian terhadap maklumat terperinci yang berguna di dalam membentuk phylogeny (filum) penyisihan mamalia adalah sia-sia.[52]

Ini menunjukkan bahawa semua benda hidup telah muncul di muka bumi secara mendadak dan di dalam format yang sempurna, tanpa sebarang proses evolusi. Ia adalah bukti yang kukuh bahawa mereka telah diciptakan. Bagaimana pun, evolusionis cuba mentafsirkan fakta bahawa spesies hidupan muncul di dalam cara tertentu sebagai suatu tanda evolusi. Tetapi rangkaian yang hidupan ini muncul dalamnya adalah **"aturan penciptaan"**, memandangkan mustahil untuk membuktikan satu proses evolusi. Dengan penciptaan yang sempurna dan lengkap, lautan dan daratan telah dipenuhi dengan hidupan-hidupan dan akhirnya manusia pun diciptakan. Berlawanan dengan kisah "manusia beruk" ini, yang memperdayakan masyarakat umum dengan kerjasama propaganda media, hidupan sebenarnya muncul di atas bumi secara mendadak dan lengkap terbentuk.

Bab 7


TAFSIRAN FOSIL EVOLUSIONIS YANG MENIPU


Sebelum kita mengkaji dengan lebih terperinci legenda (dongengan) manusia evolusi ini, perlu diterangkan metode propaganda yang mempengaruhi sebahagian besar masyarakat awam terhadap kewujudan makhluk separuh manusia-separuh beruk yang kononnya hidup di zaman lampau. Propaganda-propaganda ini menggunakan pembentukan semula yang telah dibuat berdasarkan fosil-fosil yang telah ditemui. Pembentukan semula yang dimaksudkan ialah dengan melukis gambar atau mengubahsuai sebuah model hidup dengan hanya berpandukan kepada sebatang tulang dan kalang kala hanya berdasarkan sekeping serpihan yang dikeluarkan daripada tanah. Makhluk manusia-beruk yang sering kita saksikan di kaca televisyen, surat khabar, majalah-majalah dan filem-filem, adalah hasil pembentukan semula ini.


Memandangkan fosil-fosil ini ditemui di dalam keadaan bersepah dan tidak sempurna, maka sebarang andaian yang dibuat berdasarkannya hanya spekulasi (agakan) sahaja. Tambahan pula, pembentukan semula ini (lukisan atau model) telah dibuat oleh evolusionis berdasarkan saki baki fosil yang telah disediakan secara agakan semata-mata untuk mengesahkan tesis-tesis evolusi mereka. Seorang ahli antropologi daripada Harvard, **David R. Pilbeam**, menegaskan kenyataan ini apabila beliau menyatakan; "Sekurang-kurangnya di dalam paleontologi, data-data masih jarang sekali dipengaruhi oleh tafsiran-tafsiran teori. **Teori-teori di masa lampau telah menjejaskan ideologi kita melebihi daripada data-data yang tepat".**[53] Memandangkan masyarakat kini amat terpengaruh dengan maklumat-

LUKISAN-LUKISAN KHAYALAN









Di dalam gambar-gambar dan binaan semula mereka, evolusionis telah dengan sengaja memberikan bentuk kepada sifat-sifat yang sebenarnya tidak meninggalkan sebarang fosil, seperti struktur hidung dan bibir, bentuk rambut, dan kening, dan bahagian-bahagian berambut lain, untuk menyokong evolusi. Mereka juga telah menyediakan gambar-gambar terperinci yang menggambarkan makhluk-makhluk khayalan ini berjalan bersama dengan keluarga mereka, memburu, atau dalam keadaan melakukan kerja-kerja harian mereka. Bagaimana pun, lukisan-lukisan ini semuanya adalah khayalan-khayalan imaginasi dan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan rekod fosil.

TIGA BINAAN SEMULA BERDASARKAN KEPADA TENGKORAK YANG SAMA



Muncul di dalam Sunday Times, 5 April 1964

Lukisan Maurice Wilson

Binaan Semula N. Parker, National Geographic, September 1960

maklumat visual, pembentukan semula ini telah membantu matlamat evolusionis, iaitu untuk meyakinkan masyarakat bahawa makhluk-makhluk yang telah diubah suai ini sememangnya telah wujud di masa lampau.

Pada peringkat ini kita perlu menggariskan beberapa fakta penting: pembentukan semula yang dilakukan ini hanya berdasarkan kepada saki baki tulang hanya dapat menjelaskan beberapa kriteria asas objek tersebut memandangkan butiran-butiran yang lebih jelas terdiri daripada tisu-tisu lembut yang mudah reput ditelah zaman. Oleh itu, dengan tafsiran samar terhadap tisu-tisu ini, maka lukisan atau model yang diubah suai ini bergantung sepenuhnya kepada imaginasi khayalan individu yang melakukannya. **Earnts A. Hooten**, daripada Harvard, menerangkan situasi ini seperti berikut:

> *Untuk cuba mengembalikan bahagian-bahagian yang lembut ini adalah sesuatu yang amat sukar. Bibir, mata, telinga dan hujung hidung tidak meninggalkan sebarang tanda di atas mana-mana bahagian tulang. Kamu mungkin, dengan bantuan peralatan-peralatan yang sempurna, dapat mereka tengkorak Neanderthal seperti seekor cimpanzi atau seperti seorang ahli falsafah. Pembentukan semula yang didakwa sebagai sejenis manusia purba ini, mempunyai (jika ada) nilai saintifik yang amat rendah dan hanya akan*

mengelirukan masyarakat umum. Oleh itu jangan sekali-kali kamu mempercayai pembentukan semula ini.[54]

Tambahan pula, para evolusionis ini telah mereka berbagai cerita dongeng, sehinggakan mereka menggambarkan wajah yang berbeza dengan berdasarkan kepada tengkorak yang sama. Sebagai contoh, tiga buah lukisan binaan semula yang dibuat berdasarkan sebuah fosil yang digelar *"Australopithecus Robustus (Zinjanthroptus)"*, merupakan sebuah bukti terkenal terhadap kepalsuan ini.

Tafsiran yang berat sebelah terhadap fosil-fosil ini atau pemalsuan terhadap berbagai khayalan pembinaan semula ini, menunjukkan betapa kerapnya para evolusionis ini menggunakannya untuk menipu. Malah mereka tidak sedikit pun merasa bersalah apabila membayangkan bahawa penipuan mereka ini telah tinggal kekal di dalam lipatan sejarah evolusi.

Bab 8

PENIPUAN EVOLUSI

Tidak terdapat sebarang bukti kukuh untuk menyokong imej "manusia-beruk" yang terus didoktrinkan oleh pihak media dan golongan akademik evolusionis. Dengan berus yang masih di tangan, para evolusionis ini menghasilkan makhluk khayalan mereka, tetapi kenyataan bahawa lukisan-lukisan mereka ini langsung tidak menepati fosil-fosil yang ditemui, telah memberikan masalah yang besar kepada mereka. Antara cara yang digunakan untuk menangani masalah ini ialah dengan **"mencipta" fosil-fosil yang sebenarnya tidak pernah ditemui.** Piltdown Man, skandal terbesar di dalam sejarah sains, merupakan di antara contoh metode tersebut.

PILTDOWN MAN: Sekeping Rahang Orang Utan dan Sebiji Tengkorak Manusia

Seorang doktor yang amat dikenali yang juga seorang ahli paleontologi (ilmu kaji manusia), **Charles Dawson** telah mendakwa menemui sekeping tulang rahang dan serpihan tengkorak manusia di dalam sebuah lombong di Piltdown, England dalam tahun 1912. Walau pun, rahang tersebut menyerupai beruk tetapi gigi dan tengkoraknya lebih mirip kepada manusia. Ia kemudian telah dikenali sebagai **"Piltdown Man"**. Ia didakwa berusia 500 ribu tahun dan telah dipamerkan di beberapa buah muzium sebagai bukti evolusi manusia yang jelas. Selama 40 tahun, ramai saintis telah menulis berbagai artikel berkenaan Piltdown Man ini. Berbagai tafsiran dan lakaran lukisan telah dihasilkan, dan fosil ini kemudian telah dikemukakan sebagai sebuah bukti penting terhadap evolusi manusia. Tidak kurang daripada 500 tesis

kedoktoran telah ditulis di bawah tajuk ini.[55] Seorang ahli paleontologi Amerika, **Henry Fairfield Osborn**, ketika melawat Muzium British dalam tahun 1935, telah berkata, "... kita perlu diperingatkan berulang-ulang kali bahawa Alam Semula jadi ini dipenuhi dengan berbagai paradok dan ini merupakan sebuah penemuan yang memeranjatkan tentang manusia terawal ..."[56]

Pada tahun 1949, **Kenneth Oakley**, daripada Jabatan Paleontologi Muzium British telah melakukan "ujian florin", satu ujian yang dijalankan untuk mengenal pasti usia sesebuah fosil lama. Suatu ujian telah dijalankan ke atas fosil Piltdown Man ini. Hasilnya amat memeranjatkan! Ketika ujian, didapati tulang rahang tersebut tidak mengandungi sebarang florin. Ini menunjukkan bahawa ia telah ditanam beberapa tahun sahaja di dalam tanah. Sementara, tengkorak tersebut pula hanya mengandung sedikit florin, menunjukkan bahawa ia hanya berusia beberapa ribu tahun sahaja.

Kajian seterusnya yang dijalankan dengan menggunakan kaedah ujian florin yang sama telah mendapati bahawa tengkorak tersebut hanya berusia beberapa ribu tahun sahaja. Ia juga telah menunjukkan bahawa gigi-gigi yang terdapat pada rahang tersebut adalah kepunyaan seekor orang utan yang telah dipasangkan (pada rahang tersebut) dan segala peralatan primitif yang ditemui adalah bahan tiruan yang telah dipalsukan dengan peralatan-peralatan besi.[57] Di dalam ujian lebih terperinci yang telah disempurnakan oleh **Weiner**, penipuan ini telah didedahkan kepada umum pada tahun 1953. **Tengkorak tersebut adalah kepunyaan manusia berusia 500 ribu tahun dan tulang rahang tersebut pula adalah kepunyaan seekor orang utan moden yang telah mati !**. Gigi-giginya pula telah diaturkan di dalam satu susunan dan dimasukkan ke dalam rahang, dan ia juga telah ditokok tambah untuk menjadikannya lebih mirip kepada manusia. Kemudian semua serpihan ini telah disalut dengan *"potassium dichromate"** untuk menjadikannya kelihatan usang. Lapisan yang disalut ini mulai hilang apabila ia

** **Potassium Dichromate** – sejenis bahan kimia tidak berwarna seperti kristal, digunakan di dalam perusahaan mancis dan bahan letupan. (KC103)*

KISAH SEBUAH PENIPUAN

1 Fosil-fosil tersebut telah digali oleh Charles Dawson dan telah diberikan kepada Sir Arthur Smith Woodward



2 Serpihan-serpihan telah dipasang semula untuk membentuk tengkorak terkenal

Serpihan Tengkorak Manusia



Rahang Orang Utan

3 Berdasarkan kepada pemasangan semula tengkorak tersebut, beberapa lukisan dan ukiran telah dihasilkan, sejumlah artikel dan dokumentari telah ditulis. Tengkorak asal telah dipamerkan di Muzium British.



4 Setelah 40 tahun selepas penemuannya, fosil Piltdown Man telah dibuktikan sebagai satu penipuan oleh sekumpulan penyelidik.



direndam ke dalam asid. **Le Gros Clark**, antara individu yang terlibat di dalam kumpulan yang membongkar penipuan ini tidak dapat menyembunyikan rasa terperanjatnya dan berkata, **"Bukti kepalsuan ini amat jelas kelihatan**. Ianya amat ketara sehinggakan mereka tertanya-tanya – bagaimana mereka tidak dapat mengesannya sebelum ini?".[58] Setelah menyedari keadaan ini, Piltdown Man telah dipindahkan dengan segera daripada Muzium British setelah dipamerkan selama 40 tahun.

NEBRASKA MAN: Sebatang Gigi Babi

Di dalam tahun 1922, **Henry Fairfield Osborn**, pengurus American Museum of Natural History, mendakwa telah menemui sebatang fosil gigi geraham di barat Nebraska berhampiran Snake Brook, kepunyaan Zaman Pliocene. Gigi tersebut mempunyai kriteria-kriteria yang mirip kepada manusia dan beruk. Perbalahan di antara saintis mula berlaku apabila sebahagian daripada mereka mendakwa ianya adalah daripada Pithecanthropus erectus. Sementara yang lain pula mendakwa ianya adalah lebih mirip kepada manusia. Fosil yang telah menimbulkan perbalahan ini telah dinamakan sebagai **"Nebraska Man"**. Ia juga telah dinamakan dengan "istilah saintifik", **Hesperopithecus haroldcooki**.

Banyak pihak telah memberikan sokongan mereka kepada Osborn. Dengan hanya berdasarkan kepada sebatang gigi ini, pembinaan semula kepala dan badan Nebraska Man telah dilakarkan semula. Malah Nebraska Man telah digambarkan bersama dengan isteri dan anak-



Gambar ini telah dilukis berdasarkan kepada sebatang gigi dan ia telah diterbitkan di dalam majalah Illustrated London News pada 24 Julai 1922. Bagaimana pun, para evolusionis merasa amat kecewa apabila ia telah dikenal pasti bukan kepunyaan beruk atau manusia, tetapi sebenarnya ia dalah kepunyaan satu spesies babi yang telah pupus.

anaknya seperti sebuah keluarga, dengan berlatarbelakangkan alam semula jadi.

Semua senario ini telah dihasilkan dengan hanya berdasarkan kepada sebatang gigi. Para evolusionis amat mengiktiraf "manusia hantu" ini. Sehinggakan apabila seorang penyelidik, **William Bryan** membantah keputusan mereka yang tidak adil dengan hanya berpandukan kepada sebatang gigi, maka beliau telah dikritik dengan hebatnya.


Pada 1927, bahagian-bahagian lain tengkorak telah ditemui. Berdasarkan kepada serpihan-serpihan baru ini, didapati gigi tersebut bukan kepunyaan seorang manusia atau seekor beruk. Sebaliknya, ia adalah kepunyaan sejenis babi liar di Amerika yang telah pupus, dikenali sebagai *prostennops*. William Bryan telah menulis sebuah artikel di dalam majalah Science bertajuk *"Hesperopithecus: Apparently not an ape nor a man"*.[59] Setelah itu, semua lukisan-lukisan Hesperopithecus haroldcooki telah dibuang daripada bacaan-bacaan evolusi.

OTA BENGA: Orang Asli Afrika Yang Dimasukkan Ke Dalam Sangkar

Setelah Darwin melanjutkan dakwaan beliau di dalam buku bertajuk "The Descent of Man", bahawa manusia terbentuk daripada beruk, dia mula mencari fosil-fosil untuk menyokong dakwaannya. Bagaimana pun, evolusionis percaya makhluk separuh manusia-beruk tidak hanya dapat ditemui di dalam bentuk fosil, tetapi ia juga hidup di kawasan-kawasan tertentu dunia. Pada awal kurun ke-20, penemuan **"rangkaian peralihan hidup"** telah menyebabkan berlakunya sebuah tragedi yang tidak diduga. Tragedi paling kejam melibatkan seorang kerdil yang digelar **Ota Benga.**

Ota Benga telah ditangkap pada tahun 1904 oleh seorang penyelidik di Congo. Nama yang diberikan kepadanya bermaksud "kawan". Dia mempunyai seorang isteri dan dua orang anak. Setelah dikurung dan dirantai seperti binatang, dia telah dibawa ke Amerika Syarikat dan evolusionis telah mempamerkannya di khalayak ramai di Pesta Dunia St.

Louis bersama dengan spesies-spesies beruk yang lain. Ia diperkenalkan sebagai **"rangkaian peralihan paling hampir dengan manusia"**. Dua tahun kemudian, mereka membawanya ke Zoo Bronx di New York dan mereka mempamerkannya di bawah sektor "Peninggalan Nenek Moyang Manusia", bersama dengan beberapa ekor cimpanzi, seekor gorila bernama Dilah dan seekor orang utan bernama Dohung. **Dr. William T. Hornaday**, pengarah zoo berkenaan telah memberikan ucapan yang panjang lebar betapa beliau merasa amat bangga kerana menempatkan "formasi peralihan" ganjil ini di zoonya. Dia telah melayan Ota Benga seolah-olah ia adalah benar-benar seekor haiwan. Kerana tidak tahan menerima layanan buruk ini, Ota Benga telah membunuh diri.[60]



OTA BENGA: Pigmi di dalam zoo

Piltdown Man, Nebraska Man, Ota Benga... semua skandal-skandal ini menunjukkan bahawa saintis evolusionis tidak akan teragak-agak untuk menggunakan apa sahaja cara yang tidak saintifik untuk membuktikan teori mereka. Tanamkan fakta ini di dalam fikiran apabila melihat bukti-bukti yang didakwa sebagai legenda evolusi manusia, kerana kita berhadapan dengan situasi yang sama. Terdapat berbagai cerita khayalan dan sekumpulan sukarelawan yang bersedia untuk melakukan apa sahaja bagi mengesahkan cerita ini.

Bab 9

SENARIO EVOLUSI MANUSIA

Di dalam bab-bab yang lepas kita dapat melihat tidak terdapat sebarang mekanisme semula jadi yang boleh menyebabkan suatu hidupan itu berubah, dan spesies hidupan tidak wujud hasil daripada proses evolusi, tetapi sebaliknya ia diciptakan di dalam keadaan yang telah sedia sempurna. Ia diciptakan satu per satu (individu). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa "evolusi manusia" adalah sebuah cerita yang tidak pernah berlaku.

Jadi apa yang dikemukakan oleh para evolusionis ini sebagai asas teori mereka?

Asas mereka ialah kewujudan perbagai fosil yang membolehkan mereka mencipta tafsiran khayalan. Menurut sejarah, terdapat **6000** spesies beruk pernah hidup di muka bumi ini, tetapi sebahagian besar daripadanya telah pun terpupus. Hari ini hanya terdapat **120** spesies yang masih hidup. 6000 spesies beruk yang sebahagian daripadanya telah pupus inilah yang menjadi sumber utama evolusionis.

Evolusionis mencatatkan evolusi manusia ini dengan menyusun beberapa tengkorak yang bertepatan dengan kehendak mereka, daripada yang paling kecil hingga yang paling besar dan menaburkan (mencampurkan) tengkorak-tengkorak bangsa manusia yang telah pupus bersama. Menurut senario ini, manusia moden dan beruk yang ada hari ini berasal daripada keturunan yang sama. Makhluk ini berubah mengikut edaran masa, dan sebahagian daripadanya menjadi beruk hari ini, sementara sebahagian yang lain yang mengikut cabang evolusi yang berbeza berubah menjadi manusia moden.

Bagaimanapun, semua kajian paleontologi, anatomi dan biologi

telah membuktikan bahawa dakwaan evolusi ini adalah dongengan dan tidak sah seperti yang lain juga. Tidak terdapat sebarang pendapat dan bukti yang dapat dikemukakan untuk membuktikan terdapat hubungan di antara manusia dan beruk, melainkan penipuan, pemalsuan, dan lukisan-lukisan dan komentar yang tersasar.

Rakaman fosil telah membuktikan kepada kita melalui sejarah, bahawa manusia asalnya adalah manusia dan beruk berasal daripada beruk juga. Sebahagian daripada fosil-fosil yang didakwa oleh evolusionis sebagai kepunyaan nenek moyang manusia, sebenarnya milik satu kaum yang hidup sekitar 10,000 tahun dahulu dan kemudian telah pupus. Tambahan pula, banyak komuniti manusia yang hidup hari ini mempunyai penampilan dan kriteria yang sama dengan kaum ini. Semua ini menjadi bukti yang jelas bahawa manusia tidak pernah mengalami sebarang proses evolusi pada mana-mana jangka masa sejarah.

Yang lebih penting ialah terdapat berbagai perbezaan anatomi (binaan tubuh badan) di antara manusia dan beruk, dan tidak satu pun di antaranya yang menunjukkan ianya terhasil daripada proses evolusi. **"Bipedality"**, (berkaki dua) adalah di antara contohnya. Sebagaimana yang akan kami terangkan kemudian nanti, dua kaki adalah sifat khusus kepada manusia sahaja, dan ia merupakan sifat paling penting yang membezakan di antara manusia daripada haiwan-haiwan lain.

Susun Salur Khayalan Manusia

Dakwaan Darwinis berpegang bahawa manusia moden hari ini telah mengalami perubahan daripada sejenis makhluk seperti beruk. Ketika berlaku proses evolusi, yang dipercayai berlaku sekitar 4-5 bilion tahun yang lalu, didakwa terdapat beberapa "formasi peralihan" *(transtional forms)* di antara manusia moden dan nenek moyangnya. Berdasarkan kepada senario khayalan ini, empat kategori asas telah disenaraikan:

1. Australopithecines (Australopithecus)

2. Homo habilis


3. Homo erectus

4. Homo sapiens

Para evolusionis menamakan kategori ini sebagai **"Australopithecus"** yang bermaksud "beruk Afrika Selatan". Australopithecus, yang tidak lebih daripada sejenis beruk purba yang telah pupus, mempunyai beberapa jenis. Sebahagiannya memiliki susuk tubuh yang sempurna, sementara yang lain bertubuh kecil dan kurus.


Evolusionis mengklafikasikan peringkat berikutnya sebagai "homo", iaitu manusia. Menurut dakwaan mereka, hidupan pada peringkat "Homo" ini lebih maju daripada Australopithecus, dan tidak banyak berbeza dengan manusia moden kini. Manusia moden ini, yang dikenali

SEKEPING TULANG RAHANG SEBAGAI CETUSAN INSPIRASI





Fosil Ramapithecus pertama yang ditemui: sebuah rahang yang hilang telah disambungkan dua bahagian. Evolusionis melukiskan Ramapithecus, keluarganya dan persekitaran mereka hidup, dengan hanya berdasarkan kepada tulang-tulang rahang ini.



sebagai "homo sapiens", dikatakan telah mengalami perubahan pada peringkat terakhir proses evolusi spesies ini.

Fosil-fosil seperti **"Java Man"**, **"Pekin Man"** dan **"Lucy"**, yang sering muncul di dalam berbagai mas media, adalah tergolong di dalam empat spesies yang telah disenaraikan di atas. Spesies- spesies ini dianggarkan telah berpecah kepada beberapa spesies cabang.

Sesetengah formasi peralihan ini, seperti **"Ramapithecus"** telah dikeluarkan daripada senarai khayalan evolusi pokok manusia setelah dikenal pasti ianya sebagai hanya sejenis spesies beruk biasa sahaja.[61]

Dengan menyambungkan rantaian-rantaian ini seperti berikut, **Australopithecus > Homo habilis > Homo erectus > Homo sapiens**, para evolusionis mendakwa setiap satu menjadi moyang kepada yang lain. Walau bagaimana pun, kajian paleontologi telah mendapati bahawa Australopithecus, Homo habilis dan Homo erectus, telah wujud di kawasan yang berbeza tetapi di dalam waktu yang sama. Tambahan pula, satu segmen manusia yang diklafikasikan sebagai Homo erectus telah hidup sehingga ke zaman moden. **Homo Neandarthalensis** dan Homo sapiens (manusia moden) telah wujud di dalam waktu yang sama. Oleh itu, ia menunjukkan dengan jelas ketidaktepatan dakwaan bahawa mereka adalah moyang kepada yang lain.

Pada dasarnya, semua penyelidikan dan kajian saintifik telah mendedahkan bahawa rekod-rekod fosil tidak menunjukkan berlakunya sebarang proses evolusi, seperti yang didakwa oleh evolusionis. Malah, fosil-fosil ini sebenarnya kepunyaan sekelompok kaum atau spesies-spesies beruk.

Jadi, fosil yang manakah kepunyaan manusia, dan yang mana pula kepunyaan beruk? Dan apakah mungkin untuk salah satu daripadanya menjadi formasi peralihan? Untuk mendapatkan jawapan, mari kita selidik setiap kategori dengan lebih dekat.

Australopithecus : Sejenis Spesies Beruk

Australopithecus, adalah kategori pertama yang juga dikenali

sebagai "Beruk Selatan". Ia dianggarkan telah muncul di Afrika pada sekitar 4 juta tahun dahulu dan mereka telah hidup sehingga sejuta tahun. Terdapat beberapa pengklafikasian lain di dalam Australopithecus. Evolusionis menganggarkan spesies yang paling tua ialah **A. Afaransis**. Kemudian diikuti dengan **A. Africanus**, yang mempunyai tulang yang lebih kecil. Seterusnya, **A. Robustus**, yang mempunyai tulang yang lebih besar. Sementara, **A. Boisei**, sebahagian penyelidik menganggapnya sebagai spesies yang lain, dan sebahagian yang lain menerimanya sebagai pecahan spesies A. Robustus.

Semua spesies Autralopithecus adalah beruk-beruk yang telah pupus yang menyerupai beruk hari ini. Saiz tengkorak mereka adalah sama atau lebih kecil daripada cimpanzi kini. Mereka menggerakkan tangan dan kaki mereka untuk memanjat seperti cimpanzi dan kaki mereka mempunyai kebolehan untuk bergayutan di dahan pokok. Mereka bertubuh kecil (maksimum 130 cm/5inci), dan seperti cimpanzi kini, Australopithecus jantan mempunyai tubuh yang lebih besar daripada betina. Kebanyakan kriteria seperti butir-butir khusus pada tengkorak mereka, jarak mata yang rapat, gigi geraham yang tajam, struktur rahang, tangan yang panjang, dan kaki yang pendek, adalah bukti jelas yang menunjukkan hidupan-hidupan ini tidak berbeza daripada beruk-beruk hari ini.

Evolusionis mendakwa, walaupun Australopithecus mempunyai struktur tubuh seperti beruk tetapi ia berjalan menegak seperti manusia, bukan seperti beruk.

Fakta **"berjalan menegak"** ini telah dipegang oleh ahli paleontologi seperti **Richard Leakey** dan **Donald C. Johanson** selama beberapa dekad.Tetapi, ramai saintis telah menjalankan penyelidikan terhadap struktur rangka Australopithecus dan membuktikan dakwaan tersebut tidak sah. Kajian mendalam telah dilakukan ke atas beberapa spesies Australopithecus oleh dua orang ahli anatomi yang terkenal dari England dan Amerika Syarikat, iaitu **Lord Solly Zukerman** dan **Prof. Charles Oxnard**. Ia telah membuktikan bahawa makhluk ini tidak bergerak dengan menggunakan dua kaki (seperti manusia), sebaliknya bergerak

seperti pergerakan beruk hari ini. Setelah mengkaji tulang-tulang fosil ini selama 15 tahun dengan menggunakan peralatan-peralatan yang disumbangkan oleh kerajaan British, Lord Zukerman bersama kumpulannya telah membuat kesimpulan bahawa, Australopithecus hanyalah **satu spesies beruk biasa dan sama sekali tidak berjalan dengan dua kaki**, sedangkan beliau sendiri adalah seorang evolusionis.[62] Demikian juga dengan, Charles Oxnard, seorang lagi evolisionis yang terkenal dengan kajian beliau di dalam subjek ini, beliau juga telah menyamakan kerangka Australopithecus ini dengan orang utan moden.[63] Akhirnya, pada tahun 1994, sebuah pasukan daripada Universiti Liverpool telah menjalankan penyelidikan secara mendalam untuk mendapatkan konklusi yang tepat. Akhirnya, **"mereka membuat kesimpulan bahawa Australopithecus adalah quadripedal"** (haiwan yang berjalan dengan empat kaki).[64]

Secara ringkasnya, Australopithecus ini tidak mempunyai sebarang kaitan dengan manusia, ia hanyalah sejenis spesies beruk yang telah pupus.

Homo Habilis : Seekor Beruk Yang Diperkenalkan Sebagai Manusia

Persamaan paling ketara di antara struktur rangka dan tengkorak Australopithecus dan cimpanzi dan penyanggahan dakwaan bahawa makhluk ini berjalan menegak, memberikan kesukaran kepada ahli paleontologi evolusionis. Ini kerana, menurut khayalan evolusi, **Homo erectus** datang selepas Australopithecus. Sedangkan, "homo" bermaksud manusia, oleh itu Homo erectus adalah sekelas dengan manusia dan tulang rangkanya adalah menegak. Saiz tengkoraknya juga adalah dua kali ganda daripada Australopithecus. Perantaraan terus dari Australopithecus, yang mirip cimpanzi/beruk, kepada Homo erectus, yang mempunyai tulang rangka tidak jauh berbeza dengan manusia moden, adalah mustahil walau jika dilihat berdasarkan teori evolusi sekali pun. Oleh itu, "rangkaian" iaitu formasi perantaraan, amat

diperlukan. Maka **Homo habilis** pun diperkenalkan (sebagai formasi perantaraan Australopithecus-Homo erectus).

Homo habilis telah diperkenalkan sebagai sebuah keluarga yang sempurna pada tahun 1960an oleh **Leakeys** yang dikenali sebagai "pemburu fosil". Menurut Leakeys, spesies baru yang dikelaskan sebagai Homo habilis ini mempunyai kapasiti tengkorak yang besar, kebolehan berjalan tegak dan menggunakan batu dan kayu sebagai peralatan dan mempunyai tengkorak yang lebar. Oleh itu, kemungkinan ia adalah moyang manusia.

Bagaimana pun, penemuan fosil baru daripada spesies yang sama yang telah ditemui pada akhir 1980an telah mengubah sepenuhnya dakwaan ini. Sebahagian pengkaji seperti, **Bernard Wood** dan **C. Loring Brace** telah membuat kenyataan berdasarkan kepada penemuan baru ini, bahawa Homo habilis, yang bermaksud "manusia yang mampu menggunakan peralatan", sepatutnya diklafikasikan sebagai **"Australopithecus habilis"**, bererti, "beruk Afrika Selatan yang pandai menggunakan peralatan". Ini kerana Homo habilis mempunyai banyak kriteria yang menyamai spesies beruk Australopithecus. Ia memiliki tangan yang panjang, kaki yang pendek dan struktur tengkorak seperti beruk, begitu juga dengan Australopithecus. Jari-jari dan ibu jarinya amat sesuai untuk memanjat. Struktur rahangnya amat mirip dengan beruk-beruk biasa. Keluasan tengkoraknya yang berukuran 550ks (kubin sentimeter) adalah tanda yang jelas menunjukkan bahawa ia adalah sejenis spesies beruk. Kesimpulannya, Homo habilis yang diperkenalkan sebagai spesies yang berbeza sebenarnya adalah daripada spesies yang sama dengan Australopithecus.

Kajian-kajian yang dilakukan beberapa tahun kemudian telah mendapati bahawa Homo habilis tidak berbeza dengan Australopithecus. Fosil tengkorak dan rangka OH62 yang ditemui oleh **Tim White** menunjukkan bahawa spesies ini mempunyai keluasan tengkorak yang kecil, tangan yang panjang dan kaki yang pendek, yang membolehkannya memanjat pokok, seperti beruk-beruk moden.

Analisis yang lebih terperinci yang telah dilakukan oleh seorang

AUSTRALOPITHECUS: SEEKOR BERUK YANG PUPUS




Fosil pertama telah ditemui di Uthopia, Hadar, yang dianggarkan kepunyaan spesies Australopithecus aferensis: AL 288 – 1 atau "Lucy". Untuk beberapa lama evolusionis bermatian untuk membuktikan Lucy dapat berjalan tegak: tetapi penyelidikan terkini telah membuktikan bahawa haiwan ini hanyalah seekor beruk biasa dengan belakang yang bongkok.

Fosil Australopithecus aferensis AL – 333-105 di bawah adalah kepunyaan anggota spesies ini yang masih muda. Kerana itulah, bonjolan masih belum terbentuk pada tengkoraknya.





Gambar di atas ialah fosil tengkorak Australopithecus aferensis AL 444-2, dan di bawah pula adalah tengkorak seekor beruk kini. Persamaan antara keduanya menunjukkan bahawa A. aferensis adalah seekor beruk biasa, tanpa sebarang sifat-sifat manusia.



pakar antropologi Amerika, **Holly Smith** pada tahun 1994, telah membuktikan bahawa Homo habilis sebenarnya bukan "homo" atau "manusia", tetapi ia adalah beruk. Berkenaan dengan analisisnya terhadap gigi Australopithecus, Homo habilis, Homo erectus dan Homo Neandertalensis, beliau telah mengeluarkan kenyataan berikut:

> *Dengan membataskan analisis fosil-fosil untuk mengenal pasti beberapa kriteria, **bentuk pembinaan gigi, Australopithecus dan Homo habilis telah dikelaskan bersama dengan beruk-beruk Afrika.** Sementara Homo erectus dan Neanderthal dikelaskan bersama dengan manusia.*[65]

Di dalam tahun yang sama, **Fred Spoor**, **Bernard Wood** dan **Frans Zonneveld**, semuanya pakar di dalam bidang anatomi, mereka telah mendapat konklusi yang sama melalui metode kajian yang sama sekali berbeza. Metode kajian ini berdasarkan analisis komparatif terhadap saluran separuh bulat di dalam telinga manusia dan beruk yang membantu keseimbangan badan. Saluran separuh bulat manusia yang berjalan menegak didapati berbeza dengan saluran beruk yang berjalan membongkok. Saluran separuh bulat di dalam telinga Australopithecus dan Homo habilis yang telah dikaji oleh Spoor, Wood dan Zonneveld adalah menyamai saluran separuh bulat beruk moden kini. Sementara, saluran Homo Erectus adalah sama dengan manusia.[66]

Penemuan ini telah mendedahkan dua keputusan penting:

1. Fosil-fosil yang dirujuk sebagai Homo habilis sebenarnya bukan kepunyaan kelas "homo" (manusia), tetapi ia kepunyaan Australopithecus atau beruk.

2. Kedua-duanya, Homo habilis dan Australopithecus, adalah jenis haiwan yang berjalan bongkok, oleh itu, ia memiliki rangka seekor beruk. Oleh itu, mereka tidak mempunyai sebarang kaitan dengan manusia.

HOMO RUDOLFENSIS : Wajah Yang Tersalah Pasang

Istilah Homo rudolfensis adalah nama yang diberikan kepada beberapa serpihan fosil baru yang ditemui pada tahun 1972. kelas yang diwakili oleh fosil-fosil ini dikenali sebagai Homo rudolfensis kerana ia

HOMO HABILIS: SATU LAGI BERUK YANG TELAH PUPUS



Untuk sekian lama, evolusionis mendakwa bahawa makhluk yang mereka gelar *Homo habilis* dapat berjalan tegak. Mereka menyangkakan telah menemui rantaian yang merintang daripada beruk kepada manusia. Tetapi , fosil *Homo habilis* terbaru yang ditemui oleh Tim White pada 1986 dan menamakannya sebagai OH 62 telah membatalkan dakwaan ini. Kerangka fosil ini menunjukkan bahawa Homo habilis mempunyai tangan yang panjang dan kaki yang pendek sama seperti beruk hari ini. Fosil ini telah menamatkan dakwaan bahawa *Homo habilis* adalah makhluk bipedal yang dapat berjalan tegak. Sebenarnya, Homo habilis adalah satu spesies beruk biasa sahaja.



"OH 7 Homo habilis" seperti yang dapat dilihat di dalam gambar merupakan fosil yang dapat menggarap dengan baik sifat-sifat tulang rahang spesies Homo habilis. Fosil rahang ini mempunyai gigi kacip yang besar. Gigi gerahamnya adalah kecil. Bentuk rahang ini adalah bulat. Semua sifat-sifat ini menjadikan rahang ini kelihatan amat mirip dengan beruk hari ini. Dengan kata lain, rahang Homo habilis ini sekali lagi telah membuktikan bahawa makhluk ini adalah seekor beruk.

ditemui di persekitaran Sungai Rudolf, Kenya. Kebanyakan ahli paleontologi berpendapat bahawa fosil-fosil ini tidak berasal daripada spesies yang jelas, tetapi hidupan yang bergelar Homo rudolfensis ini sebenarnya adalah seekor Homo habilis.

Richard Leakey, yang telah menggali fosil-fosil ini, telah memperkenalkan sebiji tengkorak yang dinamakan **"KNM-ER 1470"** yang dikatakan berusia 2.8 juta tahun dahulu, sebagai penemuan terhebat di dalam sejarah antropologi dan mempunyai kesan yang besar. Menurut Leakey, hidupan ini yang mempunyai keluasan tengkorak yang kecil seperti Australopithecus, di samping wajah seorang manusia, adalah rangkaian yang hilang di antara Australopithecus dan manusia.

Namun begitu, tidak beberapa lama kemudian, telah difahami bahawa wajah manusia pada tengkorak KNM-ER 1470 yang telah kerap disiarkan di muka hadapan majalah-majalah sains ini, sebenarnya adalah hasil kesilapan penggabungan serpihan-serpihan tengkorak yang mungkin juga disengajakan. **Prof. Tim Bromage**, yang telah menjalankan ujian anatomi ke atas wajah manusia, telah menggariskan fakta-fakta berikut yang telah ditemui dengan bantuan simulasi komputer pada tahun 1992:

> *Apabila ia (KNM-ER 1470) pertama kali dicantumkan semula, wajahnya padan dengan tengkorak tersebut dalam posisi menegak, ia lebih mirip kepada wajah manusia. Tetapi kajian hubungan anatomi terbaru, menunjukkan bahawa ketika hidup sepatutnya wajah tersebut tersembul keluar dan menunjukkan satu aspek menyerupai beruk, atau lebih tepat menyerupai Australopithecus.*[67]

Seorang lagi ahli paleontologi yang juga seorang evolusionis, **J.E Cronin** mengeluarkan kenyataan berikut terhadap perkara ini:

> *… secara relatifnya, ia adalah wajah yang dibina dengan tegap, hidung berkonsonan klivus (clivus) yang rata, (menyerupai wajah Australopithecus), keluasan tengkorak yang rendah maksimumnya (di atas pelipis), gigi taring yang kuat dan gigi geraham yang besar (seperti yang ditunjukkan oleh akarnya), semuanya ini secara relatifnya adalah bersifat primitif yang*

menyebabkannya lebih sesuai dikelaskan di dalam kumpulan A.africanus.[68]

C. Loring Brance daripada Universiti Michigan, telah membuat kesimpulan yang sama seperti hasil analisis yang dibuat ke atas struktur rahang dan gigi 1470, dan menyatakan bahawa rahang dan bahagian yang mengandungi gigi geraham menunjukkan bahawa ER 1470 memiliki wajah dan gigi seekor beruk Australopithecus.[69]

Prof. Alan Walker, seorang ahli paleontologi daripada Universiti John Hopkins yang telah melakukan banyak kajian ke atas ER 1470, seperti Leakey, beliau mempertahankan bahawa hidupan ini tidak seharusnya dikelaskan sebagai "homo", iaitu spesies manusia seperti Homo habilis atau Homo Redolfensis. Sebaliknya, ia sepatutnya dikelaskan di bawah spesies Australopithecus.[70]

Kesimpulannya, pengklafikasian seperti Homo habilis atau Homo rudolfensis yang dikemukakan sebagai rangkaian perantaraan di antara Australopithecus dan Homo erectus, sebenarnya adalah khayalan semata mata. Seperti yang telah disahkan oleh ramai penyelidik hari ini, bahawa hidupan ini sebenarnya adalah cabang daripada Australopithecus. Semua ciri-ciri anatomi mereka menunjukkan ia adalah sejenis spesies beruk.

Selepas makhluk-makhluk ini yang setiap daripadanya adalah spesies beruk, datang pula fosil-fosil "homo" yang merupakan fosil-fosil manusia.

HOMO ERECTUS dan Selepasnya : Manusia Sebenar

Mengikut rancangan khayalan evolusionis, evolusi dalaman spesies Homo adalah seperti berikut:


Yang pertama ialah Homo Erectus, kemudian Homo sapiens archaic dan Neanderthal Man, diikuti dengan Cro-Magno Man dan akhirnya manusia moden. Bagaimanapun, pengklafikasian-pengklafikasian ini hanyalah perbezaan bangsa-bangsa manusia sahaja. Perbezaan di antara mereka tidak lebih daripada perbezaan seorang Inuit (yang berkulit putih) dan seorang hitam atau seorang kerdil dan seorang berbangsa Eropah.

Mari kita kaji dahulu Homo erectus, yang dikenali sebagai spesies manusia yang paling primitif. Apabila dimasukkan perkataan "erectus", maka Homo erectus bererti, "manusia yang berjalan tegak". Para evolusionis telah membahagikan manusia-manusia ini dengan menambahkan kualiti "kesukaran berdiri tegak", kerana semua fosil-fosil homo adalah menegak/lurus, yang tidak terdapat pada mana-mana spesimen Australopithecus atau Homo habilis. **Tidak terdapat sebarang perbezaan di antara tengkorak manusia moden dan Homo erectus.**

Sebab utama evolusionis mendefinisikan Homo erectus sebagai primitif ialah kerana keluasan tengkoraknya (900-1100 kubik sentimeter) yang lebih kecil daripada manusia moden, dan kedudukan keningnya yang rapat. Bagaimanapun, **terdapat ramai manusia yang hidup di zaman moden ini mempunyai keluasan tengkorak yang sama dengan Homo erectus** (contohnya orang kerdil), dan terdapat bangsa-bangsa lain yang mempunyai kening yang menonjol *(seperti Australian Aborigines - orang asli Australia)*.

Telah menjadi fakta yang disepakati bersama bahawa perbezaan lebar tengkorak tidak menunjukkan perbezaan kecerdikan atau kebijaksanaan. Sebaliknya, kebijaksanaan bergantung lebih kepada organ-organ dalaman otak daripada keluasannya.[71]

Fosil yang menjadikan Homo erectus terkenal di seluruh dunia ialah fosil **Pekin Man** dan **Java Man** yang ditemui di Asia. Bagaimana pun, telah dikenal pasti bahawa kedua-duanya tidak asli. Pekin Man mengandungi beberapa elemen yang diperbuat daripada plaster menggantikan serpihan asli yang telah hilang. Sementara, Java Man pula adalah gabungan serpihan tengkorak yang bercampur dengan tulang pinggul, yang ditemui beberapa meter daripadanya, tanpa ada tanda-tanda menunjukkan keduanya daripada hidupan yang sama. Kerana itulah. Maka fosil-fosil Homo erectus yang ditemui di Afrika menjadi amat penting. (perlu dijelaskan bahawa terdapat beberapa fosil yang dikatakan sebagai Homo erectus sebenarnya terletak di dalam kelas kedua yang digelar, **"Homo Ergaster"** oleh sebahagian evolusionis. Terdapat percanggahan di antara mereka di dalam isu ini.





HOMO ERECTUS: SATU BANGSA MANUSIA PURBA



Homo erectus bermaksud "manusia tegak". Semua fosil yang tergolong di dalam spesies ini adalah kepunyaan beberapa bangsa manusia. Memandangkan kebanyakan fosil-fosil Homo erectus tidak mempunyai sifat-sifat yang sama, adalah amat sukar untuk menggarap manusia-manusia ini berdasarkan kepada tengkorak mereka. Kerana itulah, penyelidik-penyelidik evolusionis yang berbeza telah membuat berbagai pengklafikasian dan gelaran. Tengkorak di sebelah kiri atas yang telah ditemui di Koobi Fora, Afrika pada 1975 mungkin menggambarkan Homo erectus. Tengkorak sebelah kanan atas, adalah tengkorak Homo ergaster KNM-ER 3733 yang mempunyai kesamaran-kesamaran yang menjadi persoalan. Kapasiti tengkorak kepala semua fosil Homo erectus yang berbagai ini menjangkau di antara 900-1100 cc. Keluasan ini adalah pada had kapasiti tengkorak kepala manusia moden.

Rangka KNM-WT atau "Turkana Child" di sebelah kanan, adalah fosil manusia yang tertua dan paling lengkap pernah ditemui. Penyelidikan yang dilakukan ke atas tulang rangka ini yang dianggarkan berusia 1.6 juta tahun menunjukkan bahawa ia adalah kepunyaan seorang budak berusia 12 tahun yang mungkin mencapai ketinggian 1.80 m. Sekiranya dia meningkat dewasa. Fosil ini yang amat hampir dengan bangsa Neanderthal, merupakan bukti hebat yang membatalkan kisah evolusi manusia.

Evolusionis Donald Johnson menggarap fosil ini seperti berikut: "Dia tinggi dan kurus. Bentuk badan dan kadar tulang empat keratnya adalah sama dengan Ekuator Afrika kini. Saiz tulang empat keratnya adalah sama dengan orang dewasa bangsa kulit putih Amerika Utara".

PELAUT BERUSIA 700 RATUS TAHUN



"Manusia awal adalah lebih pintar daripada apa yang kita jangkakan..."
Berita yang disiarkan oleh *New Scientist* pada 14 Mac 1998, menyatakan bahawa manusia yang dikenali sebagai Homo erectus oleh evolusionis, sebenarnya adalah pelaut 700 ribu tahun dahulu. Manusia-manusia ini, mempunyai pengetahuan dan teknologi yang mencukupi untuk membina sebuah alat pengangkutan air dan memproses alam semula jadi untuk digunakan sebagai kenderaan laut, bolehkah mereka ini digelar sebagai 'primitif'?

Bagaimanapun, kita akan menganggap semua fosil ini berada di dalam kelas Homo erectus)

Penemuan spesimen Homo erectus yang paling masyhur ialah penemuan fosil **"Narikotome Homo erectus"** atau **"Turkana Boy"**, yang ditemui berhampiran Tasik Turkana, Kenya. Ia telah disahkan sebagai fosil kepunyaan budak berusia 12 tahun, mempunyai ketinggian 1.83 meter pada zaman remajanya. Struktur bahagian atas kanan rangkanya tidak berbeza dengan manusia moden. Oleh itu, seorang ahli paleontologi Amerika, **Alan Walker** menyatakan keraguannya"... ahli patologi (kaji penyakit) dapat menyebutkan perbezaan di antara fosil rangka tersebut dan rangka seorang manusia moden".[72] Berkenaan dengan tengkorak tersebut, Walker menyatakan bahawa "... ia kelihatan lebih mirip kepada Neanderthal".[73] Kita akan melihat di dalam bab-bab yang akan datang bahawa Neanderthal hanyalah sejenis bangsa manusia.

Oleh itu, Homo erectus juga adalah bangsa manusia.

Sedangkan seorang evolusionis, **Richard Leakey** menyatakan bahawa perbezaan di antara Homo erectus dan manusia moden tidak lebih daripada perbezaan di antara bangsa-bangsa manusia yang berbagai:

> *Seseorang dapat melihat perbezaan pada bentuk tengkorak tersebut, pada darjah penonjolan wajahnya, dahi yang tegap dan sebagainya.* ***Perbezaan-perbezaan ini tidak jauh berbeza dengan apa yang dapat kita lihat di antara bangsa-bangsa manusia moden yang dipisahkan oleh sempadan geografi.*** *Seperti variasi biologi yang meningkat apabila populasi terpecah di antara satu sama lain secara geografi untuk suatu jangka waktu yang panjang.*[74]

Prof. William Laughlin daripada Universiti Connecticut telah menjalankan beberapa ujian anatomi terhadap kaum Inuit dan mereka yang tinggal di Pulau-pulau Aleut, dan beliau mendapat kaum ini amat mirip dengan Homo erectus. Konklusi yang dapat dibuat oleh beliau ialah semua bangsa-bangsa ini sebenarnya berbeza daripada Homo sapiens (manusia moden).

Apabila kita mengkaji perbezaan-perbezaan yang terdapat pada kumpulan-kumpulan kaum yang terpencil seperti Eskimo dan Bushman yang tergolong di dalam spesies Homo sapiens, dapat disimpulkan bahawa Sinanthropus (fosil erectus - ALC) juga tergolong di dalam spesies yang sama.[75]

Dari segi lain, terdapat jurang yang besar di antara Homo erectus, bangsa manusia dan beruk yang menyebabkan Homo erectus didahulukan di dalam senario evolusi manusia, (Ausralopithecus, Homo habilis, Homo rudolfensis). Ini menunjukkan bahawa manusia pertama muncul adalah secara tiba-tiba dan mengejut tanpa sebarang proses evolusi. Ini jelas menunjukkan ia telah diciptakan.

Tetapi, menerima fakta ini bererti menolak falsafah dan ideologi evolusionis. Hasilnya, mereka cuba menggambarkan Homo erectus, yang merupakan manusia sebenar, sebagai makhluk separuh manusia-beruk.


Di dalam pemasangan semula Homo erectus, mereka melukis sifat-sifat monyet. Di segi lain pula, dengan menggunakan metode lukisan ini juga, mereka memasukkan sifat-sifat manusia kepada beruk seperti Australopithecus atau Homo habilis. Dengan menggunakan sama ini juga mereka cuba menyamakan beruk dan manusia, dan merapatkan jurang di antara keduanya.

NEANDERTHAL: Bangsa Manusia Yang Tegap

Neanderthal adalah sekelompok manusia yang muncul secara tiba-tiba 100 tahun dahulu di Eropah dan kemudian menghilang atau diasimilasikan melalui percampuran dengan bangsa-bangsa lain, sekitar 35 ribu tahun dahulu. Mereka hanya berbeza daripada manusia moden pada rangka mereka yang lebih tegap dan keluasan tengkorak yang lebih besar.

Neanderthel sebagai sekelompok manusia merupakan fakta yang telah diterima hampir semua orang hari ini. Evolusionis telah mencuba dengan bersungguh-sungguh untuk memperkenalkannya sebagai "spesies primitif". Tetapi, semua penemuan menunjukkan mereka tidak berbeza dengan seorang berbadan tegap yang berjalan di lorong-lorong hari ini. Seorang ahli paleontologi terkemuka di dalam subjek ini, **Eric Trinkaus** daripada Universiti Mexico, menulis seperti berikut:

> *Perbandingan terperinci terhadap serpihan-serpihan rangka Neanderthal dengan manusia moden menunjukkan bahawa tidak terdapat pada **tubuh Neanderthal kebolehan bergerak dari satu tempat ke satu tempat (locomotor/locomotion), manipulasi, kebijaksanaan atau kebolehan berbahasa yang berbeza atau lebih rendah daripada manusia.***[76]



TOPENG YANG SALAH: Walaupun tidak berbeza dengan manusia moden, Neanderthals masih dianggap sebagai makhluk separuh beruk oleh para evolusi

Ramai penyelidik terkini meletakkan Neanderthal Man sebagai satu cabang spesies manusia moden dan menggelarnya "Homo sapiens Neanderthal". Penemuan tersebut menunjukkan bahawa mereka juga menanam mayat-mayat mereka, mencipta rentak muzik dan mempunyai tamadun yang sama dengan Homo sapiens sapiens yang hidup pada zaman yang sama. Jelasnya, Neanderthal adalah sejenis bangsa manusia "tegap" yang hilang ditelan zaman.

HOMO SAPIENS ARCHAIC, HOMO HEIDERGENSIS, dan CRO-MAGNO MAN

Archaic Homo sapiens adalah langkah terakhir sebelum manusia moden, menurut rencana khayalan evolusionis. Sebenarnya, para evolusionis tidak dapat menerangkan dengan lebih terperinci tentang manusia ini, memandangkan hanya terdapat beberapa perbezaan yang amat kecil di antara mereka dan manusia moden. Malah, sebahagian besar penyelidik percaya bangsa ini masih hidup hingga kini dengan merujuk kepada bangsa Aborigine di Australia (orang asli Australia) sebagai contoh. Seperti juga Homo sapiens, bangsa Aborigine ini juga mempunyai kening yang menonjol, struktur tulang rahang yang dalam, dan tengkorak yang kecil. Tambahan pula, beberapa pencarian telah membawa kepada beberapa kelompok manusia yang hidup di Hungary dan di beberapa perkampungan di Itali, tidak beberapa lama dahulu.

Kumpulan yang dikategorikan sebagai Homo heilderbergensis ini, sebenarnya adalah sama dengan Homo sapiens archaic. Penggunaan dua istilah untuk pendefinisian satu bangsa manusia yang sama adalah disebabkan oleh konsep-konsep berbeza di antara oleh para evolusionis. Semua fosil yang dimasukkan di bawah kelas Homo heilderbergensis, dirujuk sebagai manusia yang mempunyai struktur tubuh badan yang mirip dengan bangsa Eropah yang telah hidup 500 ribu sehingga 750 ribu tahun dahulu di England dan kemudian di Sepanyol.

Telah dianggarkan bahawa Cro-Magnon Man telah hidup 30 ribu tahun dahulu. Ia memiliki tengkorak yang berbentuk kubah dan dahi


yang luas. Tengkoraknya berukuran 1600 kubin sentimeter, jauh lebih besar daripada tengkorak manusia kini. Ia mempunyai kening yang tebal dan tulang yang menonjol di belakang, sama seperti kriteria Neanderthal Man dan Homo erectus.

Walaupun, Cro-Magnon telah dianggap sebagai bangsa Eropah, tetapi struktur dan lebar tengkoraknya kelihatan lebih mirip kepada beberapa bangsa yang tinggal di Afrika dan kawasan-kawasan tropika hari ini. Berdasarkan persamaan ini, dianggarkan Cro-Magnon adalah satu bangsa purba Afrika. Beberapa ahli paleontologi lain pula mendapati kedua-dua Cro-Magnon dan Neanderthal telah bercampur aduk sehingga membentuk manusia moden kini. Tambahan pula, kini telah diterima bahawa Cro-Magnon masih hidup di kawasan-kawasan yang berbeza di Benua Afrika dan kawasan-kawasan Salute dan Dordogne di Perancis. Manusia yang mempunyai sifat-sifat yang sama juga boleh didapati tinggal di Poland dan Hungary.

Spesies-spesies Yang Tinggal Pada Zaman Yang Sama Dengan Moyang Mereka

Apa yang telah kita kaji setakat ini, telah memberikan gambaran yang jelas kepada kita, bahawa; senario evolusi manusia ini hanyalah rekaan semata-mata! Untuk mewujudkan sebuah susun salur keluarga *(family tree)*, satu perubahan secara beransur ansur daripada beruk kepada manusia sepatutnya telah berlaku, dan rekod fosil proses ini sepatutnya telah ditemui. Bagaimana pun, **terdapat jurang perbezaan yang jauh di antara beruk dan manusia.** Struktur rangka, keluasan tengkorak, dan beberapa kriteria lain seperti, kebolehan berdiri tegak atau bentuk bongkok ke hadapan, yang membezakan di antara manusia dan beruk. (Kami telah menyebutkan, melalui satu penyelidikan pada tahun 1994 terhadap saluran keseimbangan badan (saluran separuh bulat) di dalam telinga, maka Australopithecus dan Homo habilis telah dikelaskan sebagai beruk, sementara Homo erectus sebagai manusia).

Satu lagi tanda yang membuktikan bahawa tidak terdapat susun





NEANDERTHAL: MANUSIA TEGAP

Di atas ialah tengkorak Homo sapiens Neanderthalensis, Amud 1 yang telah ditemui di Israel. Manusia Neanderthal ini dikenali sebagai tegak tetapi pendek. Tetapi telah dikenal pasti bahawa pemilik fosil ini mempunyai ketinggian 1.8 m. Kapasiti tengkoraknya adalah yang terbesar pernah ditemui: 1700cc. Oleh itu, fosil ini merupakan di antara bukti penting yang membatalkan dakwaan bahawa Neanderthal adalah satu spesies primitif.



SEBATANG JARUM BERUSIA 26 RIBU TAHUN: Sebuah fosil menarik menunjukkan bahawa Neanderthals mempunyai pengetahuan membuat baju: Sebatang jarum berusia 26 ribu tahun.
(D. Johanson, B. Edgar From Lucy to Language, p. 99)

salur keluarga di antara dua spesies yang berbeza ini, ialah kerana spesies-spesies yang diperkenalkan sebagai moyang kepada yang lain, sebenarnya hidup pada zaman yang sama. Sekiranya, berdasarkan dakwaan evolusionis, Australopithecus bertukar kepada Homo habilis dan kemudian berubah menjadi Homo erectus, maka era yang mereka tinggal di dalamnya seharusnya berturut-turut antara satu sama lain. Bagaimana pun, tidak terdapat sebarang aturan yang mengikut kronologi yang betul.

Menurut anggaran evolusionis, Australopithecus telah hidup semenjak 4 juta hingga sejuta tahun dahulu. Hidupan yang dikelaskan sebagai Homo habilis pula dianggarkan telah hidup sehingga 1.7-1.9 juta tahun dahulu. Sementara, Homo rudolfensis yang dikatakan lebih maju daripada Homo habilis, dianggarkan berusia 2.5-2.8 juta tahun! Tidak masuk akal, Homo rudolfensis berusia hampir sejuta tahun lebih tua daripada Homo habilis yang dikatakan sebagai nenek moyangnya. Sementara itu, Homo erectus dianggarkan berusia 1.6-1.8 juta tahun dahulu, ini bererti Homo erectus telah muncul di muka bumi pada zaman yang sama dengan nenek moyangnya, iaitu Homo habilis.

Alan Walker mengesahkan fakta ini dengan menyatakan, "...terdapat bukti daripada Afrika Timur untuk **Austrlopithecus kecil yang sezaman dengan Homo habilis, kemudiannya dengan Homo erectus".**[77] **Louis Leakey** telah menemui fosil-fosil Australopithecus,

Homo habilis dan Homo erectus di dalam keadaan berhampiran di antara satu sama lain di kawasan Olduvai Gorge, lapisan Bed II.[78]

Lebih tepat jika dikatakan tidak terdapat sebarang susun salur keluarga seperti ini. Seorang ahli paleontologi daripada Harvard, **Stephen Jay Gould**, menerangkan kebuntuan ini, walaupun beliau sendiri adalah seorang evolusionis:

> ***Yang manakah yang menjadi peringkat kita*** *seandainya terdapat tiga keturunan hominid yang hidup bersama (A.Africanus, Australopithecus yang tegap dan Homo habilis), yang jelas tidak berasal daripada satu sama lain? Tambahan pula, tidak satu pun daripada ketiga-tiga spesies ini menunjukkan sebarang tanda proses evolusi semasa pendudukan mereka di atas muka bumi.*[79]


Apabila kita berubah daripada Homo erectus kepada Homo sapiens, kita akan sekali lagi mendapati tidak terdapat sebarang susun salur untuk dibincangkan. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa Homo erectus dan Homo sapiens purba terus hidup sehingga 27 ribu tahun dan mungkin sehingga 10 ribu tahun sebelum zaman kita ini. Di Paya Kow di Australia, beberapa tengkorak Homo erectus yang berusia 13 ribu tahun telah ditemui. Di Pulau Jawa, sebiji tengkorak Homo erectus berusia 27 ribu tahun telah ditemui.[80]

Sejarah Rahsia Homo Sapiens

Fakta paling menarik dan penting yang membatalkan asas utama khayalan susun salur keluarga teori evolusi ini, ialah **sejarah purba manusia moden yang tidak dijangka.** Data paleontologi telah mendedahkan bahawa manusia Homo sapiens yang kelihatan sepenuhnya seperti kita, telah hidup selama sejuta tahun dahulu.

Beliau ialah **Louis Leakey**, seorang ahli paleontologi terkenal dan juga seorang evolusionis, beliau telah menemui penemuan pertama berkaitan subjek ini. Pada tahun 1932, di kawasan Kanjera sekitar Tasik Victoria di Kenya, beliau telah menemui beberapa fosil kepunyaan pertengahan Zaman Pleistocene (1.8 juta tahun dahulu sehingga 11,000 tahun), dan ia tidak berbeza daripada manusia moden. Tetapi, Zaman

Pleistocene bererti sejuta tahun dahulu.[81] Bagaimanapun, memandangkan fakta ini telah menjadikan susun salur keluarga evolusi tunggang terbalik, maka ia telah diketepikan oleh ahli-ahli paleontologi evolusionis. Tetapi Leakey tetap menegaskan bahawa tafsirannya adalah tepat.



Salah satu penerbitan evolusi berkala paling popular, *Discover*, meletakkan wajah manusia berusia 800 tahun pada kulit mukanya dengan soalan evolusionis "Is this the face of our past?" (Apakah ini wajah kita dahulu?)

Hanya apabila kontroversi ini hampir dilupakan, sebuah fosil telah ditemui di Sepanyol pada tahun 1995 yang mendedahkan bahawa sejarah Homo sapiens adalah lebih tua daripada yang dijangkakan. Fosil tersebut telah ditemui di sebuah gua bernama Gran Dolina di **Atapuerca** sebuah kawasan Sepanyol, oleh tiga orang ahli antologi berbangsa Sepanyol daripada Universiti Madrid. Fosil tersebut kepunyaan wajah seorang kanak-kanak berusia 11 tahun dan ia kelihatan sepenuhnya seperti manusia moden. Jadi, ia telah berlalu selama 800 ribu tahun sejak kematian budak tersebut. Majalah Discover telah menyiarkan secara terperinci cerita tersebut di dalam keluaran Disember 1997.

Malah, fosil ini telah menggoncang keyakinan **Ferreras** yang mengetuai operasi penggalian di Gua Gran Dolina. Ferreras berkata:

Kami menjangkakan sesuatu yang besar, sesuatu yang luas, sesuatu yang lebih... kamu tahulah! Sesuatu yang "primitif". Harapan kami terhadap budak berusia 800,000 tahun ini ialah sekurang-kurangnya ia seperti Turkana Boy. Tetapi apa yang kami temui ialah sepenuhnya wajah manusia moden... pada saya ia adalah sesuatu yang menakjubkan. Terdapat beberapa perkara yang boleh memeranjatkan kamu. Menemui sesuatu yang tidak kamu duga adalah satu di antaranya. Tidak menemui fosil, atau menemui fosil juga adalah sesuatu yang tidak dijangka, dan ia tidak mengapa. Tetapi yang paling memeranjatkan ialah menemui sesuatu yang kamu sangka kepunyaan masa kini, di masa silam. Ia seperti menemui sesuatu seperti... seperti perakam suara di Gua Gran

Dolina. Ia pasti memeranjatkan. ***Kita tidak menjangkakan kaset dan perakam suara di Zaman Pleistocene. Menemui wajah manusia moden begitu juga.*** *Kami amat terperanjat apabila melihatnya".*[82]

Fosil tersebut telah membuktikan bahawa sejarah Homo sapiens telah bersambung ke 800 juta tahun dahulu. Setelah pulih daripada kejutan tersebut, para evolusionis yang menemui fosil tersebut telah memutuskan bahawa ia adalah kepunyaan suatu spesies yang berbeza, kerana menurut susun salur keluarga evolusi, tidak ada Homo sapiens yang hidup pada 800 juta tahun dahulu. Oleh itu, mereka mencipta satu spesies khayalan yang digelar **"Homo antecessor"** dan memasukkan tengkorak Atapuerca di bawah kelas ini.

Sebuah Pondok Berusia 1.7 Juta Tahun dan Kesan Tapak Kaki Manusia Moden Berusia 3.6 Juta Tahun!

Terdapat banyak penemuan yang menunjukkan bahawa Homo sapiens berusia lebih awal daripada 800 juta tahun dahulu. Di antaranya ialah, penemuan **Louis Leakey** yang dilakukan pada awal tahun 1970an di Olduvai Gorge. Di sini, di lapisan Bed II, Leakey mendapati bahawa spesies Australopithecus, Homa habilis dan Homo erectus telah hidup di dalam waktu yang sama. Apa yang lebih menarik ialah sebuah struktur yang ditemui di lapisan yang sama (Bed II), beliau telah menemui serpihan-serpihan sebuah **pondok batu**. Aspek luar biasa pada peristiwa ini ialah binaan ini, yang masih digunakan di beberapa kawasan di Afrika, hanya dapat dibina oleh Homo sapiens! Oleh itu, berdasarkan penemuan Leakey ini, Australopithecus, Homo habilis, Homo erectus dan manusia moden telah hidup dalam masa yang sama 1.7 juta tahun dahulu.[83] Penemuan ini pasti telah membatalkan teori evolusi yang mendakwa



KESAN SEBUAH PONDOK BERUSIA 1.7 JUTA TAHUN: Ia kelihatan seperti pondok-pondok yang digunakan oleh sesetengah orang Afrika hari ini.

manusia moden telah berubah daripada spesies-spesies beruk seperti Australopithecus.

Kesan Tapak Kaki Manusia Moden, Berusia 3.6 Juta Tahun!

Tambahan pula, beberapa penemuan lain telah membawa asal manusia moden kembali sehingga 1.7 juta tahun dahulu. Di antara penemuan yang paling penting ialah kesan-kesan tapak kaki yang ditemui di Laetoli, Tanzania oleh **Mary Leakey** pada tahun 1977. kesan-kesan tapak kaki ini telah ditemui di atas lapisan yang dianggarkan berusia 3.5 juta tahun, dan yang lebih penting, ia tidak berbeza dengan kesan tapak kaki yang mungkin ditinggalkan oleh seorang manusia moden kini.

Kesan-kesan tapak kaki ini kemudian telah dikaji oleh sejumlah pakar paleontologi terkenal seperti, **Don Johanson** dan **Tim White**. Tetapi, hasilnya tetap sama. White menulis:

*Jangan buat silap... **Ia seperti kesan tapak kaki moden**. Jika seseorang meninggalkan pasir sebuah pantai di California, dan seorang budak berusia 4 tahun bertanya apakah itu, dia akan segera menjawab, seseorang telah berjalan di sini. Tetapi, dia tidak dapat memberitahunya daripada ratusan kesan tapak kaki yang lain di atas pantai, tidak juga kamu.*[84]

Setelah mengkaji kesan-kesan tapak kaki tersebut, **Louis Robbins** daripada Universiti Utara California telah membuat komentar berikut:

Usia itu terus meningkat - seorang individu yang muda mempunyai usia yang lebih tinggi daripada saya - dan jari kakinya lebih lebar dan sejajar dengan jari-jari yang lain. Jari kaki ini juga menekan tanah seperti jari kaki manusia. Kamu tidak akan melihatnya pada bentuk binatang lain.[85]



Tapak kaki manusia moden, tetapi ia berusia berjuta-juta tahun.

Kajian-kajian yang dilakukan terhadap

bentuk morfologi kesan-kesan tapak kaki tersebut menunjukkan masa dan sekali lagi ia harus diterima sebagai kesan tapak kaki seorang manusia, atau lebih tepat manusia moden (Homo sapiens). **Russell Tuttle** yang telah mengkaji kesan-kesan tapak kaki tersebut, menulis:

> *Sepasang kaki (tanpa lapik) mungkin telah menghasilkannya... dalam semua sifat yang telah diteliti secara morfologi, kaki yang menghasilkan kesan tersebut adalah berasal daripada manusia moden".*[86]

Ujian-ujian yang sama terhadap kesan-kesan tapak kaki ini telah mendedahkan pemiliknya yang sebenar. Sebenarnya, terdapat 20 kesan tapak kaki manusia moden berusia 10 tahun dan 27 kesan tapak kaki seorang manusia yang lebih muda daripadanya. Mereka adalah manusia moden seperti kita.

Situasi ini meletakkan kesan-kesan tapak kaki Laetoli di dalam perdebatan selama beberapa tahun. Ahli-ahli paleontologi evolusionis telah mencuba bermati-matian untuk menjelaskan fenomena ini, kerana bagi mereka adalah amat sukar untuk menerima kenyataan bahawa manusia moden telah wujud di muka bumi ini semenjak 3.6 juta tahun dahulu. Pada tahun 1990an mereka telah menemui "penjelasan" tersebut. Mereka memutuskan bahawa kesan-kesan tapak kaki tersebut telah ditinggalkan oleh seekor Australopithecus, kerana menurut teori mereka tidak mungkin Homo sapiens (manusia moden) boleh wujud 3.6 juta tahun dahulu. Ressell H. Tuttle telah menulis subjek ini di dalam artikelnya pada tahun 1990:

> *Kesimpulannya, kesan tapak kaki berusia 3.5 juta tahun yang ditemui di Laetoli tapak G, menyerupai manusia moden yang tidak berkasut. Tidak terdapat sebarang sifat padanya yang menunjukkan ia tidak dapat berjalan dengan dua kaki seperti kita sekarang. Sekiranya kesan tapak kaki G ini tidak diketahui berusia sebegitu tua, kita pasti akan menyangka ia telah ditinggalkan oleh Homo (manusia) pintar seperti kita... Dalam sebarang keadaan, kita sepatutnya mengetepikan anggapan bahawa kesan-kesan tapak kaki Laetoli ini telah ditinggalkan oleh makhluk Lucy, Australopithecus afarensis.*[87]

Untuk lebih jelas, tapak-tapak kaki yang dianggarkan berusia 3.6

RAHANG MANUSIA MODEN BERUSIA 2.3 JUTA TAHUN
Contoh lain yang menunjukkan kepalsuan susun salur keluarga yang diada-adakan oleh evolusionis: rahang manusia moden (Homo sapiens sapiens) berusia 2.3 juta tahun. Rahang ini yang dikodkan sebagai A.L 666-1, telah ditemui di Hadar, Ethiopia. Penerbitan evolusionis cuba membuat kajian ringkas dengan merujuk ia sebagai, "Sebuah penemuan yang mengejutkan" ***(D. Johanson, Blake Edgar, From Lucy to Language, p.169)***



juta tahun ini tidak mungkin kepunyaan Australopithecus. Satu-satunya sebab mengapa ia dikatakan kepunyaan Australopithecus adalah kerana lapisan gunung berapi di mana kesan-kesan tapak kaki tersebut ditemui di atasnya berusia 3.6 juta tahun. Kesan tersebut diramalkan kepunyaan Australopithecus hanya berdasarkan kepada andaian bahawa manusia tidak mungkin hidup pada zaman tersebut.

Tafsiran terhadap kesan-kesan tapak kaki Laetoli ini membuktikan kepada kita sebuah kenyataan yang penting. Para evolisionis membela teori mereka tanpa mempedulikan penemuan-penemuan sains, malah membelakangkannya. Dapat kita perhatikan di sini sebuah teori yang dipertahankan secara membuta tuli, sehinggakan segala penemuan yang bercanggah dengan teori ini samada telah ditolak atau diselewengkan untuk mencapai matlamat mereka.

Kesimpulannya, teori evolusi bukan sebuah teori saintifik, tetapi ia hanya sebuah dogma yang dibiarkan hidup di sebalik sains.

Bipedalisme Yang Membuntukan Evolusi

Sebahagian daripada rekod fosil yang telah kita kaji setakat ini telah menjarakkan jurang perbezaan di antara manusia dan beruk, sekaligus membatalkan dongengan teori evolusi. Di antara jurang-jurang tersebut

adalah berkaitan dengan gaya berjalan.

Manusia berjalan tegak di atas kedua kakinya. Ini adalah satu sifat istimewa yang tidak dimiliki oleh spesies-spesies lain. Sebahagian haiwan mempunyai keupayaan yang terhad untuk bergerak apabila mereka berdiri dengan dua kaki. Haiwan-haiwan seperti beruang dan monyet hanya dapat bergerak dengan cara ini sekali sekala sahaja, seperti apabila mereka hendak mencapai sumber makanan, itu pun hanya sebentar sahaja. Secara semula jadi, tengkorak mereka cenderung ke hadapan, oleh itu mereka berjalan di atas empat kaki mereka.

Jadi, adakah kebolehan berjalan dengan dua kaki ini *(Bipedalism)* telah berubah daripada kebolehan berkaki empat *(Quadripedal)* seperti langkah beruk, seperti yang telah didakwa oleh evolusionis?

Semestinya tidak. Kajian telah menunjukkan bahawa evolusi bipedalisme tidak pernah berlaku, malah tidak terdapat sebarang kemungkinan untuk membolehkannya berlaku. Pertama, kerana bipedalisme ini bukan terhasil daripada proses evolusi. Gaya pergerakan monyet adalah lebih mudah, cepat dan lebih efisien daripada manusia yang berkaki dua. Manusia mungkin dapat melompat dari satu pokok ke satu pokok tanpa mencecah tanah seperti seekor cimpanzi, atau berlari pada kelajuan 125 kms seperti seekor harimau kumbang. Tetapi,





Penyelidikan terkini mendedahkan bahawa adalah mustahil untuk rangka bengkok beruk yang sesuai untuk berjalan dengan kaki empat, untuk berubah kepada rangka tegak manusia yang sesuai untuk berjalan menegak dengan di atas dua kaki.

memandangkan manusia berjalan di atas dua kakinya, maka ia bergerak lebih perlahan di tanah. Dengan sebab itulah, maka manusia merupakan spesies yang paling tidak terpelihara keselamatannya dari segi pergerakan dan pertahanan diri. Berdasarkan logik evolusi, monyet tidak sepatutnya berubah menjadi makhluk berkaki dua, sebaliknya manusia yang berubah menjadi haiwan yang bergerak dengan menggunakan empat kaki.

Satu lagi kebuntuan evolusi ialah bipedalisme tidak dapat menerima model *"gradual development"* (perkembangan secara beransur ansur) Darwinis. Teori ini yang mengandungi teori asas evolusi, menuntut adanya satu langkah "campuran" di antara bipedalisme dan quadripedalisme. Bagaimana pun, kajian berkomputer yang dijalankan pada tahun1996 oleh seorang ahli paleontologi Inggeris, **Robin Crompton**, telah menunjukkan bahawa campuran yang dimaksudkan ini tidak mungkin wujud. Beliau telah mendapat rumusan berikut: Suatu hidupan boleh samada berjalan menegak atau berjalan dengan keempat-empat kakinya.[88] Jenis perantaraan adalah mustahil kerana penggunaan tenaga yang ekstrem. Kerana itu, adalah mustahil untuk makhluk separuh bipedal untuk wujud.

Jurang besar di antara manusia dan beruk tidak terbatas kepada bipedalisme sahaja. terdapat banyak lagi isu-isu yang tidak dapat dijelaskan seperti kapasiti otak, kebolehan bercakap dan seterusnya. **Elaine Morgan**, seorang ahli paleontologi evolusionis, telah membuat pengakuan berikut berkaitan dengan subjek ini:

Terdapat empat misteri yang tidak dapat difahami tentang manusia:

i. Kenapa mereka berjalan di atas dua kaki? ii. Kenapa mereka kehilangan bulu mereka? iii. Kenapa mereka dijadikan dengan otak yang besar? iv. Kenapa mereka belajar bercakap?

Jawapan ortodoks kepada soalan-soalan berikut ialah seperti berikut:

i. "Kita masih belum tahu" ii. "Kita masih belum tahu" iii. "Kita masih belum tahu" iv. "Kita masih belum tahu"[89]

Senarai soalan-soalan ini boleh dipanjangkan lagi tanpa menjejaskan keadaan jawapan-jawapan tersebut.

EVOLUSI: Sebuah Kepercayaan Tidak Saintifik

Lord Solly Zuckerman adalah seorang saintis yang paling masyhur dan disegani di United Kingdom. Selama beberapa tahun, beliau telah mengkaji rekod-rekod fosil dan membandingkannya dengan penyelidikan yang telah diperincikan. Beliau telah dianugerahkan dengan gelaran "Lord" kerana sumbangannya di dalam dunia sains. Oleh itu, komentar beliau terhadap teori evolusi ini tidak boleh dipandang remeh. Setelah pengkajian bertahun-tahun terhadap fosil-fosil tersebut, termasuk juga senario-senario evolusi manusia, dan beliau telah membuat kesimpulan bahawa tidak terdapat susun salur keluarga yang sebenar.

Zuckerman juga telah membuat sebuah "spektrum sains" yang menarik. Beliau membentuk spektrum sains dengan menggariskan perkara-perkara yang dikira saintifik dan yang tidak saintifik. Berdasarkan spektrum beliau, perkara yang paling saintifik ialah perkara yang berlandaskan kepada data-data yang kukuh, seperti bidang-bidang kimia dan fizik. Diikuti dengan sains biologi dan kemudiannya sains kemasyarakatan. Pada akhir spektrum tersebut adalah bahagian dilabelkan sebagai yang paling tidak saintifik iaitu, "extra-sensory perception-ESP", seperti konsep telepati dan pancaindera keenam (six sense) akhir sekali "evolusi manusia". Zuckerman menjelaskan pendapatnya seperti berikut:

> *Kita ketepikan senarai objektif yang benar di dalam bidang-bidang sains biologi seperti "extrasensory perception" atau t**afsiran sejarah evolusi manusia, di mana dengan "keimanan" segalanya adalah mungkin** – dan di mana semangat mereka yang "beriman" kadang kala boleh mempercayai beberapa perkara yang berlawanan dalam masa yang sama.*[90]

Jadi, apa yang menyebabkan ramai para saintis masih terus mempertahankan dogma ini? Mengapa mereka bekerja keras untuk

mengekalkan teori ini, sehingga mencetuskan perbagai konflik dan mengetepikan berbagai bukti-bukti yang mereka temui?

Jawapannya ialah kerana mereka takut terhadap fakta yang terpaksa mereka hadapi sekiranya mereka menolak teori evolusi ini. Kenyataan yang akan mereka hadapi sekiranya teori ini ditolak ialah, bahawa manusia telah diciptakan oleh **ALLAH**. Bagaimana pun, dengan mengambil kira kemungkinan yang akan berlaku dan falsafah materialis yang mereka anuti, maka ciptaan adalah satu konsep yang tidak dapat diterima oleh evolusionis.

Kerana itu, maka mereka mendustai diri mereka sendiri, sebagaimana mereka membohongi dunia seluruhnya dengan kerjasama daripada media. Sekiranya mereka tidak menemui fosil yang dikehendaki, mereka akan menciptanya sendiri, sama ada di dalam bentuk lukisan-lukisan imaginasi atau model-model khayalan. Kemudian, mereka cuba meyakinkan bahawa fosil-fosil ini sebenarnya wujud. Sebahagian organisasi media yang berkongsi pandangan materialistik mereka, juga turut cuba menipu masyarakat awam dan cuba menanamkan kisah dogeng evolusi ini ke dalam pemikiran mereka secara diam-diam. Walau segigih mana pun mereka mencuba, kebenaran telah pun terbukti: Manusia tidak muncul melalui proses evolusi, tetapi ia telah diciptakan oleh Allah. Oleh itu, dia mesti bertanggungjawab terhadap-Nya walau pun dia tidak menghendakinya dia tetap akan menyempurnakan tanggungjawab ini.

Bab 10

KEBUNTUAN MOLEKUL EVOLUSI

Di dalam bab-bab yang lalu, kita telah didedahkan bagaimana rekod-rekod fosil telah membuntukan teori evolusi ini. Sebenarnya kita tidak perlu didedahkan dengan kenyataan ini, kerana teori ini telah pun hancur sebelum sempat seseorang membuat dakwaan tentang "evolusi spesies dan bukti-bukti fosil". Subjek yang menjadikan teori ini tidak berguna ialah persoalan bagaimana hidupan pertama muncul di bumi.

Apabila membincangkan persoalan ini, teori evolusi mendakwa hidupan ini telah bermula dengan sebuah sel yang terbentuk secara kebetulan. Menurut senario tersebut, 4 bilion tahun dahulu berbagai bahan kimia bukan organik (bukan benda hidup) yang bercampur aduk telah mengalami reaksi di bawah tekanan atmosfera bumi purba, berserta kesan kilat dan tekanan-tekanan yang telah menyebabkan ia membentuk sel hidupan yang pertama.

Perkara pertama yang mesti disebutkan ialah, dakwaan bahawa bahan-bahan bukan organik boleh bercantum untuk membentuk sebuah hidupan, adalah sesuatu yang tidak saintifik dan belum pernah dibuktikan oleh sebarang ujikaji atau pemerhatian, setakat ini. Suatu hidupan hanya lahir daripada hidupan yang lain. Setiap sel hidup hanya terbentuk dengan menyalin sel yang lain. Belum pernah seorang pun berjaya membentuk sebuah sel dengan mencantumkan bahan-bahan bukan organik, tidak pernah walau dengan menggunakan makmal paling canggih sekali pun.

Teori evolusi mendakwa bahawa sel suatu hidupan, yang tidak dapat dibentuk walau dengan seluruh kepintaran manusia, ilmu

pengetahuan yang mereka miliki, atau teknologi yang mereka cipta, telah terbentuk secara kebetulan di bawah tekanan bumi purba. Di dalam helaian-helaian berikutnya kita akan mengkaji mengapa dakwaan ini bertentangan dengan prinsip sains dan sebab musabab yang paling asas.


Kisah "Sel Yang Dihasilkan Secara Kebetulan"

Sekiranya seseorang itu dapat meyakini bahawa sel hidup boleh wujud secara kebetulan, maka tidak akan terdapat sebarang halangan untuk menyekatnya daripada mempercayai kisah yang akan kami ceritakan sebentar lagi, ia adalah cerita sebuah bandar.

Suatu hari, segumpal tanah liat telah tertekan dengan batu-batu yang terdapat di sebidang tanah gersang yang menjadi basah ditimpa hujan. Tanah liat tersebut menjadi kering dan keras apabila matahari terbit dan ia menjadi pejal. Tidak berapa lama kemudian, batu-batu tersebut secara tiba-tiba terpecah menjadi serpihan-serpihan, dan kemudian terbentuk menjadi seketul bata yang sempurna. Bata ini menanti di bawah keadaan muka bumi yang sama beberapa tahun, untuk batu bata lain terbentuk. Ia berterusan sehingga beribu malah berjuta-juta batu bata terbentuk di tempat yang sama. Bagaimana pun, ketika melalui perubahan ini, tidak satu pun batu bata ini rosak atau pecah. Walaupun ia terdedah kepada ribut taufan, hujan lebat, angin, panas terik matahari, dan kesejukan selama beratus-ratus tahun, batu bata ini tidak retak, pecah atau lekang, sebaliknya ia terus kekal di tempat yang sama menanti batu bata lain terbentuk.

Apabila jumlah batu bata tersebut telah mencukupi, mereka mendirikan sebuah bangunan dengan saling menyusun di tepi dan di atas satu sama lain secara rawak, hasil daripada kesan tekanan semula jadi seperti, angin, ribut petir atau puting beliung. Sementara itu, bahagian-bahagian lain seperti simen atau tanah bercampur secara semula jadi dalam jangka masa yang tepat dan kemudian merayap ke arah batu bata tersebut untuk mencantumkan mereka. Pada masa yang sama, besi di dalam perut bumi telah terbentuk juga secara semula jadi dan menjadi

PENGAKUAN EVOLUSIONIS



Teori evolusi menghadapi krisis paling hebat dalam menjelaskan kemunculan hidupan. Ini kerana, molekul organik adalah amat kompleks sehinggakan pembentukannya tidak mungkin dapat dijelaskan sebagai hasil kepada proses kebetulan dan adalah mustahil juga sebuah sel organik dapat terbentuk secara tidak sengaja.

Evolusionis mula berhadapan dengan masalah asal usul hidupan pada suku abad ke-20. Seorang saintis Rusia, Alaxender I. Oparin, seorang yang berwibawa di dalam molekul teori evolusi, menyebutkan di dalam bukunya *The Origin of Life*, yang telah diterbitkan pada 1939:

> Malangnya, asal usul hidupan telah meninggalkan satu persoalan yang menjadi titik hitam kepada teori evolusi keseluruhannya.[1]

Sejak daripada Oparin, para evolusionis telah menjalankan banyak eksperimen, mengaturkan pencarian, dan melakukan banyak pemerhatian untuk membuktikan bahawa sel dapat terbentuk secara kebetulan. Tetapi, semuanya hanya membuktikan kekompleksitian reka bentuk sel dengan lebih jelas dan sekali gus membatalkan andaian-andaian evolusionis. Profesor Klaus Dose, presiden Institute of Biochemistry di Universiti Johannes Gutenberg, menyatakan:


> Lebih 30 tahun eksperimen ke atas asal usul hidupan di dalam bidang evolusi kimia dan molekul telah membawa lebih banyak masalah asal usul hidupan di Bumi daripada mendapatkan penyelesaiannya. Sehingga kini, setiap perbincangan tentang prinsip teori ini dan eksperimen-eksperimen di dalam bidang ini telah berakhir dengan kebuntuan atau pengakuan kejahilan.[2]

Kenyataan berikut yang dikeluarkan oleh seorang ahli geologi, Jeffrey Bada dari San Diego Scripps Institute, dapat menjelaskan kegagalan evolusionis berhadapan dengan kebuntuan ini:

> Hari ini, apabila kita meninggalkan abad ke-20, kita masih berhadapan dengan masalah terbesar yang telah kita hadapi apabila kita memasuki abad ke-20: iaitu, Bagaimana hidupan bermula di atas muka Bumi?[3]



Alexander Oparin: "Asal usul sel menimbulkan persoalan"



Jeffrey Bada: "Asal usul kehidupan di bumi merupakan masalah terbesar yang tidak dapat diselesaikan"

1 *Alexander I. Oparin, Origin of Life, (1936) NewYork, Dover Publications, 1953 (Reprint), p.196.*

2 *Klaus Dose, "The Origin of Life: More Questions Than Answers", Interdisciplinary Science Reviews, cilt 13, no. 4, 1988, p. 348*

3 *Jeffrey Bada, Earth, Subat 1998, p. 40*

asas kepada bangunan yang dibina bersama dengan batu bata. Di akhir proses ini, sebuah bangunan yang sempurna telah berdiri dengan segala bahan-bahan, pertukangan dan pemasangan yang sempurna.

Sudah pasti bangunan yang hanya mengandungi batu bata sahaja tidak memadai. Jadi bagaimana bahan-bahan lain dapat diperolehi? Jawapannya mudah, semua bahan-bahan yang diperlukan untuk pembinaan bangunan tersebut terdapat di dalam bumi tempat ia dibina. Silikon, kaca, tembaga untuk kabel elektrik, besi untuk tiang, alang dan saluran air, semuanya terdapat di bumi dalam kuantiti yang banyak. Ia hanya memerlukan tekanan semula jadi untuk membentuk dan menempatkan bahan-bahan ini ke dalam bangunan. Semua pemasangan, pertukangan dan aksesori ditempatkan di antara batu bata tersebut secara semula jadi dengan bantuan angin yang bertiup, hujan yang turun dan gegaran gempa bumi.

Segalanya berjalan dengan lancar, sehinggakan batu bata yang tersusun itu meninggalkan ruang yang mencukupi untuk tingkap, seolah-olah mereka tahu sejenis bahan bernama kaca akan terbentuk secara semula jadi. Lebih dari itu, mereka meninggalkan ruang-ruang untuk pemasangan air, elektrik dan sistem pemanas yang juga terbentuk secara kebetulan. Segalanya berjalan dengan baik sehingga akhirnya "keadaan semula jadi" dan "kebetulan" berjaya melahirkan sebuah ciptaan yang sempurna.

Sekiranya kamu dapat mempertahankan kepercayaan kamu terhadap kisah ini sehingga ke peringkat ini, maka kamu tidak akan menghadapi masalah untuk menduga bagaimana bangunan-bangunan lain, tumbuh-tumbuhan, jalan-jalan raya, laluan-laluan untuk pejalan kaki, struktur-struktur cabang, sistem-sistem perhubungan dan sistem-sistem pengangkutan terbina. Sekiranya kamu mempunyai pengetahuan teknikal dan mahir dalam subjek ini, kamu boleh menulis beberapa jilid buku sains dengan memulakannya dengan teori kamu tentang "proses evolusi sistem pembuangan najis dan keseragamannya dengan struktur-struktur kini". Pasti kamu akan dikurniakan anugerah akademik terhadap kajian kamu ini dan kamu akan dianggap sebagai seorang

pintar yang telah melimpahkan cahayanya kepada manusia sejagat.

Teori evolusi mendakwa hidupan ini muncul secara kebetulan. Ia tidak jauh berbeza dengan kisah di atas, dengan segala sistem operasi, sistem komunikasi, pengangkutan dan pengurusan yang sempurna, sebuah sel tidak kurang kompleksnya dengan sebuah bandar.

Keajaiban Dalam Sel dan Penamat Kepada Teori Evolusi


Struktur kompleks sel hidup, yang belum diketahui pada zaman Darwin dan ketika itu mereka menganggap kehidupan sebagai "satu kebetulan dan keadaan semula jadi", telah dianggap oleh para evolusionis sebagai amat meyakinkan.

Teknologi abad ke-20 telah berjaya mengkaji dalaman organisma yang paling kecil dan telah mendapati bahawa sel adalah sistem manusia yang paling kompleks pernah ditemui. Hari ini, kita mengetahui sel ini mengandungi stesen kuasa yang menghasilkan tenaga untuk digunakan oleh sel tersebut, kilang-kilang yang mengeluarkan enzim-enzim dan hormon-hormon yang penting untuk hidup, sebuah bank data yang merakamkan segala maklumat-maklumat yang diperlukan tentang semua jenis pengeluaran, sistem pengangkutan yang kompleks dan jalinan saluran pengangkutan bahan-bahan mentah dan pengeluaran dari satu tempat ke tempat yang lain, makmal-makmal dan kilang penapisan maju yang memecahkan bahan-bahan mentah luar ke bahagian-bahagian yang boleh digunakan, dan membran protein istimewa yang mengawal kemasukan dan pengeluaran bahan-bahan. Dan unsur-unsur ini hanyalah sebahagian kecil daripada sistem yang kompleks dan mengagumkan ini.

W.H Thorpe, seorang saintis evolusionis mengakui bahawa **"asas paling kompleks sel yang mengandungi sebuah "mekanisme" yang tidak dapat dibayangkan kekompleksannya, yang lebih kompleks daripada sebarang mesin yang pernah dibina sendiri oleh manusia."**[91]

Sebuah sel adalah sangat kompleks sehinggakan kemajuan teknologi yang telah dicapai oleh manusia kini pun masih tidak dapat

KEKOMPLEKSITIAN SEL



Sel merupakan sistem yang direka paling kompleks dan paling unggul pernah disaksikan oleh manusia. Profesor biologi Michael Denton, di dalam bukunya bertajuk ***Evolution: A Theory in Crisis***, menjelaskan kekompleksitian ini dengan satu contoh:

"Untuk mencapai hakikat hidupan seperti yang dibuktikan oleh sains molekul biologi, kita perlu membesarkan sebuah sel seratus juta kali ganda sehingga ia mencapai 20 kilometer pada diameter dan mengibaratkannya seperti sebuah kapal angkasa gergasi yang cukup besar untuk meliputi sebuah bandar raya besar seperti London atau New York. Apa yang akan kita lihat kemudian ialah sebuah objek yang mempunyai kekomplesitian yang tiada tandingan dan reka bentuk yang adaptif. Di permukaan sel ini kita akan mendapati berjuta-juta bukaan, seperti lubang-lubang pangkalan sebuah kapal angkasa yang luas, ia terbuka dan tertutup untuk membolehkan aliran material yang bertali arus masuk dan keluar. Sekiranya, kita dapat memasuki bukaan ini, kita akan mendapati diri kita berada di dalam sebuah dunia yang berteknologi tinggi dan kompleksiti yang membingungkan... (sebuah kompleksiti) yang menjangkau kreativiti kita, sebuah realiti yang sama sekali bercanggah dengan kebetulan, yang melampaui setiap kewarasan yang dapat dihasilkan oleh manusia..."

membinanya. Malah untuk mencipta sebuah sel tiruan pun tidak pernah berjaya. Bukan itu sahaja, cubaan untuk menciptanya pun sering menemui kebuntuan.

Teori evolusi mendakwa bahawa sistem ini wujud secara "kebetulan" hasil daripada proses perubahan di bawah tekanan semula jadi bumi purba, walau pun manusia dengan segala kepakaran , ilmu pengetahuan dan teknologi canggih masih tidak berjaya menghasilkannya. Sebagai contoh lain, kemungkinan pembentukan sebuah sel adalah mustahil sama sekali seperti kemungkinan pembentukan sebuah buku hasil daripada letupan kilang pencetakan.

Seorang ahli matematik dan astronomi Inggeris, **Sir Fred Hoyle** telah melakukan perbandingan di dalam satu temu ramah dengannya yang telah disiarkan dalam majalah Nature, bertarikh 12 November 1981. Walaupun, beliau adalah seorang evolusionis tetapi beliau menegaskan bahawa peluang untuk sebuah formasi hidupan terbentuk dengan cara ini (kebetulan) adalah seperti **sebiji torpedo yang meluncur laju sehingga berjaya menghimpunkan bahan-bahan di sekelilingnya untuk membentuk sebuah Boieng 747**.[92] Ini bererti, adalah mustahil untuk sebuah sel terbentuk secara kebetulan, oleh itu, pasti ia telah diciptakan.

Antara sebab utama mengapa teori evolusi tidak dapat menjelaskan kewujudan sel adalah disebabkan oleh permukaan sel yang tidak dapat ditembusi. Sebuah sel hidup memelihara dirinya dengan kerjasama yang harmoni bersama berbagai organ-organ lain. Sekiranya terdapat satu organ tidak dapat berfungsi, maka sel tersebut akan mati. Sel ini tidak mempunyai peluang untuk menanti mekanisme kebetulan seperti Pilihan Semula Jadi atau mutasi untuk membolehkannya terbentuk. Oleh itu, sel pertama hendaklah sempurna dan memiliki segala organ dan fungsi yang diperlukan, maka ia pasti telah diciptakan, bukannya terbentuk dengan sendirinya.

Protein Mencabar Kebetulan

Hanya sebuah sel, tetapi evolusionis gagal walau sekadar untuk

menjelaskan bagaimana pembinaan blok sel tersebut. Pembentukan sebuah protein yang terhasil daripada beribu-ribu molekul protein yang kompleks menghasilkan sel secara semula jadi, adalah mustahil.

Protein adalah molekul-molekul besar yang mengandungi unit-unit kecil dikenali asid amino yang tersusun di dalam sebuah lingkaran dalam kuantiti dan struktur-struktur yang tertentu. Molekul-molekul ini mengandungi blok-blok pembinaan sel hidup. Sebuah sel yang paling ringkas tergubah daripada 50 asid amino, tetapi terdapat juga beberapa protein yang tergubah daripada beribu-ribu asid amino.

Perkara yang paling penting ialah; kekurangan, penambahan atau penggantian sebuah asid amino di dalam struktur protein akan menyebabkan ia menjadi selonggok molekul yang tidak berguna. Setiap asid amino perlu berada di tempat yang betul dan dengan susunan yang tepat. Teori evolusi yang mendakwa pembentukan hidupan ini adalah hasil daripada kebetulan, adalah sesuatu yang amat sukar untuk diterima. Memandangkan amat sukar untuk menjelaskannya sebagai satu kebetulan. (tambahan pula, teori ini tidak dapat menerangkan dakwaan mereka tentang "pembentukan secara kebetulan" asid amino, yang akan dibincangkan nanti)

Kenyataan bahawa fungsi struktur protein tidak mungkin sama sekali terbentuk secara kebetulan dapat dijelaskan dengan perkiraan yang mudah dan dapat difahami oleh semua orang.

Pada dasarnya, molekul protein terhasil daripada 288 asid amino yang mengandungi 12 jenis yang berbeza. Ia boleh disusun di dalam 10^{300} cara yang berbeza (ini adalah satu jumlah yang besar mengandungi angka 1 diikuti selepasnya oleh 300 sifar). Dalam semua kebarangkalian, hanya satu formasi yang dikehendaki oleh molekul protein. Selebihnya, adalah rantaian asid amino yang sama ada tidak berguna atau hanya akan membahayakan hidupan.

Dengan kata lain, kebarangkalian pembentukan sebuah molekul protein adalah "1 melebihi 10^{300}". Kebarangkalian "1" ini untuk berlaku adalah mustahil (setiap perkiraan kebarangkalian yang lebih kecil daripada 1 melebihi 10^{50} dianggap sebagai kebarangkalian sifar)


Tambahan pula, sebuah molekul protein kepada 288 asid amino adalah lebih sederhana jika dibandingkan dengan beberapa molekul gergasi lain yang mengandungi beribu-ribu asid amino. Apabila kita mengkaji kebarangkalian molekul-molekul gergasi ini, kita akan mendapati perkataan "mustahil" adalah tidak memadai.

Apabila kita melangkah setapak lagi dalam skim pembangunan kehidupan ini, kita akan mendapati bahawa sebuah protein bersendiri tidak memberi apa-apa erti. Satu antara bakteria-bakteria terkecil yang pernah ditemui, Mycoplasma Hominis H39, mengandungi 600 jenis protein. Dalam keadaan ini, kita perlu kembali kepada perkiraan kebarangkalian yang telah kita lakukan di atas, iaitu untuk sebuah protein kepada 600 jenis protein-protein yang berbeza ini. Hasilnya tetap tidak memadai walau dengan kaedah yang paling mustahil sekali pun.

Mereka yang membaca kenyataan ini sekarang dan mereka yang menerima teori evolusi sebagai suatu penjelasan saintifik, mungkin mengesyaki jumlah-jumlah ini telah ditokok tambah dan tidak mencerminkan fakta-fakta yang sebenar. Ini tidak berlaku: semua fakta-fakta ini adalah tepat dan konkrit. Tidak seorang pun evolusionis mampu membantah jumlah-jumlah ini. Mereka menerima kemungkinan berlakunya formasi protein secara kebetulan, adalah seperti **"seekor monyet menulis sejarah kemanusiaan di atas sebuah mesin taip tanpa melakukan sebarang kesalahan"**[93]. Tetapi, mereka menolak penjelasan bahawa ia adalah suatu ciptaan. Dan mereka berterusan mempertahankan teori mustahil ini.

Kenyataan yang sama telah diakui oleh ramai evolusionis lain, seperti, **Harold F. Blum**, seorang saintis evolusionis yang masyhur. Beliau menyatakan bahawa, **"formasi spontan satu saiz protein polipeptida** *(polypeptide - bentuk gabungan dua atau lebih asid amino)* **yang paling kecil pernah ditemui, didapati melampaui sebarang kemungkinan".**[94]

Evolusionis mendakwa evolusi molekul memakan masa yang panjang dan jangka masa yang panjang ini menjadikan perkara yang mustahil, mungkin berlaku. Sedangkan, walau selama mana pun masa yang diberi, adalah mustahil bagi asid amino untuk membentuk protein



Protein adalah elemen terpenting di dalam hidupan. Ia bukan hanya bercantum untuk membentuk sel hidupan, tetapi juga memainkan peranan utama di dalam bahan kimia badan. Daripada sintesis protein kepada komunikasi hormon, adalah mustahil untuk melihat tindak balas protein.

secara kebetulan. **William Stokes**, seorang ahli geologi mengakui kenyataan ini di dalam bukunya bertajuk *"Essential Earth History"*, beliau menulis: **"Bahawa perubahan yang berlaku adalah terlalu sedikit sehinggakan protein ini tidak langsung berubah sejak berbilion-bilion tahun di atas berbilion-bilion planet, setiap satunya dilindungi oleh sebuah gerbang asid amino yang diperlukan"**.[95]

Jadi, apa ertinya semua ini? **Perry Reeves**, seorang profesor kimia menjawab soalan tersebut:

> *Apabila seseorang mengkaji beberapa jumlah struktur yang boleh terbentuk daripada sebuah kombinasi asid amino di dalam sebuah kolam purba kering, dia akan mendapati bahawa adalah sukar untuk mempercayai bahawa hidupan ini muncul dengan cara ini.* ***Adalah lebih rasional kalau dikatakan bahawa seorang Pencipta Yang Maha Agung dengan perancangan utama-Nya telah menjalankan tanggungjawab ini.***[96]

Kalaulah, kemungkinan pembentukan walau satu daripada protein-protein ini adalah mustahil, maka adalah berbilion-bilion kali ganda lebih mustahil untuk sejuta protein berkumpul secara kebetulan dan membentuk sebuah sel manusia yang lengkap. Sedangkan, sebuah

protein tidak terbentuk dengan hanya selonggok protein. Sebuah sel juga memerlukan asid nuklid, karbohidrat, lipid, vitamin, dan banyak lagi bahan-bahan kimia seperti elektrolit yang tersusun di bahagian-bahagian yang tertentu, secara harmoni dan dibentuk di dalam jalinan struktur dan fungsi. Kedua-duanya berfungsi sebagai blok binaan atau molekul bersama di dalam organ-organ tertentu.

Robert Shapiro, seorang profesor kimia di Universiti New York dan juga seorang pakar DNA, telah membuat perkiraan kebarangkalian formasi secara kebetulan 200,000 jenis protein yang terdapat di dalam sebuah bakteria ringkas (terdapat 200,000 jenis protein yang berbeza di dalam sebuah sel manusia). Jumlah yang didapati ialah 1 melebihi 10^{40000}.[97] (ini adalah satu jumlah yang mengagumkan diperolehi dengan meletakkan 40,000 sifar selepas angka 1)

Seorang profesor matematik dan astronomi daripada Universiti Kolej (Cardiff, Wales), **Chandra Wickramasinghe**, membuat komentar berikut:

> ***Kemungkinan formasi hidupan yang terbentuk secara spontan daripada benda tidak bernyawa, adalah 1 kepada satu nombor dengan 40,000 sifar selepasnya… dan ia sudah memadai untuk mengambus Darwin dan seluruh teori evolusinya.*** *Tidak ada sup purba, sama ada di planet ini atau di mana-mana planet lain, dan sekiranya* ***permulaan hidup*** *ini tidak berkecamuk, maka pastinya ia* ***adalah hasil daripada Kebijaksanaan yang bertujuan.***[98]

Sir Fred Hoyle juga turut mengeluarkan komentarnya terhadap jumlah ini:

> *Sememangnya, teori ini (bahawa hidupan ini diciptakan oleh seorang yang bijaksana) adalah amat jelas (kebenarannya). Sehinggakan seseorang itu akan tertanya-tanya mengapa ia tidak diterima secara meluas sebagai suatu bukti. Sebabnya ialah kerana ia lebih bersifat psikologi daripada saintifik.*[99]

Tujuan Hoyle menggunakan istilah "psikologi" adalah kerana keadaan para evolusionis itu sendiri yang tidak mahu menerima kenyataan bahawa hidup ini boleh diciptakan. Mereka ini telah meletakkan penolakan terhadap kewujudan Allah sebagai matlamat

utama mereka. Maka, hanya kerana sebab ini mereka terus mempertahankan senario-senario yang tidak rasional ini, dalam keadaan mereka sendiri tahu bahawa ia adalah mustahil.

Protein Kidal

Sekarang mari kita kaji dengan lebih terperinci mengapa senario evolusi yang berkaitan dengan formasi protein ini adalah mustahil.

Rangkaian asid amino yang sesuai dan tepat tidak memadai untuk membentuk sebuah molekul protein. Di samping itu, setiap 20 jenis asid amino yang berbeza di dalam komposisi asid amino hendaklah kidal *(left-handed)*. Terdapat dua jenis asid amino yang digelar *"left-handed" (kiri)* dan *"right-handed" (kanan)*. Perbezaan di antara kedua-duanya ialah *mirro-symmetry* di antara ketiga-tiga dimensi mereka, seperti tangan kanan dan kiri manusia.

Asid amino daripada kedua-dua jenis ini boleh terikat antara satu sama lain dengan mudah. Tetapi, sebuah fakta yang amat memeranjatkan melalui beberapa pengkajian ialah, setiap protein di dalam tumbuhan dan haiwan, daripada organisma yang paling ringkas hingga yang paling kompleks, adalah terhasil daripada asid amino kiri! Malah, sekiranya asid amino kanan cuba menghampiri protein untuk bercantum dengannya, protein tersebut akan rosak dan tidak berguna lagi. Lebih menarik lagi, di dalam beberapa uji kaji yang dijalankan, bakteria yang diberikan dengan asid amino kanan dengan serta merta memusnahkan asid tersebut, dan di dalam beberapa kejadian, ia membentuk asid amino kiri daripada komponen-komponen yang pecah supaya ia dapat menggunakannya.

Buat seketika, mari kita anggarkan bahawa hidupan ini terbentuk secara kebetulan, sebagaimana yang didakwa oleh para evolusionis. Dalam keadaan ini, asid amino kanan dan kiri yang terbentuk secara kebetulan, secara semula jadinya akan didapati di dalam jumlah yang sekata. Oleh itu, setiap benda hidup pasti memiliki kedua-dua asid amino kanan dan kiri di dalam kandungannya, kerana secara kimianya adalah tidak mustahil untuk keduanya bercantum. Sedangkan, kenyataannya,

protein-protein yang terdapat di dalam semua benda hidup terbentuk daripada asid amino kiri sahaja.

Persoalan bagaimana protein hanya mengambil asid amino kiri sahaja daripada semua asid-asid amino yang ada, dan bagaimana tidak sebuah pun asid amino kanan terlibat sama dalam proses pembentukan hidupan, telah menjadi satu konfrontasi kepada para evolusionis. Tidak mungkin bagi mereka untuk bergantung kepada satu pilihan yang tepat dan meyakinkan.

Lebih-lebih lagi, karakter-karakter protein yang menambahkan lagi kekeliruan perubahan tidak sengaja ini, telah membuntukan evulusionis. Untuk membentuk sebuah protein yang "berguna", adalah tidak memadai untuk asid-asid amino tersebut berada di dalam jumlah yang tertentu, pada rangkaian yang tepat, dan untuk bergabung dengan bentuk tiga dimensi asid amino kanan. Tambahan pula, semua asid amino ini hendaklah dipilih daripada asid kiri sahaja dan tidak sebuah pun asid amino kanan turut serta bersama. Sedangkan, tidak terdapat sebarang mekanisme pilihan untuk mengenal pasti bahawa terdapat sebuah asid amino kanan di dalam rangkaian tersebut dan memastikan bahawa ianya adalah satu kesilapan dan hendaklah disingkirkan daripada rantaian. Situasi ini sekali lagi telah memusnahkan kemungkinan ianya berlaku secara kebetulan.

Di dalam Ensiklopedia Sains Brittanica, yang secara terang-terang mempertahankan teori evolusi ini, telah dijelaskan bahawa, asid amino setiap organisma hidup di atas bumi ini dan blok binaan polimer yang kompleks seperti protein, mempunyai asimetri kiri yang sama. Ia seperti melambung sekeping syiling ke langit dan ia sentiasa mendapat kepala syiling. Di dalam ensiklopedia yang sama juga menyatakan, adalah mustahil untuk memahami kenapa molekul-molekul ini menjadi kiri dan kanan, dan pilihan ini bergantung kepada sumber hidupan yang terdapat di bumi.[100]

Sekiranya sekeping syiling yang dilambung ke langit sering mendapat kepala walau sejuta kali lambungan, maka apakah lebih logik untuk kita menerima teori kebetulan atau menerima bahawa adanya

campur tangan secara sedar? Jawapannya adalah jelas. Bagaimana pun, dengan mengetepikan keterangan-keterangan berikut, evolusionis terus berselindung di sebalik teori kebetulan ini kerana mereka tidak mahu menerima kewujudan "campur tangan secara sedar" (bukan kebetulan).

Situasi serupa juga berlaku kepada asid-asid amino kiri yang wujud bersama nukleotid *(nucleotide)**, unit DNA dan RNA yang paling kecil. Tidak seperti asid amino yang terdapat di dalam organisma-organisma hidup, ia hanya memilih nukleotid kanan sahaja. Ini adalah satu lagi situasi yang tidak dapat dijelaskan oleh kebetulan.

Sebagai rumusan, telah dibuktikan dengan jelas oleh kemungkinan-kemungkinan yang telah kita kaji setakat ini, bahawa sumber kehidupan tidak dapat dijelaskan oleh kebetulan. Sekiranya kita cuba mengira kebarangkalian sebuah protein bersaiz biasa yang tergubah daripada 400 asid amino yang hanya terpilih daripada asid kiri, kita akan mendapat satu kebarangkalian "1 melebihi 2^{400}", iaitu 10^{120}. Sebagai suatu perbandingan, perlu diingatkan bahawa jumlah elektron di cakerawala ini adalah dianggarkan pada angka 10^{79}, jauh lebih kecil daripada jumlah tadi. Kemungkinan asid amino ini membentuk rangkaian yang dikehendaki dan formasi yang berfungsi, boleh menghasilkan jumlah yang lebih besar. Jika kita satukan kebarangkalian-kebarangkalian ini dan kita kembangkan subjek ini kepada formasi satu jumlah yang lebih besar dan jenis protein, maka perkiraan tersebut tidak akan dapat dibayangkan – mustahil.

Rantaian Yang Tepat Adalah Penting

Maklumat di atas masih belum dapat menamatkan kebuntuan evolusi. Adalah masih tidak memadai bagi asid amino untuk tersusun di dalam jumlah yang tepat, rangkaian yang betul, dan mempunyai struktur

* *Necleotide (Biokimia) – satu daripada beberapa sebatian yang berasal daripada asid nuklid (nucleic acid) oleh proses hidrolisis (hydrolysis) dan mengandungi asid fosfor (phospharic asid) yang tergabung bersama satu gula dan satu purine (sebatian putih jernih, yang berhubung rapat dengan asid urik di dalam struktur – C5H4N4) atau asal pirimidin (pyrimidine-sejenis sebatian organik yang terhasil daripada suatu asid yang terhidrolisis daripada sebuah asid nuklid)*

tiga dimensi. Formasi sebuah protein juga menghendaki molekul-molekul asid amino yang mempunyai lebih daripada satu "lengan" untuk bersambung antara satu sama lain dengan lengan tertentu. Seperti rangkainan yang digelar *"peptide bond"* (rangkaian peptide*). Asid amino dapat membuat rangkaian-rangkaian yang berbeza sesama sendiri; tetapi protein yang terbentuk daripadanya dan hanya asid-asid amino ini, yang dicantumkan oleh rangkaian-rangkaian peptide.

Satu perbandingan akan menjelaskan fakta ini: Katakan, semua bahagian-bahagian sebuah kereta telah sempurna dan di pasang dengan betul kecuali sebiji tayarnya telah dipasang tanpa menggunakan skru, tetapi hanya dengan dawai sahaja menyebabkan pusat tayarnya mengadap ke tanah. Adalah mustahil untuk kereta seperti ini dapat bergerak walau hanya satu meter, walau canggih mana teknologinya atau betapa kuat pun motornya.

Sepintas lalu, semuanya berada di dalam keadaan sempurna, tetapi hanya satu kesilapan pada sebiji tayar sahaja telah menyebabkan kereta tersebut tidak dapat digunakan. Begitu juga, di dalam molekul protein, penggabungan walau hanya sebuah asid amino dengan yang lain dalam satu rantaian selain daripada rantaian peptide akan menyebabkan seluruh molekul tidak berguna.

Kajian mendapati bahawa penggabungan asid amino dalam keadaan rawak berlaku untuk bergabung dengan satu rantaian peptide hanya pada kadar 50% dan yang selebihnya bergabung dengan rantaian-rantaian lain yang tidak terdapat di dalam protein. Untuk berfungsi dengan sempurna, setiap asid amino yang membentuk sebuah protein perlu disatukan hanya dengan satu rantaian peptide seperti mana ia hanya dipilih dari kalangan asid amino kiri sahaja.

Kebarangkalian ini adalah sama dengan kebarangkalian untuk setiap protein menjadi kidal. Iaitu, sekiranya kita menggunakan protein yang terhasil daripada 400 asid amino, kebarangkalian semua pergabungan asid amino di kalangan mereka dengan hanya rantaian peptide adalah melebihi 2^{399}.

Kebarangkalian Sifar

Seperti yang dapat kita lihat di bawah ini, kebarangkalian sebuah molekul yang terbentuk daripada 500 asid amino ialah "1" melebihi satu jumlah yang terbentuk dengan menempatkan 950 sifar selepas angka satu, ia merupakan satu jumlah yang tidak komprehensif pada logik akal. Tetapi ia hanyalah kebarangkalian di atas kertas. Sedangkan, secara praktikal, suatu kebarangkalian tidak akan mempunyai peluang untuk direalisasikan. Pada kiraan matematik, suatu kebarangkalian yang lebih kecil daripada 1 melebihi 10^{50} mempunyai peluang sifar untuk direalisasikan.

Kebarangkalian "1 melebihi 10^{950}" adalah melampaui had-had yang sepatutnya.

Kebarangkalian satu molekul protein terhasil daripada 500 asid amino yang tersusun di dalam kuantiti yang tepat dan terangkai untuk membolehkan semua asid amino yang dikandunginya hanya datang daripada asid amino kidal dan hanya bercantum dengan peptide bond, ialah "1" melebihi "10^{950}".

$$10^{950} =$$

100,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,
000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000,000

Sementara ketidakmungkinan sebuah molekul protein yang terhasil daripada 500 asid amino mencapai satu peningkatan, kita boleh terus mendesak had-had ini dengan peringkat ketidakmungkinan yang tinggi. Di dalam molekul hemoglobin *(haemoglobin)**, yang merupakan sebuah protein penting, terdapat 574 asid amino, yang lebih daripada asid-asid amino yang diperlukan untuk menghasilkan protein di atas. Sekarang perhatikan ini: di dalam hanya sebuah sel darah merah daripada berbilion-bilion sel darah merah di dalam badan kita, terdapat **"280,000,000"** (280 juta) molekul hemoglobin.

Usia jangkaan bumi ini tidak mencukupi untuk menerima formasi ini walau hanya dari sebuah protein disebabkan oleh sebuah metode "percubaan dan kesilapan" *(trail and error)*, apatah lagi sebuah sel darah merah. Walau dengan kita beranggapan bahawa asid amino ini telah tercantum dan terbentuk oleh sebuah metode trail and error tanpa kehilangan sebarang masa semenjak formasi bumi ini mula membentuk sebuah molekul protein, tetapi masa yang dikehendaki masih terlalu panjang daripada usia bumi sekarang untuk mencapai kebarangkalian 1 melebihi 10^{950}.

Konklusi yang dapat dirumuskan daripada semua ini ialah, evolusi telah gagal sama sekali walau hanya pada peringkat pembentukan sebuah protein.

Apakah Terdapat Mekanisme Trial and Error Dalam Alam Semula jadi?

Akhirnya, kita membuat kesimpulan paling penting di dalam asas perkiraan kebarangkalian secara logik, yang telah kita datangkan beberapa contoh di atas. Kita menetapkan bahawa pengiraan kebarangkalian yang telah dibuat di atas telah mencapai satu had yang terlalu besar dan kebarangkalian yang besar ini adalah mustahil boleh berlaku. Bagaimana pun, ini adalah aspek paling penting dan membingungkan evolusionis. Iaitu di bawah keadaan semula jadi, kebarangkalian-kebarangkalian ini tidak dapat memulakan sebarang

** Haemoglobin - Bahan yang membawa oksigen di dalam sel darah merah vertebrat.*

cubaan langsung, kerana tidak terdapat sebarang mekanisme trial and error di alam semula jadi yang boleh membantu penghasilan protein.

Pengiraan yang telah kita tandai di atas untuk menunjukkan kebarangkalian pembentukan sebuah molekul protein dengan 500 asid amino, adalah sah hanya untuk idea trail and error yang sememangnya tidak pernah wujud di alam nyata. Iaitu, kebarangkalian untuk mendapatkan sebuah protein yang berguna ialah "1" melebihi 10^{950}, sekiranya kita beranggapan wujudnya mekanisme khayalan di mana sebatang tangan ghaib menyertai asid-asid amino dan kemudian mendapati ianya tidak tepat dan lantas merungkaikannya satu persatu dan menyusun semula di dalam susunan yang berbeza untuk kali yang kedua, dan seterusnya. Di dalam setiap percubaan, asid-asid amino sepatutnya dirungkaikan satu demi satu dan disusun semula di dalam susunan baru, sintesisnya seharusnya terhenti selepas asid amino ke-500 telah ditambah dan perlu dipastikan juga tidak terdapat sebarang asid amino tambahan terlibat sama. Percubaan ini sepatutnya akan berhenti untuk memastikan sama ada protein telah terbentuk atau tidak, dan sekiranya berlaku kesilapan, semuanya akan dilarutkan dan diuji di dalam rangkaian lain.

Sebagai tambahan, di dalam setiap percubaan, tidak hanya satu bahan terlibat. Adalah penting untuk rantaian yang terbentuk ketika percubaan tidak terpisah dan musnah sebelum mencapai ikatannya yang ke-499. Keadaan ini menunjukkan bahawa kebarangkalian-kebarangkalian yang kita sebutkan di atas hanya boleh berlaku di dalam persekitaran yang terkawal, di mana terdapatnya mekanisme terancang mengarah permulaan, penamat dan sebarang peringkat proses tersebut, dan di mana hanya "pemilihan asid amino" sahaja yang tinggal untuk berubah. Dengan itu, adalah mustahil bagi sebuah persekitaran untuk wujud di bawah keadaan semula jadi. Oleh itu, pembentukan sebuah protein secara semula jadi secara teknikal dan logiknya adalah mustahil, tanpa menghiraukan aspek-aspek "kemungkinan". Sebenarnya, untuk memperkatakan kemungkinan-kemungkinan sebuah kejadian adalah tidak saintifik.

KEBARANGKALIAN SEBUAH PROTEIN TERBENTUK SECARA KEBETULAN ADALAH SIFAR

Terdapat 3 syarat untuk pembentukan sebuah protein yang berguna:

Syarat Pertama: semua asid amino di dalam rantai protein hendaklah terdiri daripada jenis yang kanan dan bera di dalam rangkaian yang kanan juga.

Syarat Kedua: semua asid amino di dalam rantai hendaklah kidal.

Syarat Ketiga: semua asid amino ini disatukan di antara mereka oleh pembentukan satu ikatan kimia yang dikenali sebagai "peptide bond".

Untuk membolehkan sebuah protein terbentuk secara kebetulan, semua syarat-syarat ini perlu wujud serentak. Kebarangkalian pembentukan sebuah protein secara kebetulan adalah bergantung kepada multiplikasi kebarangkalian-kebarangkalian seriap syarat-syarat ini.

Sebagai contoh, bagi sebuah molekul yang mengandungi 500 asid amino:

1. Kebarangkalian asid amino ini berada di dalam rangkaian kanan:

Terdapat 20 jenis asid amino yang digunakan di dalam komposisi protein. Berdasarkan ini:

- Kebarangkalian untuk setiap asid amino ini dipilih dengan tepat di antara 20 jenis = 1/20

- Kebarangkalian untuk semua 500 asid amino dipilih dengan tepat = $1/20^{500}$ = $1/10^{650}$
 =1 peluang dalam 10^{650}

2. Kebarangkalian untuk asid amino menjadi kidal:

- Kebarangkalian untuk satu asid amino menjadi kidal = _

- Kebarangkalian untuk semua 500 asid amino menjadi kidal = $1/2^{500}$ = $1/10^{150}$
 = 1 peluang dalam 10^{650}

3.Kebarangkalian untuk asid amino bergabung dengan satu "peptide bond":

Asid amino dapat bergabung antara satu sama lain dengan ikatan kimia yang berbagai jenis. Untuk membolehkan sebuah protein berguna terbentuk, semua asid amino di dalam rantai perlu bergabung dengan satu ikatan kimia khas digelar "peptide bond". Perkiraan kebarangkalian asid amino tidak bergabung dengan ikatan kimia yang lain daripada ikatan peptide ialah 50%. Berdasarkan ini:

- Kebarangkalian dua asid amino bergabung dengan satu ikatan peptide = 1/20

- Kebarangkalian semua 500 asid amino bergabung dengan ikatan peptide = $1/0^{499}$ = $1/10^{150}$
 = 1 peluang dalam 10^{150}

JUMLAH KEBARANGKALIAN = $1/10^{650}$ x $1/10^{150}$ x $1/10^{150}$ = $1/10^{950}$
 = 1 peluang dalam 10^{950}

Sebahagian evolusionis tidak menerima ini semua. Memandangkan mereka beranggapan bahawa pembentukan protein adalah suatu proses reaksi kimia yang ringkas, mereka membuat penolakan yang melucukan (dan mustahil) seolah-olah, "asid-asid amino bercantum dengan cara reaksi (kimia) dan kemudian membentuk protein". Bagaimanapun, suatu reaksi kimia yang berlaku secara kebetulan di dalam sebuah struktur bukan organik hanya akan menyebabkan perubahan yang ringkas dan primitif (sederhana). Jumlahnya pula adalah kurang dan terhad. Bagi bahan kimia yang lebih kompleks pula, kilang-kilang besar, logi-logi kimia, dan makmal-makmal perlu dilibatkan. Ubat-ubatan dan banyak lagi bahan-bahan kimia yang kita gunakan seharian adalah dari jenis yang sama. Protein mempunyai struktur yang lebih kompleks daripada bahan-bahan kimia yang dikeluarkan oleh kilang-kilang ini. Oleh itu, adalah mustahil bagi protein untuk terbentuk sebagai suatu hasil reaksi kimia yang sebarangan.

Mari kita ketepikan sebentar semua ketidakmungkinan yang telah kita terangkan sebelum ini, dan katakan sebuah molekul protein boleh terhasil secara spontan "oleh proses kebetulan". Tetapi, pada peringkat ini, evolusionis masih tidak dapat menjawab, kerana dalam usaha protein ini mempertahankan kedudukannya, ia perlu diasingkan daripada penempatan semula jadi yang ia berada di dalamnya, dan dilindungi di bawah sebuah keadaan khas. Jika sebaliknya, maka protein ini mungkin, sama ada ia akan hancur kerana terdedah kepada keadaan alam semula jadi bumi atau ia akan menyertai asid-asid lain, asid amino, atau sebatian-sebatian kimia, hilang segala ciri-cirinya dan berubah menjadi bahan yang sepenuhnya berbeza dan tidak berguna.

Kekecohan Evolusi Dalam Mencari Jawapan Kepada Generasi Hidupan

Persoalan "bagaimana hidupan ini pertama kali muncul" telah menjadi satu kebuntuan kritikal kepada evolusionis sehinggakan mereka cuba untuk tidak menyentuh subjek ini. Mereka cuba mengesampingkan

persoalan ini dengan menyatakan "makhluk pertama yang muncul terhasil daripada kejadian-kejadian di dalam air". Mereka berada pada sekatan yang mereka sendiri tidak mampu untuk melepasinya. Tanpa mengira perbalahan paleontologi evolusi, di dalam subjek ini mereka tidak mempunyai sebarang fosil yang boleh diselewengkan dan disalahtafsirkan seperti yang mereka inginkan bagi menyokong dakwaan mereka. Maka jelaslah bahawa teori evolusi telah pun tersanggah sejak awal dahulu lagi.

Terdapat satu maklumat penting yang perlu diperhatikan di sini: **Sekiranya satu di antara langkah-langkah dalam proses evolusi ini telah terbukti mustahil, maka ia juga menunjukkan seluruh teori ini adalah salah dan tidak sah.** Contohnya, dengan membuktikan bahawa formasi sebarang protein adalah mustahil, maka dakwaan-dakwaan lain berkaitan dengan langkah-langkah evolusi yang berikutnya juga tersanggah dengan sendirinya. Selepas peringkat ini, adalah tidak bererti untuk mengambil tengkorak-tengkorak manusia dan beruk dan membuat spekulasi tentangnya.

Bagaimana organisma-organisma hidup muncul daripada benda-benda bukan organik telah menjadi persoalan yang para evolusionis sendiri tidak mahu membangkitkannya untuk sekian lama. Bagaimanapun persoalan ini, yang sering kali dielakkan, telah membesar menjadi suatu masalah yang tidak dapat dielakkan dan perlu diselesaikan melalui suatu siri kajian pada suku kedua abad ke-20.

Persoalan utamanya ialah: Bagaimana sel hidupan pertama boleh muncul di dalam atmosfera bumi purba? Dengan kata lain, penjelasan apakah yang boleh didatangkan oleh para evolusionis untuk menyelesaikan masalah tersebut ini?

Jawapan kepada persoalan tersebut telah dicari melalui eksperimen-eksperimen. Para saintis dan penyelidik evolusionis telah menjalankan penyelidikan makmal khusus untuk menjawab soalan-soalan tersebut, tetapi tidak banyak yang membuahkan hasil. Kajian yang paling dikagumi terhadap asal hidupan ialah sebuah kajian yang dinamakan **Eksperimen Miller** yang dikendalikan oleh penyelidik saintis Amerika,

Stanley Miller dalam tahun 1953. (Eksperimen tersebut juga dikenali sebagai "Eksperimen Urey-Miller" kerana sumbangan pendidik Miller di Universiti Chicago, **Harold Urey**.)

Eksperimen ini merupakan satu-satunya "bukti" untuk membuktikan "tesis molekul evolusi" yang dimajukan untuk menandai peringkat pertama jangka masa evolusi. Walaupun, masa telah berlalu selama hampir setengah abad, dan pencapaian kemajuan teknologi telah kian meningkat, tetapi tidak seorang pun telah mengambil langkah susulan. Tanpa sebarang sekatan, eksperimen Miller ini masih terus diajarkan di dalam buku-buku kursus sebagai penjelasan evolusion kepada generasi terawal benda hidup. Menyedari akan kenyataan bahawa kajian-kajian seperti itu tidak akan menyokong mereka, malah hanya akan menyanggah tesis mereka, oleh itu, evolusionis telah cuba menghindar daripada memulakan eksperimen-eksperimen seperti ini.

Eksperimen Miller

Matlamat Stanley Miller ialah untuk mengemukakan sebuah penemuan bereksperimen yang menunjukkan asid amino, blok pembentukan protein, boleh wujud "secara kebetulan" di atas muka bumi yang tidak berpenghuni berbilion-bilion tahun dahulu.

Di dalam eksperimen tersebut, beliau telah menggunakan campuran gas yang didakwa pernah wujud di atas permukaan bumi purba (tetapi kemudian telah dibuktikan sebagai tidak realistik), gabungan ammonia, metana, hidrogen, dan wap air. Memandangkan gas-gas ini tidak dapat bertindak balas di dalam keadaan semula jadi, beliau telah memasukkan tenaga rangsangan ke dalam keadaan sekeliling *(milieu)* untuk memulakan tindak balas di antara mereka. Dengan beranggapan bahawa tenaga ini mungkin terhasil daripada cahaya kilat di dalam atmosfera purba, maka dia telah menggunakan sumber cas elektrik tiruan untuk melengkapkannya.

Miller telah memanaskan gas campuran ini pada suhu 100ºC selama seminggu, dan sebagai tambahan beliau mengalirkan arus elektrik. Pada

penghujung minggu tersebut, Miller menganalisis bentuk kimia pada bahagian bawah kendi dan mendapati tiga daripada 20 asid amino, yang menjadi elemen asas protein, telah terhasil dengan cara sintesis.

Eksperimen tersebut telah membangkitkan kegembiraan yang bukan kepalang di kalangan para evolusionis dan telah dipromosikan sebagai suatu kejayaan yang tiada tandingan. Tambahan pula, di sebuah negara yang dimabukkan oleh kelunakan, beberapa pencetakan mengeluarkan tajuk muka depan seperti "Miller mencipta hidupan". Bagaimana pun, molekul-molekul yang telah diaturkan oleh Miller untuk disintesiskan sebenarnya hanyalah beberapa molekul bukan organik (tidak hidup).

Terangsang oleh eksperimen ini, para evolusionis segera menghasilkan senario-senario baru. Peringkat-peringkat asid amino seterusnya segera dihipotesisikan (andaikan). Dengan mengandaikan asid amino telah pun bercantum di dalam rantaian oleh kebetulan untuk membentuk protein. Sebahagian daripada perubahan ini, membentuk protein yang menempatkan diri mereka ke dalam membran sel, seperti struktur-struktur yang secara tiba-tiba muncul dan membentuk sebuah sel yang primitif. Sel-sel ini tercantum tepat pada masanya dan membentuk organisma-organisma hidup. Tetapi, eksperimen Miller tidak lebih daripada rekaan dan kemudiannya telah dibuktikan salah di dalam berbagai aspek.

Eksperimen Miller Tidak Lebih Daripada Sebuah Rekaan

Tujuan eksperimen ini adalah untuk membuktikan bahawa asid-asid amino boleh terbentuk dengan sendirinya di bawah keadaan bumi purba tetapi ia telah menjadi tidak sejajar di dalam beberapa perkara:

1. ***Dengan menggunakan mekanisme yang dikenali sebagai "cold trap" (perangkap sejuk), Miller telah mengasingkan asid-asid amino ini daripada persekitarannya sebaik sahaja ia terbentuk.*** *Sekiranya beliau tidak melakukannya, tekanan persekitaran tersebut akan segera memusnahkan molekul-molekul ini.*

Tidak syak lagi, mekanisme pengasingan secara sengaja ini tidak pernah wujud di bawah tekanan bumi purba. Tanpa mekanisme ini, walaupun terdapat sebuah asid amino, ia akan segera dimusnahkan. Seorang ahli kimia **Richard Bliss**, menerangkan jangkaan ini seperti berikut: "Sememangnya, tanpa perangkap sejuk ini, hasil kimia tersebut telah dimusnahkan oleh sumber elektrik".[101]

Sememangnya Miller, di dalam eksperimen tersebut, tidak akan dapat membentuk walau sebuah asid amino dengan menggunakan bahan-bahan yang sama tanpa mekanisme perangkap sejuk.

2. ***Persekitaran atmosfera purba yang Miller cuba wujudkan di dalam eksperimennya adalah tidak realistik.*** *Pada tahun 1980-an, para saintis bersetuju terhadap pandangan bahawa nitrogen dan karbon dioksida sepatutnya telah wujud di dalam persekitaran tiruan ini menggantikan gas metana dan ammonia. Setelah beberapa lama mendiamkan diri, Miller sendiri akhirnya mengakui persekitaran atmosfera yang digunakan di dalam eksperimennya adalah tidak realistik.*[102]

Jadi mengapa Miller tetap menggunakan gas-gas ini? Jawapannya adalah mudah: kerana tanpa ammonia, adalah mustahil untuk mensintesiskan asid amino. **Kevin Mc Kean** menyebut perkara ini di dalam artikelnya yang dimuatkan di dalam majalah Discover:

> *Miller dan Urey meniru atmosfera bumi purba dengan campuran gas metana dan karbon ammonia. Menurut mereka, bumi waktu itu adalah serumpun sebatian logam, besi dan ais. Tetapi melalui kajian terbaru, telah difahami bahawa bumi pada waktu itu amat panas dan ia tergubah daripada nikel dan besi yang telah cair. Oleh itu, atmosfera kimia pada masa itu sebahagian besarnya terbentuk daripada nitrogen (N_2), karbon dioksida (CO_2), dan wap air (H_2O). Bagaimanapun, semuanya ini tidak berguna seperti mana gas metana dan ammonia untuk membentuk molekul-molekul organik.*[103]

Dua orang saintis Amerika **J.P. Ferris** dan **C.T Chen** telah mengulangi eksperimen Miller ini di bawah suatu persekitaran atmosfera yang mengandungi karbon dioksida, hidrogen, nitrogen, dan wap air, dan mereka gagal untuk menghasilkan walau hanya satu molekul asid amino.[104]

SUMBER-SUMBER EVOLUSI TERKINI MENYANGGAH EKSPERIMEN MILLER


Hari ini, eksperimen Miller telah menjadi satu subjek yang telah ditolak sepenuhnya termasuklah oleh para saintis evolusionis sendiri. Di dalam isu Februari 1998 sebuah majalah evolusionis yang terkenal, Earth, kenyataan berikut telah dikeluarkan di dalam sebuah artikel bertajuk *"Life's Crucible"*:

> Pakar-pakar geologi kini berpendapat atmosfera bumi purba mengandungi karbon dioksida dan nitrogen, iaitu gas-gas yang kurang tindakbalasnya daripada yang digunakan di dalam eksperimen 1953. Dan seandainya atmosfera rekaan Miller wujud, bagaimana kamu boleh menjadikan molekul-molekul ringkas seperti asid amino untuk melalui perubahan kimia yang diperlukan untuk mengubah mereka menjadi sebatian atau polimer yang lebih sempurna, seperti protein? Miller sendiri tidak dapat menyelesaikan masalah ini. "Ia adalah suatu masalah", Beliau mengeluh dengan geram. "Bagaimana kamu hendak membuat polimer? Ianya tidak mudah."[1]

Seperti yang dapat dilihat, Miller sendiri mengakui kini, bahawa eksperimen beliau tidak menghasilkan kesimpulan yang baik dalam menjelaskan asal usul kehidupan. Kenyataan kononnya para saintis evolusionis bersungguh-sungguh menerima eksperimen ini hanya akan membuktikan kekeliruan evolusi, dan putus asa penganjurnya.

Pada Mac 1998, isu majalah *National Geographic*, di dalam sebuah artikel bertajuk *"The Emergence of Life on Earth"*, kenyataan berikut telah disebutkan di dalam artikel ini:

> Ramai saintis kini mengesyaki bahawa atmosfera awal bumi adalah berbeza daripada apa yang telah dijangkakan oleh Miller pada mulanya. Mereka meramalkan ia mengandungi karbon dioksida dan nitrogen, bukannya hidrogen, metana, dan ammonia.
>
> Ia adalah berita buruk kepada pakar-pakar kimia. Apabila mereka cuba mencetuskan karbon dioksida dan nitrogen, mereka memperolehi sejumlah molekul organik yang tidak berguna – seumpama melarutkan setitis warna makanan ke dalam air kolam renang. Para saintis tidak dapat menerima bahawa hidupan ini terbentuk daripada sup cair seperti itu.[2]



Secara ringkasnya, dapat disimpulkan, sama ada eksperimen Miller, ataupun ujian saintis-saintis lain, telah menjawab persoalan bagaimana hidupan terbentuk di bumi. Semua kajian yang telah dilakukan menunjukkan adalah mustahil bagi hidupan untuk lahir secara kebetulan dan ini membuktikan hidup ini telah diciptakan.

1. Earth, "Life's Crucible", febbraio 1998, p. 34.
2. National Geographic, "The Rise of Life on Earth", marzo 1998, p. 68.

3. Fakta lain yang membatalkan eksperimen Miller ialah kerana terdapatnya oksigen yang mencukupi untuk memusnahkan semua asid amino di atmosfera pada masa ia dijangkakan terbentuk. Fakta ini, yang telah diabaikan oleh Miller, telah didedahkan melalui kesan pengoksidaan besi dan uranium yang ditemui di dalam batu-batu yang dianggarkan berusia 3.5 bilion tahun dahulu.[105]

Terdapat juga penemuan lain yang menunjukkan bahawa kandungan oksigen pada peringkat tersebut adalah lebih tinggi daripada apa yang didakwa oleh evolusionis. Kajian juga telah mendapati bahawa kadar kesan radiasi ultraungu terhadap bumi adalah sepuluh ribu kali ganda daripada apa yang dijangkakan oleh evolusionis. Kesan radiasi ultraungu ini tidak dapat dinafikan telah membebaskan oksigen dengan meleraikan wap air dan karbon dioksida ke atmosfera.

Situasi ini telah menafikan eksperimen Miller, yang telah mengabaikan oksigen sama sekali. Sekiranya oksigen digunakan di dalam eksperimen tersebut, metana pastinya telah dileraikan menjadi karbon dioksida dan air, dan ammonia akan dileraikan menjadi nitrogen dan air. Dari segi lain, di dalam atmosfera yang tidak mempunyai oksigen maka lapisan ozon juga tidak wujud. Oleh itu, asid-asid amino tersebut akan dimusnahkan serta merta kerana terdedah kepada cahaya ultraungu yang kuat tanpa ada perlindungan daripada lapisan ozon. Dengan kata lain, berserta atau tanpa oksigen di dalam bumi purba, hasilnya ialah ia telah menjadi sebuah persekitaran yang boleh memusnahkan asid amino.

4. Pada penghujung eksperimen Miller, banyak asid amino telah terbentuk dengan kriteria-kriteria yang membahayakan kepada struktur dan fungsi benda hidup. Sekiranya asid-asid amino tersebut tidak diasingkan dan dibiarkan di dalam persekitaran yang sama dengan bahan-bahan kimianya, kemusnahan atau perubahan mereka kepada sebatian yang berbagai-bagai melalui reaksi kimia tidak akan dapat dielakkan lagi.

Tambahan pula, sejumlah besar asid amino kanan telah terbentuk pada akhir eksperimen tersebut.[106] Kewujudan asid-asid amino ini menggagalkan teori ini kerana asid amino kanan tidak dapat berfungsi di

dalam komposisi organisma-organisma hidup. Kesimpulannya, keadaan-keadaan yang membentuk asid amino di dalam eksperimen ini adalah tidak sesuai untuk hidupan. Sebenarnya, perantaraan ini telah membentuk campuran asid yang menghancurkan dan mengoksidakan molekul-molekul berguna yang terhasil.

Terdapat satu kenyataan konkrit yang dapat diperolehi daripada fakta-fakta ini, iaitu: **Eksperimen Miller ini tidak boleh didakwa sebagai bukti bahawa hidupan boleh terbentuk secara kebetulan di bawah keadaan bumi purba.** Keseluruhan eksperimen ini tidak lebih daripada sebuah ujian makmal yang terkawal untuk mensintesiskan asid amino. Jumlah dan jenis-jenis gas yang digunakan di dalam eksperimen ini telah diaturkan untuk membolehkan asid amino ini terbentuk. Jumlah tenaga yang dibekalkan kepada sistem tersebut sama ada terlalu banyak atau terlampau kurang telah diaturkan dengan baik untuk membolehkan beberapa reaksi berlaku. Peralatan eksperimen ini juga telah diasingkan untuk menghalang sebarang kecacatan, kemusnahan atau elemen-elemen lain, bagi menyekat formasi asid-asid amino ini, yang sepatutnya berada di dalam persekitaran atmosfera bumi purba. Tiada sebarang elemen, mineral dan sebatian yang terdapat pada atmosfera bumi purba yang boleh mengubah tindak balas yang tidak diingini, dimasukkan ke dalam eksperimen ini. Oksigen, yang boleh menyekat formasi asid-asid amino ini disebabkan oleh pengoksidaannya, hanyalah salah satu elemen pemusnahnya. Malah, walaupun di bawah keadaan makmal yang stabil, adalah mustahil untuk asid-asid amino yang terbentuk ini untuk terus hidup dan menghalangnya daripada musnah tanpa mekanisme "perangkap sejuk".

Kenyataannya, melalui eksperimen ini evolusionis telah menyanggah teori mereka sendiri, kerana eksperimen ini menunjukkan kepada kita bahawa asid amino hanya boleh dibentuk di dalam persekitaran makmal yang terkawal sahaja yang segalanya telah direka dengan perancangan rapi. Jelaslah, kuasa yang membangkitkan hidupan ini bukannya suatu kebetulan tetapi suatu ciptaan terancang.

Sebab utama mengapa para evolusionis ini tidak mahu mengakui

realiti ini ialah kerana kesetiaan prejudis mereka yang tuli, yang sememangnya tidak saintifik. Lebih menarik lagi, **Harold Urey** yang mengendalikan eksperimen Miller ini bersama muridnya Stanley Miller, telah membuat pengakuan berikut:

> *Setiap seorang daripada kami yang mengkaji asal kehidupan mendapati bahawa semakin dalam kami mengkajinya,* ***makin kuat kami rasakan bahawa adalah terlalu kompleks untuk ia terbentuk.*** *Kami semua percaya sebagai ikatan keimanan bahawa hidup ini terbentuk daripada benda mati di atas planet ini. Tetapi ianya terlampau kompleks, amat sukar bagi kami untuk membayangkan apa yang telah berlaku.*[107]

Atmosfera Bumi Purba dan Protein

Walaupun semua ketidakjajaran ini telah dibentangkan di atas, tetapi para evolusionis masih merujuk kepada eksperimen Miller ini untuk menjawab persoalan bagaimana asid amino terbentuk dengan sendirinya di bawa atmosfera bumi purba. Sehingga ke hari ini, mereka terus memperdayakan masyarakat dengan beranggapan seolah-olah persoalan tersebut telah diselesaikan oleh eksperimen yang mengelirukan ini.

Bagaimana pun, untuk menjelaskan peringkat kedua asal hidupan bagi pembentukan asid amino iaitu **"protein"**, yang menjadi blok binaan hidupan melalui penggabungan beratus-ratus asid-asid amino yang berbagai di dalam aturan yang tepat, para evolusionis menghadapi masalah paling sukar yang tidak dapat dielakkan.

Mendakwa bahawa protein terbentuk secara kebetulan di bawah keadaan semula jadi adalah lebih tidak realistik dan tidak rasional daripada mendakwa asid amino terbentuk secara kebetulan. Di dalam helaian-helaian lepas kita telah mengkaji kebarangkalian-kebarangkalian penggabungan asid-asid amino di dalam rantaian-rantaian yang selaras untuk membentuk protein. Sekarang, kita akan mengkaji ketidakmungkinan protein boleh diproses secara kimia di bawah keadaan bumi purba.

Sintesis Protein Adalah Mustahil Di Dalam Air

Apabila bercantum untuk membentuk protein, asid-asid amino membentuk satu ikatan khas di antara mereka yang dikenali dengan *"peptide bond"* (ikatan peptide). Sebuah molekul air dilepaskan sewaktu pembentukan ikatan peptide ini.

Kenyataan ini dengan sendirinya membatalkan penjelasan evolusi bahawa hidupan purba terbentuk di dalam air, kerana mengikut prinsip **"La Châtelier"** dalam ilmu kimia, adalah mustahil untuk satu tindak balas yang melepaskan air (tindak balas pencairan) untuk mengambil tempat di dalam sebuah persekitaran hidrat (sebatian kimia dalam air). Pelepasan suatu tindakbalas seperti ini di dalam persekitaran hidrat dikira sebagai "mempunyai peluang nipis untuk berlaku", di antara semua tindakbalas-tindakbalas kimia lain.

Sementara lautan, yang didakwa sebagai tempat permulaan hidupan dan pembentukan asid-asid amino, sememangnya tidak sesuai untuk asid amino membentuk protein. Dari segi lain, adalah tidak waras untuk evolusionis menukar pendapat mereka bahawa hidupan terbentuk di darat, kerana satu-satunya persekitaran yang boleh melindungi asid-asid amino ini daripada radiasi ultraungu ialah laut dan lautan. Di darat, ia akan musnah disebabkan oleh pancaran ultraungu. Prinsip La Châtelier telah menyanggah dakwaan pembentukan hidupan berlaku di dalam laut. Ini adalah satu lagi dilema yang dihadapi oleh evolusi.

Satu Lagi Usaha Nekad: Eksperimen Fox

Tercabar oleh dilema di atas, evolusionis telah mula mereka senario tidak logik untuk menghadapi "masalah air" yang bercanggah dengan teori mereka. **Sydney Fox**, merupakan seorang penyelidik yang paling tersohor di kalangan penyelidik-penyelidik lain. Fox telah memajukan teori berikut untuk menyelesaikan masalah ini. Menurut beliau, asid amino yang pertama pasti telah dibawa ke tebing berhampiran sebuah gunung berapi sebaik sahaja ia terbentuk di bawah lautan purba. Air, yang terkandung di dalam campuran ini termasuk juga asid-asid amino


yang terdapat di tebing-tebing, pasti telah tersejat apabila suhu meningkat ke paras mendidih. Seterusnya, asid-asid amino yang telah "kering" akan bergabung untuk membentuk protein-protein.

Walau bagaimana pun, cara yang rumit ini tidak diiktiraf oleh ramai orang, kerana asid amino tidak dapat berhadapan dengan suhu yang tinggi seperti itu. Kajian mendapati asid amino tersebut akan segera musnah pada suhu yang tinggi.

Tetapi Fox tidak berputus asa. Beliau telah menggabungkan asid amino bersih di dalam makmal "di bawah keadaan yang paling istimewa" dengan memanaskannya di dalam persekitaran yang kering. Asid-asid amino telah tercantum tetapi masih tidak ada protein yang terhasil. Sebenarnya, apa yang diperolehinya adalah gelung-gelung asid amino yang ringkas dan tidak tersusun yang tercantum antara satu sama lain secara rambang. Tambahan pula, sekiranya Fox membiarkan asid-asid amino tersebut di dalam suhu yang seimbang, maka gelung-gelung tidak berguna tersebut juga akan musnah.[108]

Satu lagi sebab yang membatalkan eksperimen Fox ialah beliau tidak menggunakan bahan yang dihasilkan oleh eksperimen Miller tetapi menggunakan asid amino tulen dari organisma hidup. Bagaimana pun, eksperimen ini yang dianggap sebagai sambungan kepada eksperimen Miller, sepatutnya dirancangkan daripada hasil yang diperolehi oleh eksperimen Miller. Tetapi, Fox atau penyelidik-penyelidik lain tidak menggunakan asid amino yang dihasilkan oleh Miller.[109]

Eksperimen Fox tidak diterima secara positif walaupun di kalangan evolusionis kerana telah jelas bahawa rantaian asid amino (proteinoids)



Di dalam eksperimennya, Fox telah menghasilkan satu bahan yang digelar sebagai "proteinoid". Proteinoid adalah sebuah kombinasi asid-asid amino yang tergubah secara rawak. Tidak seperti protein benda hidup yang lain, ia adalah bahan kimia tidak berguna dan tidak berfungsi. Ini adalah gambaran butir-butir proteinoid yang dilihat melalui teleskop elektronik.

BENDA TIDAK BERNYAWA TIDAK DAPAT MENGHASILKAN HIDUPAN

Sejumlah eksperimen evolusionis seperti eksperimen Miller dan Fox telah dijalankan untuk membuktikan dakwaan bahawa benda mati boleh membina dirinya sendiri dan membentuk benda hidup yang kompleks. Ini adalah sebuah keyakinan yang tidak saintifik: setiap pemerhatian dan eksperimen telah membuktikan bahawa benda-benda ini tidak mempunyai keupayaan yang sedemikian. Seorang ahli astronomi dan matematik English, Sir Frederick Hoyle mencatatkan bahawa benda-benda ini tidak dapat membentuk hidupan dengan sendirinya, tanpa campur tangan yang cermat:

> **Jika terdapat satu prinsip asas benda yang menghidupkan sistem organik, kewujudannya akan dapat dibuktikan dengan mudah di dalam makmal. Seseorang boleh mengambil sebuah tab renang untuk menjelaskan sup purba ini. Campurkan sahaja apa-apa bahan kimia bukan biologi yang kamu inginkan, dan pancarkan apa sahaja jenis radiasi yang kamu mahu. Biarkan eksperimen tersebut selama beberapa tahun dan lihatlah berapa banyak daripada 2,000 enzim (protein-protein yang dihasilkan oleh benda hidup) yang telah muncul di dalam tab tersebut. Saya akan memberikan jawapannya, supaya ianya dapat menjimatkan masa, masalah dan belanja untuk melakukan eksperimen ini. Kamu tidak akan dapat menghasilkan suatu apa pun, melainkan mungkin lapisan lumpur tebal yang terhasil daripada asid amino dan bahan-bahan organik kimia ringkas lain.[1]**

Seorang ahli biologi evolusionis, Andrew Scott mengakui kenyataan yang serupa:

> **Ambilkan beberapa bahan dan panaskan ia serta kacau dan tunggu. Itulah versi moden Genesis (asal usul). Asas tenaga graviti, elektro magnetik dan tenaga nuklear yang kuat dan lemah, dianggarkan akan melakukan kerja-kerja yang lain… tetapi setakat mana kisah ini dapat dibuktikan dengan tepat, dan berapa banyak baki spekulasi yang boleh diharap? Kenyataannya, mekanisme hampir setiap langkah utama, daripada peningkatan kimia hingga membawa ke sel-sel yang pertama dikenal pasti, adalah sama ada subjek yang kontroversi atau membingungkan.[2]**

1 Fred Hoyle, The Intelligent Universe, New York, Holt, Rinehard & Winston, 1983, p. 256
2 Andrew Scott, "Update on Genesis", New Scientist, vol. 106, May 2nd, 1985, p. 30

yang dihasilkannya tidak dapat dibentuk di bawah keadaan semula jadi. Tambahan pula, protein, yang menjadi asas unit hidup, masih tidak dapat dihasilkan. Masalah asal protein masih tidak dapat diatasi. Di dalam sebuah artikel yang disiarkan di dalam sebuah majalah sains yang terkenal pada tahun 1970-an, Chemical Engineering News, eksperimen

Fox telah dijelaskan seperti berikut:


> *Sydney Fox dan beberapa penyelidik lain cuba menyatukan asid-asid amino dalam bentuk proteinoid (rantaian asid amino) dengan menggunakan teknik pemanasan khas di bawah satu keadaan yang sebenarnya tidak terdapat langsung pada peringkat bumi purba. Dan juga, tidak sama dengan protein biasa yang terdapat di dalam benda-benda hidup. Ia tidak lebih daripada hampas sahaja. Telah dibuktikan bahawa sekiranya molekul-molekul ini terbentuk pada awal usia bumi, ia pasti akan dimusnahkan.*[110]

Sememangnya, proteinoid yang dihasilkan oleh Fox berbeza sekali daripada protein sebenar sama ada dari segi struktur dan juga fungsi. Perbezaan di antara protein dan proteinoid ialah seperti perbezaan sekeping peralatan teknologi tinggi dan selonggok bahan mentah yang belum diproses.

Tambahan pula, tidak ada peluang untuk rantaian asid-asid amino ini untuk selamat di dalam atmosfera purba. Kerosakan dan kemusnahan fizikal dan kesan kimia yang disebabkan oleh ultraungu yang terdedah dan tekanan semula jadi yang tidak seimbang boleh menyebabkan proteinoid ini terlerai. Kerana prinsip Le Châtelier juga, menyatakan bahawa adalah mustahil bagi asid amino untuk bercantum di dalam air yang dapat menyekat sinaran ultraungu daripada sampai kepada mereka. Berdasarkan ini, pendapat bahawa proteinoid adalah asas hidupan, telah kehilangan sokongan di kalangan saintis.

Sebuah Molekul Ajaib: DNA

Kajian-kajian kami pada peringkat molekul setakat ini telah menunjukkan bahawa pembentukan asid-asid amino masih belum dapat dijelaskan oleh evolusionis. Pembentukan protein juga masih menjadi misteri yang sukar dijelaskan, dan masalah ini tidak hanya terhad kepada asid amino dan protein sahaja: ia hanyalah permulaan (kepada masalah yang lebih besar). Lebih daripada itu, sebuah struktur sel yang sempurna telah membawa evolusionis ini ke jalan buntu. Ini kerana, sel tersebut tidak hanya selonggok asid amino yang membentuk protein: tetapi ia



Segala maklumat hidupan tersimpan di dalam molekul DNA. Metode simpanan yang efisien ini merupakan bukti yang jelas bahawa hidupan tidak dapat wujud secara kebetulan, tetapi telah direka, atau dengan kata lain, telah diciptakan dengan cara yang mengagumkan.

adalah sebuah mekanisme hidup yang memiliki beratus-ratus sistem yang terbentuk dan ia terlalu kompleks sehinggakan manusia tidak dapat menyingkap misterinya. Sistem dalaman yang kompleks, **evolusionis telah gagal untuk menjelaskan pembentukan walau sebuah unit asas sel tersebut.**

Ketika teori evolusi telah gagal untuk memberikan suatu penjelasan yang teratur tentang kewujudan molekul-molekul yang menjadi asas pembentukan struktur sel, perkembangan sains genetik dan penemuan asid nuklid (*nucleic acid* - DNA dan RNA), telah memberikan satu lagi masalah baru kepada teori ini. Dalam tahun 1955, hasil kajian dua orang saintis, **James Watson** dan **Francis Crick**, ke atas DNA telah menghasilkan zaman baru di dalam ilmu biologi. Ramai saintis menumpukan perhatian mereka kepada sains genetik. Kini, setelah pengkajian selama bertahun-tahun, struktur DNA telah didedahkan dengan meluasnya.

Sebuah molekul yang dikenali sebagai DNA, yang ditemui di dalam nukleus setiap 100 trilion sel di dalam badan kita, mengandungi plan pembinaan tubuh manusia yang sempurna. Maklumat-maklumat mengenai karakteria-karakteria seseorang, daripada sifat-sifat fizikal hingga ke struktur-struktur organ dalaman, semuanya dirakamkan di dalam DNA oleh sebuah sistem kod khas. Maklumat di dalam DNA

dirakamkan di dalam empat rangkai pangkalan khas yang menghasilkan molekul-molekul ini. Pangkalan-pangkalan ini dikenali sebagai **A, T, G, C** berdasarkan kepada huruf pertama nama-nama mereka. Setiap perbezaan struktur di kalangan manusia berdasarkan kepada variasi-variasi di dalam rangkaian huruf-huruf ini. Ia adalah sejenis bank-data yang terbentuk daripada empat huruf.

Aturan urutan huruf-huruf di dalam DNA menentukan struktur seorang manusia sehingga ke bahagian-bahagian yang terperinci. Sebagai tambahan kepada sifat-sifat asas seperti ketinggian, warna mata, warna rambut dan warna kulit, DNA sebuah sel juga mengandungi rekaan 206 tulang, 600 otot, sebuah rangkaian kepada 10,000 otot pendengaran, sebuah rangkaian kepada 2 juta saraf optik, 100 bilion sel saraf, 130 juta meter pembuluh darah dan 10 trilion sel di dalam badan. **Sekiranya kita hendak mencatatkan semua maklumat yang terakam di dalam DNA, maka kita perlu menghimpunkan sebuah perpustakaan gergasi yang mengandungi 900 jilid ensiklopedia yang mempunyai 500 helaian setiap satunya.** Maklumat hebat yang berjilid-jilid ini terakam di dalam sebuah kompenan DNA dikenali sebagai "gen" *(gene)*.

Bolehkah DNA Terbentuk Secara Kebetulan?

Pada peringkat ini, terdapat satu keterangan yang perlu diberi perhatian. Satu kesilapan di dalam rangkaian nucleotide yang menghasilkan sebuah gen akan menyebabkan gen tersebut tidak dapat digunakan lagi. Apabila ia berkaitan dengan 200 ribu gen di dalam badan manusia, maka telah jelas betapa mustahil untuk berjuta-juta nucleotide yang membentuk gen untuk terbentuk secara kebetulan di dalam rangkaian yang tepat. Seorang ahli biologi evolusionis, **Frank Salisbury,** memberikan komentarnya terhadap ketidakmungkinan ini dengan menyatakan:


Sebuah protein sederhana mungkin mengandungi 300 asid amino. Sementara, gen DNA yang mengawal semuanya ini mengandungi sekurang-kurangnya 1,000 nucleotide di dalam rantaiannya. Memandangkan terdapat empat jenis

nucleotide di dalam di dalam sebuah rantai DNA, sebuah mengandungi 1,000 sambungan boleh wujud di dalam 4^{1000} bentuk. Dengan menggunakan algebra kita akan mendapat $4^{1000} = 10^{600.}$ Sepuluh yang digandakan dengan dirinya sendiri 600 kali memberikan jumlah 1 diekori oleh 600 sifar! Jumlah ini sememangnya melampaui daripada kefahaman kita.[111]

Jumlah 4^{1000} adalah sama banyak dengan 10^{600}. Jumlah ini diperolehi dengan menambahkan 600 sifar kepada angka 1. Seperti 10 dengan 11 sifar untuk menunjukkan setrilion, sebuah angka dengan 600 sifar sememangnya satu jumlah yang sukar untuk difahami. Ketidakmungkinan pembentukan DNA dan RNA oleh ketidaksengajaan pengumpulan nucleotide, telah dijelaskan oleh seorang saintis Peranchis **Paul Auger** seperti berikut:

Kita perlu mengenal pasti dua peringkat di dalam perubahan formasi kompleks molekul seperti nucleotide oleh tindakan kimia. Pengeluaran nucleotide satu demi satu - yang berkemungkinan berlaku - dan penggabungannyadi dalam rangkaian-rangkaian khas. Yang kedua adalah mustahil sama sekali.[112]

Sedangkan Francis Crick sendiri yang telah mempercayai teori molekul evolusi ini sekian lama akhirnya membuat pengakuan setelah penemuan DNA yang merupakan sebuah molekul kompleks yang tidak



Watson dan Crick dengan model kayu molekul DNA mereka.

mungkin dapat terhasil secara kebetulan, sebagai suatu hasil proses evolusi:

> *Seorang manusia jujur, yang dilengkapi dengan segala ilmu pengetahuan yang ada pada kita kini, hanya boleh menyatakan bahawa, asal kehidupan yang muncul ketika ini adalah suatu keajaiban.*[113]

Seorang evolusionis Turkey, **Profesor Ali Demirsoy** telah terdesak untuk membuat pengakuan berikut:

> *Kenyataannya, kebarangkalian pembentukan sebuah protein dan asid nuklid (DNA-RNA) adalah kebarangkalian yang tidak mungkin. Tambahan pula, peluang kemunculan sebuah rantaian protein adalah terlalu rendah sehingga boleh digelar astronomik (jumlah yang terlalu besar dan tidak masuk akal).*[114]

Sebuah dilema yang menarik muncul pada peringkat ini: ketika DNA hanya dapat mencetak semula dengan bantuan enzim-enzim terutamanya protein, sintesis enzim-enzim ini hanya dapat dilepaskan oleh formasi berkod di dalam DNA. Disebabkan kedua-duanya saling bergantung di antara satu sama lain, maka, setiap satu daripadanya perlu wujud pada masa yang sama untuk pencetakan semula. Seorang ahli mikrobiologi Amerika **Jacobson** memberikan komentarnya terhadap subjek ini:

> *Panduan untuk pengeluaran semula susunan, untuk tenaga dan cabutan (keturunan) bahagian-bahagian daripada persekitaran tertentu, untuk pembesaran rangkaian, mekanisme rangsangan yang menterjemahkan arahan kepada tunas-tunas membesar (growth-all), telah didatangkan serentak pada satu masa (ketika hidupan bermula). Kombinasi peristiwa-peristiwa ini telah diperlihatkan sebagai satu kejadian yang luar biasa, dan sering dianggap sebagai campur tangan Tuhan (bukan kebetulan).*[115]

Petikan di atas telah ditulis dua tahun selepas penemuan struktur DNA oleh James Watson and Francis Crick. Walau pun, sains tidak berkembang, tetapi bagi evolusionis masalah ini masih tidak dapat diselesaikan. Dua orang saintis Jerman, **Junker** dan **Scherer** menjelaskan bahawa sintesis setiap molekul berkehendak kepada evolusi kimia, memerlukan keadaan-keadaan yang berbeza, dan kebarangkalian

penyebatian material-material ini yang mempunyai metode perolehan yang amat berbeza secara teorinya, adalah sifar.

Sehingga kini, tidak terdapat sebarang eksperimen yang dikenal pasti boleh menghasilkan semua molekul-molekul yang diperlukan untuk evolusi kimia ini. Oleh itu, adalah penting untuk menghasilkan molekul-molekul yang berbagai di tempat-tempat yang berbeza di bawah keadaan yang bersesuaian, dan kemudian untuk membawa mereka ke tempat lain untuk bertindak balas dengan melindunginya daripada elemen-elemen perosak seperti hidrolisis* dan fotolisis**.[116]

Secara ringkasnya, teori evolusi tidak mampu untuk membuktikan mana-mana peringkat evolusi yang didakwa berlaku pada peringkat molekul ini. Perkembangan di dalam dunia sains tidak memberikan jawapan kepada soalan-soalan berikut, sebaliknya, telah memberikan mereka masalah-masalah yang lebih kompleks dan tidak dapat diselesaikan.

Lebih menarik lagi, evolusionis mempercayai senario-senario mustahil ini seolah-olah ia adalah fakta sains. Tetapi memandangkan mereka telah mensyaratkan untuk tidak mengakui proses penciptaan, maka tidak ada jalan lain melainkan menerima perkara yang mustahil. Seorang ahli biologi yang terkenal dari Australia, **Michael Denton** menyebutkan subjek ini di dalam bukunya *Evolution : A Theory in Crisis:*

> *Secara ringkasnya, dakwaan bahawa program-program genetik organisma-organisma tinggi, yang mengandungi sesuatu yang hampir seribu juta cebisan maklumat, yang menyamai serangkai huruf-huruf di dalam sebuah perpustakaan kecil seribu jilid, yang terdapat di dalamnya format berkod beribu-ribu prosedur rumit yang mengawal, menentukan, dan mengarah pembesaran dan pembangunan berbilion-bilion sel kepada pembentukan sebuah organisma kompleks, telah terbentuk oleh* ***satu proses rawak, merupakan sesuatu yang tidak dapat diterima. Tetapi bagi Darwinis, ide ini diterima tanpa sebarang keraguan- the paradigm takes precedence!.***[117]

* ***Hydrolysis*** *- sebarang pereputan yang melibatkan penambahan air, terutamanya, reaksi pereputan kembar di antara air dan sebatan lain, seperti phosphorus trichloride.*
** ***Photolysis*** *- pereputan secara kimia atau biologi di sebabkan oleh reaksi cahaya.*

Satu Lagi Percubaan Sia-Sia Evolusionis: "Dunia RNA"

Penemuan pada tahun 70-an terhadap gas-gas yang asalnya terdapat di dalam atmosfera bumi primitif yang menjadikan sintesis asid amino mustahil, merupakan suatu tamparan hebat kepada molekul teori evolusi. Ia kemudian telah dikenal pasti bahawa atmosfera eksperimen beberapa orang evolusionis seperti Miller, Fox dan Ponnamperuma adalah tidak sah. Dengan sebab itu, pada tahun 80an percubaan evolusionis yang baru telah dijalankan. Hasilnya, senario "dunia RNA" telah dimajukan, yang dianggarkan bahawa protein bukan yang pertama terhasil, tetapi molekul-molekul RNA yang mengandungi maklumat-maklumat tentang protein.

Menurut senario ini yang telah dimajukan oleh **Walter Gilbert,** seorang ahli kimia daripada Harvard pada 1986, berbilion-bilion tahun dahulu sebuah molekul RNA yang entah bagaimana terbentuk dengan sendirinya secara tidak sengaja. Kemudian, molekul RNA ini mula menghasilkan protein yang diaktifkan oleh kesan luaran. Seterusnya, ia telah menjadi suatu keperluan untuk menyimpan maklumat ini ke dalam molekul kedua, dan entah bagaimana molekul DNA pun terbentuk.

Dihasilkan daripada rantaian ketidakmungkinan di dalam setiap peringkat, senario ganjil ini hanya membesarkan lagi masalah dan mendatangkan lebih banyak lagi persoalan-persoalan yang tidak dapat dijawab, lebih daripada menghasilkan sebarang penjelasan terhadap asal usul hidupan:

1. Apabila mustahil untuk menjelaskan pembentukan tidak sengaja walau hanya satu nucleotide yang menghasilkan RNA, jadi bagaimana mungkin untuk nucleotide khayalan ini membentuk RNA dengan berkumpul di dalam sebuah rangkaian yang sesuai? Seorang ahli biologi evolusionis, **John Horgan** mengakui ketidakmungkinan formasi perubahan RNA seperti berikut:

Apabila penyelidik-penyelidik menyambung kajian mereka tehadap konsep dunia-RNA dengan lebih teliti, lebih banyak masalah telah muncul. Bagaimana RNA mula-mula muncul? RNA dan kompenan-kompenannya adalah sukar

PENGAKUAN EVOLUSIONIS

Penjelasan yang paling rasional ialah molekul-molekul kompleks seperti protein dan asid nuklid (RNA dan DNA) tidak akan dapat terbentuk secara perubahan di antara mereka. Namun begitu, evolusionis terpaksa berhadapan dengan masalah paling besar, iaitu semua molekul-molekul kompleks ini mesti wujud bersama supaya hidupan dapat dibentuk. Teori evolusi benar-benar telah dibingungkan oleh tuntutan ini. Fakta ini juga menyebabkan sebahagian besar evolusionis terpaksa mengakuinya. Sebagai contoh, seorang evolusionis Dr. Leslie Orgel, rakan setugas Stanley Miller dan Francis Crick daripada Universiti San Diego, California, menyatakan:

Evolusionis mula berhadapan dengan masalah asal usul hidupan pada suku abad ke-20. Seorang saintis Rusia, Alaxender I. Oparin, seorang yang berwibawa di dalam molekul teori evolusi, menyebutkan di dalam bukunya The Origin of Life, yang telah diterbitkan pada 1939:

> **Adalah amat mustahil untuk protein dan asid nuklid yang mempunyai struktur yang kompleks untuk muncul secara spontan pada masa dan tempat yang sama. Namun, adalah mustahil juga sekiranya satu muncul tanpa yang satu lagi. Sekali imbas, seseorang pasti akan dapat merumuskan bahawa hidupan ini tidak mungkin berasal daripada kimia.**[1]

Kenyataan yang sama telah dikeluarkan oleh saintis-saintis lain:

> **DNA tidak dapat melakukan kerjaanya sendiri, termasuklah membentuk lebih banyak DNA, tanpa bantuan daripada protein atau enzim. Begitu juga, protein tidak dapat terbentuk tanpa DNA, seperti DNA tanpa protein.**[2]

> **Bagaimana kod genetik, bersama mekanisme-mekanisme untuk terjemahannya (ribosom dan molekul-molekul DNA), terbentuk? Pada peringkat ini kita akan merasa hairan dan takjub lebih daripada mencari sebuah jawapan.**[3]

1 Leslie E. Orgel, "The Origin of Life on Earth", Scientific American, vol. 271, October 1994, p. 78.
2 John Horgan, "In the Beginning", Scienctifik American, vol. 264, February 1991, p. 119.
3 Douglas R. Hofstadter, Godel, Escher, Bach: An Eternal Golden Braid, New York, Vintage Books, 1980, p. 548.

untuk disintesiskan di dalam sebuah makmal di bawah suasana yang terbaik, lebih-lebih lagi di bawah keadaan yang tidak sesuai.[118]

2. Walau pun, jika kita mengandaikan ia telah berubah secara

kebetulan, bagaimana RNA yang telah terbentuk daripada sebuah rantaian nucleotide dapat "memilih" untuk menyalin sendiri dan dengan mekanisme mana yang perlu ia melaksanakan proses penyalinan sendiri ini? Di mana ia mendapatkan nucleotide tersebut untuk digunakan di dalam proses salin semula ini? Sedangkan pakar-pakar mikrobiologi evolusionis sendiri, **Gerald Joyce** dan **Leslie Orgel** melahirkan kekecewaan mereka terhadap situasi ini di dalam buku mereka yang bertajuk "In the DNA World".

> *"Diskusi ini... menumpukan ke atas satu manusia jerami: mitos tentang penyalinan sendiri molekul RNA yang mula terbit daripada satu sup polynucleotide. Ia bukan sahaja satu kepercayaan yang tidak realistik berdasarkan apa yang kita ketahui tentang prebiotik kimia, tetapi dapat menegangkan kepercayaan walau satu pandangan optomis tentang potensi pemangkin RNA."* [119]

3. Walau pun, jika diandaikan terdapat penyalinan sendiri RNA di dalam dunia purba, di mana semua jenis-jenis asid amino digunakan oleh RNA dapat diperolehi dan semua perkara-perkara yang mustahil ini telah berlaku, namun situasi ini masih tidak dapat membentuk walau satu sel protein. Sedangkan RNA hanya mengandungi maklumat-maklumat yang berkaitan dengan struktur protein. Sebaliknya, asid amino pula adalah bahan mentah. Tambahan pula, tidak terdapat sebarang mekanisme yang dapat mengeluarkan protein. Untuk mengandaikan kewujudan RNA bagi melengkapkan pengeluaran protein adalah tidak masuk akal, seperti mengandaikan sebuah kereta terbentuk dan terpasang dengan sendiri dengan hanya melemparkan rekaannya yang telah dilukiskan di atas kertas ke atas beratus-ratus bahagian-bahagian yang berlonggok. Dalam keadaan ini juga, sebarang penghasilan adalah mustahil memandangkan tiada kilang atau pekerja yang terlibat dalam proses ini.

Sebuah protein terbentuk di dalam kilang ribosome dengan bantuan enzim-enzim yang banyak dan sebagai hasil daripada satu proses yang begitu kompleks di dalam sel. Ribosome adalah sebuah struktur asal sel

yang kompleks terbentuk daripada protein. Oleh itu, situasi ini telah menghasilkan satu andaian tidak rasional bahawa ribosome juga telah terbentuk secara kebetulan pada masa yang sama. Sedangkan pemenang hadiah Nobel. **Jacques Monod**, yang merupakan pembela evolusi yang paling fanatik, menerangkan bahawa sintesis protein tidak boleh diremehkan dengan semata-mata bergantung kepada maklumat-maklumat di dalam asid-asid nuklid:

> *Kod tersebut tidak bermakna melainkan sekiranya ia telah diterjemahkan. Mesin terjemahan sel yang moden mengandungi sekurang-kurangnya lima puluh kompenan makro molekul yang dengan sendirinya telah terkod di dalam DNA: kod tersebut tidak dapat diterjemahkan melainkan oleh keluaran terjemahan. Ia adalah ekspresi moden omne vivum ex ovo. Bila dan bagaimana putaran ini bertemu? Ia amat sukar untuk digambarkan.*[120]

Bagaimana sebuah rangkaian RNA di dalam dunia purba membuat keputusan sedemikian dan metode apakah yang digunakannya untuk mengenal pasti pengeluaran protein dengan mengambil alih tugas lima puluh zarah khas seorang diri? Evolusionis tidak mempunyai jawapan kepada persoalan ini.

Dr. Leslie Orgel, salah seorang rakan setugas Stanley Miller dan Francis Crick daripada Universiti San Diego California, menggunakan istilah "senario" terhadap kebarangkalian "pembentukan hidupan melalui dunia RNA". Beliau menjelaskan sifat-sifat yang diperlukan oleh RNA dan betapa ianya mustahil di dalam artikel beliau bertajuk *"The Origin of Life"* yang disiarkan di dalam majalah American Scientist pada bulan Disember 1994:

> *Senario ini boleh berlaku, sekiranya RNA mempunyai dua benda yang tidak terdapat kini: Satu kapasiti penyalinan semula tanpa bantuan daripada protein dan kebolehan untuk memangkin setiap langkah sintesis protein.*[121]

Seperti yang telah dijelaskan, untuk mengharapkan dua proses yang kompleks dan amat penting ini di dalam sebuah molekul seperti RNA, hanya dapat dilakukan oleh kuasa imaginasi dan pandangan para evolusionis. Sebaliknya, fakta-fakta sains yang kukuh telah menjelaskan

bahawa tesis "dunia RNA", yang menjadi model baru formasi manusia secara kebetulan, adalah sebuah dongengan yang tidak boleh dipercayai.

Hidupan Bukan Sekadar Longgokan Molekul-molekul

Mari kita lupakan untuk seketika semua ketidakmungkinan ini, dan kita andaikan bahawa molekul protein telah terbentuk di dalam sebuah persekitaran yang paling tidak sesuai dan paling tidak terkawal seperti keadaan bumi purba. Pembentukan hanya sebuah protein masih tidak memadai; protein ini perlu menunggu dengan sabarnya selama beribu-ribu, malah mungkin berjuta-juta tahun di dalam persekitaran yang tidak terkawal ini tanpa ditimpa sebarang kerosakan, sehingga molekul lain pula terbentuk di sebelahnya secara kebetulan di bawah keadaan yang sama. Ia perlu menanti sehingga berjuta-juta protein yang betul dan yang diperlukan terbentuk bersebelahan di dalam tempat yang sama, semuanya berlaku "secara kebetulan". Molekul yang terbentuk lebih awal perlu benar-benar sabar untuk menanti, tanpa dimusnahkan oleh sinaran ultra ungu dan gangguan mekanisme-mekanisme yang menjejaskan, untuk membolehkan molekul yang lain terbentuk di sebelahnya. Kemudian, protein-protein di dalam jumlah yang besar ini, yang semuanya terbentuk pada tempat yang sama, perlu bercantum dengan membentuk kombinasi yang berguna dan membentuk struktur asal sel. Tiada bahan tambahan, molekul yang menjejaskan, atau rantaian protein yang tidak berguna boleh mengganggu mereka. Kemudian, walau sekiranya struktur asal ini bercantum dengan cara yang paling harmoni dan bekerjasama dengan satu perancangan dan aturan, mereka perlu mengambil enzim-enzim yang diperlukan, di samping diri mereka sendiri dan menjadi tertutup dengan satu membran, dalamnya pula diisi dengan sejenis cecair khas untuk menyediakan persekitaran yang idea kepada mereka. Sekarang, sekiranya semua peristiwa "yang paling mustahil" telah berlaku secara kebetulan, maka dapatkah longgokan molekul-molekul ini hidup?

Jawapannya adalah Tidak, kerana kajian telah mendapati bahawa

kombinasi semua bahan-bahan yang diperlukan oleh hidupan sahaja adalah tidak memadai untuk memulakan satu hidupan. Walau pun sekiranya protein-protein yang diperlukan untuk hidup dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam tiup ujian, usaha ini tidak akan menghasilkan sel hidup. Semua eksperimen yang berkaitan dengan subjek ini telah menemui kegagalan. Semua pemerhatian dan eksperimen menunjukkan bahawa hidupan hanya dapat terbentuk daripada hidupan lain. Dakwaan bahawa hidupan ini bermula daripada benda tidak hidup atau abiogenesis, adalah sebuah hikayat yang hanya wujud di dalam khayalan evolusionis, dan sama sekali bercanggah dengan hasil setiap eksperimen dan pemerhatian.

Dengan itu, hidupan pertama di bumi pasti juga telah terbentuk daripada hidupan lain. Ini adalah salah satu gelaran Allah iaitu *"Al-Hayy"* (Yang Empunya Hidupan). Hidup hanya boleh bermula, berterusan dan berakhir dengan kehendak-Nya. Bagi evolusionis pula, bukan sahaja tidak dapat menjelaskan bagaimana hidup ini bermula, mereka juga gagal untuk menjelaskan bagaimana bahan-bahan yang penting untuk hidupan terbentuk dan bercantum.

Chandran Wickramasinghe menceritakan kenyataan yang dihadapinya sebagai seorang saintis yang telah diberitahu bahawa hidupan ini telah terbentuk secara kebetulan:

> *Sejak awal latihan saya sebagai seorang saintis, saya telah dibrainwashkan untuk mempercayai bahawa sains tidak selari dengan sebarang rekaan terancang. Fahaman ini mesti ditanggalkan. Pada saat ini, saya tidak menemui sebarang hujah yang rasional untuk menolak pandangan yang mendakwa pengubahan Tuhan. Kita sebelumnya mempunyai pemikiran yang terbuka; sekarang kita menyedari bahawa satu-satunya jawapan yang logik kepada hidupan ini ialah ia telah diciptakan – bukannya dengan rombakan rawak secara kebetulan.*[122]

Bab 11

UNDANG-UNDANG KEDUA TERMODINAMIK YANG MEMBATALKAN TEORI EVOLUSI

Undang-undang Kedua Termodinamik (*thermodynamic* -- sains perhubungan di antara haba dan bentuk tenaga-tenaga lain), yang diterima sebagai salah satu undang-undang asas fizik, menegaskan bahawa di bawah keadaan semula jadi semua sistem yang ditinggalkan sendirian berkecenderungan untuk menjadi berkecamuk, bertaburan dan rosak di dalam tempoh masa yang berlalu. Setiap benda hidup atau tidak akan merosot, menjadi reput, terlerai dan musnah. Ini adalah kesudahan yang akan dihadapi oleh semua benda hidup dengan berbagai cara, dan menurut undang-undang ini proses yang tidak dapat dielakkan ini tidak akan berulang.

Ini adalah sesuatu yang kita semua dapat perhatikan. Sebagai contoh, sekiranya kita letakkan sebuah kereta di sebuah padang pasir dan kita tinggalkan di situ, kamu pasti merasa sukar untuk menerima bahawa ia akan berada di dalam keadaan yang sempurna apabila kamu kembali semula setahun kemudian. Sebaliknya, kamu akan dapati tayar-tayarnya telah kempis, tingkap-tingkapnya telah dipecahkan, rangkanya telah berkarat, dan motornya telah reput. Proses yang sama berlaku kepada benda hidup, malah lebih pantas lagi.

Undang-undang Kedua Termodinamik bererti apabila proses semula jadi didefinisikan dengan pertimbangan dan perkiraan fizik.

Undang-undang fizik yang masyhur ini juga dikenali sebagai **"The Law of Entropy".** Entropi ialah suatu jangka masa keadaan berkecamuk di dalam suatu sistem di dalam ilmu fizik. Sistem entropi ini meningkat apabila ia maju ke hadapan suatu keadaan yang lebih berkecamuk, berselerak dan tidak tersusun daripada suatu keadaan yang tertib, teratur

dan tersusun. Semakin tinggi suatu sistem ini berkecamuk semakin tinggi entropinya. Undang-undang Entropi berpegang bahawa seluruh cakerawala ini sedang menuju ke arah suatu keadaan yang lebih berkecamuk, tidak tersusun dan berselerak.

Kebenaran Undang-undang Kedua Termodinamik atau Undang-undang Entropi telah disahkan secara eksperimen dan teori. Yang lebih penting ialah para saintis kini bersetuju bahawa Undang-undang Entropi akan menjadi paradigma yang menguasai peringkat sejarah berikutnya. **Albert Einstein** seorang saintis hebat di zaman kita, menyatakan bahawa ia adalah "undang-undang asas seluruh ilmu sains". **Sir Arthur Eddington**, juga merujuk kepada undang-undang tersebut sebagai "asas undang-undang metafizik seluruh cakerawala ini".[123]

Teori evolusi merupakan sebuah dakwaan yang dibuat dengan membelakangkan sama sekali undang-undang fizik yang asas dan tepat ini. Mekanisme yang dikemukakan oleh teori ini amat berlawanan dengan undang-undang ini. Teori evolusi menyatakan bahawa atom-atom dan molekul-molekul yang bukan organik, berkecamuk dan tidak tersusun ini, bercantum secara spontan dalam satu jangka masa di dalam susunan yang tertentu dan merancang untuk membentuk molekul-molekul yang kompleks seperti protein, DNA dan RNA, setelah menghasilkan berjuta-juta spesies hidupan berbeza yang mempunyai struktur lebih kompleks. Menurut teori evolusi lagi, proses ini telah terjadi dengan sendirinya di bawah keadaan semula jadi. Undang-undang Entropi telah menjelaskan dengan terang bahawa proses semula jadi ini berlawanan sama sekali dengan undang-undang fizik.

Saintis-saintis evolusionis juga menyedari kenyataan ini. **J.H Rush** menyatakan:

> *Di dalam haluan evolusi yang kompleks, hidupan mempamerkan percanggahan yang hebat terhadap kecenderungan yang dijelaskan di dalam Undang-undang Kedua Termodinamik. Di mana Undang-undang Kedua ini menjelaskan bahawa perkembangan yang tidak dapat diubah oleh peningkatan entropi dan kecamukan, hidupan berkembang secara berterusan pada peringkat susunan yang tinggi.*[124]

Seorang saintis evolusionis **Roger Lewin** menerangkan kebuntuan termodinamik terhadap evolusi di dalam sebuah artikel di dalam majalah *Science*:

Satu masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli biologi ialah percanggahan evolusi terhadap Undang-undang Kedua Termodinamik. Semua sistem akan reput ditelan zaman, memberikan susunan yang berkurangan, tidak lebih.[125]

Seorang saintis evolisionis yang lain, **George Stavropoulos** menerangkan ketidakmungkinan termodinamik untuk sebuah pembentukan hidupan secara spontan dan kesukaran dalam menjelaskan kewujudan mekanisme-mekanisme hidupan yang kompleks oleh undang-undang semula jadi di dalam sebuah majalah evolusionis yang terkenal American Scientist:

Sehingga kini, di dalam keadaan biasa, tidak terdapat satu pun molekul organik yang kompleks pernah terbentuk secara spontan tetapi kemudian terlerai, bertepatan dengan Undang-undang Kedua ini. Sememangnya, semakin ia kompleks, semakin ia tidak stabil, dan yang lebih pasti, lambat laun ia akan terlerai juga. Fotosintesis dan proses-proses hidupan lain, dan hidupan itu sendiri, masih tidak dapat difahami dalam istilah termodinamik atau sebarang tuntutan sains.[126]

Seperti yang telah diketahui, Undang-undang Kedua Termodinamik mengandungi satu halangan yang tidak dapat diatasi oleh evolusi di dalam kedua-dua aspek sains dan logik akal. Gagal untuk mengemukakan sebarang penjelasan saintifik dan konsisten untuk mengatasi halangan ini, evolusionis hanya dapat menewaskannya di dalam khayalan mereka. Sebagai contoh, seorang evolusionis terkenal **Jeremy Rifkin** mencatatkan keyakinan beliau bahawa evolusi telah melampaui undang-undang fizik melalui suatu "kuasa ajaib":

Undang-undang Entropi menyebut bahawa evolusi telah mengetepikan seluruh tenaga yang diperlukan untuk hidupan di atas planet ini. Konsep evolusi kami adalah amat bercanggah. Kami percaya bahawa evolusi entah bagaimana secara ajaibnya membentuk seluruh nilai dan peraturan di atas bumi.[127]

Keterangan ini dengan jelas menunjukkan bahawa evolusi ini hanyalah sebuah kepercayaan dogmatik palsu.

Mitos "Sistem Terbuka"

Berhadapan dengan kebenaran-kebenaran ini, evolusionis telah mengambil jalan pintas untuk melepaskan diri daripada jerat Undang-undang Kedua Termodinamik, dengan mengatakan bahawa ia hanya betul kepada "sistem tertutup" *(closed system)* dan "sistem terbuka" *(open system)* adalah melampaui skop undang-undang ini.

Sebuah "sistem terbuka" ialah sebuah sistem termodinamik di mana bahan-bahan tenaga keluar-masuk, tidak seperti sebuah "sistem tertutup" di mana tenaga dan bahan utamanya adalah kekal. Para evolusionis berpegang bahawa dunia ini adalah sebuah sistem terbuka: iaitu ia sering terdedah kepada suatu tenaga yang jatuh dari matahari. Mereka juga percaya bahawa Undang-undang Entropi tidak melibatkan dunia ini keseluruhannya, oleh itu, hidupan yang kompleks dapat dihasilkan daripada struktur-struktur yang tidak tersusun, ringkas, dan mati.

Bagaimana pun, di sini terdapat penyelewengan yang nyata. **Fakta bahawa satu sistem mempunyai suatu tenaga yang mengalir masuk adalah tidak memadai untuk menjadikan sistem tersebut tersusun. Mekanisme-mekanisme tertentu diperlukan untuk membolehkan tenaga ini berfungsi.** Sebagaimana sebuah kereta memerlukan sebuah motor, sebuah sistem transmisi dan mekanisme pengawalan yang bersambung bagi menukarkan tenaga di dalam gasolin untuk bekerja. Tanpa sistem penukaran tenaga seperti ini, kereta tersebut tidak akan dapat menggunakan tenaga di dalam gasolin.

Perkara yang sama berlaku di dalam hal hidupan ini. Memang benar hidupan mendapatkan tenaga daripada matahari. Tetapi, tenaga solar ini hanya dapat ditukarkan menjadi tenaga kimia oleh sistem penukaran tenaga yang kompleks di dalam benda hidup (seperti fotosintesis di dalam tumbuhan dan sistem pencernaan manusia dan haiwan). Tidak ada benda hidup dapat hidup tanpa sistem penukaran tenaga ini. Tanpa sebuah sistem penukaran tenaga, matahari tidak ubah seperti suatu sumber tenaga pemusnah yang membakar, memanggang, atau mencairkan.

Seperti yang dapat dilihat, sebuah sistem termodinamik tanpa sebuah mekanisme pengubah tenaga adalah tidak berfaedah kepada evolusi, samada ianya terbuka atau tertutup. Tidak seorang pun mendakwa mekanisme kompleks ini telah wujud di dalam keadaan semula jadi di bumi purba. Sememangnya, masalah yang dihadapi oleh evolusionis ialah persoalan bagaimana mekanisme-mekanisme kompleks seperti fotosintesis di dalam tumbuhan, yang tidak dapat ditiru oleh teknologi moden, dapat muncul dengan sendirinya.

Aliran tenaga matahari ke bumi tidak memberi kesan yang membolehkannya tersusun sendiri. Tidak kira betapa tingginya suhu yang dihasilkan, asid amino tetap menahan pembentukan ikatan-ikatan di dalam sebuah rangkaian. Tenaga tidak dapat dengan sendirinya membantu asid amino membentuk molekul-molekul protein yang lebih kompleks, atau untuk protein membentuk dan mengendalikan struktur-struktur sel-sel organelles yang lebih kompleks dan tersusun. Sumber utama dan tepat untuk penyusunan di dalam semua peringkat ialah rekaan yang cermat: atau dengan perkataan lain, ia adalah sebuah **ciptaan**.

Mitos "Pengorganisasian Sendiri Benda"

Menyedari bahawa Undang-undang Kedua Termodinamik ini telah menjadikan teori evolusi mustahil, beberapa orang saintis evolusionis telah membuat beberapa spekulasi untuk merapatkan jurang di antara keduanya dan menjadikan teori ini diterima. Seperti biasa, usaha-usaha ini hanya menunjukkan bahawa teori evolusi sedang berhadapan dengan kebuntuan yang tidak dapat dielakkan.

Di antara mereka yang cuba menyatukan termodinamik dan evolusi ialah seorang saintis Belgian **Ilya Prigogine**. Dimulakan daripada Teori Chaos, Prigogine telah mengemukakan sejumlah hipotesis di mana susunan terbentuk daripada kecamukan. Beliau mendakwa bahawa beberapa sistem terbuka menunjukkan penurunan di dalam entropi bertepatan dengan satu kesan tenaga luar dan benda luar yang

"menyusun" ini adalah bukti "benda dapat mengorganisasikan diri sendiri". Sejak itu, konsep "pengorganisasian sendiri benda" ini telah menjadi amat terkenal di kalangan evolusionis dan materialis. Mereka berlagak seolah-olah mereka telah menemui asal usul materialistik kepada kekompleksitian hidupan ini dan penyelesaian materialistik terhadap masalah asal hidupan.

Tetapi apabila diteliti, jelas bahawa dakwaan ini adalah abstrak dan tidak lebih daripada harapan kosong. Tambahan pula, ia melibatkan sebuah penipuan yang sangat janggal. Penipuan tersebut ialah pengeliruan secara sengaja dua konsep yang berbeza, **"pengorganisasian sendiri"** dan **"penyusunan sendiri"**.[128]

Kita dapat menerangkannya melalui satu contoh. Bayangkan sebuah pantai, dengan berbagai jenis batu yang bercampur aduk antara satu sama lain. Batu-batu yang besar, yang kecil dan yang halus. Apabila ombak yang kuat merempuh pantai tersebut, mungkin akan terbentunk "susunan" di antara batu-batu tersebut. Ombak akan mengangkat batu-batu yang mempunyai berat yang sama di dalam jumlah yang sama. Dan apabila ombak itu kembali, batu-batu tersebut mungkin akan tersusun daripada yang paling kecil hingga yang paling besar menghadap ke arah laut.

Ini ialah "proses penyusunan sendiri": Pantai tersebut adalah sebuah sistem terbuka dan limpahan tenaga (ombak) menyebabkannya "tersusun". Tetapi proses yang sama tidak akan dapat membentuk sebuah istana pasir di pantai tersebut. Sekiranya kita melihat sebuah istana pasir, kita pasti yakin bahawa seseorang telah membuatnya. Perbezaan di antara istana pasir dan batu-batu yang "tersusun", ialah pembentukannya melibatkan kekompleksitian yang unik, sementara yang satu lagi pula hanya melibatkan susunan yang berulang. Ia seperti sebuah mesin penaip yang menaip "aaaaaaaaaaa" beratus-ratus kali – kerana satu objek (satu limpahan tenaga) telah terjatuh pada huruf "a" di atas papan kekunci. Sudah tentu, susunan huruf "a" yang berulang-ulang ini tidak mengandungi sebarang maklumat dan kekompleksitian. Kamu memerlukan pemikiran yang terancang untuk mendapatkan satu rangkai

huruf yang mengandungi maklumat.

Perkara yang sama berlaku apabila angin memasuki sebuah bilik yang berdebu. Sebelum limpahan tenaga ini (angin), debu-debu tersebut mungkin berada di dalam keadaan berkecamuk. Apabila angin masuk, debu-debu tersebut mungkin akan terkumpul di suatu sudut di dalam bilik itu. Ini ialah "penyusunan sendiri". Tetapi debu-debu ini tidak pernah "mengorganisasi sendiri" dirinya dan membentuk gambar seorang lelaki di atas lantai bilik.

Contoh-contoh ini sama dengan senario "pengorganisasian sendiri" evolusionis. Mereka mendakwa benda mempunyai satu kecenderungan untuk mengorganisasikan diri sendiri, kemudian memberikan contoh-contoh penyusunan sendiri dan kemudian cuba mengelirukan di antara kedua-dua konsep ini. Prigogine sendiri telah memberikan contoh-contoh penyusunan sendiri molekul ketika dilimpahi tenaga. Saintis Amerika **Thaxton**, **Bradley** dan **Olsen**, telah menjelaskan fakta berikut di dalam buku mereka bertajuk "The Mystery of Life's Origin":

> *... Di dalam setiap kes pergerakan molekul-molekul secara rawak di dalam bendalir, ia telah digantikan secara spontan oleh perlakuan yang teratur. Prigogine, Eigin dan mereka yang lain menyarankan bahawa jenis pengorganisasian yang sama mungkin telah berlaku di dalam organik kimia dan boleh dianggap sebagai inti pati makromolekul bagi sistem hidupan. Tetapi perbandingan seperti ini kurang relevan untuk persoalan asal-usul-kehidupan. Masalah utamanya ialah mereka tidak dapat membezakan di antara aturan dan kompleksiti... selalunya aturan tidak dapat menyimpan maklumat-maklumat yang besar yang diperlukan oleh sistem hidupan. Sebuah struktur yang janggal memerlukan lebih daripada hanya sebuah struktur yang teratur. Ini merupakan kesilapan yang serius pada perbandingan yang disebutkan. Tidak ada sebarang kaitan di antara aturan spontan yang berlaku daripada kesilapan tenaga melalui sistem-sistem dan kerja-kerja yang diperlukan untuk membina maklumat yang tidak berkala – makromolekul intensif seperti DNA dan perotien.*[129]

Sebenarnya, Prigogine sendiri terpaksa menerima bahawa argumen beliau tidak bertepatan dengan asal usul hidupan. Beliau menyebutkan:

> *Masalah susunan biologi ialah berkaitan dengan perpindahan daripada aktiviti*

molekul kepada susunan supermolekul sebuah sel. Masalah masih tidak dapat diselesikan lagi.[130]

Mengapa evolusionis masih mahu mempercayai senario-senario yang tidak saintifik seperti "pengorganisasian sendiri benda"? Mengapa mereka mendesak untuk menolak manifesto bijaksana di dalam sistem hidupan? Jawapannya ialah kerana, mereka mempunyai kepercayaan yang dogmatik terhadap materialisme dan mereka yakin bahawa kebendaan mempunyai sejenis kuasa misteri yang dapat menjadikan hidupan. Seorang profesor kimia daripada Universiti New York dan seorang pakar DNA, **Robert Shapiro** menjelaskan kepercayaan evolusionis ini dan dogma materialistik yang mendasarinya, seperti berikut:

Prinsip evolusion lain menyebabkan kita terpaksa melintasi jurang campuran bahan kimia semula jadi yang ringkas kepada penyalinan efektif yang pertama. Prinsip ini masih belum digarap dengan teliti atau didemontrasikan, tetapi ia telah diterima, dan telah diberikan nama seperti evolusi kimia dan pengorganisasian sendiri benda. Kewujudan prinsip ini telah diperakui di dalam falsafah dialetik materialisme, seperti yang telah disebutkan di dalam Origin of Life, oleh Alexander Oparin.[131]

Semua situasi ini membuktikan dengan jelas bahawa evolusi adalah sebuah dogma yang bersalahan dengan sains yang empirikal dan asal usul hidupan hanya dapat dijelaskan oleh campur tangan satu kuasa supernatural. Kuasa supernatural tersebut ialah ciptaan Allah, yang menjadikan sekalian alam daripada kekosongan. Sains telah membuktikan bahawa proses evolusi adalah mustahil, seperti mana yang telah dibuktikan oleh termodinamik dan kewujudan hidupan tidak akan dapat dijelas melainkan sebagai Ciptaan.

Bab 12

PERANCANGAN DAN KEBETULAN

Di dalam bab-bab yang lepas, kita dapat melihat bagaimana mustahinyal pembentukan hidupan secara kebetulan. Mari kita terima kemustahilan ini untuk seketika. Mari kita anggarkan bahawa berbilion-bilion tahun dahulu sebuah sel telah terbentuk dengan dilengkapi dengan semua keperluan-keperluan yang diperlukan untuk hidup dan ia telah "hidup". Evolusi sekali lagi gagal pada noktah ini. Walau sekiranya sel ini telah hidup untuk seketika, ia pasti akan mati kemudianya dan selepas kematiannya tidak akan ada apa-apa pun yang tinggal dan semuanya terpaksa bermula daripada awal. Ini kerana sel yang awal ini, yang tidak mengandungi sebarang maklumat genetik, tidak akan dapat menghasilkan semula dan memulakan sebuah generasi yang baru. Hidupan akan berakhir dengan kematiannya.

Sistem genetik tidak hanya mengandungi DNA. Perkara berikut juga perlu wujud dalam persekitaran yang sama: enzim-enzim untuk membaca kod-kod di atas DNA, utusan RNA untuk dibentuk selepas membaca kod-kod ini, sebuah ribosome*di mana utusan RNA akan terbentuk mengikut kod ini dan bersedia untuk pengeluaran, pengangkut RNA untuk memindahkan asid amino ke ribosome bagi digunakan semasa pengeluaran, dan enzim-enzim yang kompleks untuk melakukan berbagai proses perantaraan. Sebuah persekitaran seperti ini, tidak dapat wujud di tempat lain tetapi hanya di dalam persekitaran yang terasing dan terkawal sepenuhnya seperti sel, di mana semua sumber bahan-bahan dan sumber tenaga yang diperlukan wujud.

Hasilnya, bahan organik hanya dapat menghasilkan-sendiri *(self-*

** Ribosome – satu kelas protein yang terdapat di dalam sitoplasma (cytoplasm) sel tumbuhan dan haiwan, ia bergabung dengan asid ribonucleic di dalam transmisi karakter-karakter gen.*

product) sekiranya ia muncul sebagai sebuah sel yang terbentuk lengkap dengan semua organ-organnya dan di dalam persekitaran yang sesuai di mana ia selamat, dapat bertukar bahan, dan mendapat tenaga dari persekitarannya. Ini bererti, sel pertama di bumi terbentuk "keseluruhannya secara mendadak" dengan strukturnya yang kompleks.

Oleh itu, **sekiranya sebuah struktur kompleks telah muncul secara mendadak, apa ertinya?**

Mari kita soal soalan ini dengan sebuah contoh. Mari kita samakan sel ini dengan sebuah kereta berteknologi tinggi dari segi keterperinciannya. (sebenarnya, sel mempunyai sistem yang lebih kompleks dan maju daripada sebuah kereta dengan motor dan segala peralatannya.) Sekarang mari kita tanya: apa yang akan kamu fikirkan sekiranya kamu tersesat jauh ke dalam sebuah hutan rimba yang tebal dan menemui sebuah kereta model terkini di celah-celah pokok? Adakah kami akan beranggapan bahawa bahan-bahan yang berbagai di dalam hutan ini telah bercantum sendiri secara kebetulan selama berjuta-juta tahun dan membentuk sebuah kenderaan seperti ini? Semua bahan-bahan yang membentuk kereta tersebut terdiri daripada besi, plastik, getah, tanah atau hasilnya, tetapi apakah fakta ini akan menyebabkan kamu berfikir bahawa semua bahan-bahan ini telah tersintesis "secara kebetulan" dan kemudian telah bergabung, lalu membentuk sebuah kereta?

Tanpa ragu-ragu, seorang yang berfikiran waras akan tahu bahawa kereta tersebut adalah hasil daripada rekaan terancang, iaitu oleh sebuah kilang, dan dia akan tertanya-tanya mengapa ia berada di sini, di tengah sebuah hutan seperti ini. Pembentukan mendadak sebuah struktur kompleks di dalam bentuk yang kompleks, menunjukkan bahawa ia telah diciptakan oleh suatu agen terancang. Sebuah sistem yang kompleks seperti sel pasti telah diciptakan oleh suatu kehendak dan kebijaksanaan yang maha tinggi. Dengan kata lain, kewujudannya adalah hasil ciptaan **Allah**.

Dengan hanya mempercayai bahawa hanya dengan kebetulan semata-mata dapat menghasilkan ciptaan-ciptaan yang sempurna, evolusionis sebenarnya telah menyimpang daripada hukum sebab musabab dan sains. Seorang ahli zoologi yang berterus terang di dalam isu ini, **Pierre Grasse,** bekas presiden **Frence Academy of Science**. Grasse adalah seorang materialis, tetapi beliau mengakui teori Darwinis tidak dapat menjelaskan kehidupan dan dia memberikan hujahnya terhadap logik "kebetulan", yang menjadi tulang belakang Darwinis:

> *Peluang kemunculan mutasi yang membolehkan haiwan dan tumbuhan mendapat keperluan mereka, adalah amat sukar untuk dipercayai. Tetapi pengikut-pengikut teori Darwin telah mendakwa lebih dari itu: Satu tumbuhan, seekor binatang bergantung kepada beribu ribu nasib baik, peristiwa yang sesuai. Oleh itu, keajaiban memainkan peranan: peristiwa dengan kebarangkalian yang sangat kecil tidak akan gagal untuk berlaku...* ***Tidak terdapat sebarang undang-undang menentang mimpi kosong, tetapi sains perlu tidak terikut-ikut dengannya.***[132]

Grasse merumuskan makna konsep "kebetulan" kepada evolusionis: **"... peluang menjadi suatu penjimatan, di mana, ia tidak disebutkan di bawah kulit ateisme, tetapi secara rahsia ia disembah."**[133]

Secara logiknya, kegagalan evolusionis ini adalah hasil daripada konsep kebetulan mereka yang telah termaktub. Di dalam al-Quran, telah diceritakan bahawa mereka yang menyembah selain daripada Allah tidak dapat memahami;

وَالْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ
أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا ۚ أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ
هُمْ أَضَلُّ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mem-

punyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai. (Surah Al-Araaf:179)

Formula Darwinian!

Di samping semua bukti-bukti teknikal yang telah kita perhatikan setakat ini, kali ini mari kita kaji sebuah kepercayaan karut evolusionis dengan satu contoh ringkas yang dapat difahami oleh kanak-kanak:

Teori evolusi mendakwa bahawa hidupan ini terbentuk secara kebetulan. Menurut dakwaan ini, atom bukan organik dan tidak hidup telah berkumpul untuk membentuk sel dan entah bagaimana kemudian telah membentuk hidupan lain, termasuk manusia. Mari kita fikirkan. Apabila kita kumpulkan bahan-bahan yang menjadi blok-pembinaan hidupan seperti karbon, fosforus, nitrogen dan potassium, hanya satu longgokan telah terbentuk. Tidak kira cara apa yang digunakan, longgokan atomik ini tidak akan dapat membentuk walau satu hidupan. Jika kamu mahu, mari kita rumus sebuah "eksperimen" ke atas subjek ini dan mari kita kaji di atas nama evolusionis apa yang sebenarnya mereka dakwa tanpa mengumumkan terang-terang di bawah nama **"formula Darwinian"**:

Biarkan evolusionis meletakkan seberapa banyak bahan-bahan yang terdapat di dalam komposisi hidupan seperti fosforus, nitrogen, karbon, oksigen, besi, dan magnesium ke dalam tong-tong besar. Lebih dari itu, biarkan mereka mencampurkan ke dalam tong-tong ini sebarang bahan yang tidak terdapat di dalam keadaan biasa, tetapi mereka merasakannya perlu. Biarkan mereka menambahkan ke dalam campuran ini seberapa banyak asid amino - yang tidak mempunyai sebarang kemungkinan untuk terbentuk di dalam keadaan biasa – dan seberapa banyak protein –yang pembentukannya mempunyai kebarangkalian 10^{950} – mengikut kemahuan mereka. Biarkan mereka mendedahkan campuran ini kepada tahap kepanasan dan kelembapan yang mereka suka. Biarkan mereka mengacaunya dengan peralatan berteknologi yang dapat dicipta

sebagaimana yang mereka mahu. Biar mereka letakkan saintis-saintis yang paling terkenal di sebelah tong-tong ini. Biarkan pakar-pakar ini menanti bergilir-gilir di sebelah tong-tong ini selama berbilion-bilion, malah hingga bertrilion-trilion tahun sekali pun. Benarkan mereka menggunakan apa juga keadaan yang mereka percaya perlu untuk pembentukan manusia. Walau apa pun yang mereka lakukan, mereka tidak akan dapat menghasilkan daripada tong-tong ini seorang manusia, kata seorang profesor yang mengkaji struktur selnya di bawah mikroskop elektron. Mereka tidak dapat menghasilkan zirafah, singa, lebah, burung kenari, kuda, ikan lumba-lumba, bunga ros, orkid, teratai, teluki, buah pisang, oren, apel, kurma, tomato, semangka, tembikai, zaitun, anggur, fig, peach, burung merak, *pheasant*, rama-rama yang berwarna-warni, atau berjuta-juta hidupan seperti ini. Sememangnya, mereka tidak memperolehi walau sebuah sel daripada mereka.

Kesimpulannya, atom mati tidak dapat membentuk sel dengan bergabung bersama. Mereka tidak dapat mengambil keputusan yang baru dan memecahkan sel ini kepada dua, dan kemudian mengambil keputusan lain dan menjadikan profesor-profesor yang mencipta mikroskop elektronik dan kemudian mengkaji struktur sel mereka sendiri di bawah mikroskop ini. **Benda adalah bahan mati, longgokan tidak bernyawa, dan ia menjadi hidup hasil daripada ciptaan hebat Allah.**

Teori evolusi, yang mendakwa sebaliknya, adalah sama sekali salah dan sama sekali bertentangan dengan sebab musabab. Memikirkan sejenak dakwaan evolusionis ini akan membongkarkan realiti yang sebenar, seperti contoh di atas.

Teknologi Di Dalam Mata dan Telinga

Subjek lain yang masih tidak dapat dijawab oleh para evolusionis ialah kualiti persepsi yang sempurna di dalam mata dan telinga.

Sebelum kita teruskan kepada subjek mata, mari kita jawab secara ringkas soalan "bagaimana kita melihat". Sinar cahaya yang datang daripada sebuah objek jatuh bertentangan di atas retina mata. Di sini,

sinaran cahaya tersebut telah ditukarkan kepada isyarat elektrik oleh sel-sel dan ia mencapai satu titik kecil di belakang otak yang digelar pusat penglihatan. Isyarat elektrik ini difahami di pusat otak ini sebagai sebuah imej setelah melalui beberapa proses. Berbekalkan latar belakang teknikal ini, mari kita lakukan beberapa penelitian.

Otak terselindung daripada cahaya. Ini bererti bahagian dalaman otak adalah sama sekali gelap, dan cahaya tidak dapat mencapai lokasi di mana otak dilindungi. Bahagian yang digelar pusat penglihatan adalah sebuah kawasan yang amat gelap di mana cahaya tidak dapat sampai kepadanya; ia mungkin merupakan kawasan paling gelap yang pernah kamu ketahui. Tetapi, kamu dapat melihat sebuah dunia yang bercahaya dan terang benderang di dalam tempat yang gelap gelita ini.

Imej yang terbentuk di dalam mata amat tajam dan nyata, tidak ada teknologi abad ke-20 yang mampu menghasilkannya. Sebagai contoh, lihat pada buku yang kamu baca, tangan yang memegangnya, kemudian angkat kepala kamu dan lihat sekeliling kamu. Pernahkah kamu melihat imej yang sebegitu tajam dan nyata seperti itu di tempat lain? Walau skrin televisyen paling maju yang dikeluarkan oleh pengeluar televisyen terhebat di dunia sekali pun tidak akan dapat menghasilkan sebuah imej yang sebegini terang kepada kamu. Ini adalah sebuah imej tiga dimensi berwarna yang paling jelas. Lebih daripada 100 tahun, beratus-ratus jurutera telah mencuba untuk mencapai tahap ketajaman seperti ini. Kilang-kilang, premis-premis besar telah ditubuhkan, banyak kajian telah dilakukan, plan-plan dan rekaan telah dibuat untuk tujuan ini. Sekali lagi, lihat pada skrin televisyen kamu dan pada buku yang kamu pegang di tangan kamu. Kamu akan lihat bahawa terdapat satu perbezaan yang besar pada ketajaman dan kejelasannya. Tambahan pula, skrin televisyen memperlihatkan kepada kamu sebuah imej dua-dimensi, sedangkan dengan mata kamu, kamu dapat melihat perspektif tiga-dimensi yang dalam. Jika kamu perhatikan betul-betul, kamu akan dapati terdapat kekaburan di dalam televisyen, tetapi apakah terdapat kekaburan pada penglihatan kamu? Pastinya tidak.


Sejak beberapa tahun, berpuluh-puluh ribu jurutera telah cuba

untuk membuat sebuah televisyen tiga-dimensi, dan mencapai penglihatan berkualiti seperti mata. Ya, mereka telah berjaya mencipta sebuah sistem televisyen tiga-dimensi, tetapi ia tidak dapat dilihat tanpa memakai cermin mata; tambahan pula, ia hanyalah tiga–dimensi tiruan. Latar belakangnya adalah lebih kelabu, bahagian hadapan pula muncul seperti susunan kertas. Adalah mustahil untuk menghasilkan penglihatan yang tajam dan nyata seperti mata. Di dalam kamera dan televisyen, terdapat kekurangan kualiti pada imejnya.

Evolusionis mendakwa bahawa mekanisme yang menghasilkan imej yang tajam dan nyata ini telah terbentuk secara kebetulan. Sekarang, sekiranya seseorang memberitahu kamu bahawa televisyen yang terdapat di dalam bilik kamu ini telah terbentuk hasil daripada kebetulan, bahawa semua atom-atom telah bergabung dan membentuk alat ini yang menghasilkan sebuah imej, apa yang akan kamu fikirkan? Bagaimana atom-atom ini dapat melakukan sesuatu yang beratus-ratus manusia tidak dapat melakukannya?







Apabila kita membandingkan mata dan telinga dengan kamera dan perakam suara, kita akan dapati bahawa mata dan telinga adalah lebih kompleks, lebih berfungsi dan lebih sempurna daripada hasil-hasil teknologi ini.



Hampir seabad, berpuluh-puluh ribu jurutera telah mengkaji dan berusaha di dalam makmal-makmal berteknologi tinggi dan kompleks-kompleks perindustrian hebat yang menggunakan peralatan teknologi yang paling maju, dan mereka tidak dapat untuk melakukan yang lebih daripada ini.

Sekiranya sebuah alat yang menghasilkan sebuah imej yang lebih primitif daripada mata, tidak terbentuk secara kebetulan, maka jelaslah mata dan imej yang dapat dilihat dengan mata juga tidak mungkin terbentuk secara kebetulan. Ia memerlukan perancangan yang lebih teliti dan bijak daripada yang terdapat pada televisyen. Perancangan dan rekaan yang setajam dan sejelas ini adalah kepunyaan **Allah**, Yang Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu.

Situasi yang sama juga berlaku pada telinga. Telinga luar mengambil bunyi-bunyi yang dapat ditangkap oleh aurikel (telinga luar) dan menghantar terus ke telinga tengah; telinga tengah akan menghantar getaran bunyi tersebut dengan memperkuatkannya; telinga dalam menghantarkan getaran ini ke otak dengan memindahkannya kepada isyarat elektrik. Seperti mata, gerakan pendengaran ini akan berakhir di pusat pendengaran di dalam otak.

Situasi di dalam mata juga sama dengan telinga. Iaitu, otak terlindung daripada bunyi sama seperti cahaya; ia tidak membenarkan sebarang bunyi masuk. Oleh itu, walau sebising mana di luar otak, bahagian dalamnya adalah sepenuhnya sunyi. Namun begitu, ketajaman bunyi dapat dirasai di dalam otak. Di dalam otak kamu, yang tertutup daripada bunyi, kamu mendengar simfoni sebuah orkestra, dan mendengar semua bunyi-bunyian di dalam kawasan yang sesak. Bagaimana pun, sekiranya tahap bunyi di dalam otak kamu telah disukat oleh alat yang tepat, ia menunjukkan bahawa kesunyian yang sempurna telah menjadi biasa di situ.

Mari kita bandingkan sekali lagi kualiti tinggi dan teknologi hebat yang terdapat di dalam telinga dan otak dengan teknologi yang dihasilkan oleh manusia. Seperti keadaan imej, berdekad-dekad usaha telah dilakukan dalam cubaan untuk merakam dan mengeluarkan bunyi

yang menyamai yang asal. Hasil daripada usaha-usaha ini ialah perakam suara, sistem ketepatan yang tinggi, dan sistem pengesan bunyi. Dengan semua teknologi dan beratus-ratus jurutera dan pakar-pakar yang telah bekerja di dalam usaha ini, tetapi tidak satu bunyi pun berjaya dihasilkan yang mempunyai ketajaman dan kejelasan seperti yang dihasilkan oleh telinga. Fikirkan pada sistem HI-FI berkualiti tinggi yang dikeluarkan oleh syarikat terbesar di dalam industri muzik. Malah di dalam alat-alat ini, apabila suara dirakamkan sebahagian daripadanya akan hilang; atau apabila kamu memasang HI-FI kamu akan sering mendengar desiran sebelum muzik bermula.

Bagaimana pun, suara-suara yang merupakan hasil daripada teknologi tubuh manusia adalah amat tajam dan jelas. Telinga manusia tidak pernah menerima suatu bunyi yang disertai dengan bunyi desiran atau bunyi yang mengganggu seperti yang berlaku kepada HI-FI; ia menerima bunyi sebagaimana asal, tajam dan jelas. Demikian ia berlaku semenjak penciptaan manusia.

Kesimpulannya, teknologi badan kita adalah lebih hebat daripada teknologi yang manusia hasilkan dengan menggunakan maklumat-maklumat, pengalaman dan peluang yang dikumpulkan. Tidak seorang pun akan menyatakan bahawa sebuah HI-FI atau sebuah kamera telah wujud hasil daripada suatu kebetulan. Jadi bagaimana boleh dikatakan bahawa teknologi yang wujud di dalam badan manusia, yang lebih hebat daripada yang lain, dapat muncul hasil daripada satu rangkaian kebetulan yang dinamakan evolusi?

Ini membuktikan bahawa mata, telinga, dan anggota-anggota badan yang lain adalah hasil satu penciptaan yang maha hebat. Ia dengan jelas menunjukkan keunikan ciptaan **Allah** yang tiada yang seumpama dengannya, yang datang daripada pengetahuan-Nya yang abadi dan kukuh.

Tujuan kami menyebutkan dengan terperinci deria penglihatan dan pendengaran ialah kerana ketidakupayaan evolusionis untuk memahami bukti ciptaan ini dengan jelas. Sekiranya, suatu hari, kamu meminta seorang evolusionis untuk menerangkan kepada kamu bagaimana

ciptaan dan teknologi yang hebat ini boleh berlaku kepada mata dan telinga sebagai satu hasil daripada kebetulan, kamu akan dapati dia tidak akan dapat memberikan jawapan yang rasional dan logik. Sedangkan **Darwin** sendiri, di dalam sepucuk suratnya kepada **Asa Gray**, pada 3 April 1860, menulis bahawa ***"the thought of the eye made him cold all over"***, dan dia mengakui kegagalan evolusionis di dalam berhadapan dengan reka bentuk hidupan yang hebat.[134]

Bab 13

DAKWAAN EVOLUSIONIS DAN KENYATAANNYA

Di dalam bab-bab yang lepas kita telah mengkaji ketidaksahihan teori evolusi ini dari bukti-bukti yang ditemui di dalam bentuk fosil dan daripada pandangan biologi molekul. Di dalam bab ini, kami akan mendedahkan beberapa fenomena dan konsep biologi yang dikemukakan sebagai bukti berteori oleh para evolusionis. Topik-topik ini amat penting untuk membuktikan bahawa tidak terdapat sebarang penemuan saintifik yang menyokong evolusi dan sekali gus mendedahkan betapa besarnya penyelewengan dan penipuan yang telah dilakukan oleh evolusionis.

Sempadan Kukuh Di Antara Variasi dan Spesies

Variasi, istilah yang digunakan di dalam ilmu genetik, merujuk kepada satu peristiwa genetik yang menyebabkan individu-individu atau kumpulan-kumpulan daripada satu spesies untuk membawa perbezaan sifat-sifat perseorangan di antara satu dengan yang lain. Sebagai contoh, semua manusia di dunia ini secara asasnya membawa maklumat genetik yang sama, tetapi sebahagian daripada mereka mempunyai mata yang sepet, sebahagian yang lain mempunyai rambut merah, yang lain pula mempunyai hidung mancung, dan sebahagian yang lain pula mempunyai ketinggian yang rendah, bergantung kepada keluasan keupayaan variasi maklumat genetik ini.

Evolusionis meramalkan variasi yang terdapat di dalam satu spesies adalah bukti kepada teori ini. Bagaimana pun, variasi tidak mengandungi bukti untuk evolusi kerana **variasi adalah hasil daripada kombinasi berbeza maklumat-maklumat genetik yang telah sedia wujud dan ia**

tidak menambah sebarang sifat-sifat baru ke dalam maklumat genetik.

Variasi sentiasa berada di dalam sempadan maklumat genetik. Di dalam ilmu sains genetik, sempadan ini digelar sebagai "gene pool" (kolam gen). Semua sifat-sifat peribadi yang terdapat di dalam kolam gen satu spesies dapat dilihat di dalam berbagai-bagai cara berdasarkan kepada variasi. Sebagai contoh satu hasil variasi, mungkin akan muncul, di dalam satu spesies reptilia, berbagai jenis maklumat yang terdapat di dalam kolam gen reptilia, seperti ekor yang panjang atau pendek, kedua kaki yang panjang dan pendek. Bagaimana pun, variasi tidak mengubah reptilia kepada burung dengan menambah sayap dan bulu kepada mereka, atau dengan mengubah metabolisme mereka. Satu perubahan memerlukan peningkatan di dalam maklumat genetik hidupan yang sememangnya mustahil berlaku di dalam variasi.

Darwin tidak menyedari kenyataan ini apabila beliau merumuskan teorinya. Dia menyangka tidak terdapat sebarang had sempadan di dalam variasi. Di dalam sebuah artikel yang ditulisnya dalam tahun 1844,

VARIASI DI DALAM SATU SPESIES BUKANNYA EVOLUSI

Di dalam Origin, Darwin terkeliru dengan dua konsep: variasi di dalam satu spesies dan kemunculan spesies baru. Darwin, sebagai contoh, meneliti perbezaan-perbezaan anjing dan beranggapan bahawa satu daripada anjing-anjing ini akan berubah kepada spesies yang lain. Sehingga hari ini, evolusionis cuba memperkenalkan variasi sebagai evolusi. Contohnya, walau sebanyak mana jenis-jenis di dalam spesies anjing yang wujud secara semula jadi, atau dipelihara oleh manusia, ia tetap anjing. Tidak ada sebarang perubahan daripada satu spesies yang lain akan berlaku.





APAKAH IKAN PAUH BERUBAH DARIPADA BERUANG?
Di dalam *The Origin of Species*, Darwin mendakwa bahawa ikan pauh telah berubah daripada beruang yang cuba berenang! Darwin meramalkan bahawa kebarangkalian variasi di dalam satu spesies adalah tidak terhad. Ilmu sains abad ke-20 telah membuktikan bahawa senario evolusi ini adalah sebuah khayalan.

beliau menyatakan: **"Bahawa satu sempadan variasi wujud di dalam alam semula jadi seperti yang dianggarkan oleh ramai penulis, tetapi saya tidak dapat menemui satu fakta pun yang menjadi dasar asas kepercayaan ini"**[135]. Di dalam bukunya, *The Origin of Species*, beliau menyebut contoh variasi yang berbeza sebagai bukti terpenting kepada teorinya.

Sebagai contoh, menurut Darwin, penternak haiwan yang telah mengahwinkan berbagai jenis haiwan ternakan yang berbeza dalam usaha untuk menghasilkan jenis baru yang mengeluarkan lebih susu, telah mengubah mereka kepada satu spesies yang berbeza. Anggapan "variasi tidak terbatas" Darwin ini dapat dilihat di dalam rangkap berikut yang dipetik daripada buku *The Origin of Species*:

> *Saya tidak melihat sebarang kesukaran untuk satu jenis beruang diubah oleh pilihan semula jadi (natural selection), menjadi lebih akuatik di dalam habitat mereka, dengan mulut yang lebih besar, sehingga satu makhluk gergasi seperti seekor ikan paus terhasil.*[136]

Sebab Darwin menyebut satu contoh yang sukar ini adalah kerana fahaman sains yang primitif pada zamannya. Selepas itu, di dalam kurun

ke-20, sains telah meletakkan prinsip **"kestabilan genetik"** *(genetic stability/genetic homeostasis)*, yang dibentuk berdasarkan ujikaji-ujikaji yang dilakukan ke atas hidupan. Ini bererti bahawa adalah mustahil untuk penternak haiwan untuk menukarkan ternakan mereka kepada satu spesies yang berbeza dengan mencantumkan variasi-variasi yang berbeza di antara mereka, seperti anggapan Darwin.

Norman Macbeth, yang telah membuktikan kesilapan Darwinian di dalam bukunya ***Darwin Retired***, menyebut:

> *Asas masalah ini ialah apakah hidupan perlu berubah pada satu peringkat yang tak terbatas... **Spesies-spesies telah sedia stabil.** Kita telah mendengar banyak kegagalan penternak yang telah melakukan berbagai percubaan hanya untuk melihat haiwan atau tumbuhan kembali ke asal, di mana mereka bermula. Setelah berusaha selama dua atau tiga kurun, mereka masih tidak dapat menghasilkan walau sekuntum bunga mawar biru atau bunga tulip hitam.*[137]

Luther Burbank, seorang penternak yang mahir, menyentuh fakta ini apabila beliau menyebut, "terdapat had untuk suatu pembentukan berlaku, dan had-had ini mengikut satu undang-undang."[138] Dalam menerangkan subjek ini, seorang saintis berbangsa Denmark, **W.L. Johannsen** memberikan komentar berikut:

> *Variasi yang ditekankan oleh Darwin dan Wallace, tidak dapat melampaui hadnya, yakni satu kebolehan untuk berubah tidak mengandungi rahsia "indefinite departure" (bahagian yang tidak pasti).*[139]

Dakwaan Evolusionis Tentang Pertahanan Antibiotik dan Imuniti

Evolusionis menganggap pertahanan yang dibentuk oleh bakteria untuk melawan antibiotik dan imuniti (kekebalan) yang dihasilkan oleh sebahagian serangga untuk melawan DDT*, adalah bukti kepada evolusi. Mereka mendakwa bahawa ia adalah contoh-contoh pertahanan dan

** DDT (Dichloro-Diphencyl-Trichloroethane) – Hidrokarbon putih yang telah diklorinkan, ia digunakan sebagai racun serangga.*

imuniti yang diperlukan yang telah dihasilkan oleh mutasi yang berlaku di dalam hidupan yang terdedah kepada bahan-bahan ini (antibiotik dan DDT).

Di dalam bakteria dan serangga, sifat-sifat ini bukan ciri-ciri yang diperlukan untuk melawan DDT atau antibiotik yang terhasil daripada mutasi. Sebahagian variasi hidupan ini telah memiliki sifat-sifat ini sebelum populasi seolah-olah semuanya tertakluk kepada antibiotik atau DDT. Scientific American, sebuah majalah pro-evolusi, telah membuat pengakuan berikut di dalam keluaran bulan Mac 1998:

> ***Banyak bakteria telah memiliki gen pertahanan, sebelum antibiotik digunakan secara komersial.*** *Para saintis tidak mengetahui dengan tepat mengapa gen-gen ini terbentuk dan terus dikekalkan.*[140]

Seperti yang dapat dilihat, maklumat genetik yang memberikan pertahanan dan wujud lebih awal untuk didedahkan kepada antibiotik, tidak dapat dijelaskan oleh evolusionis dan ia membuktikan bahawa dakwaan teori mereka adalah salah.

Kenyataan bahawa pertahanan bakteria telah pun wujud lama sebelum penemuan antibiotik telah disebut di dalam *Medical Tribune,* sebuah penerbitan yang hebat, di dalam keluaran 29 Disember 1998. Artikel tersebut berkaitan dengan sebuah kejadian menarik: di dalam satu ujikaji yang dijalankan dalam tahun 1986, ke atas mayat-mayat kelasi kapal yang jatuh sakit dan mati di dalam satu ekspedisi kutub di dalam tahun 1845 yang ditemui terawet di dalam ais. Beberapa jenis bakteria biasa bagi kurun ke 19 telah ditemui di dalam mayat-mayat tersebut, dan apabila diperiksa, para penyelidik terperanjat apabila mendapati bahawa bakteria-bakteria ini kalis kepada kebanyakan antibiotik moden yang belum ditemui sehingga abad ke 20.[141]

Telah menjadi fakta yang telah sedia maklum di dalam bidang perubatan bahawa pertahanan seperti ini telah pun terdapat di dalam banyak bakteria-bakteria, lama sebelum penemuan penisilin. Oleh itu, amat tidak wajar untuk mendakwa kewujudan pertahanan bakteria adalah hasil daripada pembentukan evolusi. Tetapi, bagaimana proses

yang dikenali sebagai *"bacterial acquisition of immunity"* (perolehan bakteria kepada imuniti) berlaku?

Pertahanan Bakteria kepada Antibiotik

Bakteria mempunyai berbagai variasi di dalam jenisnya. Sebahagian daripada variasi ini mempunyai maklumat genetik untuk pertahanan kepada beberapa jenis dadah, bahan-bahan kimia, atau bahan-bahan lain. Apabila satu kumpulan bakteria telah terdedah kepada sejenis dadah, maka yang tidak dapat bertahan daripada dadah ini akan musnah dan yang berjaya bertahan akan selamat dan mempunyai peluang untuk membiak. Bakteria yang tidak dapat bertahan ini akhirnya akan hiang daripada populasi mereka dan digantikan oleh bakteria yang dapat bertahan, yang kemudiannya terus berkembang. Akhirnya, kita dapat menghapuskan sebuah koloni bakteria yang terhasil daripada individu-individu yang dapat bertahan kepada beberapa jenis antibiotik, dan kemudian, antibiotik tersebut menjadi efektif untuk menentang jenis bakteria tersebut. Tetapi, fakta penting di sini ialah bakteria tersebut adalah bakteria yang sama dan spesies tersebut juga adalah spesies yang sama.

Perlu dicatatkan di sini, tidak terdapat sebarang proses evolusi telah berlaku yang menyebabkan bakteria yang tidak mempunyai daya pertahanan bermutasi dan bertukar menjadi jenis bakteria yang mempunyai pertahanan dengan sebab terdedah kepada antibiotik dan seterusnya mendapat maklumat-maklumat genetik yang baru. Apa yang berlaku hanyalah pergabungan variasi-variasi daripada satu populasi bakteria berdaya tahan dan bakteria yang tidak berdaya tahan yang telah wujud bersama sejak awal. Ini tidak menunjukkan sebarang pembentukan spesies bakteria baru: ia bukan "evolusi". Sebaliknya, adalah kehilangan satu atau lebih variasi-variasi bakteria yang wujud, yang menghentikan proses pengulangan memandangkan maklumat-maklumat genetik telah hilang.

Imuniti Serangga kepada DDT

Isu lain yang dicari oleh evolusionis untuk diputarbelitkan dan dikemukakan sebagai bukti evolusi ialah "perolehan" imuniti serangga terhadap DDT yang telah kami sebutkan di awal bab ini. Imuniti ini terbentuk sama seperti pertahanan bakteria terhadap antibiotik. Imuniti terhadap DDT tidak boleh dikatakan sebagai "telah diperolehi" oleh satu ahli daripada sebuah populasi serangga. Kerana, sebahagian serangga ini telah pun sedia kebal kepada DDT. Selepas penemuan DDT, serangga yang terdedah kepada bahan kimia ini tetapi tidak mempunyai imuniti yang diwarisi telah dimusnahkan daripada populasi tersebut, atau dengan kata lain ia telah pupus. Sementara yang mempunyai imuniti, akan terus bertambah. Akhirnya, seluruh populasi tersebut akan menjadi kebal. Apabila ini terjadi, DDT akan kehilangan kesannya menentang spesies-spesies serangga ini. Fenomena ini adalah biasa, tetapi telah disalahertikan dan dirujuk sebagai "perolehan imuniti serangga terhadap DDT".

> *Seorang ahli biologi evolusionis,* ***Francisco Ayala****, mengakui fakta ini dengan menyatakan, "Perbezaan genetik yang memerlukan kepada pertahanan terhadap hampir semua jenis racun-racun serangga, telah pun sedia wujud di dalam setiap satu daripada populasi-populasi yang terdedah kepada sebatian-sebatian buatan manusia ini".*[142]

Menyedari bahawa sebahagian besar masyarakat awam tidak mempunyai peluang untuk mempelajari tentang mikrobiologi atau melakukan kajian ke atasnya, evolusionis telah melakukan penipuan berkaitan dengan isu pertahanan dan imuniti ini. Mereka menjadikan contoh-contoh ini sebagai bukti evolusi yang paling penting. Tetapi sekarang telah jelas terbukti, samada pertahanan bakteria terhadap antibiotik atau imuniti serangga-serangga terhadap DDT, tidak dapat dijadikan bukti evolusi. Apa yang berjaya dibuktikan ialah metode penyelewengan dan tipu daya yang telah digunakan oleh para evolusionis untuk membenarkan teori mereka.


Salah Anggap Terhadap Vestigial Organs

Untuk satu masa yang panjang, konsep *"vestigial organs"* (organ yang tidak berfungsi) telah muncul beberapa kali di kalangan evolusionis sebagai "bukti" evolusi. Walau pun, kemudianya ia telah diketepikan setelah dibuktikan ketidaksahihannya. Tetapi sebahagian evolusionis masih mempercayainya dan dari masa ke semasa seseorang akan cuba untuk memajukan organ-organ tidak berfungsi ini sebagai satu bukti penting evolusi.

Kepercayaan organ-organ tidak berfungsi ini mula dikemukakan sekurun yang lalu. Terdapat sejumlah organ-organ tidak berfungsi di dalam badan beberapa makhluk. Organ-organ ini telah diwarisi daripada nenek moyang mereka dan menjadi tidak berfungsi kerana tidak digunakan.

Keseluruhan dakwaan ini adalah tidak saintifik dan hanya berdasarkan kepada pengetahuan yang tidak mencukupi. **"organ-organ yang tidak berfungsi"** ini sebenarnya adalah organ yang **"fungsinya belum ditemui"**. Petunjuk yang paling baik ialah pengurangan yang banyak di dalam senarai panjang organ-organ tidak berfungsi evolusionis. **S.R. Scadding**, seorang evolusionis, sepakat dengan fakta ini di dalam artikelnya bertajuk *"Can vertigial organs constitute evidence for evolution?"* , ia disiarkan di dalam majalah Evolutionary Theory:

> *Memandangkan adalah mustahil untuk mengenal pasti struktur-struktur yang tidak berguna, dan disebabkan struktur yang dibahaskan tidak disahkan secara saintifik,* ***saya merumuskan bahawa organ-organ tidak berfungsi ini tidak memberikan apa-apa bukti kepada teori evolusi.***[143]



Semua contoh-contoh organ-organ tidak berfungsi telah dibatalkan. Sebagai contoh pelipat separuh bulat mata, yang disebutkan di alam Origin sebagai struktur yang tidak berfungsi, telah dikenal pasti berfungsi sepenuhnya hari ini, tetapi fungsinya tidak diketahui pada zaman Darwin. Organ ini melincirkan bebola mata.

Senarai organ-organ tidak berfungsi ini telah dibuat oleh seorang ahli anatomi Jerman, **R. Wiedersheim** dalam tahun 1895 yang merangkumi hampir seratus organ termasuk apendiks dan koksiks (tulang tongkeng). Dengan kemajuan yang dilakukan oleh para saintis, telah dikenal pasti bahawa semua organ-organ di dalam senarai Wiedersheim sebenarnya mempunyai fungsi yang amat besar di dalam badan. Sebagai contoh, telah dikenal pasti bahawa apendiks, yang sepatutnya menjadi sebuah organ tidak berfungsi, sebenarnya adalah sebuah organ limfa *(lympha*)* yang menentang jangkitan di dalam badan. Fakta ini telah dijelaskan pada tahun 1997:

> *Organ-organ dan tisu-tisu badan lain – seperti thymus (kelenjar tanpa duktus di pangkal leher), hati, limpa, apendiks, tulang sumsum, dan himpunan kecil tisu-tisu limfa seperti tonsil (anak tekak) di dalam kerongkong dan kelenjar tertentu di dalam usus – juga adalah sebahagian daripada sistem limfa. Mereka* ***membantu badan melawan jangkitan.***[144]

Telah dikenal pasti juga bahawa **tonsil**, yang telah disenaraikan sebagai organ yang tidak berfungsi, memainkan peranan yang besar di dalam melindungi tekak melawan jangkitan, terutamanya ketika remaja. Di samping itu, telah ditemui bahawa koksiks *(coccyx)* yang berada di bahagian bawah akhir tulang, menyokong tulang-tulang di sekeliling pinggul dan menjadi pusat tumpuan beberapa otot kecil. Tahun-tahun berikutnya, telah diketahui bahawa ***thymus*** dapat mencetuskan sistem imuniti badan dengan mengaktifkan sel-sel T, kelenjar peneal dapat mengeluarkan beberapa hormon penting, dan kelenjar tiroid (*thyroid* - **kelenjar tanpa** duktus di dalam leher) berkesan di dalam menghasilkan tumbesaran yang seimbang di dalam tubuh bayi dan kanak-kanak, dan **kelenjar pituitari** (kelenjar yang berada di kaki otak yang mempengaruhi fungsi dan pertumbuhan badan) mengawal fungsi yang betul banyak kelenjar-kelenjar hormon. Semua organ-organ ini telah disenaraikan sebagai "organ-organ tidak berfungsi". Pelipat mata yang telah dirujuk sebagai organ tidak berfungsi oleh Darwin sebenarnya berfungsi sebagai

* *Lymph – cecair tidak berwarna di dalam tubuh haiwan.*

pembersih dan pelincir bulu kening.

Terdapat kesilapan logik yang penting di dalam dakwaan evolusionis tentang organ-organ tidak berfungsi ini. Seperti yang telah dijelaskan, dakwaan evolusionis ialah bahawa organ-organ tidak berfungsi di dalam makhluk-makhluk ini telah diwarisi daripada nenek moyang mereka. Bagaimana pun, terdapat beberapa organ yang disenaraikan sebagai tidak berfungsi tidak ditemui di dalam spesies hidupan yang didakwa menjadi moyang kepada manusia! Sebagai contoh, apendiks tidak terdapat di dalam beberapa spesies beruk yang dikatakan sebagai moyang manusia. Seorang ahli biologi terkenal, **H. Enoch**, yang mencabar teori organ-organ tidak berfungsi ini telah menerangkan kesilapan logikal ini seperti berikut:

> *Beruk mempunyai satu apendiks, bagaimana pun, keturunan selepasnya, beruk-beruk yang lebih rendah tidak memilikinya; kemudian muncul kembali di dalam mamalia seperti opossum (sejenis haiwan kecil yang berbulu dan berkantung). Bagaimana evolusionis dapat bergantung kepada fakta ini?*[145]

Ringkasnya, senario organ-organ tidak berfungsi yang dikemukakan oleh evolusionis mengandungi sejumlah kesilapan logik yang serius dan ia telah dibuktikan sebagai kesilapan saintifik. Tidak satu pun organ-organ ini diwarisi di dalam badan manusia memandangkan manusia tidak pernah berubah daripada hidupan lain sebagai hasil daripada proses kebetulan, tetapi sebaliknya ia telah diciptakan di dalam bentuknya seperti sekarang, lengkap, dan sempurna.

Mitos Homologi

Persamaan struktur di antara spesies-spesies yang berbeza digelar sebagai ***"homology"*** di dalam ilmu biologi. Evolusionis cuba memperkenalkan persamaan-persamaan ini sebagai bukti evolusi.

Darwin menyangka bahawa makhluk-makhluk yang mempunyai persamaan organ-organ mempunyai hubungan evolusi di antara satu sama lain dan organ-organ ini pastinya telah diwarisi daripada moyang yang sama. Berdasarkan dakwaannya, kedua-dua burung penguin dan

helang mempunyai sayap; oleh itu, penguin, helang dan burung-burung lain sepatutnya telah berubah daripada satu moyang yang sama.

Homologi adalah sebuah hujah mengelirukan yang dimajukan di atas asas tanpa bukti lain selain daripada persamaan fizikal. Hujah ini tidak pernah dibuktikan oleh walau satu penemuan yang konkrit semenjak zaman Darwin hingga kini. Tidak ada seorang pun pernah menemui satu fosil moyang khayalan makhluk-makhluk ini di mana-mana lapisan bumi dengan struktur-struktur yang sama. Tambahan pula, isu ini telah menjelaskan bahawa homologi tidak membuktikan bahawa proses evolusi telah berlaku.

1. Seseorang akan mendapati organ-organ homologi di dalam makhluk-makhluk dari spesies yang jauh berbeza, evolusionis sendiri tidak dapat membuktikan sebarang hubungannya dengan evolusi.

2. Kod-kod genetik sebahagian makhluk-makhluk yang mempunyai organ-organ homologi adalah jauh berbeza di antara satu sama lain.

3. Pembentukan embrio organ-organ homologi yang terdapat di dalam makhluk-makhluk yang berbeza ini juga sama sekali berbeza.

Sekarang mari kita kaji setiap maklumat ini satu persatu.

Organ-organ Yang Sama Di Dalam Spesies-spesies Yang Jauh Berbeza

Terdapat sejumlah organ-organ homologi yang dikongsi bersama oleh spesies-spesies yang berbeza, di mana evolusionis sendiri tidak dapat membuktikan sebarang hubungannya dengan evolusi. Sayap sebagai satu contoh. Selain daripada burung, kita juga dapati sayap pada kelawar, seekor mamalia, dan pada serangga dan malah pada sebahagian dinosaur, yang merupakan reptilia yang telah pupus. Tetapi evolusionis sendiri tidak menganjurkan satu hubungan evolusi atau ikatan di antara keempat-empat kelas haiwan yang berbeza ini.

Satu lagi contoh ialah persamaan hebat dan persamaan struktur yang dapat diperhatikan di dalam mata makhluk-makhluk yang berbeza. Sebagai contoh, sotong kurita dan manusia, dua spesies yang jauh

berbeza yang tidak mungkin dapat diramalkan sebarang hubungan evolusi di antara keduanya, tetapi mata keduanya amat mirip dari segi struktur dan fungsinya. Sedangkan evolusionis sendiri tidak pernah mendakwa bahawa manusia dan sotong kurita mempunyai moyang yang sama berdasarkan kepada persamaan pada mata mereka. Ini dan banyak lagi contoh-contoh telah membuktikan dakwaan evolusionis bahawa "organ-organ homologi membuktikan bahawa spesies hidupan telah berubah daripda satu moyang", tidak mempunyai sebarang asas sanitifik.

Sebaliknya, organ homologi sepatutnya menjadi perkara yang memalukan kepada evolusionis. Pengakuan seorang evolusionis terkenal **Frank Salisbury**, mendedahkan di dalam kenyataanya bagaimana spesies-spesies yang berbeza mempunyai mata yang persis dan menyebabkan kebuntuan homologi:

> *Sedangkan sesuatu yang kompleks seperti mata telah muncul beberapa kali; sebagai contoh, di dalam sotong, vertebrat, dan artropoda*. Telah cukup sukar untuk menjelaskan asal hidupan seperti ini sekali, tetapi anggapan* ***untuk menghasilkannya berkali-kali berdasarkan kepada sintetik moden menyebabkan kepala saya pusing.***[146]

Kebuntuan Genetik dan Embriologi Homology

Salam usaha untuk menjadikan dakwaan evolusionis yang berkaitan dengan homologi ini dipandang serius, organ yang sama di dalam makhluk-makhluk yang berbeza sepatutnya dikodkan dengan kod-kod DNA yang sama juga. Tetapi ini tidak berlaku. Di dalam banyak keadaan kod genetiknya adalah berbeza. Tambahan pula, kod-kod genetik yang sama di dalam DNA makhluk-makhluk yang berbeza, selalunya berkaitan dengan organ-organ yang sama sekali berbeza.

Michael Denton, seorang profesor biokimia berbangsa Australia, menyebutkan di dalam bukunya ***Evolution: A Theory In Crisis*** berkenaan kebuntuan genetik terhadap tafsiran homologi evolusionis:

* *Artropoda – Haiwan yang mempunyai badan yang berpenggal-penggal, seperti lipan.*

> ***Struktur yang sama selalunya ditentukan oleh sistem genetik struktur yang tidak sama*** *dan konsep homologi jarang sekali berkaitan kembali ke dalam embriologi.*[147]

Satu lagi ciri untuk membolehkan dakwaan homologi ini diakui, ialah pembangunan embrio (peringkat-peringkat pembangunan di dalam telur atau rahim ibu) spesies-spesies dengan organ-organ yang sama sepatutnya selari antara satu sama lain. Tetapi sebaliknya, pembangunan embrio organ-organ tersebut adalah amat berbeza di dalam setiap hidupan.

Kesimpulannya, kita dapat katakan bahawa kajian genetik dan embriologi telah membuktikan bahawa konsep homologi yang didakwa oleh Darwin sebagai "bukti evolusi hidupan daripada satu moyang" tidak mempunyai sebarang bukti. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa sains sekali lagi telah berjaya membuktikan kesilapan tesis Darwin.

Ketidaksahihan Dakwaan Molekul Homologi

Dakwaan evolusionis terhadap homologi sebagai bukti evolusionis adalah salah tidak hanya pada peringkat organ tetapi juga pada peringkat molekul. Evolusionis menyatakan bahawa **kod-kod DNA dan struktur-struktur protein** spesies hidupan yang berbeza adalah sama dan persamaan ini adalah bukti bahawa spesies-spesies ini telah berubah daripada moyang yang sama atau daripada satu sama lain. Contohnya, sering disebutkan di dalam penerbitan evolusionis bahawa "terdapat persamaan yang besar di antara DNA seorang manusia dan seekor beruk" dan persamaan ini diperkenalkan sebagai bukti terhadap dakwaan evolusionis bahawa terdapat hubungan evolusi di antara manusia dan beruk.

Contoh paling jelas untuk dakwaan seperti ini adalah berkaitan dengan kewujudan 46 kromosom di dalam manusia dan 48 kromosom di dalam beberapa spesies beruk seperti cimpanzi. Evolusionis beranggapan bahawa jumlah kromosom yang hampir sama di antara spesies-spesies merupakan bukti kepada satu hubungan evolusi. Bagaimana pun,

sekiranya anggapan ini tepat, maka manusia mempunyai keluarga yang lebih rapat (daripada beruk) iaitu kentang! Jumlah kromosom di dalam kentang adalah lebih hampir kepada manusia daripada gorila atau cimpanzi: iaitu 46! Dengan kata lain, manusia dan kentang mempunyai jumlah kromosom yang sama! Ini adalah contoh lucu yang membuktikan bahawa persamaan di dalam DNA tidak boleh dijadikan bukti untuk satu hubungan evolusi.

Dari segi lain pula, terdapat perbezaan molekul yang besar di antara makhluk-makhluk yang kelihatan sama dan mirip. Sebagai contoh, struktur Chrochrome-C, satu keperluan protein untuk respirasi, adalah amat jauh berbeza di dalam hidupan dari kelas yang sama. Mengikut kajian yang dilakukan ke atas subjek ini, perbezaan di antara dua spesies reptilia adalah lebih besar daripada perbezaan di antara seekor burung dan seekor ikan atau seekor ikan dan seekor mamalia. Kajian lain pula mendapati perbezaan molekul di antara beberapa jenis burung adalah lebih besar daripada perbezaan di antara burung-burung yang sama dan mamalia. Telah ditemui juga bahawa perbezaan molekul di antara bakteria yang kelihatan sama adalah lebih besar daripada perbezaan mamalia dan amfibia atau serangga.[148] Beberapa perbandingan telah dilakukan di dalam keadaan hemoglobin* *(haemoglobin), myoglobin***, hormon, dan gen, dan beberapa konklusi telah dikeluarkan.[149]



Profesor Michael Denton:"Evolusi adalah sebuah teori yang berada di dalam krisis".

Berhubung dengan perkara in dan beberapa penemuan lain, **Dr. Michael Denton** memberikan komentar berikut:

> ***Setiap kelas pada peringkat molekul adalah unik, terpisah dan tidak dihubungkan dengan perantaraan.*** *Oleh itu, molekul-molekul, seperti fosil-*

** Hemoglobin (haemoglobin) – (istilah biokimia) pigmen respirasi yang kompleks di dalam sel darah merah haiwan vertebrat. Ia tergubah daripada globin di dalam penyatuan dengan hematien (bahan kimia berwarna perang kemerahan), dan bertugas sebagai pembawa oksigen, dan apa yang bergabung dengannya secara bebas.*

*** Myoglobin – gabungan perkataan myo- otot-otot, dan globin- satu protein sejuzuk daripada darah merah.*

fosil, telah gagal untuk menghasilkan perantaraan yang dicari oleh biologi evolusi... ***Pada peringkat molekul ini, tidak terdapat sebarang mekanisme yang adalah "moyang" atau "primitif" atau "yang telah dimajukan" sama dengan keluarganya...*** *Dianggarkan sekiranya bukti molekul ini diketahui seabad yang lalu... idea evolusi organik ini tidak akan diterima.*[150]

Teori Evolusi Tidak Mempunyai Asas Embriologi

Apa yang digelar sebagai *"the recapitulation theory"* (teori penggulungan) telah lama disingkirkan daripada kebudayaan sains tetapi ia masih diperkenalkan sebagai sebuah kenyataan saintifik oleh sebahagian penyiaran evolusionis. Istilah "recapitulation" adalah ringkasan kepada penyataan rasmi *"Ontogeny recapitulates phylogeny"* yang telah diperkenalkan oleh seorang ahli biologi evolusionis, **Eanst Haeckel** pada akhir abad ke-19.



Haeckel adalah seorang evolusionis yang lebih bersemangat daripada Darwin sendiri di dalam banyak segi. Kerana itulah, beliau tidak teragak-agak untuk memutar belitkan data-data sains dan merancang banyak penipuan

Teori yang dimajukan oleh Haeckel beranggapan bahawa embrio telah mengalami semula proses evolusi yang telah dilalui oleh moyang palsu mereka. Beliau merumuskan bahawa ketika pembentukannya di dalam rahim ibu, embrio manusia mulanya mempamerkan sifat-sifat seekor ikan, dan kemudian seekor reptilia dan akhirnya seorang manusia.

Pada tahun-tahun berikutnya, **telah dibuktikan bahawa teori ini adalah salah.** Telah dikenal pasti kini bahawa "insang" yang dianggarkan muncul pada peringkat awal embrio manusia, sebenarnya adalah fasa-fasa awal saluran telinga tengah, para tiroid, dan *thymus*. Bahagian embrio yang kelihatan seperti "kantung telur kuning" berubah menjadi sebuah kantung yang menghasilkan darah dan bayi. Bahagian yang

dikenal pasti sebagai "ekor" oleh Haeckel dan pengikut-pengikutnya, sebenarnya adalah tulang belakang, yang kelihatan seperti ekor kerana ia terbentuk sebelum pembentukan kaki.

Fakta-fakta ini amat difahami di dalam dunia sains dan ia diterima oleh evolusionis sendiri. **George Gaylord Simpson**, seorang daripada pengasas Neo-Darwinis, menulis:


> *Heackel tersalah mengatakan prinsip evolusi telah terlibat.* ***Telah diketahui kini bahawa ontogeny* tidak mengulangi phylogeny**.***[151]

Di dalam sebuah artikel yang disiarkan di dalam American Scientist kita dapat membaca:

> ***Hukum biogenetik telah mati.*** *Ia akhirnya telah disingkirkan daripada buku-buku teks biologi pada abad ke-15. Apabila, sebuah topik penyiasatan serius dijalankan, ia telah dihapuskan pada abad ke-20...*[152]

Aspek lain yang menarik tentang "recapitulation" ialah diri Ernst Haeckel sendiri, seorang yang berlagak pandai yang telah memalsukan lukisan-lukisan dalam usaha untuk menyokong teori yang telah dimajukannya. Penipuan **Haeckel** seolah-oleh menunjukkan bahawa

LUKISAN SALAH OLEH HAECKEL



Gambarajah di sebelah adalah lukisan salah yang di buat oleh Haeckel untuk menunjukkan bahawa embrio manusia dan ikan mempunyai persamaan yang ketara di antara satu sama lain pada fasa awal mereka. Apabila kita membandingkannya dengan embrio manusia yang sebenar, didapati bahawa banyak organ-organ telah sengaja dikeluarkan.

(Francis Hitching, The Neck of the Giraffe: Where Darwin Went Wrong, p. 205)

** Ontogeny - (istilah biologi) sejarah pembentukan satu organisma.*
*** Phylogeny – (istilah biologi) sejarah evolusi sesuatu spesies atau kumpulan; atau sejarah satu puak atau bangsa.*

embrio ikan dan manusia saling menyerupai antara satu sama dengan yang lain. Apabila penipuan beliau telah dikesan, satu-satunya pembelaan yang dapat diberikannya hanyalah kerana evolusionis lain melakukan kesalahan yang sama:

> ***Selepas pengakuan "penipuan" yang mengelirukan ini saya wajib menganggap diri saya telah dihina dan dimusnahkan*** *sekiranya saya tidak melihat di dalam kandang banduan beratus-ratus sahabat-sahabat pesalah, di kalangan mereka terdiri ramai daripada pemerhati-pemerhati yang paling dipercayai dan ahli-ahli biologi yang disanjungi. Majoriti terbesar daripada semua gambarajah-gambarajah di dalam buku-buku teks biologi yang terbaik, karangan-karangan dan jurnal-jurnal boleh dikira berada di dalam darjah yang sama dengan "penipuan", semuanya ini tidak tepat, dan samada lebih atau kurang ia ditipu, dirancang dan diubahsuai.*[153]

Sememangnya terdapat "beratus-ratus sahabat-sahabat pesalah, di kalangan mereka terdiri ramai daripada pemerhati-pemerhati yang paling dipercayai dan ahli-ahli biologi yang disanjungi" yang kajian mereka dipenuhi dengan kesimpulan-kesimpulan, penyelewengan dan penipuan-penipuan yang prejudis. Ini kerana mereka telah menetapkan diri mereka untuk menjuarai teori evolusi ini walau pun tidak terdapat walau secebis bukti saintifik yang menyokongnya.

Bab 14

TEORI EVOLUSI:
LIABILITI MATERIALISTIK

Maklumat-maklumat yang telah kami kemukakan melalui buku ini telah mendedahkan kepada kita bahawa teori evolusi tidak mempunyai asas sains, malah sebaliknya pula, dakwaan-dakwaan evolusi telah bercanggah dengan penemuan-penemuan sains. Dengan kata lain, kuasa yang mendukung evolusi bukannya sains. Evolusi boleh dipertahankan oleh beberapa "saintis", tetapi pasti terdapat agen utama lain yang membantu.

Agen lain tersebut ialah falsafah materialis.

Falsafah materialis merupakan antara sistem pemikiran tertua di dalam sejarah. Kebanyakan ciri-ciri asasnya adalah berkaitan dengan kebendaan semata-mata. Menurut falsafah ini, kebendaan adalah unggul dan segala yang wujud berkaitan dengan kebendaan dan hanya kebendaan. Maka ia menunjukkan dengan jelas ketidakmungkinan untuk mempercayai seorang Pencipta. Materialisme telah lama berseteru dengan semua jenis kepercayaan agama yang beriman dengan Allah.

Jadi persoalannya ialah, apakah pandangan materialis ini tepat. Satu metode untuk mengenal pasti samada satu falsafah itu adalah benar atau tidak ialah dengan mengkaji dakwaan-dakwaan falsafah tersebut yang berkaitan dengan sains dengan menggunakan metode sains. Sebagai contoh, seorang ahli falsafah pada kurun ke-10 boleh mendakwa terdapat sepohon pokok Tuhan di atas permukaan bulan dan semua hidupan tumbuh pada ranting-ranting pohon yang besar ini seperti buah-buahan dan kemudian jatuh ke bumi. Sebahagian manusia mungkin mendapati falsafah ini menarik dan mempercayainya. Tetapi pada kurun ke-20, apabila manusia telah mampu berjalan di atas bulan, adalah mustahil

untuk mengemukakan falsafah seperti ini. Samada pokok tersebut wujud atau tidak, telah dapat pastikan oleh metode sains, iaitu dengan pemerhatian dan eksperimen.

Kita dapat meneliti dakwaan materialis ini melalui metode sains: iaitu, dakwaan bahawa kewujudan benda adalah abadi dan benda-benda ini dapat membentuk dirinya sendiri tanpa Pencipta dan dapat membentuk hidupan baru. Apabila kita mebuat kajian seperti ini, kita akan dapati materialisme telah sedia runtuh, kerana idea yang menyatakan bahawa kewujudan benda adalah kekal abadi sejak azali **telah dipatahkan oleh teori Big Bang yang membuktikan bahawa cakerawala ini telah dicipta daripada "kosong"**. Dakwaan bahawa benda mengatur dirinya sendiri dan membentuk hidupan adalah dakwaan yang kita gelar "teori evolusi"- yang dikaji oleh buku ini dan telah dibuktikan telah diruntuh.

Bagaimana pun, jika sekiranya seseorang telah berazam untuk mempercayai materialisme dan meletakkan kesetiaannya kepada falsafah materialis ini sebelum perkara-perkara lain, maka dia tidak akan berkelakuan seperti ini. Sekiranya dia **"lebih utama sebagai seorang materialis dan kemudian baru seorang saintis"**, maka dia tidak akan meninggalkan materialisme apabila dia melihat bahawa evolusi telah dikecewakan oleh sains. Sebaliknya, dia cuba untuk mempertahankan dan menyelamatkan materialisme dengan cuba menyokong evolusi tanpa mengira apa pun. Keadaan sukar seperti ini yang dihadapi oleh evolusionis yang mempertahankan evolusi hari ini.

Lebih menarik lagi, mereka juga mengakui kenyataan ini dari masa ke semasa. Seorang ahli genetik terkenal, **Richard C. Lewontin** daripada Universiti Harvard, mengakui beliau adalah "lebih utama sebagai seorang materialis dan kemudian seorang saintis" melalui kenyataanya seperti berikut:

> *Bukanlah metode-metode dan institusi-institusi sains yang menyebabkan kami menerima sebuah penjelasan materialistik untuk fenomena alam ini, tetapi sebaliknya, kami telah didesak oleh keutamaan* ***kami untuk memberikan sokongan berterusan kepada material, dan membentuk satu***

kelengkapan saintifik untuk penyelidikan dan satu set konsep yang menghasilkan penjelasan-penjelasan material, *tanpa mengira betapa ianya bertentangan dengan hati kecil kami, atau betapa mustahil untuk diterima akal.* ***Tambahan pula, materialisme adalah mutlak, oleh itu kami tidak boleh membenarkan campur tangan Tuhan****.*[154]

Perkataan "keutamaan" yang digunakan oleh Lewontin di sini adalah penting. Istilah falsafah ini merujuk kepada satu andaian yang tidak berasaskan kepada sebarang pengetahuan bereksperimen. Sebuah kepercayaan adalah "sebuah keutamaan" sekiranya kamu menganggapnya sebagai betul dan menerimanya walaupun tidak terdapat sebarang maklumat tentang ketepatan kepercayaan ini. Seperti yang telah diakui secara jujur oleh seorang evolusionis, Lewontin, materialisme adalah "sebuah keutamaan" yang diberikan untuk para evolusionis dan mereka cuba mengubah sains untuk mengikut pemberian ini. Memandangkan materialisme telah menafikan sepenuhnya kewujudan seorang Pencipta, maka mereka hanya menganut apa yang mereka miliki di tangan mereka, iaitu teori evolusi. Tidak kiralah samada teori ini telah dikecewakan oleh fakta-fakta sains; saintis seperti ini akan menerima "keutamaan"nya sebagai betul.

Perilaku yang prejudis ini telah mendorong evolusionis untuk mempercayai bahawa "benda mati telah terbentuk dengan sendirinya" yang sama sekali berlawanan dengan tidak hanya sains tetapi juga dengan sebab musabab. Seorang profesor kimia daripada Universiti New York yang juga seorang pakar DNA, **Robert Shapiro** menjelaskan kepercayaan evolusionis ini dan dogma materialis yang menjadi dasarnya seperti berikut:

Satu lagi prinsip evolusi lain memerlukan kita untuk melampaui jurang daripada campuran bahan kimia semula jadi yang ringkas kepada kesan salinan awal yang tepat. Prinsip ini belum pernah di terangkan dengan teliti atau didemontrasikan, tetapi ia telah pun diterima pakai, dan diberikan nama seperti evolusi kimia dan ***pembentukan sendiri benda-benda. Kewujudan prinsip ini telah diambil untuk mengakui falsafah materialisme yang dialek ini,*** *seperti yang dikaitkan kepada the origin of life oleh Alexander Oparin.*[155]

Propaganda evolusionis, yang sering muncul di media-media Barat dan di dalam majalah-majalah sains yang terkenal dan "disanjungi", adalah hasil daripada ideologi terpaksa ini. Memandangkan evolusi telah dianggap sebagai mustahak, maka ia telah diubah menjadi satu pantang larang oleh satu golongan yang menyusun standard sains.

Terdapat saintis-saintis yang mendapati diri mereka berada di dalam satu kedudukan di mana mereka terpaksa mempertahankan teori ini atau sekurang-kurangnya mengelakkan diri daripada memperkatakan sebarang isu yang bertentangan dengannya dalam usaha untuk menjaga reputasi mereka. Para ahli akademik di Barat perlu memastikan artikel mereka tersiar di mana-mana majalah sains untuk mendapatkan dan memegang kedudukan sebagai "profesor". Semua majalah yang berkaitan dengan biologi adalah di bawah kawalan para evolusionis dan mereka tidak akan membenarkan sebarang artikel anti-evolusionis muncul di dalam majalah mereka. Oleh itu setiap saintis perlu menyusun penyelidikan mereka di bawah dominasi teori ini. Mereka juga adalah sebahagian daripada arahan yang menganggap evolusi sebagai sebuah ideologi yang penting, kerana itulah, mereka mempertahankannya secara membuta tuli segala "kebetulan yang mustahil", seperti yang telah kita kaji setakat ini di dalam buku ini.

Pengakuan Evolusionis

Seorang ahli biologi Jerman, **Hoimar Von Disthfurt,** yang merupakan seorang evolusionis yang terkenal, merupakan contoh terbaik bagi fahaman materialis yang sempit ini. Selepas beliau disebutkan satu contoh kandungan hidupan yang sama sekali kompleks, beliau telah mengeluarkan kenyataan samada ia telah terbentuk secara kebetulan atau tidak:

Apakah mungkin satu benda yang harmoni dapat terbentuk secara kebetulan? Ini adalah persoalan asas kepada seluruh evolusi biologi. Menjawab soalan ini sebagai "Ya, ia boleh berlaku" adalah seperti mengesahkan iman di dalam sains semula jadi moden. Secara kritikalnya, kita dapat katakan bahawa sesiapa yang

DARWINISME DAN MATERIALISME


Sebab utama mengapa teori Darwin ini masih terus dipertahankan walaupun telah disanggah oleh sains, ialah kerana hubung rapat di antara teori ini dan materialisme. Darwin memasukkan falsafah materialis ini ke dalam sains alam semula jadi dan penganjur falsafah ini, para Marxis yang ditonjolkan di kalangan mereka, terus mempertahankan Darwinisme walau apa pun terjadi.


Salah seorang yang paling terkenal menjuarai teori evolusi ini, ialah seorang ahli biologi Douglas Futuyma, menulis: "Bersama dengan sejarah teori materialistik Marx... teori evolusi Darwin adalah sekeping papan yang genting di platform mekanisme dan materialisme." Ini merupakan sebab yang paling jelas mengapa teori evolusi ini amat penting kepada mereka yang mempertahankannya. [1]

Seorang lagi evolusionis terkenal, seorang ahli paleontologi Stephen J. Gould berkata: "Darwin telah memasukkan sebuah falsafah materialisme yang konsisten ke dalam tafsirannya terhadap alam semula jadi"[2] Leon Trotsky, salah seorang *mastermind* Revolusi Komunis Rusia bersama Lenin, memberikan komentar beliau: "Penemuan yang dilakukan oleh Darwin merupakan kejayaan dialektik* tertinggi di dalam seluruh bidang bahan-bahan organik."[3] Bagaimana pun, sains telah membuktikan bahawa Darwinisme bukan satu kejayaan kepada materialisme tetapi sebaliknya adalah satu tanda bahawa falsafah ini telah dibuang.

1 Douglas Futuyma, Evolutionary Biology, 2nd ed., Sunderland, MA: Sinauer, 1986, p. 3
2 Alan Woods and Ted Grant, "Marxism and Darwinism", Reason in Revolt: Marxism and Modern Science, London, 1993
3 Alan Woods and Ted Grant. "Marxism and Darwinism", London, 1993
**Dialektik (dialectic) – Penyelidikan hakikat kebenaran di dalam ilmu falsafah berlandaskan hujah atau pertimbangan yang sistematik.*


Trotsky


Darwin


Marx

menerima sains semula jadi moden tidak mempunyai alternatif lain melainkan dengan berkata "Ya", kerana ia cuma akan menjelaskan fenomena semula jadi dengan cara yang dapat difahami dan cuba mengambil mereka daripada

undang-undang semula jadi tanpa mengaitkannya kepada gangguan (campur tangan) metafizik. Bagaimana pun, pada peringkat ini, menerangkan sesuatu dengan erti undang-undang semula jadi, iaitu secara kebetulan, menunjukkan bahawa dia tidak mempunyai jalan lain untuk mengelak. Kerana, apa yang boleh dilakukannya selain daripada mempercayai kebetulan?[156]


Ya, seperti yang dinyatakan oleh Dithfurt, pendekatan sains yang materialis ini diambil sebagai prinsip asas untuk menerangkan hidupan dengan menafikan "campur tangan *supernatural*", seperti ciptaan. Apabila prinsip ini telah diambil, maka sebarang kemungkinan yang paling mustahil sekali pun akan diterima dengan mudah. Adalah mudah untuk mendapatkan contoh kepada mentaliti dogma ini di dalam hampir semua kebudayaan evolusionis. **Profesor Ali Demisoy**, seorang penganjur teori evolusi yang terkenal di Turkey, adalah salah seorang daripada mereka. Seperti yang telah kami sebutkan di dalam helaian yang lepas, menurut Demisoy: kebarangkalian pembentukan secara kebetulan *Cythochrome-C*, sebuah protein penting untuk hidupan, adalah **"seperti kebarangkalian seekor monyet menulis sejarah kemanusiaan di atas sebuah mesin taip tanpa membuat sebarang kesilapan"**.[157]

Tidak ragu lagi, bahawa untuk menerima satu kebarangkalian seperti ini adalah berlawanan dengan prinsip-prinsip asas sebab musabab dan kewarasan sebenar. Walau sepucuk surat yang ditulis dengan baik di atas sekeping kertas, akan dirumuskan bahawa ia telah ditulis oleh seorang manusia. Jika seseorang melihat sebuah buku sejarah dunia, dia akan pasti berkata ia ditulis oleh seorang penulis. Tidak seorang pun yang waras akan bersetuju bahawa aksara-aksara sebuah buku yang besar ini telah terkumpul dengan sendirinya oleh "proses kebetulan".

Bagaimana pun, amat menarik melihat seorang "saintis evolusionis" Profesor Ali Demirsoy dapat menerima pandangan yang tidak rasional seperti ini:

Pada dasarnya, kebarangkalian pembentukan sebuah rangkaian Cythochrome-C adalah sifar. Iaitu, sekiranya hidupan berhajat kepada rangkaian tertentu,

KERUNTUHAN MATERIALISME



Untuk mendapatkan sokongan falsafah terhadap teori evolusi ini, materialisme kurun ke-19 telah mendakwa cakerawala ini telah wujud semenjak azali, ia tidak diciptakan, dan dunia hidupan dapat dijelaskan di dalam istilah interaksi benda. Bagaimana pun, penemuan-penemuan sains abad ke-20an telah membatalkan sepenuhnya hipotesis-hipotesis ini.

Andaian bahawa cakerawala ini telah wujud sejak azali lagi telah disanggah oleh penemuan bahawa cakerawala ini telah terbentuk daripada satu letupan besar (dikenali sebagai "Big Bang") yang telah berlaku hampir 15 bilion tahun dahulu. Teori Bing Bang ini telah membuktikan bahawa semua bahan-bahan fizikal telah terbentuk daripada tiada: atau dengan kata lain, mereka telah diciptakan. Seorang penganjur materialisme yang tersohor, seorang ahli falsafah yang ateis, Anthony Flew menyebut:

> Biasanya, pengakuan amat baik untuk jiwa. Oleh itu, saya akan memulakan dengan mengakui bahawa ahli Stratonis yang berfahaman ateis sepatutnya telah dimalukan oleh ijmak ahli-ahli kosmologi terkini (iaitu Bing Bang). Ahli kosmologi telah mengemukakan sebuah bukti saintifik... bahawa cakerawala ini mempunyai permulaan.[1]

Big Bang juga telah membuktikan bahawa pada setiap peringkat, cakerawala ini telah dibentuk oleh sebuah ciptaan terkawal. Ini dapat dijelaskan melalui keadaan yang terhasil selepas Big Bang ini, yang adalah terlalu sempurna untuk dibentuk daripada sebuah letupan yang tidak terkawal. Seorang ahli fizik terkenal, Paul Davies, menjelaskan situasi ini:

> Adalah sukar untuk menerima bahawa struktur cakerawala yang ada kini, yang amat peka terhadap perubahan yang amat kecil sekali pun, telah terhasil dengan hanya berfikir tentangnya... sejumlah keajaiban berharga yang alam semula jadi yang tetap pada jumlah asasnya telah menunjukkan bukti yang paling berkesan untuk sebuah rekaan elemen kosmik.[2]

Kenyataan yang sama telah menyebabkan seorang profesor Astronomi Amerika, Geoge Greenstein, berkata:

> Apabila kita mengkaji semua bukti-bukti ini, segera kita akan beranggapan bahawa beberapa agen supernatural atau Satu Agen – telah terlibat.[3]

Oleh itu, hipotesis materialistik bahawa hidupan ini dapat dijelaskan melalui istilah interaksi benda, juga telah disanggah oleh penemuan-penemuan sains. Lebih-lebih lagi, asal usul maklumat-maklumat genetik yang menentukan semua hidupan, tidak dapat dijelaskan oleh sebarang agen material. Salah seorang yang mempertahankan teori evolusi ini, Geoge C. William, telah mengakui kenyataan ini di dalam artikel yang ditulisnya pada 1995:

> Ahli-ahli biologi yang evolusionis telah gagal untuk membuktikan bahawa usaha mereka bersama dua atau kurang bidang yang terasing ini: iaitu maklumat-maklumat (gen) dan benda... gen adalah satu pakej maklumat-maklumat, bukannya sebuah objek... deskripsi yang kurang ini menjadikan benda dan maklumat-maklumat dua bidang yang terpisah, yang perlu dibincangkan berasingan, di dalam istilah mereka sendiri.[4]

Situasi ini merupakan bukti kepada kewujudan sebuah Kebijaksanaan supra-material yang menjadikan maklumat-maklumat gen. Adalah mustahil untuk benda menghasilkan maklumat-maklumat di dalam dirinya. Pengarah German Federal Institute of Physic and Technology, Profesor Werner Gitt, menggariskan seperti berikut:

> Semua pengalaman menunjukkan bahawa pemikiran melakukan kehendaknya dengan bebas, pengenalan, dan kreativiti diperlukan. Tidak terdapat undang-undang semula jadi, proses dan rantaian peristiwa yang dikenali dapat menyebabkan maklumat-maklumat ini terbentuk dengan sendirinya di dalam benda.[5]

Semua fakta-fakta saintifik ini menunjukkan bahawa cakerawala ini dan semua benda-benda hidup telah diciptakan oleh seorang Pencipta yang mempunyai kuasa dan pengetahuan yang luar biasa, iaitu Allah. Bagi materialis, Arthur Koestler, salah seorang ahli falsafah yang terkemuka pada abad ini, berkata "Ia sudah tidak dianggap sebagai sebuah falsafah saintifik lagi".[6]

1 Henry Margenau, Roy A. Vargesse, Cosmos, Bios, Theos, La Salle IL: Open Court Publishing, 1992, p. 241.
2 Paul Davies, God and the New Physics, New York, Simon & Schuster, 1983, p. 189.
3 Hugh Ross, The Creator and the Cosmos, Colorado Springs, CO: Nav-Press, 1993, pp. 114-115.
4 George C. Williams, The Third Culture: Beyond the Scientific Revolution, New York, Simon & Schuster, 1995, pp. 42-43.
5 Werner Gitt, In the Beginning Was Information, CLV, Bielefeld, Germany, p. 107, 141.
6 Arthur Koestler, Janus: A Summing Up, New York, Vintage Books, 1978, p. 250.

dapat dikatakan bahawa ia mempunyai satu kemungkinan untuk dilepaskan sekali ke seluruh cakerawala. Ataupun, satu ***kuasa metafizik*** *yang melampau daripada definisi kita telah terlibat di dalam pembentukannya. Tetapi, untuk menerima kemungkinan yang akhir ini adalah tidak menepati kehendak sains. Oleh itu, kita perlu melihat kepada andaian yang pertama.*[158]

Dermisoy menyatakan bahawa beliau menerima kemustahilan ini semata mata untuk "tidak menerima kuasa metafizik", iaitu, untuk menolak ciptaan Allah. Jelas di sini bahawa anggapan ini tidak mempunyai apa-apa pertalian dengan sains. Tidak mengejutkan, apabila Demirsoy dikemukakan kepadanya subjek lain, asal usul mitochondria* di dalam sel, beliau secara terbuka telah dapat menerima penjelasan ini walau pun ianya adalah "agak bertentangan dengan fahaman saintifik".

Pokok persoalannya ialah bagaimana mitochondria ini mendapat sifat-sifat ini, kerana untuk mendapatkan sifat-sifat ini secara kebetulan walau oleh hanya satu individu, memerlukan kepada kebarangkalian yang tidak dapat difahami... Enzim-enzim menghasilkan respirasi dan berfungsi sebagai pemangkin dalam mencari langkah di dalam satu bentuk berbeza yang menjadi teras mekanisme. Sebuah sel perlu mengandungi rangkaian enzim ini sepenuhnya, jika tidak ia menjadi tidak berguna. Di sini, di samping bercanggahan dengan fahaman biologi, dalam usaha untuk mengelakkan penjelasan atau spekulasi yang lebih dogmatik, kita perlu menerima, bahawa setiap enzim respirasi telah wujud sepenuhnya di dalam sel sebelum sel tersebut pertama kali berhubung dengan oksigen.[159]

Kesimpulan yang dapat dibuat daripada keterangan ini ialah evolusi adalah sebuah teori yang diiktiraf tanpa melalui penyelidikan saintifik. Sebaliknya, bentuk dan intipati teori ini telah ditentukan oleh kehendak falsafah materialistik. Ia kemudian berubah menjadi kepercayaan atau dogma bukannya fakta-fakta sains yang kukuh. Sekali lagi, kita dapat melihat daripada perangai evolusionis bahawa semua usaha-usaha ini sebenarnya mempunyai satu "matlamat". Dan matlamat ini ialah

** Mitochondria @ Chondriasomes – Bebiji kecil badan yang terdapat sendirian atau berkumpulan di dalam sitoplasma satu sel dan dikawal untuk perubahan-perubahan pantas pada bentuk dan kedudukan.*

menolak sebarang kepercayaan bahawa semua benda hidup ini telah dijadikan oleh seorang Pencipta.

Evolusionis mentakrifkan matlamat ini sebagai "saintifik". Tetapi, apa yang menjadi rujukan mereka adalah tidak saintifik, sebaliknya adalah falsafah materialis. Materialisme menolak sepenuhnya kewujudan sesuatu yang "melampaui" kebendaan (atau suatu kuasa supernatural). Sains sendiri tidak menerima dogma seperti ini. Sains bererti, meneroka alam semula jadi dan membuat kesimpulan berdasarkan sesuatu penemuan. Sekiranya penemuan tersebut menunjukkan kesimpulan bahawa alam semula jadi ini telah diciptakan, maka sains harus menerimanya. Ia adalah tanggungjawab seorang saintis yang sebenar; tidak bergantung kepada senario-senario mustahil dengan berpandukan kepada dogma materialis abad ke-19 yang telah lapuk.

Materialis, Agama Yang Sesat dan Agama Yang Betul

Setakat ini, kita telah mengkaji bagaimana golongan yang menumpukan kesetiaan mereka kepada falsafah materialis ini memutarbelitkan sains, dan bagaimana mereka memperdayakan masyarakat demi dongengan evolusionis yang mereka yakini secara membuta tuli, dan juga bagaimana mereka menutup hakikat yang sebenar. Kita juga perlu mengakui bahawa golongan materialis ini juga menjalankan satu "perkhidmatan" tertentu, walau pun mereka tidak menyedarinya.

Mereka menjalankan "perkhidmatan" ini, demi membuktikan tanggapan mereka yang salah dan ateis ini, dengan mendedahkan semua ketidakwajaran dan ketidaksekataan kepercayaan tradisional dan kolot yang dikemukakan di bawah nama Islam. Kesilapan golongan materialis-ateis ini ialah mereka telah membantu mendedahkan sebuah agama songsang yang tidak mempunyai sebarang pertalian samada dengan al-Quran atau Islam; yang hanya berdasarkan kepada omong-omongan, khurafat, dan cakap-cakap kosong; dan yang tidak mempunyai dakwaan yang konsisten untuk dikemukakan. Oleh itu, semua ketidakbenaran,

ketidaksamaan, dan ketidaklogikan agama songsang ini telah dipertahankan oleh golongan-golongan tidak jujur ini yang telah melakukan tindakan yang salah di bawah nama Islam, tanpa berlandaskan kepada bukti sahih yang telah dikemukakan.

Walau pun, materialis membantu manusia menyedari kegelapan mentaliti yang tidak toleran dan tradisional dan memandu mereka untuk mencari inti pati dan sumber sebenar agama dengan merujuk dan mematuhi al-Quran. Dan walaupun secara tidak langsung, mereka mentaati suruhan-suruhan Allah dan membela agama-Nya. Lebih daripada itu, mereka mendedahkan kesederhanaan mentaliti yang mengemukakan sebuah agama songsang yang dicipta di atas nama Allah dan ia dikemukakan sebagai Islam kepada masyarakat dan mereka membantu melemahkan pengaruh sistem yang tidak toleran ini yang mengancam sebahagian besar masyarakat.

Oleh itu, mahu tidak mahu dan berselarasan dengan takdir mereka, mereka membuktikan perintah Allah bahawa Dia yang membela agama-Nya yang benar dengan menyebabkan musuh-musuh agama ini saling berbalah di antara satu sama lain. Perintah Allah ini telah dirakamkan di dalam al-Quran seperti berikut:

وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّفَسَدَتِ ٱلْأَرْضُ

Dan kalaulah Allah tidak menolak setengah manusia (yang ingkar dan derhaka) dengan setengahnya yang lain (yang beriman dan setia) nescaya rosak binasalah bumi ini, (Surah al-Baqarah, 251)

Pada peringkat ini, kami rasa adalah perlu untuk memberi peluang kepada para evolusionis membela fahaman materialis ini. Mereka ini mungkin sesekali pernah menjalankan pencarian yang ikhlas, tetapi telah dipesongkan daripada agama yang lurus disebabkan oleh omongan kosong yang dikeluarkan di bawah nama Islam, pembohongan yang dibuat di bawah nama Nabi, dan cerita-cerita karut yang telah mereka

terima sejak daripada alam kanak-kanak mereka lagi dan mereka tidak mempunyai peluang untuk menerokai kebenaran itu sendiri. Mereka mungkin telah mempelajari agama daripada buku-buku yang ditulis oleh penentang-penentang agama yang cuba mencemarkan Islam dengan pembohongan dan penipuan yang tidak terdapat di dalam al-Quran, dan dengan ketradisionalan dan kekunoan. Inti pati seperti inilah yang diajarkan kepada mereka. Dengan sebab, kami menyarankan supaya mereka mendapatkan sebuah naskhah al-Quran secepat yang mungkin dan membaca kitab Allah ini dengan hati yang terbuka dan dengan sebuah kesedaran dan dengan pandangan yang tidak prejudis dan mempelajari agama yang asal daripada sumber yang betul. Jika mereka memerlukan bantuan, mereka boleh merujuk kepada penulis buku ini, Harun Yahya, pada konsep asas al-Quran.

MEDIA : TANAH SUBUR UNTUK TEORI EVOLUSI

Apa yang telah kita kaji setakat ini telah membuktikan bahawa teori evolusi ini tidak berlandaskan kepada asas sains. Bagaimana pun ramai manusia seluruh dunia tidak menyedari dan menyangka ia adalah fakta saintifik. Sebab utama penipuan ini ialah pendoktrinan dan propaganda sistematik yang dikendalikan oleh media terhadap evolusi. Oleh itu, kita perlu juga menyebut beberapa karakter pendoktrinan dan propaganda ini.

Jika kita perhatikan media Barat dengan teliti, kita akan menemui berita-berita yang berkaitan dengan teori evolusi. Organisasi-organisasi media utama, dan majalah-majalah yang terkenal dan disegani sering mengemukakan isu-isu ini. Apabila pendekatan mereka ini diteliti, seseorang akan menganggap bahawa teori ini sepenuhnya adalah fakta yang telah terbukti tanpa ada ruang untuk diperdebatkan.

Masyarakat awam yang membaca berita-berita seumpama ini akan merasakan bahawa teori evolusi ini adalah sebuah fakta kukuh seperti undang-undang matematik. Berita-berita yang muncul di dalam media-media terkenal ini kemudian akan dikutip pula oleh media-media tempatan. Mereka mencetaknya di dalam tulisan yang besar, seperti, "Menurut majalah Time, sebuah fosil baru yang merapatkan jurang di dalam rantaian fosil, telah ditemui"; atau "Nature" menunjukkan bahawa para saintis telah menemui penyelesaian pada isu terakhir teori evolusi. Penemuan "sambungan terakhir rantaian evolusi yang hilang" tidak memberikan apa-apa erti kerana tidak terdapat satu benda pun yang dapat membuktikan teori evolusi ini. Semua yang dikemukakan sebagai bukti adalah salah sama sekali, seperti yang telah kami kemukakan di

PROPAGANDA EVOLUSI



Majalah-majalah sains Barat yang terkenal telah mengambil alih tanggungjawab mempropaganda kan teori evolusi ini, ia memainkan peranan yang besar di dalam mempengaruhi masyarakat awam untuk menerima teori evolusi

dalam beberapa bab yang lepas. Selain media, perkara yang sama berlaku kepada sumber-sumber saintifik, ensiklopedia, dan buku-buku sains.

Dengan mudah, kedua dua media dan akademik, yang menjadi tulang belakang kepercayaan anti-agama, mempertahankan seluruh pandangan teori evolusi ini dan mereka mengemukakannya kepada masyarakat umum. Pendedahan yang dibuat amat efektif sehingga mengubah evolusi menjadi sebuah idea yang tidak pernah ditolak. Penafian evolusi dilihat sebagai penentangan terhadap sains dan mengetepikan asas realiti. Kerana itulah, dengan tidak mempedulikan penipuan-penipuan yang telah didedahkan (terutamanya sejak 1950an) dan pengakuan-pengakuan yang dibuat sendiri oleh saintis-saintis evolusionis, hari ini kita dapati amat sukar untuk menemui kritikan evolusi dari sudut sains mahupun di dalam media.

DONGENGAN DARIPADA EVOLUSIONIS

Evolusi adalah, sebagai mana yang telah dicatatkan oleh seorang saintis terkenal, sebuah kisah dongeng kepada orang dewasa. Ia merupakan sebuah senario yang sama sekali tidak logik dan tidak saintifik, yang mendakwa bahawa benda tidak hidup mempunyai sejenis kuasa dan kebijaksanaan luar biasa untuk membentuk satu sel kompleks. Kisah yang panjang ini mempunyai beberapa dongengan menarik berkaitan dengan beberapa subjek. Dongengan evolusionis yang paling pelik ialah tentang "evolusi ikan paus" yang telah disiarkan di dalam *National Geography*, yang disegani sebagai sebuah penerbitan yang paling saintifik dan serius di dunia:

> Perubahan ikan pauh kepada saiznya kini bermula enam belas juta tahun dahulu apabila mamalia berbulu dan berkaki empat ketika mencari makanan atau perlindungan telah masuk ke dalam air. Tidak berapa lama kemudian perubahan pun berlaku. Kaki belakangnya telah menghilang, kaki hadapan pula telah bertukar menjadi sirip, bulu pula telah memberi ruang kepada lapisan lemak yang tebal dan licin, lubang hidung telah bergerak ke bahagian atas kepala, ekor pula telah melebar menjadi sisip ekor, dan di dalam dunia air yang terapung, badannya telah menjadi besar.[1]

Di samping tidak terdapat sebarang asas sains untuk semua ini, kejadian seperti ini juga berlawanan dengan prinsip-prinsip semula jadi. Dongengan yang telah disiarkan di dalam *National Geography* ini perlu diberi perhatian untuk membuktikan kesilapan-kesilapan serius penerbitan evolusionis.

Dongengan lain daripada evolusionis ialah tentang asal usul mamalia. Evolusionis mendakwa bahawa mamalia telah terbentuk daripaa moyang reptilia. Tetapi apabila menerangkan perincian-perincian peralihan ini, beberapa cerita menarik timbul. Ini adalah satu di antaranya:

> Beberapa reptilia yang tinggal di kawasan sejuk telah membentuk satu metode yang dapat mengekalkan kepanasan badan mereka. Kemasukan haba badan mereka meningkat apabila ia sejuk dan kehilangan haba dihentikan apabila sisik makin mengecil dan menjadi lebih halus, dan kemudian berubah menjadi kulit. Perpeluhan juga adalah satu adaptasi kepada penyesuaian suhu badan, iaitu satu alat untuk menyejukkan badan apabila diperlukan melalui penyejatan air. Tetapi secara tiba-tiba, reptilia-reptilia muda mula menjilat peluh ibu mereka untuk mendapatkan zat makanan. Beberapa kantung peluh mula mengeluarkan pengeluaran yang makin meningkat dan banyak, yang kemudiannya berubah menjadi susu. Mamalia-mamalia muda ini telah memperolehi permulaan hidupan yang lebih baik.[2]

Pendapat bahawa satu rekaan makanan yang sempurna seperti susu, dapat terbentuk daripada kantung peluh dan semua perincian-perincian di atas hanyalah hasil imaginasi evolusionis yang pelik, tanpa sebarang asas saintifik.

1. Victor B. Scheffer, "Exploring the Lives of Whales", National Geographic, vol. 50, December 1976, p. 752
2. George Gamow, Martynas Ycas, Mr. Tompkins Inside Himself, London: Allen & Unwin, 1968, p. 149

Telah diterima dengan meluas seperti kebanyakan pencetakan-pencetakan yang "disegani" di dalam bidang biologi dan alam semula jadi di Barat, majalah seperti *Sceintific American, Nature, Focus,* dan *National; Geographic* menjadikan teori evolusi sebagai sebuah ideologi rasmi dan cuba untuk mengemukakan teori ini sebagai sebuah fakta yang telah dibuktikan kebenarannya.

Penipuan Yang Diselindungi

Evolusionis telah menggunakan sepenuhnya peluang yang diberikan kepada mereka oleh program *"brain-washed"* media ini. Ramai orang mempercayai teori evolusi ini dengan begitu mendalam sehinggakan mereka tidak pernah tertanya-tanya "bagaimana" dan "mengapa". Ini bererti para evolusionis dapat menyenggarakan penipuan-penipuan mereka ini agar ia dapat diyakini dengan mudah.

Sebagai contoh, buku evolusi yang paling "saintifik", *"transition from water to land"*, yang merupakan fenomena evolusi yang paling sukar dijelaskan, telah "diterangkan" secara yang tidak dapat diterima akal. Menurut evolusi. Hidupan telah bermula di dalam air dan haiwan pertama terbentuk ialah ikan. Teori ini beranggapan bahawa suatu hari ikan-ikan ini mula melemparkan diri mereka ke darat kerana beberapa sebab (kemarau disebutkan sebagai penyebabnya), dan ikan yang memilih untuk ke darat, telah mendapat kaki sebagai ganti sirip dan paru-paru sebagai ganti insang.

Kebanyakan buku-buku evolusi tidak menerangkan "bagaimana" sesuatu subjek. Malah sumber-sumber paling "saintifik", keganjilan dakwaan ini telah diselindungi di sebalik kenyataan-kenyataan seperti "Peralihan daripada air ke darat telah terjadi".

Bagaimana "peralihan" ini boleh terjadi? Kita tahu ikan tidak dapat hidup lama setelah keluar dari air. Jika kita mengandaikan kemarau telah berlaku dan ikan-ikan terpaksa bergerak ke darat, apa yang akan terjadi kepada ikan-ikan tersebut? Jawapannya adalah bukti yang jelas. Semua ikan yang keluar daripada air ini akan mati seekor demi seekor di dalam

beberapa minit sahaja. Walaupun proses ini telah berlangsung sepuluh juta tahun, jawapannya tetap sama: ikan-ikan tersebut akan mati seekor demi seekor. Ini kerana sebuah organ yang kompleks seperti paru-paru tidak dapat muncul dengan mendadak secara "kebetulan", iaitu melalui proses mutasi; tetapi separuh paru-paru adalah tidak berguna sama sekali.

Tetapi inilah perkara yang disarankan oleh evolusionis. **"Peralihan daripada air ke darat", "Peralihan daripada darat ke air"** dan berbagai dakwaan-dakwaan besar yang lain telah "dijelaskan" secara tidak logik. Seperti juga transformasi organ-organ kompleks seperti mata dan telinga, evolusionis tidak mengeluarkan sebarang pendapat.

Adalah mudah untuk meyakinkan seorang lelaki di jalanan dengan penyenggaraan "sains". Kamu lukiskan sebuah gambar khayalan yang menunjukkan peralihan kepada air daripada darat, kamu gunakan perkataan-perkataan Latin untuk haiwan-haiwan di dalam air, "nenek moyangnya" di atas darat, dan "formasi pertengahan peralihan" (iaitu haiwan-haiwan khayalan semata mata), kemudian bentukan sebuah penipuan yang terperinci. "Euthenopteron mulainya telah berubah kepada Rhipitistian Crossopterygian, kemudian Ichthyostega di dalam sebuah proses evolusi yang panjang". Jika kamu biarkan fakta ini dibentangkan oleh seorang saintis yang bercermin mata tebal dan berkot putih, kamu akan berjaya meyakinkan ramai orang, kerana media, yang telah menyediakan dirinya untuk mempromosikan teori evolusi ini, akan mengumunkan berita gembira ini kepada dunia dengan ghairahnya.

KONKLUSI: EVOLUSI ADALAH SUATU PENIPUAN

Terdapat banyak lagi bukti lain, seperti juga undang-undang sains, yang membatalkan evolusi, tetapi di dalam buku ini kita hanya dapat membincangkan sebahagian daripadanya. Namun begitu, ia sudah mencukupi untuk mendedahkan kebenaran yang paling penting; walau pun ia telah berselindung di dalam kepalsuan sains, teori evolusi tidak lebih daripada sebuah penipuan; penipuan yang terus dipertahankan hanya disebabkan oleh falsafah materialistik; sebuah penipuan yang tidak berlandaskan kepada sains tetapi kepada *brainwash*, propaganda dan tipu daya.

Kita boleh merumuskan apa yang telah kita catatkan setakat ini seperti berikut:

Teori Evolusi Telah Musnah

Teori evolusi adalah sebuah teori yang telah gagal pada peringkat awal lagi. Ini kerana evolusionis telah gagal untuk menjelaskan pembentukan walau hanya sebuah protein. Samada undang-undang kebarangkalian atau undang-undang fizik dan kimia tidak memberikan sebarang peluang untuk pembentukan hidupan secara kebetulan.

Apakah logik atau masuk akal apabila tidak walau satu peluang pembentukan protein dapat wujud, bahawa berjuta-juta protein telah bercantum untuk membentuk sel sebuah hidupan; dan bahawa berbilion-bilion sel telah tersusun dan bercantum secara kebetulan untuk menghasilkan benda-benda hidup; dan bahawa daripada merekalah terbentuknya ikan; dan yang telah merangkak ke darat telah berubah menjadi reptilia, burung, dan bahawa dengan cara inilah berjuta-juta

spesies yang berbeza di bumi ini terbentuk?

Walau pun, ia kelihatan seperti tidak masuk akal pada kamu, tetapi para evolusionis mempercayai dongengan ini.

Bagaimana pun, ia hanyalah sebuah kepercayaan atau keyakinan – kerana mereka tidak mempunyai sebarang bukti untuk membenarkan cerita mereka. Mereka tidak pernah menemui sebarang formasi perantaraan seperti seekor haiwan separuh-ikan/separuh-reptilia atau separuh-reptilia/separuh- burung. Mereka juga tidak dapat membuktikan bahawa sebuah protein, atau hanya sebuah molekul asid amino yang membentuk sebuah protein, dapat terbentuk di bawah apa yang mereka gelar sebagai keadaan purba bumi; walau pun di dalam makmal-makmal canggih mereka masih tidak dapat melakukannya. Sebaliknya, melalui segala usaha mereka, evolusionis sendiri telah membuktikan bahawa tidak hanya proses evolusi ini tidak pernah berlaku, malah ia tidak akan berlaku pada bila-bila masa pun di bumi.

Evolusi Tidak Akan Dapat Dibuktikan Di Masa Hadapan

Oleh itu, evolusionis hanya dapat menghiburkan hati mereka dengan berangan-angan bahawa sains akan dapat menyelesaikan dilema-dilema ini kemudian. Bagaimana pun, samada sains dapat membuktikan sebuah teori yang keseluruhannya tidak berasas dan tidak logik tidak perlu dibicarakan walau berapa lama masa berlalu. Sebaliknya, peningkatan sains hanya mendedahkan dengan lebih jelas ketidaklogikan dakwaan evolusionis ini.

Inilah yang telah berlaku setakat ini. Makin banyak struktur dan fungsi-fungsi hidupan ditemui, makin jelas bahawa sel bukan satu sebatian yang ringkas dan terbentuk secara rawak, seperti yang diramalkan berlaku mengikut kefahaman biologi yang primitif pada zaman Darwin.

Dengan situasi ini sendiri menjadi bukti, menolak fakta ciptaan dan meletakkan asas asal hidupan kepada kebetulan sepenuhnya, dan kemudian mempertahankan dakwaan-dakwaan ini dengan paksaan,

hanya akan menjadi suatu sumber yang memalukan. Apabila wajah sebenar teori evolusi ini makin terserlah dan apabila masyarakat umum mula melihat kebenarannya, tidak lama lagi penganjur evolusi yang fanatik ini tidak akan dapat menonjolkan muka mereka lagi (kerana malu).

Halangan Terbesar kepada Evolusi: Jiwa

Terdapat banyak spesies di dunia yang menyerupai antara satu sama lain. Sebagai contoh, terdapat banyak hidupan yang menyamai seekor kuda dan seekor kucing dan banyak serangga kelihatan hampir sama dengan yang lain. Persamaan-persamaan ini tidak memeranjatkan sesiapa pun.

Persamaan-persamaan dasar di antara manusia dan beruk bagaimana pun mendapat lebih perhatian. Tarikan ini kadang kala melampaui batas untuk membuatkan orang lain percaya tesis evolusi yang salah ini. Sedangkan persamaan luaran di antara manusia dan beruk tidak membuktikan apa-apa. Kumbang tanduk dan badak sumbu juga berkongsi persamaan luaran yang sama tetapi adalah melucukan untuk mencari rantai evolusi di antara kedua jenis makhluk ini berdasarkan persamaan ini, sedangkan seekor adalah serangga dan seekor lagi adalah mamalia.

Selain daripada persamaan luaran ini, beruk tidak dapat dikatakan lebih mirip kepada manusia daripada haiwan-haiwan lain. Sebenarnya, sekiranya aspek kebijaksanaan diperhitungkan, maka lebah madu yang membina struktur geometri yang menakjubkan dan labah-labah yang membina jaring dengan kejuteraan yang mengagumkan, boleh dikatakan lebih mirip kepada manusia. Mereka lebih unggul di dalam beberapa aspek.

Terdapat satu perbezaan terbesar di antara manusia dan beruk yang mengetepikan persamaan luaran. Beruk adalah seekor haiwan dan ia tidak berbeza dengan seekor kuda atau anjing berdasarkan kepada peringkat kesedaran. Sedangkan manusia hidupan yang berkesedaran,

mempunyai keinginan yang kuat dan boleh berfikir, bercakap, memahami, memilih, dan membuat pertimbangan. Semua sifat-sifat ini adalah fungsi jiwa yang dimiliki oleh manusia. Jiwa adalah perbezaan terbesar yang melebarkan jurang perbezaan di antara manusia dan hidupan lain. Semulajadinya, satu-satunya benda hidup yang mempunyai jiwa ialah manusia.

Allah Mencipta Mengikut KehendakNya

Apakah penting sekiranya senario yang disebutkan oleh evolusionis ini benar-benar berlaku? Tidak sikit pun. Kerana setiap peringkat yang telah dimajukan oleh teori evolusi ini dan berdasarkan kepada kebetulan hanya dapat berlaku hasil daripada keajaiban. Walau sekiranya hidupan benar-benar wujud melalui peringkat-peringkat warisan, setiap peringkat yang progresif hanya boleh berlaku melalui kehendak terancang. Ia bukan hanya tiba-tiba peringkat-peringkat ini dapat berlaku secara kebetulan, ia adalah mustahil.

Jika dikatakan bahawa sebuah molekul protein telah terbentuk di dalam keadaan atmosfera purba, maka perlu diingatkan bahawa ia telah didemontrasikan oleh undang-undang kebarangkalian, biologi dan kimia bahawa ia tidak dapat berlaku secara kebetulan. Tetapi jika kita anggarkan ia telah terhasil, maka tidak terdapat alternatif lain melainkan dengan mengakui bahawa ia telah berhutang kewujudannya kepada kehendak seorang Pencipta. Logik yang sama dikemukakan kepada seluruh hipotesis yang dikemukakan oleh evolusionis. Sebagai contoh, tidak terdapat sebarang bukti paleontologi, atau fizik, kimia, biologi atau pertimbangan logik, membuktikan bahawa ikan telah meninggalkan air ke darat dan membentuk haiwan-haiwan darat, untuk perantaraan seumpama ini. Tetapi jika seseorang itu mempercayai bahawa ikan telah merangkak ke darat dan berubah menjadi reptilia, maka orang yang membuat dakwaan ini perlu juga mengakui kewujudan seorang Pencipta yang berupaya untuk menjadikan apa sahaja yang dikehendakiNya untuk hidup dengan hanya berkata "jadilah" (kun). Penjelasan lain untuk

keajaiban seperti ini adalah bercanggah dan mencabuli prinsip sebab musabab.

Realitinya telah jelas dan terbukti. Semua hidupan adalah hasil sebuah rekaan sempurna dan sebuah ciptaan unggul. Ini menunjukkan bukti yang kukuh kepada kewujudan seorang pencipta, Empunya kekuasaan yang luar biasa, ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan.

Pencipta itu ialah Allah, Tuhan langit dan bumi, dan segala yang berada di antara keduanya.

Bab 17

HAKIKAT KEJADIAN

Di dalam beberapa bab yang lepas di dalam buku ini, kita telah mengkaji mengapa Teori Evolusi, yang mendakwa hidupan tidak diciptakan, adalah satu kesilapan yang sama sekali bertentangan dengan fakta-fakta sains. Kita telah menyaksikan bagaimana sains moden telah mendedahkan sebuah fakta yang paling tersirat melalui beberapa cabang sains seperti paleontologi, biokimia, dan anatomi. Fakta tersebut ialah bahawa semua benda hidup telah diciptakan oleh Allah.

Sebenarnya, untuk mengenal pasti fakta-fakta ini seseorang itu tidak perlu merujuk kepada keputusan-keputusan yang dihasilkan oleh makmal-makmal biokimia atau penggalian-penggalian geologi. Tanda-tanda kebijaksanaan yang luar biasa dapat dikesan pada setiap benda hidup apabila ia diperhatikan. Terdapat sebuah teknologi dan rekaan yang hebat pada tubuh seekor serangga dan seekor ikan kecil di dalam laut dalam yang tidak dimiliki oleh manusia. Sesetengah hidupan yang walaupun tidak berotak tetapi berjaya melaksanakan tanggungjawab sukar yang manusia sendiri tidak dapat dilakukannya.

Kebijaksanaan, perancangan dan plan hebat yang merangkumi seluruh alam semula jadi ini adalah bukti yang paling jelas tentang kewujudan seorang Pencipta yang menguasai seluruh alam, iaitu Allah. Allah telah menghiasi semua benda-benda hidup dengan sifat-sifat yang luar biasa dan menunjukkan manusia bukti tanda-tanda kewujudan dan kekuasaan-Nya.

Di dalam bab-bab seterusnya kita hanya akan mengkaji beberapa bukti Penciptaan di dalam alam semula jadi ini.

Lebah Madu dan Keindahan Reka Bentuk Sarangnya

Lebah menghasilkan madu yang melebihi daripada keperluannya dan menyimpannya di dalam sarang. Bentuk heksagon sarang lebah ini telah amat dikenali oleh semua orang. Pernahkah kamu terfikir, mengapa lebah membina sarang berbentuk heksagon bukannya oktagon, atau pun pentagon?



Ahli matematik yang mencari jawapan kepada persoalan ini telah mencapai satu konklusi menarik: "Heksagon adalah sebuah bentuk geometri yang paling sesuai untuk kegunaan maksimum sesuatu kawasan".

Sebuah sel heksagon memerlukan jumlah yang paling minimum untuk pembinaannya serta memuatkan jumlah madu yang maksimum. Oleh itu, lebah menggunakan bentuk yang paling sesuai. Cara yang digunakan untuk membina sarang lebah ini juga amat menakjubkan: lebah-lebah ini memulakan pembinaan sarangnya daripada dua-tiga tempat yang berbeza dan menganyam sarang ini serentak di dalam dua-tiga pintalan. Walau pun, mereka memulakan pembinaan di tempat-tempat yang berbeza, lebah-lebah ini, yang terdiri daripada jumlah yang besar, membina heksagon yang ideal dan kemudian menyulam sarang



lebah ini dengan menggabungkannya dan bertemu di tengah. Titik sambungan heksagon disambung dengan begitu baik hinggakan tidak terdapat sebarang tanda yang menunjukkan ia telah disambungkan.

Berhadapan dengan hasil yang menakjubkan ini, kita terpaksa mengakui kewujudan satu kehendak penguasa tertinggi yang memerintahkan makhluk-makhluk ini. Para evolusionis cuba menjelaskan hasil ini dengan konsep "naluri" dan cuba memperkenalkannya sebagai satu sifat lebah. Bagaimana pun, sekiranya terdapat naluri dalam pekerjaan, dan sekiranya ia meliputi seluruh lebah dan menyebabkan mereka dapat bekerja dengan harmoni walau pun tanpa perlu berinteraksi antara satu sama lain, maka ini menunjukkan terdapatnya Kebijaksanaan Agung yang memerintah semua makhluk-makhluk kecil ini.

Jelasnya, Allah, pencipta kepada semua makhluk-makhluk kecil ini, telah memberikan mereka "inspirasi" terhadap apa yang mereka lakukan. Kenyataan ini telah dijelaskan di dalam al-Quran empat belas kurun yang lalu:

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنِ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ
الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ ﴿٦٨﴾ ثُمَّ كُلِي مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ
ذُلُلًا ۚ يَخْرُجُ مِن بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِّلنَّاسِ ۗ إِنَّ
فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٦٩﴾

Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: "Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bungaan dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu". (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia

(dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir. (Surah An-Nahl: 68-69)

Jurutera Yang Mengagumkan: Anai-Anai

Siapa pun tidak dapat mengelak daripada merasa kagum dengan busut yang dibina oleh anai-anai di atas tanah. Ini kerana busut anai-anai adalah sebuah keajaiban reka bentuk yang dibina setinggi 5-6 meter. Di dalam sarang ini terdapat sistem-sistem yang sofistikated untuk memenuhi keperluan anai-anai yang tidak dapat muncul di bawah pancaran cahaya matahari disebabkan oleh struktur tubuh mereka. Di dalam busut tersebut, terdapat sistem pengudaraan, terusan, bilik-bilik larva, koridor, perkarangan khas kalis kulat, pintu keluar keselamatan, bilik untuk musim panas dan sejuk; ringkasnya, segala-galanya. Tetapi apa yang lebih memeranjatkan ialah semua anai-anai yang membina busut ini adalah buta. [160]

Berdasarkan fakta ini, sekiranya kita membandingkan saiz seekor anai-anai dan busutnya, kita dapat melihat bahawa anai-anai telah berjaya membina satu projek kejuteraan yang 300 kali ganda lebih besar daripada tubuhnya.

Anai-anai mempunyai juga mempunyai satu lagi sifat yang mengagumkan: sekiranya kita pecahkan sebuah busut anai-anai kepada dua bahagian pada peringkat pertama pembinaannya, dan kemudian menyatukannya semula selepas beberapa lama, kita akan mendapati bahawa semua lorong, terusan dan jalan saling bersilang antara satu sama lain. Anai-anai ini menjalankan kerja mereka seolah-olah mereka tidak pernah dipisahkan dan diperintahkan daripada satu tempat.



Burung Belatuk



Semua orang tahu bahawa burung belatuk membina sarangnya dengan mematuk batang pokok. Tetapi ramai yang tidak mengetahui bagaimana burung belatuk tidak mengalami pendarahan otak apabila mereka mencacah begitu kuat dengan kepala mereka. Apa yang dilakukan oleh burung belatuk ini sama seperti seorang manusia memasukkan paku ke dalam dinding dengan menggunakan kepalanya. Jika seorang manusia cuba melakukan seperti itu, dia pasti akan mengalami kejutan otak diikuti dengan pendarahan otak. Bagaimana pun, seekor burung belatuk dapat mematuk batang pokok yang keras 38-43 kali di antara 2.10 dan 2.69 saat dan tiada apa yang berlaku.

Tiada apa pun yang berlaku kerana struktur kepala burung belatuk telah direka sesuai untuk kerja seperti ini. Tengkorak burung belatuk mempunyai satu sistem "suspensi" yang mengurangkan dan menyerap daya pukulan itu. Terdapat tisu-tisu lembut khas di antara tulang-tulang dan tengkoraknya.[161]

Sistem Sonar Kelawar

Kelawar terbang di dalam gelap tanpa masalah dan mereka mempunyai satu sistem pengemudi yang menarik untuk melakukannya. Ia adalah apa yang kita gelar sistem "sonar", sebuah sistem yang membolehkan bentuk-bentuk objek di sekeliling dikenal pasti berdasarkan kepada gema pantulan bunyi.

Seorang kanak-kanak dapat mengesan satu bunyi berfrekuensi

20,000 getaran per saat. Tetapi, seekor kelawar yang dianugerahkan dengan sebuah "sistem sonar" yang istimewa dapat menerima bunyi yang mempunyai frekuensi di antara 50,000 dan 200,000 getaran per saat. Ia menghantar bunyi di dalam semua arah 20 atau 30 kali setiap saat. Gema bunyi adalah sangat berkuasa sehingga kelawar tidak hanya dapat mengesan kewujudan objek tersebut pada laluannya, tetapi juga mengesan lokasi mangsanya yang berterbangan.[162]

Ikan Paus



Mamalia biasanya perlu bernafas dan kerana itu air bukan persekitaran yang sesuai untuk mereka. Bagaimana pun, di dalam seekor ikan paus, yang merupakan mamalia laut, masalah ini telah dapat diselesaikan dengan sebuah sistem pernafasan yang jauh lebih efisien daripada kebanyakan haiwan-haiwan darat. Ikan pauh yang bernafas sekali pada satu masa mengecas 90% udara yang digunakannya. Oleh itu, ia hanya perlu bernafas sekali dalam tempoh yang panjang. Pada masa yang sama, ia juga mempunyai satu bahan yang amat pekat dikenali sebagai *"myoglobin"* yang membantunya menyimpan oksigen di dalam otot-ototnya. Dengan bantuan sistem-sistem ini, seekor ikan paus dapat menyelam sedalam 300 meter dan berenang selama 40 minit tanpa bernafas.[163] Dari segi lain pula, lubang hidung ikan paus terletak di bahagian belakangnya tidak seperti mamalia darat yang lain, supaya ia dapat bernafas dengan mudah.



Reka Bentuk Nyamuk

Kita sering menyangka nyamuk adalah seekor haiwan terbang. Sebenarnya, nyamuk menghabiskan peringkat pembentukannya di bawah air dan keluar daripada air melalui satu "bentuk" istimewa yang dihasilkan dengan semua organ-organ yang diperlukannya.

Nyamuk mula terbang dengan sistem pengesan pada punggungnya untuk mengesan kedudukan mangsa. Dengan sistem-sistem ini, ia seperti sebuah kapal terbang perang yang dilengkapi dengan pengesan kepanasan, gas, kelembapan dan bauan. Malah ia juga mempunyai kelebihan untuk "melihat bersesuaian dengan suhu", ia membantu nyamuk mengesan mangsanya walaupun di dalam gelap gelita.

Teknik "menghisap darah" nyamuk juga memiliki sistem yang kompleks. Dengan sistem enam pisau pemotong, ia memotong kulit seperti sebilah gergaji. Ketika proses pemotongan ini berjalan, satu perembes yang merembeskan ke arah luka tersebut akan mengebaskan tisu-tisunya dan orang tersebut tidak akan menyedari darahnya sedang disedut. Perembes ini juga, pada masa yang sama, menghalang pembekuan darah dan membantu meneruskan proses penyedutan.

Dengan kehilangan walau satu daripada sistem-sistem ini, nyamuk tidak akan dapat menghisap darah dan meneruskan generasinya. Dengan rekaannya yang istimewa, makhluk kecil ini merupakan satu bukti tanda Penciptaan. Di dalam al-Quran, nyamuk telah ditegaskan sebagai satu contoh yang membuktikan kewujudan Allah kepada manusia untuk memahaminya:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَسْتَحْىِۦٓ أَن يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا
بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا ۚ فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ
مِن رَّبِّهِمْ ۖ وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَيَقُولُونَ مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَٰذَا مَثَلًا ۘ
يُضِلُّ بِهِۦ كَثِيرًا وَيَهْدِى بِهِۦ كَثِيرًا ۚ وَمَا يُضِلُّ بِهِۦٓ إِلَّا ٱلْفَٰسِقِينَ

Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?" (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik; (Surah Al-Baqarah:26)

Burung Pemangsa Dengan Penglihatan Yang Tajam




Burung pemangsa mempunyai mata yang tajam yang membolehkan mereka membuat penyelarasan jarak yang sempurna ketika menyerang mangsanya. Tambahan pula mata mereka yang besar mempunyai sel-sel penglihatan yang lebih. Terdapat lebih satu juta sel penglihatan di dalam mata seekor burung pemangsa.

Helang yang terbang pada ketinggian beratus-ratus meter tinggi mempunyai mata yang tajam sehingga ia dapat mengimbas bumi dengan sempurna pada satu jarak. Seperti sebuah kapal terbang perang mengesan sasarannya yang beratus-ratus meter jauh, begitu juga helang mengesan mangsanya, dengan melihat sedikit warna yang berganjak atau pergerakan kecil di bumi. Mata helang mempunyai satu sudut pandangan tiga ratus darjah dan ia dapat membesarkan satu imej yang diterima sekitar enam ke lapan kali. Helang dapat mengimbas satu kawasan seluas 30,000 hektar ketika terbang 4,500 meter di atasnya. Ia dengan mudah akan dapat mengesan seekor arnab di celah-celah rumput pada satu latitud 1,500 meter. Ia merupakan satu bukti bahawa struktur mata helang yang luar biasa ini telah direka dengan begitu istimewa untuk makhluk ini.

Benang Labah-labah

Labah-labah bernama Dinopis mempunyai kebolehan memburu yang hebat. Selain daripada menenun sebuah jaring dan menanti mangsa, ia juga menenun satu jaring kecil yang luar biasa untuk dilontarkan ke arah mangsanya. Kemudian, ia akan membalut dengan kejap mangsa tersebut dengan jaring ini. Serangga yang telah terperangkap tidak dapat berbuat apa-apa untuk melepaskan dirinya. Jaring tersebut dibina dengan begitu sempurna sehinggakan serangga-serangga akan menjadi lebih terjebak apabila ia makin cemas. Untuk menyimpan makanannya, labah-labah membalut mangsa dengan benang-benang tambahan, seolah-olah seperti ia dibungkuskan.

Bagaimana labah-labah ini dapat membina sebuah jaring yang begitu menakjubkan dengan reka bentuk mekanikal dan struktur kimia? Adalah mustahil jika labah-labah ini memperolehi kebolehan seperti ini secara kebetulan, seperti yang didakwa oleh para evolusionis. Labah-labah tidak mempunyai keupayaan untuk belajar atau mengingat, malah ia tidak mempunyai otak untuk menjalankan tugas-tugas ini. Jelaslah, bahawa keupayaan ini telah dianugerahkan kepada labah-labah oleh penciptanya, Allah, Yang Maha Berkuasa.





Berbagai keajaiban-keajaiban penting tersembunyi di dalam benang labah-labah ini. Benang ini, dengan diameter kurang daripada seribu per satu milimeter, adalah lima kali lebih kuat daripada wayar besi pada ketebalan yang sama. Benang ini mempunyai satu lagi karakteria lain, ia amat ringan. Panjang benang ini mampu mengelilingi bumi ini dengan hanya berat 320 gram.[164] Besi, satu bahan khas yang dibuat di dalam perusahaan industri, adalah bahan terkuat yang dihasilkan oleh manusia. Bagaimana pun, labah-labah dapat menghasilkan di dalam badannya benang yang jauh lebih kukuh daripada besi. Manusia menghasilkan besi berdasarkan pengetahuan dan teknologi orang yang terdahulu; kalau begitu, pengetahuan dan teknologi manakah yang labah-labah guna untuk membuat benangnya?

Seperti yang dapat kita lihat, semua kualiti teknologi dan teknik yang ada pada manusia adalah lebih mundur daripada seekor labah-labah.

Haiwan-haiwan Hibernat

Haiwan-haiwan hibernat (haiwan yang tidur sepanjang musim sejuk) dapat terus hidup walau pun suhu badan mereka jatuh pada darjah yang sama dengan suhu sejuk di luar. Bagaimana mereka melakukannya?

Mamalia adalah haiwan berdarah panas. Ini bererti di dalam keadaan biasa, suhu badan mereka sentiasa tetap kerana termostat semula jadi di dalam badan mereka mengekalkan suhu ini. Tetapi, ketika berhibernat, kepanasan mamalia-mamalia kecil, seperti tikus tupai dengan suhu kepanasan badan biasa ialah 40 darjah, akan jatuh sedikit di bawah paras beku. Metabolisme badan menurun perlahan-lahan ke satu tahap. Haiwan ini mula bernafas perlahan dan degup jantung normalnya, iaitu 300 kali seminit, akan turun ke 7-10 degup seminit. Refleksi normal tubuhnya berhenti dan aktiviti elektrik di dalam otaknya menjadi perlahan hingga hampir tidak dapat dikesan.

Di antara bahaya tidak bergerak ialah pembekuan tisu-tisu di dalam cuaca yang terlalu sejuk dan ia dimusnahkan oleh kristal ais. Haiwan-haiwan hibernat bagaimana pun, terpelihara daripada bahaya ini kerana sifat-sifat istimewa yang dianugerahkan kepada mereka. Cecair badan haiwan-haiwan hibernat mengandungi bahan-bahan kimia yang mempunyai jisim molekul yang tinggi. Oleh itu, tahap beku mereka menurun dan mereka terpelihara daripada cedera.[165]

Ikan Elektrik

Beberapa spesies daripada jenis ikan seperti belut dan ikan pari menggunakan kuasa elektrik yang terhasil di dalam badan mereka untuk mempertahankan diri daripada musuh-musuh mereka atau melumpuhkan mangsa mereka. Di dalam semua benda hidup – termasuk manusia – terdapat sejumlah kecil tenaga elektrik. Manusia, bagaimana pun, tidak dapat menggunakan atau mengawalnya untuk kegunaannya sendiri. Haiwan-haiwan yang disebutkan di atas, sebaliknya, mempunyai kuasa elektrik setinggi 500-600 voltan di dalam badan mereka dan mereka dapat menggunakannya untuk menentang musuh-musuh mereka. Tambahan pula, mereka tidak terkesan dengan tenaga elektrik ini.


Tenaga yang mereka gunakan untuk mempertahankan diri akan didapati semula setelah beberapa lama seperti mengecas sebiji bateri dan kuasa elektrik bersedia untuk digunakan lagi. Ikan tidak menggunakan

kuasa elektrik di dalam badannya yang kecil melainkan untuk melindungi diri. Di samping dapat membantu mereka mencari jalan ketika di dalam air yang dalam dan gelap, tenaga elektrik juga membantu mereka mengesan objek-objek tanpa melihatnya. Ikan dapat menghantar isyarat dengan menggunakan elektrik di dalam badan mereka. Isyarat elektrik ini akan memantul kembali apabila terkena objek pejal dan pantulan ini memberikan ikan-ikan ini maklumat tentang objek tersebut. Dengan cara ini, ikan akan dapat mengenal pasti jarak dan saiz sesuatu objek.[166]

Perancangan Bijak Ke Atas Haiwan: Penyamaran

Salah satu sifat yang haiwan miliki untuk terus hidup ialah kepakaran menyembunyikan diri – iaitu, "penyamaran".

Haiwan merasa perlu untuk menyembunyikan diri mereka kerana



Kiri: Kutu pokok menyerupai duri-duri pokok. Kanan Bawah: Seekor ulat bulu berada di tengah sehelai daun supaya tidak dapat dikesan. Kanan Atas: Seekor ular menyamarkan diri dengan menyelitkan dirinya di celah dedaun.

dua sebab: untuk memburu dan untuk melindungi diri mereka daripada pemangsa. Cara penyamaran adalah berbeza dengan menggunakan sepenuhnya kebijaksanaan, kemahiran, estetik dan harmoni.

Teknik penyamaran haiwan ini amat mengagumkan. Hampir mustahil untuk mengenal pasti seekor serangga yang bersembunyi di batang pokok atau makhluk lain yang bersembunyi di sebalik sehelai daun.

Kutu daun yang menghisap jus tumbuhan melindungi diri mereka di atas batang pokok dengan menyamar sebagai durinya. Dengan cara ini, mereka cuba menipu burung yang merupakan musuh terbesar mereka, dan memastikan burung-burung tersebut tidak hinggap di atas batang pokok tersebut.

Sotong

Di bawah kulit sotong tersusun satu lapisan tebal daripada kantung pigmen yang kenyal digelar *chromatophores*. Ia terdapat asasnya di dalam warna kuning, merah, hitam dan perang. Pada satu masa, sel-sel akan berkembang dan memenuhi kulit dengan warna gelap yang bersesuaian. Begitulah cara sotong menyerupai warna batu yang ia berdiri di atasnya dan ia menjadi penyamaran yang sempurna.

Sistem ini berfungsi dengan begitu efisien sekali sehinggakan sotong ini dapat membentuk satu jalur kuda belang yang kompleks.[167]

Sistem-sistem Penglihatan Yang Berbeza

Kepada haiwan-haiwan laut, melihat amat penting untuk memburu dan mempertahankan diri. Kerana itulah, kebanyakan hidupan laut telah dilengkapkan dengan mata yang direka sempurna untuk kegunaan dalam air.

Di dalam air, keupayaan melihat menjadi makin terbatas oleh kedalaman, terutamanya selepas 30 meter. Organisma-organisma yang hidup pada kedalaman seperti ini, bagaimana pun, mempunyai mata yang direka bersesuaian dengan keadaan ini.

Tidak seperti haiwan darat, hidupan laut mempunyai lensa mata sfera yang bersesuaian dengan kepadatan air yang menjadi habitat mereka. Dibandingkan dengan mata makhluk darat yang bujur, mata yang berstruktur sfera ini lebih berguna untuk penglihatan di dalam air; kerana ia dilaraskan untuk melihat objek dengan dekat *(close-up).* Apabila satu objek difokus, seluruh sistem lensa akan berundur ke belakang dengan bantuan mekanisme otot khas yang terdapat di dalam mata.

Sebab lain mengapa mata ikan berbentuk sfera ialah kerana pantulan cahaya di dalam air. Kerana mata mereka dipenuhi dengan satu cecair yang hampir sama kepekatannya dengan air, maka tidak berlaku pantulan apabila satu imej yang terbentuk di luar terpantul ke mata. Kerana itu, lensa mata sepenuhnya mengfokus imej objek di luar ke retina. Tidak seperti manusia, penglihatan ikan sangat tajam di dalam air.

Sesetengah haiwan seperti sotong kurita mempunyai mata yang besar untuk menangkap cahaya yang lemah di dalam kedalaman air. Di bawah 300 meter, mata besar ikan perlu menangkap silau organisma-organisma sekelilingnya untuk mengenal pasti mereka. Mereka perlu sensitif terutamanya kepada cahaya biru lemah yang menembus masuk ke dalam air. Kerana itu, terdapat banyak sel-sel biru yang sensitif di dalam retina mata mereka.

Seperti yang dapat kita fahami daripada contoh-contoh ini, bahawa setiap hidupan mempunyai mata yang direka khas untuk memenuhi



Kiri: Seekor sotong menjadikan dirinya kelihatan seperti permukaan pasir. Kanan: Warna kuning terang sotong yang sama berubah di dalam keadaan bahaya, seperti apabila ia dilihat oleh seorang penyelam.

keperluan mereka. Fakta ini membuktikan bahawa ini semua telah dijadikan seperti yang sedia ada oleh seorang Pencipta yang mempunyai kebijaksanaan, pengetahuan dan kuasa yang hebat.


Sistem Pembekuan Istimewa

Seekor katak yang beku menghasilkan satu struktur biologi yang luar biasa. Ia tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda hidup. Degup jantung, pernafasan dan aliran darahnya telah berhenti sama sekali. Tetapi, apabila ais telah mencair, katak tersebut akan kembali hidup seolah-olah ia terbangun daripada tidur.

Selalunya, satu hidupan akan musnah apabila berada pada peringkat beku. Katak, bagaimana pun, tidak menghadapi masalah ini. Ia mempunyai ciri utama yang menghasilkan jumlah glukosa yang banyak ketika berada pada peringkat ini. Seperti seorang yang berpenyakit kencing manis, tahap gula di dalam darah katak berada pada peringkat yang amat tinggi. Kadang kala ia mencapai setinggi 550 milimo/liter. (Anggaran ini biasanya adalah sekitar 1-5 mmol/liter untuk katak dan 4-5 mmol/liter untuk badan manusia). Kepekatan glukosa yang keterlaluan seperti ini akan menyebabkan masalah yang serius dalam keadaan biasa.

Bagaimana pun, di dalam seekor katak yang beku, glukosa ini akan menahan air daripada meninggalkan badan dan menyekat kebocoran. Membran sel katak amat telap pada glukosa supaya glukosa mudah memasuki sel. Tahap glukosa yang tinggi di dalam badan mengurangkan suhu beku menyebabkan hanya sejumlah kecil cecair dalaman haiwan menjadi ais ketika sejuk. Kajian menunjukkan bahawa glukosa juga dapat memelihara sel-sel yang beku. Pada period ini, di samping menjadi bahan bakar semula jadi kepada badan, glukosa juga menghentikan banyak reaksi metabolik seperti sintesis air kencing dan melindungi sumber-sumber makanan sel yang berbeza daripada kehabisan.

Bagaimana sejumlah besar glukosa di badan katak dapat muncul secara mendadak? Jawapannya amat menarik: hidupan ini telah dilengkapi dengan satu sistem khas untuk menjalankan kerja-kerja ini.



Sebaik sahaja ais mula muncul di atas kulit, satu isyarat dihantar ke limpa menyebabkan limpa menukar glikogen (glycogen) yang disimpannya kepada glukosa. Bagaimana isyarat ini dapat dihantar kepada limpa masih belum diketahui. Lima minit selepas isyarat ini diterima, kadar kandungan gula di dalam darah mula meningkat.[168]

Tidak dapat dipersoalkan lagi, bagaimana haiwan-haiwan dilengkapi dengan satu sistem yang dapat menukar metabolismenya untuk memenuhi keperluannya apabila ia diperlukan, hanya dapat dilakukan dengan plan Pencipta Yang Maha Kuasa yang tidak ada cacat celanya. Tidak mungkin kebetulan dapat menghasilkan sebuah sistem yang begitu sempurna dan kompleks seperti ini.[169]

Burung-burung Laut

Burung yang berpindah randah meminimumkan penggunaan tenaga mereka dengan menggunakan "teknik-teknik penerbangan" yang berbeza. Burung-burung laut juga didapati mempunyai satu jenis gaya penerbangan. Burung-burung ini yang menghabiskan 92% hidup mereka di atas laut, mempunyai lebar sayap rentang 3.5 meter. Ciri paling penting pada burung-burung laut ini ialah teknik penerbangan mereka: mereka mampu terbang berjam-jam tanpa mengepakkan sayap mereka. Untuk melakukannya, mereka meluncur di udara dengan mengekalkan sayap mereka dalam keadaan tetap dengan menggunakan angin.

Ia memerlukan penggunaan tenaga yang seimbang untuk mengekalkan sayap terus terbuka dengan rentang sayap 3.5 meter. Bagaimana pun, burung-burung laut dapat kekal dalam posisi seperti ini selama berjam-jam. Ini kerana mereka dianugerahkan dengan satu sistem anatomi yang istimewa semenjak mereka lahir lagi. Ketika terbang sayap burung laut tersekat. Oleh itu, ia tidak memerlukan sebarang kekuatan

otot. Sayap dinaikkan hanya dengan otot pelapis. Ini amat membantu burung ketika terbang. Burung-burung laut tidak menggunakan tenaga kerana mereka tidak menyepakkan sayap mereka atau membazirkan tenaga untuk mengekalkan sayap mereka terbuka. Terbang berjam-jam dengan menggunakan angin secara eksklusif menghasilkan satu sumber tenaga yang tidak terbatas untuknya. Sebagai contoh, seekor burung laut seberat 10 kilo hanya kehilangan 1% berat badannya ketika mengembara 1,000 km. Ini merupakan satu kadar yang amat rendah. Manusia telah mencipta alat peluncur angin dengan menggunakan burung-burung laut sebagai model dan dengan menggunakan teknik penerbangan mereka.

Sebuah Migrasi Yang Sukar

Ikan salmon Pasifik mempunyai karakter istimewa untuk kembali ke sungai-sungai di mana mereka menetas untuk pembiakan. Setelah meluangkan sebahagian hidup mereka di laut, haiwan ini kembali semula ke air tawar untuk membiak.

Apabila mereka memulakan perjalanan mereka pada awal musim panas, warna ikan ini ialah merah terang. Bagaimana pun, pada penghujung perjalanan, warna mereka telah bertukar menjadi hitam. Pada permulaan migrasi, mulanya mereka menghampiri pantai dan cuba mencapai sungai. Mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk kembali semula ke tempat kelahiran mereka. Mereka sampai ke tempat mereka menetas dengan melompat mengharungi sungai-sungai yang bergelora, berenang melawan arus, mengatasi air terjun dan tebing. Pada penghujung perjalanan 3,500-4,000 km ini, ikan salmon betina sudah sedia mempunyai telur, begitu juga dengan salmon jantan mempunyai sperma. Apabila tiba di tempat mereka menetas, ikan salmon betina akan mengeluarkan sekitar 3 hingga 5 ribu telur, kemudian salmon jantan akan mensenyawakannya. Ikan-ikan ini mendapat berbagai kerosakan sepanjang perjalanan dan penetasan ini. Ikan salmon betina yang mengeluarkan telur menjadi keletihan; sirip ekor mereka luruh dan kulit mereka mula bertukar menjadi hitam. Perkara yang sama berlaku kepada

ikan-ikan salmon jantan. Tidak berapa lama kemudian sungai tersebut dipenuhi bangkai-bangkai ikan salmon. Tetapi, generasi ikan-ikan yang seterusnya telah bersedia untuk menetas dan memulakan perjalanan yang sama.

Bagaimana ikan-ikan salmon menyempurnakan perjalanan seperti ini, bagaimana mereka sampai ke laut setelah menetas dan bagaimana mereka mencari jalan mereka, ini semua adalah beberapa persoalan yang masih belum terjawab. Walaupun, banyak cadangan dibuat, tetapi penyelesaian yang sebenar masih belum ditemui. Kuasa apakah yang menyebabkan ikan-ikan salmon ini melakukan perjalanan beribu-ribu kilometer untuk kembali ke sebuah tempat yang mereka sendiri tidak tahu? Jelaslah terdapat satu kehendak agung yang mengatur dan mengawal semua benda hidup. Iaitu Allah Yang Maha Perkasa.

Koala

Minyak yang didapati di dalam daun *eucalyptus* adalah beracun kepada kebanyakan mamalia. Racun tersebut adalah mekanisme pertahanan kimia yang digunakan oleh pokok ini untuk menentang musuh-musuhnya. Tetapi terdapat hidupan istimewa yang dapat menentang mekanisme ini dan dapat memakan daun *eucalyptus* yang beracun ini; seekor marsupial yang digelar koala. Koala tinggal di atas pokok *eucalyptus* di samping itu mereka juga memakan daunnya dan memperolehi air daripadanya.



Seperti mamalia-mamalia lain, koala juga tidak dapat mencerna selulosa yang terdapat di dalam pokok ini. Untuk itu, ia

bergantung kepada mikro-organisma pencerna-selulosa. Mikro-organisma ini terletak di titik pertemuan usus kecil dan usus besar, sekum *(ceacum)* yang merupakan sambungan yang memelihara sistem usus ini. Sekum adalah bahagian sistem pencernaan koala yang paling menarik. Fungsi segmen ini sebagai sebuah ruang penapaian di mana mikrob terbentuk untuk mencernakan selulosa apabila laluan daun ini tertunda. Oleh itu, koala dapat meneutralkan kesan racun minyak yang terdapat di dalam daun *eucalyptus*. [170]

Kebolehan Memburu Di Dalam Posisi Tetap

Tumbuhan Afrika Selatan *Sundew* memerangkap serangga dengan rerambutnya yang kental. Daun-daun tumbuhan ini dipenuhi rerambut yang merah dan panjang. Rahsia rambut-rambut ini ialah ia dilumuri dengan satu cecair yang mempunyai bau yang menarik perhatian serangga. Satu lagi sifat cecair ini ialah ia amat kental. Serangga yang menuju ke arah sumber bau ini akan terperangkap di dalam rerambut kental ini. Tidak lama kemudian, seluruh daun akan tertutup di atas serangga yang telah sedia terjebak di dalam rerambut dan tumbuhan tersebut akan menyedut protein penting untuk dirinya daripada serangga dengan mencernanya.[171]

Anugerah kepada tumbuhan ini tanpa perlu bergerak daripada



Kiri: Sundew yang terbuka. Kanan: Sundew yang tertutup.

tempatnya dengan satu keupayaan jasmani seperti ini, tidak dapat diragui adalah bukti tanda satu rekaan yang istimewa. Adalah mustahil bagi satu tumbuhan untuk membangunkan sebuah gaya berburu seperti ini dengan menggunakan keupayaan atau kehendaknya sendiri, atau secara kebetulan. Oleh itu, adalah sukar untuk masih menolak kewujudan dan kekuasaan seorang Pencipta yang telah membekalkannya dengan keupayaan ini.

Reka Bentuk Di Dalam Bulu Burung

Sekali imbas, bulu burung kelihatan mempunyai satu struktur yang sangat ringkas. Tetapi, apabila kami mengkajinya dengan teliti, kami dapati bulu burung tidak sahaja amat kompleks malah juga ringan tetapi kuat dan kalis air.



Burung perlu berada di dalam keadaan seberapa ringan yang boleh untuk membolehkannya terbang dengan mudah. Bulu burung terbentuk daripada protein keratin yang memenuhi keperluannya. Pada kedua-dua belah tangkai bulu burung terdapat urat-urat dan pada setiap urat ini terdapat sekitar 400 ruit-ruit halus. Di atas 400 ruit-ruit halus ini pula terdapat 800 ruit yang lebih halus, dua setiap satu ruit. Daripada 800 ruit halus yang memenuhi di atas satu bulu burung yang kecil, ruit-ruit yang berada di bahagian hadapan mempunyai 20 ruit lain di atas setiap satu daripadanya.

Ruit-ruit ini melekatkan di antara dua bulu burung seolah-olah dua cebisan baju yang disemat bersama. Di dalam satu bulu burung terdapat hampir 300 juta ruit-ruit halus. Jumlah sebenar ruit-ruit pada semua bulu-bulu burung seekor burung ialah sekitar 700 bilion.

Ada sebab tertentu mengapa bulu-bulu burung bercantum kuat dengan satu sama lain dengan ruit-ruit dan klas-klas (pelekap). Bulu-bulu burung perlu melekat kuat pada burung supaya ia tidak gugur apabila bergerak. Dengan mekanisme daripada ruit-ruit dan klas-klas, menyebabkan bulu-bulu burung ini melekat kuat pada burung sehinggakan angin yang kuat, hujan atau salji tidak akan dapat menggugurkannya.

Tambahan pula, bulu-bulu pada badan burung tidak sama dengan bulu-bulu di sayap dan ekornya. Bulu-bulu pada sayap adalah lebih besar untuk membolehkannya berfungsi sebagai pengemudi dan brek; bulu sayap direka sedemikian untuk mengembangkan permukaan kawasan ketika sayap burung mengepak dan ia dapat meningkatkan kuasa anjakan.

Basilik: Pakar Berjalan Di Atas Air

Sebahagian haiwan dapat berjalan di atas permukaan air. Di



Cicak basilik adalah di antara haiwan yang dapat bergerak dengan baik samada di air atau di darat.

antaranya ialah cicak basilik yang hidup di Amerika Tengah (seperti yang ditunjukkan di dalam gambar). Pada sisi jari kaki belakang basilik terdapat kepak yang membolehkannya memercikkan air. Ia bergulung ketika haiwan ini berjalan di atas darat. Sekiranya haiwan ini berhadapan dengan bahaya, ia akan mula berlari pantas di atas permukaan sungai atau tasik. Kemudian kepak pada kaki belakangnya akan terbuka dan ia membolehkannya berlari lebih jauh di atas air.[172]

Rekaan unik basilik ini adalah satu bukti tanda Penciptaan terancang.

Fotosintesis

Tidak dapat dinafikan, tumbuhan memainkan peranan yang besar dalam menjadikan cakerawala ini sebuah habitat. Ia membersihkan udara untuk kita, mengekalkan suhu planet ini pada tahap yang seimbang, dan mengimbangi pecahan gas-gas di dalam atmosfera. Oksigen di udara yang kita sedut telah dihasilkan oleh tumbuh-tumbuhan. Sebahagian besar makanan kita juga dihasilkan oleh tumbuh-tumbuhan. Nilai pemakanan tumbuhan datang daripada rekaan khas di dalam sel-selnya, di samping memiliki ciri-ciri lain.

Tidak seperti sel manusia dan haiwan, sel tumbuhan dapat menggunakan tenaga solar secara langsung. Ia mengubah tenaga solar kepada tenaga kimia dan menyimpannya di dalam bentuk nutrien (zat) dengan cara yang istimewa. Proses ini digelar "fotosintesis". Sebenarnya, proses ini tidak dilakukan oleh sel tetapi oleh kloroplas *(chloroplast)*, struktur khas yang memberikan tumbuh-tumbuhan warna hijau. Struktur hijau yang hanya dapat dilihat dengan menggunakan mikroskop merupakan satu-satunya makmal di bumi yang berupaya menyimpan tenaga solar di dalam bentuk organik.

Jumlah bahan yang dihasilkan oleh tumbuh-tumbuhan di bumi adalah sekitar 200 bilion tan setahun. Pengeluaran ini amat penting untuk semua hidupan di bumi. Pengeluaran yang dilakukan oleh tumbuh-tumbuhan ini telah direalisasikan melalui satu proses kimia yang rumit.

Beribu-ribu "klorofil" yang terdapat di dalam kloroplas bertindak balas dengan cahaya di dalam masa yang amat singkat, sekitar seribu dalam satu saat. Kerana itulah, mengapa kebanyakan aktiviti-aktiviti yang berlaku di dalam klorofil tidak dapat diperhatikan.

Menukarkan tenaga solar kepada tenaga elektrik atau tenaga kimia merupakan satu penemuan teknologi terkini. Untuk melakukannya, peralatan-peralatan berteknologi tinggi perlu digunakan. Sel tumbuhan yang terlalu kecil untuk dilihat oleh mata kasar manusia telah melakukan tugas ini sejak berjuta-juta tahun.

Ini merupakan satu lagi sistem sempurna yang membuktikan penciptaan, untuk disaksikan oleh semua. Sistem fotosintesis yang begitu kompleks ini merupakan satu mekanisme terancang yang dicipta oleh Allah. Sebuah kilang yang tidak dapat ditandingi telah dihimpit masuk ke sebuah kawasan yang amat kecil di dalam daun. Rekaan yang tiada cacat cela ini hanyalah satu daripada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa semua benda hidup telah dijadikan oleh Allah, Yang Maha Berkuasa.



BAHAGIAN 2:

Penyanggahan Materialisme

PERINGATAN!

Bab yang akan kamu baca ini mendedahkan satu rahsia terbesar di dalam hidup kamu. Kamu perlu membacanya dengan baik dan teliti kerana ia berkaitan dengan satu subjek yang pasti akan mengubah pandangan kamu terhadap dunia luar. Subjek di dalam bab ini, bukan hanya satu pandangan, satu pendekatan yang berbeza, atau satu kepercayaan falsafah kuno: tetapi ia adalah satu fakta , yang perlu diakui oleh setiap orang, samada mereka mempercayainya atau tidak, dan ia juga telah dibuktikan oleh sains hari ini.

Bab 18

INTI PATI SEBENAR KEBENDAAN

Sesiapa yang merenungi alam sekelilingnya dengan penuh kesedaran dan kebijaksanaan akan menyedari bahawa setiap benda di dunia ini – yang hidup atau tidak hidup – pasti telah dijadikan. Jadi persoalannya ialah "Siapakah menjadikan semua benda ini?"

Telah dibuktikan bahawa "hakikat kejadian", yang mendedahkan dirinya dalam setiap aspek kehidupan, tidak mungkin dapat muncul dengan sendirinya. Sebagai contoh, seekor kumbang tidak mungkin dapat mencipta dirinya sendiri. Sistem solar tidak mungkin dapat menjadikan dan menguruskan dirinya. Begitu juga dengan tumbuh-tumbuhan, manusia, bakteria, *erythrocytes* (butir darah-merah), atau rama-rama tidak mungkin dapat menjadikan diri mereka sendiri. Kemungkinan semuanya ini telah terbentuk "secara kebetulan" adalah sesuatu yang tidak masuk akal.

Kita akhirnya sampai kepada konklusi berikut: Setiap apa yang kita lihat telah dijadikan. Tetapi semua yang kita lihat tidak dapat menjadi "pencipta" kepada dirinya. Pencipta adalah berbeza dan lebih tinggi daripada apa yang kita lihat dengan mata kita, satu kuasa teragung yang tidak dapat dilihat tetapi kewujudan dan kesannya dapat kita rasai pada setiap benda yang wujud.

Pada ketika inilah mereka yang menafikan kewujudan Allah menjadi ragu-ragu. Mereka mensyaratkan tidak akan mempercayai kewujudan-Nya melainkan sekiranya mereka dapat melihat-Nya dengan mata mereka sendiri. Golongan ini yang mengetepikan hakikat "kejadian", terpaksa untuk menolak kebenaran "kejadian" jelas yang

terdapat di alam semesta ini dan membuktikan bahawa alam semesta dan semua benda hidup di dalamnya tidak dijadikan. Teori evolusi merupakan satu contoh usaha sia-sia mereka ini.

Asas kesilapan mereka yang menafikan kewujudan Allah telah dikongsi bersama oleh ramai orang yang hakikatnya tidak menolak kewujudan Allah tetapi mempunyai persepsi yang salah terhadap-Nya. Mereka tidak menolak penciptaan, tetapi mempunyai kepercayaan karut terhadap di mana Allah berada. Kebanyakan mereka beranggapan bahawa Allah berada di atas "langit". Mereka membayangkan bahawa Allah berada di sebalik sebuah planet yang amat jauh dan sesekali terganggu dengan "perkara-perkara duniawi". Atau mungkin Dia tidak langsung terganggu; Dia menjadikan alam semesta dan kemudian meninggalkannya sendiri dan manusia dibiarkan untuk berhadapan dengan takdir mereka sendiri.

Walau pun sesetengah mereka pernah mendengar bahawa di dalam al-Quran telah tertulis bahawa Allah berada "di mana-mana", tetapi mereka tidak dapat mentafsirkan maksudnya yang sebenar. Mereka beranggapan Allah berada di sekeliling seperti gelombang radio atau seperti gas yang tidak dapat dilihat.

Bagaimana pun, fahaman dan kepercayaan yang tidak dapat menjelaskan di mana Allah berada (dan mungkin kerana itu mereka menafikan-Nya), semuanya berasaskan kepada satu kesilapan yang sama. Mereka berpegang kepada satu prejudis tanpa sebarang asas dan kemudian membawa kepada pandangan yang menyeleweng terhadap Allah. Apakah prejudis ini?

Prejudis ini berkaitan dengan natural dan ciri-ciri kebendaan. Kita terlalu dilazimkan dengan andaian terhadap kewujudan benda sehinggakan kita tidak pernah terfikir samada ia benar-benar wujud atau hanya bayangan. Sains moden telah memusnahkan prejudis ini dan telah mendedahkan realiti yang sangat penting dan diperlukan. Di dalam helaian berikutnya, kami akan cuba menjelaskan realiti hebat ini sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Quran.

Dunia Isyarat Elektrik

Segala maklumat yang kita terima tentang dunia ini telah dihantar kepada kita melalui lima pancaindera. Dunia yang kita kenali adalah bergantung kepada apa yang mata kita yang melihat, tangan kita yang menyentuh, hidung kita yang menghidu, lidah kita yang merasa, dan telinga kita yang mendengar. Kita tidak pernah fikirkan bahawa dunia "luar" adalah berbeza daripada apa yang pancaindera kita sampaikan kepada kita memandangkan kita hanya bergantung kepada pancaindera ini semenjak kita dilahirkan.

Penyelidikan terkini di dalam bidang-bidang sains yang berbeza, bagaimana pun telah menemui satu pemahaman yang berbeza dan menyebabkan keraguan yang serius terhadap pancaindera kita dan dunia yang kita lalui kini.

Permulaan bagi pendekatan ini ialah bahawa kepercayaan kepada satu "dunia luar" yang terbentuk di dalam otak kita hanyalah respons yang terbentuk di dalam otak kita oleh isyarat elektrik. Kemerahan apel, kekerasan kayu, begitu juga, ibu kamu, ayah, keluarga, dan segala apa yang kamu miliki, rumah kamu, kerja, dan barisan-barisan buku ini, hanyalah isyarat elektrik semata-mata.

Frederick Vester menjelaskan peringkat yang telah dicapai oleh sains di dalam subjek ini:



Simulasi yang datang daripada satu objek ditukarkan ke isyarat elektrik dan memberi kesan di dalam otak. Apabila kita "melihat", kita sebenarnya mengimbas kesan isyarat elektrik ini di dalam minda kita.

> *Kenyataan yang dikeluarkan oleh sebahagian saintis yang menyatakan bahawa "manusia adalah sebuah imej, segala yang telah dilalui adalah sementara dan menipu, dan alam semesta ini hanyalah bayangan", nampaknya telah dibuktikan oleh sains kini.*[173]

Seorang ahli falsafah terkenal **George Berkeley** memberikan komentar terhadap subjek ini seperti berikut:

> *Kita mempercayai kewujudan objek hanya kerana kita melihat dan menyentuhnya, dan ia bertindak balas kepada kita dengan persepsi kita. Bagaimana pun, persepsi kita hanyalah idea di dalam minda kita. Oleh itu, objek yang kita lihat dengan penglihatan kita tidak lebih daripada idea-idea, dan idea-idea ini hanya berada di dalam otak kita... Memandangkan semua yang wujud ini hanya berada di dalam minda, bermakna kita telah tertipu apabila kita membayangkan alam semesta ini dan benda-benda ini wujud di luar minda kita. Oleh itu, tidak satu pun yang berada di sekeliling kita wujud di luar minda kita.*[174]

Untuk menjelaskan lagi subjek ini, mari kita kaji pancaindera penglihatan kita yang memberikan kita maklumat-maklumat yang paling ekstensif tentang dunia luar.

Bagaimana Kita Melihat, Mendengar dan Merasa?

Perbuatan melihat direalisasikan di dalam satu cara yang sangat progresif. Sekelompok cahaya *(photon-)* yang bergerak daripada objek ke mata menembusi kanta di bahagian depan mata apabila ia pecah dan jatuh dalam keadaan terbalik di atas retina yang terletak di bahagian belakang mata. Di sini, cahaya yang berlanggar telah diubah menjadi isyarat elektrik yang dipancarkan oleh neuron ke satu titik kecil yang digelar pusat penglihatan yang berada di bahagian belakang otak. Isyarat elektrik ini diterima sebagai sebuah imej di pusat ini di dalam otak selepas beberapa siri proses. Perbuatan melihat sebenarnya berlaku di dalam titik kecil ini di bahagian belakang otak yang gelap gelita dan sama sekali terasing daripada cahaya.

Sekarang, mari kita kaji semula proses ini. Apabila kita menyatakan

"saya melihat", kita sebenarnya melihat kesan utusan yang sampai ke mata kita dan merangsang otak kita setelah ia ditukarkan kepada isyarat elektrik. Oleh itu, apabila kita menyatakan "saya melihat", kita sebenarnya memandang kepada isyarat elektrik di dalam minda kita.

Semua imej yang kita lihat di dalam hidup kita terbentuk di dalam pusat penglihatan kita, yang terbentuk daripada beberapa sentimeter kubin daripada keluasan otak. Buku yang kamu sedang baca dan lanskap yang kamu lihat apabila kamu merenung ke arah horizon, termuat di dalam tempat kecil ini. Satu fakta yang perlu diletakkan di minda seperti yang disebutkan sebelum ini, iaitu otak terhindar daripada cahaya; di dalamnya sama sekali gelap. Otak tidak mempunyai sebarang hubungan dengan cahaya secara langsung.

Kita dapat menerangkan situasi ini dengan satu contoh. Kita andaikan terdapat sebatang lilin bernyala di hadapan kita. Kita boleh duduk berhadapan dengan lilin ini dan melihatnya. Bagaimana pun, sepanjang period ini, otak kita tidak pernah mempunyai sebarang hubungan terus dengan cahaya lilin tersebut. Walau pun kita melihat cahaya lilin, bahagian dalaman otak kita adalah gelap. Kita melihat dunia yang berwarna-warni dan terang di dalam otak kita yang gelap.

R.L. Gregory memberikan penjelasan seperti berikut tentang aspek penglihatan yang menakjubkan ini:


> *Kita amat biasa dengan perbuatan melihat, sehinggakan ia memerlukan imaginasi yang tinggi untuk menyedari bahawa terdapat masalah yang perlu diselesaikan. Tetapi dengan menimbangkan perkara ini. Kita diberikan imej-imej kecil yang terbalik di dalam mata kita, dan kita melihat objek-objek pejal yang terpisah di kawasan sekeliling. Daripada corak-corak simulasi pada retina, kita menerima dunia objek-objek, dan ini merupakan suatu keajaiban.* [175]

Situasi yang sama juga berlaku kepada semua pancaindera kita yang lain. Bunyi, sentuhan, rasa dan bau, semuanya telah ditukarkan ke otak sebagai isyarat elektrik dan diterima di pusat otak.

Deria pendengaran juga berlaku dengan cara yang sama. Telinga luar menangkap bunyi-bunyi dengan cuping telinga dan menghantarnya



Apabila kita merasa cahaya dan kepanasan api, tetapi di dalam otak kita adalah gelap gelita dan suhunya tidak pernah berubah.



Serumpun cahaya datang daripada sebuah objek jatuh di atas retina dalam keadaan terbalik. Di sini, imej ini ditukarkan ke isyarat elektrik dan dihantarkan ke pusat penglihatan di bahagian belakang otak. Memandangkan otak adalah kalis daripada cahaya, adalah mustahil bagi cahaya untuk sampai pusat penglihatan. Ini bererti kita melihat dunia luas cahaya di dalam sebuah titik kecil yang kalis daripada cahaya.

ke telinga tengah; telinga tengah memancarkan getaran bunyi kepada telinga dalam dengan menguatkannya; telinga dalam menghantar getaran ini ke otak dengan menukarkannya ke isyarat elektrik. Seperti mata, perbuatan mendengar berakhir di pusat pendengaran di dalam

otak. Otak tidak menerima bunyi seperti mana ia tidak menerima cahaya. Oleh itu, walau sebising mana pun di luar, di dalam otak adalah amat sunyi.

Oleh itu, walau bunyi yang sangat halus sekalipun dapat diterima di dalam otak. Dengan ketepatan seperti ni seorang yang sihat dapat mendengar segala-galanya tanpa bunyi gemeretik atau gangguan. Di dalam otak kamu yang terpisah daripada bunyi, kamu mendengar simfoni sebuah orkestra, mendengar semua bunyi di dalam satu tempat yang sesak, dan menerima semua bunyi-bunyian di dalam frekuensi yang luas, daripada bunyi gerisik sehelai daun sehingga ngauman sebuah jet. Tetapi, sekiranya tahap bunyi di dalam otak kamu disukat dengan satu alat yang sensitif pada waktu tersebut, akan didapati ia berada di dalam keadaan yang paling senyap.

Persepsi bau kita juga terbentuk dengan cara yang sama. Molekul-molekul yang mudah meruap terpancar oleh benda-benda seperti vanila atau sekuntum bunga mawar yang mencecah reseptor di dalam rerambut halus di kawasan epithelium hidung dan terlibat di dalam satu tindak balas. Tindak balas ini dihantar ke otak sebagai isyarat elektrik dan diterima sebagai bau. Semua yang kita hidu, yang wangi atau busuk, tidak lebih daripada penerimaan otak terhadap tindak balas molekul-molekul yang mudah meruap setelah ia ditukarkan menjadi isyarat elektrik. Kamu menerima haruman minyak wangi, sekuntum bunga mawar, makanan yang kamu minati, laut, atau bau-bauan lain yang kamu gemari atau tidak di dalam otak kamu. Molekul-molekul mereka sendiri sebenarnya tidak pernah mencecah otak. Seperti juga dengan cahaya dan bunyi, apa yang sampai ke otak kamu ialah isyarat-isyarat elektrik. Dengan kata lain, semua bau-bauan yang kamu sangkakan kepunyaan objek-objek luar sejak kamu dilahirkan sebenarnya hanyalah isyarat-isyarat elektrik yang kamu rasai melalui organ-organ deria kamu.

Biasanya, terdapat empat jenis reseptor yang berbeza di bahagian depan lidah manusia. Ia mewakili rasa masin, manis, masam, dan pahit. Reseptor rasa kita menukarkan persepsi-persepsi ini kepada isyarat elektrik selepas melalui beberapa proses kimia dan menghantarnya ke







Semua yang kita lihat terbentuk di dalam satu bahagian otak kita yang digelar "pusat penglihatan" di bahagian belakang otak, yang terdiri daripada beberapa kubin sentimeter. Buku yang kamu baca dan lanskap yang kamu lihat apabila kamu menjeling ke arah ufuk termuat di dalam kawasan kecil ini. Oleh itu, kita melihat objek bukan di dalam saiznya yang sebenar wujud di luar, tetapi saiz yang diterima oleh otak kita.

otak. Isyarat-isyarat ini diterima sebagai rasa oleh otak. Rasa yang kamu dapati ketika memakan sebar coklat atau buah-buahan yang kamu gemari adalah tafsiran isyarat-isyarat elektrik oleh otak. Kamu tidak akan dapat mencapai objek di luar, kamu tidak akan dapat melihat, menghidu atau merasa coklat itu sendiri. Sebagai contoh, sekiranya saraf rasa yang bersambung dengan otak kamu terputus, maka tidak satu pun yang kamu makan pada waktu itu akan sampai kepada otak kamu; kamu telah kehilangan deria rasa kamu.

Pada peringkat ini, kita berhadapan dengan satu lagi fakta: Kita tidak dapat memastikan apakah yang kita rasai ketika kita mencuba sejenis makan dan apa yang orang lain rasa apabila mencuba makanan yang sama, atau apa yang kita terima apabila kita mendengar satu bunyi dan apa yang orang lain terima apabila dia mendengar bunyi yang sama, adalah sama. **Lincoln Barnett** menyatakan bahawa tidak seorang pun tahu bagaimana orang lain menerima warna merah atau mendengar not C, seperti yang diterimanya.[176]

Deria sentuhan kita juga tidak berbeza dengan deria-deria yang lain. Apabila kita menyentuh satu objek, semua maklumat-maklumat yang akan membantu kita untuk mengenal pasti dunia luar dan objek-objek telah dihantar ke otak oleh saraf deria di atas kulit. Rasa sentuhan terbentuk di otak kita. Bersalahan dengan kepercayaan ramai, tempat yang kita menerima kesan sentuhan bukannya di hujung jari atau kulit kita tetapi kita menerimanya di pusat sentuhan di dalam otak kita. Hasil daripada tafsiran otak terhadap simulasi elektrik yang datang daripada objek kepadanya, kita merasa sentuhan yang berbeza mewakili objek-objek ini seperti kekerasan atau kelembutan, atau kepanasan atau kesejukan. Kita memperoleh semua maklumat yang membantu kita untuk mengenal pasti sesuatu objek daripada simulasi-simulasi ini. Berkaitan dengan fakta ini, dua orang ahli falsafah yang terkenal, **B. Russell** dan **L. Wittgeinstein** telah memberikan pendapat mereka seperti berikut:



Kita melihat sekeliling kita dalam warna di dalam otak kita, yang gelap gelita, sepertimana taman yang berwarna warni ini dilihat daripada tingkat ini di dalam gelap.

> *Sebagai contoh, sama ada sebiji lemon benar-benar wujud atau tidak dan bagaimana ia dapat wujud tidak dapat dipersoalkan dan dikaji. Sebiji lemon biasanya mengandungi satu rasa yang dikesan dengan lidah, satu bau yang dikesan dengan hidung, satu warna dan bentuk yang dikesan oleh mata; dan hanya sifat-sifat ini sahajalah yang dijadikan subjek pengkajian dan pentafsiran. Sains tidak akan dapat mengetahui dunia fizik.* [177]

Adalah mustahil untuk kita mencapai dunia fizikal. Semua objek-objek di sekeliling kita adalah satu himpunan persepsi seperti melihat, mendengar dan menyentuh. Dengan memproses data-data di pusat penglihatan dan di pusat-pusat deria yang lain, otak kita, melalui hidup kita, tidak berhadapan dengan kewujudan benda "asal" yang berada di luar kita tetapi dengan salinan yang terbentuk di dalam otak kita. Pada peringkat inilah, kita tersalah anggap dengan menyangka bahawa salinan-salinan ini adalah benda-benda asal di luar kita.

"Dunia Luar" Di Dalam Otak Kita

Sebagai hasil daripada fakta-fakta fizik yang telah disebutkan setakat ini, kita dapat membuat kesimpulan seperti berikut: "Semua yang kita lihat, sentuh, dengar, dan terima sebagai benda", "dunia ini", atau "alam semesta", adalah tidak lebih daripada isyarat-isyarat elektrik yang berlaku di dalam otak kita.

Seseorang yang memakan sebiji buah, sebenarnya tidak berhadapan dengan buah tersebut tetapi dengan persepsinya di dalam otak. Objek yang dianggapnya sebagai "buah" oleh individu tersebut sebenarnya adalah teraan elektrik di dalam otak yang berkaitan dengan bentuk, rasa, bau, dan tekstur buah tersebut. Sekiranya, saraf rasa yang bersambung dengan otak diputuskan secara tiba-tiba, imej buah tersebut akan hilang secara mendadak. Atau berlaku pemutusan di dalam saraf yang menghubungkan deria di dalam hidung kepada otak, maka ia akan mengganggu deria bau. Ringkasnya, buah tersebut tidak lebih daripada tafsiran isyarat elektrik yang dilakukan oleh otak.

Satu lagi fakta yang perlu diambil kira iaitu deria jarak. Jarak, seperti jarak di antara kamu dan buku ini, hanyalah satu perasaan kekosongan yang terbentuk di dalam otak kamu. Objek yang kelihatan berjarak pada pandangan seseorang juga wujud di dalam otak. Sebagai contoh, seorang yang melihat bintang-bintang di langit beranggapan bahawa ia terletak berjuta-juta tahun cahaya daripadanya. Tetapi, apa yang "dilhatnya" adalah bintang-bintang di dalam dirinya, di pusat penglihatannya.

Hasil daripada simulasi tiruan, sebuah dunia yang kelihatan betul dan realistik dapat dibentuk di dalam otak kita tanpa kewujudan dunia fizikal. Hasil daripada simulasi tiruan, seseorang mungkin berfikir bahawa dia sedang memandu kereta sedangkan dia sebenarnya sedang duduk di rumah.



Apabila kamu membaca barisan ini, kamu sebenarnya tidak berada di dalam bilik seperti yang kamu jangkakan; tetapi sebenarnya bilik tersebut berada di dalam kamu. Kamu melihat badan kamu dan menyangka kamu berada di dalamnya. Tetapi kamu perlu ingat bahawa badan kamu juga adalah sebuah imej yang terbentuk di dalam otak kamu.

Perkara yang sama berlaku kepada semua persepsi kamu yang lain. Misalnya, apabila kamu fikir kamu mendengar bunyi televisyen di bilik sebelah, kamu sebenarnya mengalami bunyi tersebut di dalam otak kamu. Kamu boleh samada membuktikan bahawa terdapatnya sebuah bilik lain di sebelah kamu, atau membuktikan bahawa bunyi tersebut datang daripada televisyen di bilik itu. Bunyi yang kamu sangka datang beberapa meter daripada kamu dan perbualan seseorang yang hampir dengan kamu telah diterima di dalam pusat pendengaran yang hanya beberapa sentimeter persegi di dalam otak kamu. Di antara ciri pusat

persepsi ini ialah tidak terdapat konsep kanan, kiri, depan atau belakang. Ini bererti bunyi tidak datang kepada kamu dari kanan, kiri atau dari udara; tidak terdapat arah datangnya bunyi.

Bau yang kamu terima juga seperti itu; tidak satu pun yang datang dari jarak yang jauh. Kamu menyangkakan bahawa kesan terakhir yang terbentuk di dalam pusat bau kamu adalah bau objek di luar. Tetapi, seperti imej sekuntum bunga mawar di dalam pusat penglihatan kamu, begitu juga bau bunga mawar ini di dalam pusat bau kamu: tidak ada bunga mawar atau bau yang mewakilinya di luar sana.

"Dunia luar" yang disampaikan kepada kita oleh persepsi kita sebenarnya adalah himpunan isyarat-isyarat elektrik yang sampai ke otak kita. Di dalam hidup kita, isyarat-isyarat ini diproses oleh otak kita dan kita hidup tanpa menyedari bahawa kita telah tersalah apabila menganggap bahawa itu semua adalah visi-visi asal benda yang wujud di dalam "dunia luar". Kita tersalah anggap kerana kita tidak dapat mencapai kebendaan itu sendiri melalui deria-deria kita.

Tamban pula, otak kita sebenarnya yang mentafsirkan dan memberikan makna kepada isyarat-isyarat yang kita anggap sebagai "dunia luar". Sebagai contoh, mari kita perhatikan deria pendengaran. Sebenarnya otak kamu yang mengubah gelombang bunyi di "dunia luar" ini kepada satu simfoni. Dengan kata lain, muzik juga adalah satu persepsi yang dicipta oleh otak. Dengan cara yang sama juga, kita melihat warna, apa yang tiba ke mata kita adalah isyarat elektrik daripada jarak-jarak gelombang yang berbeza. Sekali lagi otak kamu yang menukarkannya kepada warna. Tidak ada sebarang warna di dalam "dunia luar". Sama



Penemuan fizik moden menunjukkan bahawa alam ini adalah satu himpunan persepsi-persepsi. Soalan berikut telah muncul di muka hadapan sebuah majalah Amerika terkenal, New Sceintist yang berkaitan dengan fakta ini pada isu 30 Januari 1999: "Beyond Reality: Is the Universe Really a Frolic of Primal Information and Matter Just a Mirage?"

ada apel merah atau langir biru atau pokok hijau. Semuanya berada seperti itu kerana kita menerimanya untuk menjadi sebegitu. "Dunia luar" bergantung sepenuhnya kepada penerima.

Sedikit kerosakan kecil pada retina mata boleh menyebabkan rabun warna. Setengah orang menerima warna biru sebagai hijau, merah sebagai biru, dan beberapa warna lain sebagai tona-tona kelabu yang berbeza. Pada peringkat ini adalah tidak penting sama ada objek di luar berwarna atau pun tidak.

Seorang pemikir terkenal, **Berkeley** menerangkan fakta ini seperti berikut:

> *Pada mulanya, dipercayai bahawa warna, bau, dan sebagainya adalah "benar-benar wujud", tetapi kemudiannya pandangan ini telah ditolak, dan didapati bahawa ia hanya wujud bergantung kepada pancaindera-pancaindera kita.* [178]

Kesimpulannya, kita melihat satu objek berwarna bukan kerana ia mempunyai warna atau kerana ia mempunyai bahan sokongan kewujudan di luar diri kita. Benda yang sebenar ialah segala kualiti yang kita gambarkan kepada objek-objek sebenarnya berada di dalam diri kita dan bukannya di "dunia luar"

Oleh itu, apa yang tinggal pada "dunia luar"?

Apakah Kewujudan "Dunia Luar" Perlu?

Setakat ini kita telah bercakap berulang kali tentang sebuah "dunia luar" dan sebuah dunia persepsi yang terbentuk di dalam otak kita, yang akhir adalah yang dapat kita lihat. Tetapi memandangkan kita tidak dapat mencapai "dunia luar", jadi bagaimana kita dapat pastikan bahawa dunia seperti itu benar-benar wujud?

Sebenarnya kita tidak boleh. Memandangkan setiap objek hanyalah satu himpunan persepsi dan persepsi-persepsi ini hanya wujud di dalam minda kita, seolah-olah satu-satunya dunia yang betul-betul wujud ialah dunia persepsi. Satu-satunya dunia yang kita tahu ialah dunia yang wujud di dalam minda kita: dunia yang dibentuk, dirakamkan dan dijadikan terang di sini; dunia yang dicipta di dalam minda kita. Hanya

ini dunia yang kita pasti kewujudannya.

Kita tidak akan dapat membuktikan bahawa persepsi yang kita lihat di dalam otak kita mempunyai bahan-bahan yang berkaitan. Persepsi-persepsi ini mungkin datang daripada sumber-sumber "tiruan".

Ia dapat diperhatikan. Simulasi yang salah dapat menghasilkan di dalam otak kita sepenuhnya bayangan "dunia material". Sebagai contoh, mari kita fikirkan tentang sebuah alat rakaman yang dapat merakamkan segala syarat elektrik. Pertama, kita hantarkan semua data-data yang berkaitan dengan sebuah latar (termasuk imej badan) ke alat ini dengan menukarkannya kepada isyarat-isyarat elektrik. Kedua, bayangkan kamu dapat pisahkan otak kamu daripada badan. Akhirnya, kita sambungkan alat perakam ini ke otak dengan elektrod yang berfungsi sebagai saraf dan menghantar data-data yang telah dirakam ke otak. Pada peringkat ini, kamu akan merasa seolah-olah kamu berada di sebuah latar tiruan. Misalnya, kamu dapat memandu laju di lebuh raya. Adalah mustahil untuk memahami bahawa kamu tidak memiliki apa-apa melainkan otak kamu sahaja. Ini kerana apa yang diperlukan untuk mewujudkan sebuah dunia di dalam otak kamu bukannya sebuah dunia yang sebenar, tetapi sebuah simulasi. Tidak mustahil simulasi-simulasi ini datangnya daripada sumber tiruan, seperti sebuah perakam.

Berkaitan dengan perkara ini, seorang falsafah sains, **Bertrand Russell** menulis;

> *Sentuhan yang kita rasa apabila menyentuh meja dengan jari-jemari adalah sebuah gangguan elektrik ke atas elektron dan proton di hujung jari kita, yang terbentuk, menurut ilmu fizik moden, oleh keterhampiran elektron dan proton di dalam meja. Sekiranya gangguan yang sama muncul di dalam hujung jari kita dengan cara lain, kita akan mengalami rasa yang sama, walau pun sebenarnya tidak ada meja.* [179]

Adalah amat mudah bagi kita untuk diperdaya di dalam persepsi pasif seperti betul tanpa sebarang material berkaitan. Kita sering mengalami perasaan ini di dalam mimpi-mimpi kita. Di dalam mimpi, kita mengalami peristiwa, melihat manusia, objek dan latar yang

kelihatan seperti betul. Tetapi, ia tidak lebih daripada persepsi-persepsi. Tidak ada perbezaan asas di antara mimpi dan "dunia sebenar"; kedua-duanya berlaku di dalam otak.

Siapa Penerima?

Seperti yang telah kita lihat setakat ini, tidak dapat diragui kenyataan bahawa dunia yang kita sangkakan kita mendiaminya dan kita menggelarnya "dunia luar" telah dicipta di dalam otak kita. Tetapi di sini timbul beberapa persoalan penting: Sekiranya semua peristiwa-peristiwa fizikal yang kita ketahui adalah semata-mata persepsi, bagaimana dengan otak kita? Memandangkan otak kita juga adalah sebahagian daripada dunia fizikal seperti tangan, kaki, atau objek-objek lain, ia juga sepatutnya adalah sebuah persepsi, seperti objek-objek lain.

Sebuah contoh tentang mimpi dapat menerangkan subjek ini dengan lebih jelas. Mari kita anggarkan kita melihat mimpi di dalam otak kita berdasarkan apa yang telah kita perkatakan setakat ini. Di dalam mimpi kita akan memiliki badan khayalan, tangan khayalan, mata khayalan, dan otak khayalan. Sekiranya ketika bermimpi kita di tanya, "Di mana kamu melihat?", kita akan menjawab, "Saya melihat di dalam otak". Tetapi, sebenarnya tidak ada otak untuk diperkatakan, tetapi hanya kepala dan otak khayalan. Yang melihat imej tersebut bukannya otak khayalan di dalam mimpi, tetapi satu "kewujudan" yang jauh lebih "tinggi".

Kita tahu tidak ada perbezaan fizikal di antara latar sebuah mimpi dan latar yang kita namakan dunia sebenar. Oleh itu, apabila kita ditanya di latar yang kita gelar dunia sebenar soalan di atas, "di mana kamu melihat", adalah tidak bererti sekiranya kita menjawab "di dalam otak saya" seperti contoh di atas. Di dalam kedua-dua keadaan, entiti yang melihat dan menerima bukannya otak, yang hanya merupakan selonggok daging.

Apabila otak di analisis, nampaknya tidak ada apa pun di dalamnya melainkan molekul-molekul lipid dan protein, yang juga wujud di dalam organisma-organisma lain. Ini bererti di dalam secebis daging yang kita

gelar "otak", tidak ada sebarang benda untuk melihat imej, untuk membentuk kesedaran, atau untuk menjadikan kewujudan yang kita panggil "diri sendiri".

R.L. Gregory merujuk kepada kesilapan masyarakat lakukan berkaitan dengan persepsi imej di dalam otak:

Terdapat satu pandangan yang perlu dijauhi, iaitu dengan mengatakan bahawa mata menghasilkan gambaran di dalam otak. Sebuah gambar di dalam otak memerlukan semacam mata dalaman untuk melihatnya – tetapi ini memerlukan satu mata tambahan lain pula untuk melihat gambarnya... dan demikianlah berterusan kemunduran mata dan gambar. Ini semua adalah mustahil. [180]



Keadaan inilah yang meletakkan para materialis yang tidak menerima perkara lain melainkan kebendaan sebagai benar, di dalam kebingungan. Kepunyaan siapakan "mata dalaman" yang melihat, yang menerima apa yang ia lihat dan bertidak balas?

Karl Pribram juga menumpukan kepada persoalan penting ini di dalam dunia sains dan falsafah tentang siapakah yang menerima:

*Sejak zaman Greek, para ahli falsafah telah memikirkan tentang "hantu di dalam mesin", "manusia kecil di dalam manusia kecil" dan sebagainaya. Di manakah "saya", orang yang menggunakan otaknya? Siapakah yang merealisasikan perbuatan mengetahui? Seperti yang dinyatakan oleh **Saint Francis** dari Assisi*, "kita mengkaji apa yang kita lihat".*[181]

Sekarang fikirkan: Buku di dalam tangan kamu, bilik di mana kamu berada, ringkasnya, semua imej di hadapan kamu dilihat di dalam otak kamu. Apakah atom-atom yang melihat imej-imej ini? Atom-atom yang buta, tuli dan mati? Mengapa sebahagian atom memperolehi kualiti-kualiti ini sementara yang lain tidak? Apakah perbuatan kita berfikir, memahami, mengingati, gembira, sedih, dan sebagainya mengandungi reaksi-reaksi elektrokimia di antara atom-atom ini?

* *Assisi – nama sebuah bandar di Umbria, kawasan tengah Itali, tempat kelahiran St. Francis*

Otak adalah himpunan molekul-molekul protein dan lemak. Ia terbentuk daripada saraf-saraf sel yang digelar neuron. Tidak ada sebarang kuasa pada secebis daging ini untuk melihat imej, untuk membentuk kesedaran, atau untuk menjadikan kewujudan yang kita panggil "diriku".

Apabila kita memikirkan persoalan-persoalan ini, kita akan mendapati bahawa tidak ada deria dalam mencari kehendak di dalam atom. Jelas bahawa kewujudan yang melihat, mendengar, dan merasa adalah melampaui kewujudan kebendaan. Kewujudan ini "hidup" dan ia bukannya kebendaan atau pun imej kebendaan. Kewujudan ini bersekutu dengan persepsi di hadapannya dengan menggunakan imej badan kita.

Kewujudan ini adalah "roh".

Agregat persepsi-persepsi ini yang kita gelar "dunia material" adalah sebuah mimpi yang dialami oleh roh ini. Seperti badan yang kita miliki dan dunia material yang kita lihat di dalam mimpi kita adalah tidak benar, alam semesta yang kita diami dan tubuh badan yang kita miliki juga tidak mempunyai realiti material.

Kewujudan yang sebenar ialah roh. Kebendaan hanya mempunyai persepsi-persepsi yang dilihat oleh roh. Kewujudan bijak yang menulis dan membaca barisan-barisan ini bukan hanya sebuah himpunan atom-atom dan molekul-molekul – dan reaksi kimia di antaranya – tetapi sebuah "roh".

Kewujudan Yang Sebenar

Semua fakta-fakta ini telah membawa kita untuk berhadapan

dengan sebuah persoalan yang amat penting. Sekiranya semua benda yang kita ketahui sebagai dunia material terdiri daripada persepsi-persepsi yang dilihat oleh roh kita, oleh itu, apakah sumber persepsi-persepsi ini?

Untuk menjawab persoalan tersebut, kita perlu mengambil kira fakta berikut: benda tidak mempunyai sebuah kawalan-kewujudan-sendiri oleh dirinya sendiri. Memandangkan benda ini adalah satu persepsi, oleh itu ia adalah sesuatu yang "tiruan". Iaitu, persepsi-persepsi ini tentunya telah disebabkan oleh kuasa lain, dengan kata lain ia pasti telah dijadikan. Tambahan pula penciptaan ini berterusan. Sekiranya tidak ada penciptaan yang berterusan dan konsisten, maka apa yang kita gelar kebendaan ini akan hilang dan lenyap. Ia seperti sebuah televisyen yang gambarnya terus dimainkan selagi isyaratnya terus dipancarkan. Jadi, siapakah yang membuatkan roh kita melihat bintang-bintang, bumi, tumbuh-tumbuhan, manusia, tubuh kita dan semua yang kita lihat?

Ini membuktikan dengan jelas kewujudan seorang Pencipta Yang Agung, Yang telah menjadikan seluruh alam material, iaitu, sejumlah persepsi-persepsi, dan Yang meneruskan penciptaan-Nya tanpa henti. Memandangkan Pencipta ini menunjukkan satu penciptaan yang menakjubkan, tentunya dia mempunyai kekuasaan dan kekuatan yang maha hebat.

Dia telah menurunkan sebuah kitab dan melalui kitab ini Dia telah menceritakan Dirinya, alam semesta ini dan tujuan kewujudan kita.

Pencipta ini ialah **Allah**, dan kitab tersebut ialah **Al-Quran**.

Kenyataan bahawa langit dan bumi ini, iaitu alam semesta ini adalah tidak stabil, bahawa kehadiran mereka ini adalah kerana penciptaan Allah dan mereka akan hilang apabila Dia menghentikan penciptaan-Nya, segalanya telah dijelaskan di dalam ayat berikut:

إِنَّ ٱللَّهَ يُمْسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ أَن تَزُولَا ۚ وَلَئِن زَالَتَآ إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ
أَحَدٍ مِّنۢ بَعْدِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤١﴾

Sesungguhnya Allah menahan dan memelihara langit dan bumi supaya tidak berganjak dari peraturan dan keadaan yang ditetapkan baginya; dan jika keduanya (ditakdirkan) berganjak maka tidak ada sesiapapun yang dapat menahannya daripada berlaku demikian selain dari Allah. Sesungguhnya Ia Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun. (Surah Fatir:41)

Seperti yang telah kami sebutkan sejak awal lagi, sebahagian manusia tidak mempunyai pemahaman yang tepat tentang Allah dan mereka membayangkan seolah-olah Allah itu berada di atas langit dan tidak campur tangan di dalam urusan-urusan keduniaan. Asas anggapan ini adalah berdasarkan kepercayaan bahawa alam semesta ini adalah sebuah himpunan kebendaan dan Allah berada "di luar" daripada dunia material ini, berada di sebuah tempat yang jauh. Di dalam beberapa agama yang menyeleweng, kepercayaan terhadap Allah adalah terhad kepada pemahaman ini.

Bagaimana pun, seperti yang telah kita bincangkan setakat ini, kebendaan hanya terdiri daripada sensasi-sensasi. Dan satu-satunya kewujudan yang sebenar ialah Allah. Ini bererti hanya Allah sahaja yang wujud: segalanya kecuali Dia adalah kewujudan bayangan. Oleh itu, adalah mustahil untuk membayangkan Allah sebagai satu kewujudan yang keseluruhannya berbeza daripada jisim kebendaan. Semestinya Allah berada "di mana-mana" dan melingkungi semua. Realiti ini telah dijelaskan di dalam al-Quran seperti berikut:

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَهُ مَا فِي
السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۚ يَعْلَمُ
مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ۖ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ
الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang

Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya). (Surah Al-Baqarah:255)

Kenyataan bahawa Allah tidak tersekat dengan ruang dan bahawa Dia merangkumi segala-galanya telah dinyatakan di dalam ayat lain seperti berikut:

وَلِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ ۚ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ
وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredhai Allah; sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi sentiasa Mengetahui. (Surah Al-Baqarah:115)

Memandangkan kewujudan kebendaan hanyalah sebuah persepsi, maka mereka tidak dapat melihat Allah; tetapi Allah dapat melihat benda yang telah dijadikannya di dalam apa juga bentuk. Di dalam al-Quran, fakta ini telah dijelaskan seperti berikut:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ ۖ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

Ia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Ia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata), dan Dia lah Yang Maha Halus (melayan hamba-hamba-Nya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya. (Surah Al-Anaam:103)

Oleh itu, kita tidak dapat menerima kewujudan Allah dengan mata kita, tetapi Allah meliputi dalaman kita, luaran, penglihatan dan pemikiran. Kita tidak dapat melafazkan sepatah perkataan tanpa pengetahuan-Nya, begitu juga apabila kita menarik nafas.

Apabila kita menyaksikan persepsi-persepsi deria di dalam kehidupan kita, kewujudan yang paling hampir dengan kita bukannya deria-deria ini, tetapi Allah. Rahsia ayat berikutnya di dalam al-Quran menerangkan realiti ini:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِ نَفْسُهُ ۖ وَنَحْنُ أَقْرَبُ
إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ ﴿١٦﴾

Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya, (Surah Qaff:16)

Apabila seseorang menyangka bahawa badannya diperbuat daripada "benda", dia tidak dapat memahami hakikat penting ini. Sekiranya dia mengambil otaknya sebagai "dirinya", maka kawasan luar yang dianggarkannya adalah 20-30 cm daripada dirinya. Tetapi apabila dia menerima bahawa tiada apa-apa pada kebendaan, dan semuanya adalah khayalan, konsep luar, dalam, atau dekat telah kehilangan maknanya. Allah telah melingkunginya dan Dia "sangat hampir" kepadanya.

Allah memaklumkan kepada manusia bahawa Dia "sangat hampir" kepada mereka di dalam ayatnya berikut:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ

Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka). (Surah Al-Baqarah:186)

Ayat lain juga menerangkan fakta yang sama seperti berikut:

وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِالنَّاسِ

Dan (ingatlah) ketika Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), bahawa sesungguhnya Tuhanmu meliputi akan manusia (dengan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya. (Surah Al-Isra:60)

Manusia tersalah apabila menyangkakan bahawa kewujudan yang paling hampir dengannya ialah dirinya. Sebenarnya, Allah lebih hampir kepada kita lebih daripada diri kita sendiri. Allah menjelaskan fakta ni di dalam ayat-Nya:

فَلَوْلَا إِذَا بَلَغَتِ الْحُلْقُومَ ﴿٨٣﴾ وَأَنتُمْ حِينَئِذٍ تَنظُرُونَ ﴿٨٤﴾ وَنَحْنُ
أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنكُمْ وَلَٰكِن لَّا تُبْصِرُونَ ﴿٨٥﴾

Maka alangkah eloknya kalau semasa (roh seseorang dari kamu yang hampir mati) sampai ke kerongkongnya, Sedang kamu pada masa itu (berada di sekelilingnya) menyaksikan keadaannya, Dan Kami lebih dekat kepadanya daripada kamu, tetapi kamu tidak melihat. (Surah Al-Waqi'ah:83-85)

Seperti yang dijelaskan di dalam ayat di atas, manusia tidak menyedari fenomena ini kerana mereka tidak melihatnya sendiri.

Dari segi lain pula, adalah mustahil bagi manusia, yang tidak lebih daripada kewujudan khayalan, untuk mempunyai kekuasaan dan kehendak melebihi Allah. Ayat al-Quran;

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

"Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!" (Surah As-Saaffat:96)

menunjukkan bahawa segala apa yang kita alami berlaku di bawah kawalan Allah. Di dalam al-Quran realiti ini dinyatakan di dalam ayat;

وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ رَمَىٰ

Dan bukanlah engkau (wahai Muhammad) yang melempar ketika engkau melempar, akan tetapi Allah jualah yang melempar (untuk membinasakan orang-orang kafir), (Surah Al-Anfal:17)

Ia menjelaskan bahawa tidak ada perbuatan yang bebas daripada Allah. Memandangkan manusia hanyalah kewujudan bayangan, maka adalah mustahil bagi dirinya untuk melakukan perbuatan melempar itu sendiri. Tetapi Allah memberikan bayangan ini perasaan untuk merasa sendiri. Realitinya, Allah yang menjalankan semua perbuatan. Oleh itu, apabila seseorang yang merasakan perbuatannya adalah miliknya, ternyata dia hanya menipu dirinya sendiri.

Inilah hakikatnya. Seseorang mungkin tidak mahu menerimanya dan mungkin merasakan bahawa dirinya tidak bergantung kepada Allah; tetapi ia tidak akan mengubah apa-apa. Dan tentunya penafian yang bodoh ini adalah di dalam kehendak dan iradat Allah.

Segala Yang Kamu Miliki Adalah Ilusi

Telah menjadi satu fakta sains dan mantik bahawa "dunia luar" tidak mempunyai realiti material dan ia hanyalah satu himpunan imej-imej yang Allah perlihatkan kepada roh kita. Namun begitu, manusia tidak termasuk atau tidak mahu termasuk di dalam konsep "dunia luar".

Sekiranya kamu memikirkan isu in dengan jujur dan berani, kamu akan menyedari bahawa rumah kamu, semua perabot yang berada di

dalamnya, kereta kamu – yang mungkin baru dibeli, pejabat kamu, barang kemas, akaun bank, almari pakaian, teman hidup, anak-anak, rakan-rakan, dan segala yang kamu miliki sebenarnya termasuk di dalam khayalan dunia luar ini yang ditayangkan kepada kamu. Apa yang kamu lihat, dengar, dan bau yang kamu terima dengan pancaindera yang lima di sekeliling adalah sebahagian daripada "dunia khayalan" ini, begitu juga dengan suara penyanyi pujaan kamu, kekerasan kerusi yang kamu duduki sekarang, minyak wangi yang kamu gemari, matahari yang memanaskan kamu, sekuntum bunga dengan warna yang menarik, seekor burung yang terbang di hadapan tingkap kamu, sebuah bot laju yang bergerak lincah di atas air, taman kamu yang subur, komputer yang



Jika seseorang merenung sedalamnya tentang semua yang telah diperkatakan di sini, dia dengan sendirinya akan dapat mengenal pasti situasi yang luar biasa ini: iaitu semua peristiwa-peristiwa di dunia ini hanyalah imaginasi

kamu gunakan di tempat kerja, atau hi-fi yang mempunyai teknologi tercanggih di dunia...

Ini adalah kebenaran, kerana dunia hanyalah sebuah himpunan imej-imej yang dijadikan untuk menguji manusia. Manusia diuji melalui kehidupannya yang terhad dengan persepsi-persepsi yang tidak benar. Persepsi-persepsi ini telah dijadikan menarik dan menawan. Kenyataan ini telah disebutkan di dalam al-Quran:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنطَرَةِ مِنَ
الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ
الدُّنْيَا ۖ وَاللَّهُ عِندَهُ حُسْنُ الْمَآبِ ﴿١٤﴾

Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga). (Surah Ali Imran:14)

Kebanyakan manusia mengesampingkan agama mereka ke tepi demi tarikan harta benda, kekayaan, longgokan emas dan perak, wang ringgit, barang kemas, akaun bank, kad kredit, almari yang penuh dengan pakaian, model kereta terkini, ringkasnya, segala bentuk harta benda yang mereka miliki atau berusaha untuk memilikinya dan mereka hanya menumpukan kepada dunia ini dan mengabaikan hari kemudian. Mereka telah tertipu dengan "kecantikan dan keindahan" wajah kehidupan dunia ini, sehingga gagal untuk mendirikan sembahyang, menderma kepada orang-orang miskin, dan mengerjakan ibadat sehingga menyebabkan mereka mara di hari kemudian nanti dengan berkata (berdalih) "saya ada kerja lain yang perlu dibuat", "saya ada idea", "saya ada tanggungjawab", "saya tidak mempunyai masa yang

mencukupi", "saya ada perkara yang perlu diselesaikan", "saya akan melakukannya kemudian hari". Mereka menggunakan seluruh hidup mereka untuk maju di dunia ini sahaja. kesalahfahaman ini telah dijelaskan di dalam ayat;

> **Mereka hanya mengetahui perkara yang zahir nyata dari kehidupan dunia sahaja, dan mereka tidak pernah ingat hendak mengambil tahu tentang hari akhirat (Surah Ar-Ruum:7),.**

يَعْلَمُونَ ظَاهِرًا مِّنَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَهُمْ عَنِ ٱلْآخِرَةِ هُمْ
غَٰفِلُونَ ٧

Fakta yang kami terangkan di dalam bab ini, terutamanya fakta bahawa segalanya adalah imej, adalah amat penting kerana implikasinya yang menjadikan semua keghairahan dan sempadan tidak bererti. Pengesahan terhadap hakikat ini menunjukkan dengan jelas bahawa segala yang manusia miliki atau berusaha untuk memilikinya, seperti kekayaan yang diperolehi dengan ketamakan, anak-anak mereka yang mereka merasa mengah dengannya, pasangan hidup mereka yang mereka anggap sebagai yang paling rapat dengan mereka, rakan-rakan mereka, tubuh-tubuh mereka yang disayangi, kedudukan mereka yang meletakkan mereka di tempat yang tinggi, sekolah-sekolah yang mereka masuki, percutian-percutian yang telah mereka lalui, semuanya tidak lebih daripada ilusi. Oleh itu, segala usaha yang dilakukan, waktu yang telah habiskan, dan perasaan tamak terbukti sebagai tidak berguna.

Kerana itu sebahagian manusia memperbodohkan diri mereka sendiri apabila mereka bermegah dengan kekayaan dan harta mereka atau dengan "kapal layar, helikopter, kilang-kilang, saham-saham, rumah-rumah mewah dan tanah" seolah-olah mereka benar-benar wujud. Mereka yang terdiri daripada golongan berada yang berjalan mundar-mandir di atas kapal layar mereka dengan megah, menayang-nayangkan kereta mereka, asyik memperkatakan tentang kekayaan mereka,

menyangka bahawa kedudukannya adalah lebih tinggi daripada orang lain dan asyik merasakan bahawa mereka telah berjaya kerana semua ini, patut memikirkan di manakah kedudukan mereka apabila mereka menyedari bahawa kejayaan mereka tidak lebih daripada sebuah ilusi sahaja.

Sebenarnya, pemandangan-pemandangan ini telah dilihat beberapa kali di dalam mimpi. Di dalam mimpi mereka, mereka juga mempunyai rumah, kereta laju, barang kemas yang melimpah ruah, wang yang bergulung-gulung, dan emas dan perak yang menggunung. Di dalam mimpi-mimpi mereka, mereka juga berada di satu kedudukan yang tinggi, memiliki kilang-kilang dengan beribu-ribu pekerja, mempunyai kuasa untuk memerintah ramai orang, memakai pakaian yang menyebabkan orang lain tertarik dengannya... Sebagaimana seseorang itu dianggap mengarut kerana bermegah dengan kedudukannya di dalam mimpinya, begitu juga mereka yang merasa gah dengan imej-imej yang mereka lihat di dunia ini. Lagi pun, apa yang dilihatnya di dalam mimpinya dan apa yang dialaminya di dalam dunia ini hanyalah imej-imej di dalam mindanya.

Begitu juga bagaimana manusia bertindak balas dengan peristiwa-peristiwa yang mereka alami di dunia ini hanya akan menyebabkan mereka merasa malu apabila mengetahui hakikat sebenar. Mereka yang sering bergaduh sesama sendiri, mereka yang bercakap sombong, mereka yang sering menipu, mereka yang menerima rasuah, mereka yang melakukan kesalahan kepada manusia, mereka yang memukul dan memaki hamun orang lain, serangan yang mendera, mereka yang terlalu ghairah dengan jawatan dan kedudukan, mereka yang sering iri hati, mereka yang suka menunjuk-nunjuk, mereka yang memuliakan diri sendiri dan yang sebagainya akan menyesal apabila mereka menyedari bahawa mereka telah melakukan ini semua di dalam mimpi.

Disebabkan Allah yang menjadikan semua imej-imej ini, maka Allah jugalah Pemilik Tunggal semuanya ini. Kenyataan ini ditegaskan di dalam al-Quran:

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُحِيطًا (١٢٦)

Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi; dan Allah sentiasa Meliputi (pengetahuanNya dan kekuasaanNya) akan tiap-tiap sesuatu. (Surah An-Nisaa:126)

Adalah amat bodoh untuk mengetepikan agama demi mengejar keghairahan khayalan sehingga menyebabkan kehilangan kehidupan yang lebih berkat di Syurga.

Pada peringkat ini, satu fakta perlu ditegaskan: bukanlah yang dimaksudkan di sini bahawa kenyataan yang kamu hadapi menunjukkan bahawa "segala pemilikan, harta, anak-anak, pasangan hidup, rakan-rakan, kedudukan yang lambat laun akan hilang, dan semuanya ini" tidak bererti. Tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah "segala harta yang kamu lihat sebenarnya tidak wujud sama sekali, tetapi ia hanyalah sekadar sebuah mimpi dan himpunan imej-imej yang ditunjukkan kepada kamu oleh Allah untuk menguji kamu". Seperti yang dapat kamu saksikan terdapat perbezaan yang besar di antara kedua-dua kenyataan ini.

Walau pun seseorang tidak mahu mengambil kisah dengan fakta ini dan menipu dirinya dengan menganggap semua yang dimilikinya benar-benar wujud, tetapi dia akhirnya akan mati dan di hari kemudian dia akan menyedari dengan sejelas-jelasnya bahawa dia sebenarnya telah dijadikan. Pada hari tersebut, *lalu pandanganmu pada hari ini menjadi tajam (dapat menyaksikan dengan jelasnya perkara-perkara hari akhirat)". (Surah Qaff:22)*, dan dia akan dapat melihat segala-galanya dengan lebih jelas. Tetapi sekiranya dia menghabiskan seluruh hidupnya mengejar matlamat-matlamat khayalan, maka dia akan berharap untuk tidak meninggalkan kehidupannya dan berkata:

يَا لَيْتَهَا كَانَتِ الْقَاضِيَةَ (٢٧) مَا أَغْنَىٰ عَنِّي مَالِيَهْ (٢٨) هَلَكَ
عَنِّي سُلْطَانِيَهْ (٢٩)

> **"Alangkah baiknya kalau kematianku di dunia dahulu, menjadi kematian pemutus (yang menamatkan kesudahanku, tidak dibangkitkan lagi); "Harta kekayaanku tidak dapat menolongku sedikitpun; Kuat kuasaku (dan hujjah-hujjahku membela diri), telah binasa dan hilang lenyap dariku". (Surah Haaqah:27-29)**

Dari segi lain, apa yang perlu dilakukan oleh orang yang bijak ialah cuba memahami hakikat alam semesta di dunia ini, sementara dia masih ada masa. Jika tidak, dia hanya akan menghabiskan seluruh hidupnya mengejar mimpi-mimpi dan akhirnya berhadapan dengan penamat yang mengecewakan. Di dalam al-Quran keadaan orang-orang yang mengejar ilusi-ilusi (atau fatamorgana) di dunia ini dan melupakan Pencipta mereka, telah dijelaskan seperti berikut:

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَعْمَٰلُهُمْ كَسَرَابٍۭ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ ٱلظَّمْـَٔانُ مَآءً حَتَّىٰٓ إِذَا
جَآءَهُۥ لَمْ يَجِدْهُ شَيْـًٔا وَوَجَدَ ٱللَّهَ عِندَهُۥ فَوَفَّىٰهُ حِسَابَهُۥ ۗ وَٱللَّهُ سَرِيعُ
ٱلْحِسَابِ ﴿٣٩﴾

> **Dan orang-orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju ke arahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; (demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan ia tetap mendapati hukum Allah di sisi amalnya, lalu Allah meyempurnakan hitungan amalnya (serta membalasnya); dan (ingatlah) Allah Amat segera hitungan hisab-Nya. (Surah An-Nuur:39)**

Bagi kamu, realiti ialah sesuatu yang boleh disentuh dengan tangan dan dilihat dengan mata. Di dalam mimpi kamu juga dapat "menyentuh dengan tangan kamu dan melihat dengan mata kamu", tetapi realitinya, kamu tidak mempunyai tangan atau mata, tidak ada sesuatu pun yang boleh dilihat dan disentuh. Tidak ada realiti material yang membuatkan perkara-perkara ini berlaku kecuali otak. Kamu sebenarnya telah tertipu.

Apakah yang memisahkan kehidupan yang sebenar dan mimpi? Kedua-duanya diwujudkan di dalam otak. Sekiranya kita dapat hidup senang di dalam dunia palsu ketika bermimpi, perkara yang sama boleh berlaku di dunia yang kita diami ini. Apabila kita terjaga daripada mimpi, tidak ada sebab untuk kita tidak merasakan bahawa kita telah memasuki sebuah mimpi yang panjang yang kita namakan "kehidupan sebenar". Kita menganggap mimpi adalah sesuatu yang palsu dan dunia ini sebagai benar adalah kesan daripada kebiasaan dan prejudis. Ini menunjukkan bahawa kita mungkin akan benar-benar terjaga dari kehidupan di bumi yang kita sangka kita sedang tinggal di dalamnya sekarang, seperti mana kita terjaga daripada sebuah mimpi.

Kecacatan Logik Materialis

Pada permulaan bab ini lagi telah dinyatakan bahawa kebendaan bukan kewujudan yang sebenar seperti yang didakwa oleh para materialis, tetapi sebaliknya ia adalah satu himpunan deria-deria yang Allah jadikan. Para materialis menentang bermati-matian realiti bukti yang akan memusnahkan falsafah mereka dan mengemukakan satu percanggahan yang tidak berasas.

Sebagai contoh, salah seorang pembela falsafah materialistik yang terbesar di dalam abad ke-20, seorang yang bersemangat Marxis, **George Politzer**, memberikan "contoh bas" sebagai "bukti paling hebat" terhadap kewujudan kebendaan. Menurut Politzer, ahli-ahli falsafah yang menyatakan bahawa kebendaan adalah sebuah persepsi juga melarikan diri apabila mereka melihat bas dan ini merupakan bukti kewujudan fizikal kebendaan.[182]

Apabila seorang lagi materialis, **Johnson**, diberitahu bahawa kebendaan adalah sebuah himpunan persepsi-persepsi, beliau cuba "membuktikan" kewujudan fizikal seketul batu dengan menendangnya.[183]

Sebuah contoh yang sama telah diberikan oleh **Friedrich Engels**, mentor Politzer dan pengasas materialisme akliah bersama dengan Marx, yang telah menulis "sekiranya kek yang kita makan adalah sebuah

persepsi, ia tidak akan dapat menghilangkan kelaparan kita".[184]

Tedapat beberapa contoh dan kenyataan seperti "kamu akan memahami kewujudan kebendaan apabila kamu ditempeleng di muka", di dalam buku-buku para materialis yang terkenal seperti Marx, Engels, Lenin dan lain-lain.

Pemahaman yang salah yang memberi ruang kepada contoh-contoh para materialis ini ialah tafsiran mereka yang menjelaskan "kebendaan sebagai sebuah persepsi" sebagai "kebendaan sebagai satu penipuan cahaya". Mereka beranggapan bahawa konsep persepsi hanya berkaitan dengan tanda dan persepsi seperti menyentuh yang mempunyai kaitan fizikal. Sebuah bas yang melanggar seorang lelaki menyebabkan mereka menyatakan "Lihat, ia berlanggar, oleh itu, ia bukannya sebuah persepsi". Apa yang mereka tidak fahami ialah semua persepsi yang dialami ketika sebuah bas berlanggar seperti kekerasan, pertembungan dan kesakitan telah terbentuk di otak.

Contoh Mimpi

Contoh terbaik untuk menjelaskan realiti ini ialah mimpi. Seseorang dapat mengalami satu peristiwa dengan begitu realistik di dalam mimpinya. Dia boleh jatuh daripada tangga dan patah kaki, mengalami kemalangan kereta yang teruk, terperangkap di bawah bas, atau makan kek dan merasa kenyang. Peristiwa-peristiwa yang dialami di dalam kehidupan seharian kita juga dialami di dalam mimpi dengan keyakinan dan perasaan yang sama kepada kita.

Seorang lelaki yang bermimpi dirempuh oleh sebuah bas mungkin akan terjaga di sebuah hospital yang juga di dalam mimpi dan menyedari bahawa dia telah lumpuh, tetapi ini hanyalah sebuah mimpi. Dia juga mungkin bermimpi bahawa dia telah mati di dalam sebuah kemalangan kereta dan malaikat telah mengambil nyawanya, dan kehidupannya di hari kemudian telah bermula. (Peristiwa ini juga berlaku dengan keadaan yang sama di dalam kehidupan ini, yang hanya merupakan sebuah persepsi sama seperti mimpi.)

DUNIA DALAM MIMPI

Bagi kamu, realiti ialah sesuatu yang boleh disentuh dengan tangan dan dilihat dengan mata. Di dalam mimpi kamu juga dapat "menyentuh dengan tangan kamu dan melihat dengan mata kamu", tetapi realitinya, kamu tidak mempunyai tangan atau mata, tidak ada sesuatu pun yang boleh dilihat dan disentuh. Tidak ada realiti material yang membuatkan perkara-perkara ini berlaku kecuali otak. Kamu sebenarnya telah tertipu.

Apakah yang memisahkan kehidupan yang sebenar dan mimpi? Kedua-duanya diwujudkan di dalam otak. Sekiranya kita dapat hidup senang di dalam dunia palsu ketika bermimpi, perkara yang sama boleh berlaku di dunia yang kita diami ini. Apabila kita terjaga daripada mimpi, tidak ada sebab untuk kita tidak merasakan bahawa kita telah memasuki sebuah mimpi yang panjang yang kita namakan "kehidupan sebenar". Kita menganggap mimpi kita adalah sesuatu yang palsu dan dunia ini sebagai benar adalah hasil daripada kebiasaan dan prejudis. Ini menunjukkan bahawa kita mungkin akan benar-benar terjaga dari kehidupan di bumi yang kita sangkakan kita sedang tinggal di dalamnya sekarang, seperti mana kita terjaga daripada sebuah mimpi.



Lelaki ini menerima dengan jelas imej, bunyi, rasa kekerasan, cahaya, warna dan semua perasaan yang berkaitan dengan peristiwa yang dialaminya di dalam mimpinya. Persepsi yang diterimanya di dalam mimpi adalah natural sama seperti yang berada di kehidupan "asal". Kek yang dimakannya di dalam mimpi mengenyangkannya walaupun ia hanyalah sebuah persepsi, kerana merasa kenyang juga

adalah sebuah persepsi. Tetapi, di dalam realiti, lelaki ini sedang berbaring di atas katilnya. Tidak ada tangga, tidak ada trafik, tidak ada bas untuk dilihat. Lelaki yang bermimpi ini mengalami dan melihat persepsi-persepsi dan perasaan-perasaan yang tidak wujud di dunia luar. Kenyataan bahawa di dalam mimpi, kita mengalami, melihat dan merasa peristiwa tanpa hubungan dengan "dunia luar", menunjukkan dengan jelas bahawa "dunia luar" hanya mengandungi persepsi-persepsi.

Mereka yang mempercayai falsafah materialis, dan Marxis, akan marah apabila mereka diberitahu tentang realiti ini, intipati sebenar kebendaan. Mereka akan memetik contoh-contoh daripada pemikiran dangkal Marx, Engels, atau Lenin dan memberikan pengakuan yang emosional.

Bagaimana pun, mereka juga perlu berfikir bahawa mereka juga boleh membuat pengakuan ini di dalam mimpi mereka. Di dalam mimpi, mereka juga boleh membaca *"Das Kapital"*, menyertai perjumpaan, bertempur dengan polis, dipukul di kepala, dan lebih lagi, merasai kesakitan luka tersebut. Apabila mereka ditanya di dalam mimpi-mimpi mereka, mereka akan merasakan bahawa apa yang telah mereka alami di dalam mimpi juga terdiri daripada "kebendaan". Tetapi, apa yang ada di dalam mimpi-mimpi mereka dan di dalam kehidupan seharian mereka, segala apa yang mereka lihat, alami, atau rasa hanya terdiri daripada persepsi-persepsi.

Contoh Sambungan Saraf Selari

Mari kita kaji contoh perlanggaran kereta Politzer: Di dalam kemalangan ini, sekiranya saraf lelaki yang dirempuh ini bergerak daripada pancainderanya yang lima ke otak, disambungkan kepada orang lain, sebagai contoh ke otak Politzer, dengan sambungan yang selari, pada waktu bas tersebut merempuh lelaki itu, ia juga akan melanggar Politzer, yang pada waktu itu sedang duduk di rumahnya. Dengan kata lain, segala perasan yang dialami oleh lelaki yang dilanggar ini akan dirasai juga oleh Politzer, seperti sebuah lagu yang didengar

daripada kedua buah pembesar suara berlainan yang disambungkan ke alat perakam yang sama. Politzer akan merasa, mendengar, dan mengalami bunyi brek bas, sentuhan bas pada badannya, imej lengan yang patah dan darah yang mengalir keluar, kesakitan patah, imej dia memasuki bilik operasi, kekerasan pembalut plaster, dan ketidakupayaan tangannya.

Sesiapa sahaja yang disambungkan dengan saraf lelaki ini secara selari akan mengalami kemalangan daripada awal hingga akhir seperti yang telah dirasai oleh Politzer. Sekiranya lelaki yang ditimpa kemalangan ini berada di dalam keadaan koma, mereka juga akan berada di dalam keadaan koma. Lebih daripada itu, sekiranya semua persepsi yang berkaitan dengan kemalangan kereta ini dirakamkan di dalam sebuah alat dan semua persepsi ini dipindahkan kepada seseorang, maka bas tersebut akan merempuhnya berulang-ulang kali.

Jadi, bas manakah yang merempuh mereka ini adalah betul? Falsafah materialis tidak mempunyai jawapan yang konsisten terhadap soalan ini. Jawapan yang tepat ialah mereka mengalami peristiwa kemalangan kereta ini di dalam minda mereka sahaja.

Prinsip yang sama berlaku kepada contoh-contoh kek dan batu. Sekiranya organ saraf Engels, yang merasa kenyang dan berisi kek di dalam perutnya selepas memakan kek, disambungkan ke otak orang kedua secara selari, orang tersebut juga akan merasa berisi apabila Engels memakan kek dan merasa kenyang. Sekiranya saraf Johnson, yang merasa sakit pada kakinya apabila menyepak seketul batu, disambungkan ke otak orang kedua, orang tersebut juga akan merasa kesakitan yang sama.

Jadi kek atau batu yang manakah yang betul? Falsafah materialis sekali lagi gagal untuk memberikan satu jawapan yang konsisten kepada soalan ini. Jawapan yang tepat dan konsisten ialah: kedua-dua Engles dan orang kedua telah memakan kek di dalam minda mereka dan menjadi kenyang; kedua-dua Johnson dan orang kedua telah mengalami sepenuhnya saat-saat menghentam batu tersebut di dalam minda mereka.

Mari kita buat perubahan pada contoh yang kita berikan tentang Politzer: mari kita sambungkan saraf lelaki yang dilanggar kereta ke otak Politzer, dan saraf Politzer yang sedang duduk di dalam rumah ke otak lelaki tersebut. Dalam keadaan ini, Politzer akan merasa bahawa sebuah bas telah merempuhnya walaupun sebenarnya dia sedang duduk di rumahnya; dan lelaki yang sebenarnya dilanggar bas tidak akan merasa kesan kemalangan tersebut dan merasakan bahawa dia sedang duduk di rumah Politzer. Logik yang sama dapat dilakukan kepada contoh kek dan batu.

Seperti yang dapat dilihat, adalah mustahil bagi manusia untuk menjangkau derianya dan membebaskannya. Dalam keadaan ini, roh manusia dapat dikawal kepada segala jenis gambaran walaupun ia tidak mempunyai badan fizikal dan kewujudan material dan ketiadaan berat material. Adalah mustahil untuk manusia menyedari perkara ini kerana dia telah meyakini bahawa imej-imej tiga-dimensi ini adalah betul dan amat pasti dengan kewujudan mereka kerana semua orang bergantung kepada persepsi-persepsi yang dihasilkan oleh organ-organ derianya.

Seorang ahli falsafah British **David Hume** menjelaskan pandangan beliau terhadap fakta ini:

> *Scara jujur saya katakan, apabila saya memasukkan diri saya kepada apa yang saya gelar "diri saya", saya sering didatangi persepsi-persepsi yang berhubung dengan panas atau sejuk, cerah atau gelap, sayang atau benci, masam atau manis dan perasaan-perasaan lain. Tanpa kewujudan satu persepsi, saya tidak akan dapat meletakkan diri saya pada waktu yang tertentu dan saya tidak dapat melihat apa-apa melainkan persepsi.*[185]

Formasi Persepsi Di Dalam Otak Bukan Fakta Falsafah Tetapi Adalah Fakta Sains

Materialis mendakwa apa yang kita bincangkan di sini adalah sebuah pandangan falsafah. Tetapi, dakwaan bahawa "dunia luar", seperti yang kita gelar, adalah satu himpunan persepsi bukannya satu perkara falsafah tetapi sebuah fakta sains. Bagaimana imej dan perasaan

terbentuk di dalam otak telah diajarkan di semua sekolah-sekolah perubatan secara terperinci. Fakta ini, yang telah dibuktikan oleh sains abad ke-20 khususnya oleh fizik, menunjukkan dengan jelas bahawa kebendaan tidak mempunyai realiti dan semua orang sedang menonton "monitor di dalam otaknya".

Semua orang yang mempercayai sains, sama ada dia seorang Buddha atau seorang ateis, atau siapa sahaja yang berpegang kepada pandangan-pandangan lain, perlu menerima kenyataan ini. Seorang materialis mungkin dapat menafikan kewujudan seorang Pencipta, tetapi dia tidak dapat menafikan realiti saintifik ini.

Ketidakupayaan Karl Marx, Friedrich Engles, Georges Politzer dan mereka yang lain di dalam memahami satu fakta yang ringkas dan jelas ini masih amat mengejutkan walaupun tahap pemahaman dan keupayaan sains pada zaman mereka masih tidak mencukupi. Pada zaman kita, sains dan teknologi telah maju dan penemuan-penemuan terkini telah membuatkan ianya mudah untuk memahami fakta ini. Sebaliknya, materialis merasa amat takut untuk memahami fakta ini, kerana tahu bagaimana ia akan memusnahkan falsafah mereka.

Ketakutan Materialis

Untuk beberapa ketika, tidak ada jawapan balas yang bersungguh-sungguh datang daripada golongan materialis Turkey menentang subjek yang dibentangkan di dalam buku ini, iaitu, kenyataan bahawa kebendaan hanyalah sebuah persepsi. Ini menyebabkan kami merasa mereka masih belum jelas dengan tujuan kami dan ia memerlukan penjelasan yang lebih terang. Tetapi, tidak berapa lama kemudian, telah terbukti para materialis tidak merasa senang dengan populariti subjek ini dan lebih daripada itu, merasa amat takut dengan perkara ini.

Untuk beberapa lama, para materialis telah mengumumkan ketakutan dan perasaan panik mereka di dalam penerbitan, persidangan dan panel mereka. Hasutan dan hujah-hujah mereka yang tidak bermaya menunjukkan bahawa mereka sedang menghadapi krisis intelektual

yang parah. Kemusnahan secara saintifik teori evolusi, yang menjadi asas falsafah mereka, telah memberikan kejutan yang bersangatan kepada mereka. Sekarang mereka menyedari bahawa mereka sendiri telah mula kehilangan kebendaan itu sendiri, yang merupakan tulang belakang mereka yang lebih hebat daripada Darwinisme, dan mereka telah mengalami kejutan yang paling dahsyat. Mereka mengisytiharkan isu ini sebagai "ancaman terbesar" kepada mereka dan ia akan "memusnahkan penipuan kultur mereka".


Salah seorang yang menunjukkan perasaan kebimbangan dan panik golongan materialis dengan cara yang paling jelas ialah **Renan Pekunlu**, seorang ahli akademik dan seorang penulis *Bilim ve Utopya* (Sains dan Utopia) yang menyeru tanggungjawab mempertahankan materialisme. Di dalam artikel yang ditulisnya *Bilim ve Utopya* dan panel yang disertainya, Pekunlu mengemukakan buku *Evolution Deceit* sebagai ancaman nombor satu kepada materialisme. Apa yang merisaukan Pekunlu lebih daripada bab yang membatalkan Darwinisme ialah bahagian yang sedang kamu baca ini. Kepada para pembaca dan (beberapa) audiens, Pekunlu menyampaikan pesanan "jangan biarkan diri kamu hanyut dengan pendoktrinan idealisme dan tetapkan kepercayaan kamu kepada materialisme", dan menunjukkan Vladimir I. Lenin, ketua revolusi berdarah Rusia, sebagai rujukan. Menasihatkan siapa sahaja supaya membaca buku lama Lenin bertajuk *Materialism and Empirio-Critism*, apa yang dilakukan oleh Pekunlu ialah mengulangi semula kenyataan Lenin "jangan fikirkan isu ini, atau kamu akan kehilangan jejak materialisme dan dihanyutkan oleh agama". Di dalam sebuah artikel yang ditulisnya di dalam terbitan awal, beliau telah memetik ayat-ayat berikut daripada Lenin:

> *Sekali kamu menafikan realiti objektif, yang memberikan kita persepsi, kamu telah pun kehilangan segala senjata untuk menentang fideisme*, apabila kamu telah tergelincir kepada agnostisme* atau subjektivisme* – dan itulah yang fideisme perlukan. Satu cangkuk tersangkut, dan burung akan terlepas. Dan Marchist kita telah terjebak di dalam idealisme, iaitu, di dalam cecair, fideisme yang bijak; mereka jadi terjebak apabila mereka mengambil "persepsi" bukan*

sebagai imej dunia luar tetapi sebagai satu "elemen" khas. Ia bukan persepsi sesiapa, bukan minda sesiapa, bukan roh sesiapa, bukan kehendak sesiapa. [186]

Kenyataan ini menunjukkan fakta yang Lenin telah sedari dan ingin membuangnya daripada mindanya dan minda "rakan-rakan"nya mengganggu materialis kini di dalam cara yang sama. Bagaimana pun, Pekunlu dan para materialis lain menghadapi dukacita yang hebat; kerana mereka menyedari bahawa fakta ini kini telah menjadi lebih jelas, pasti dan meyakinkan daripada 100 tahun dahulu. Untuk pertama kalinya di dalam sejarah dunia, subjek ini telah dijelaskan dengan cara yang paling menarik.

Walau bagaimana pun, gambaran asasnya ialah bahawa sejumlah besar para materialis masih mengambil kedudukan yang dangkal menentang kenyataan bahawa "kebendaan tidak lebih daripada ilusi". Subjek yang dijelaskan di dalam bab ini merupakan subjek paling penting dan paling menarik yang dapat dilalui oleh seseorang sepanjang hidupnya. Tidak ada peluang bagi mereka untuk berdepan dengan sebuah subjek yang begitu genting sebelum ini. Tetapi, reaksi saintis-saintis atau gaya yang mereka gunakan di dalam ucapan-ucapan dan artikel-artikel mereka masih menunjukkan betapa cetek dan dangkalnya pemahaman mereka.



Penulis materialis Turkey, Renna Pekunlu berkata "teori evolusi tidak terlalu penting, ancaman yang sebenar ialah subjek ini", kerana dia tahu subjek ini menghancurkan kebendaan, yang merupakan satu-satunya konsep yang dipegangnya

Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa reaksi sebahagian materialis di dalam subjek yang dibincangkan di sini menunjukkan bagaimana ketaksuban mereka terhadap materialisme telah melemahkan pemikiran logik mereka dan kerana inilah, mereka masih tidak dapat memahami subjek ini. Sebagai contoh

* *Fideisme – doktrin bahawa semua atau beberapa ilmu pengetahuan bergantung kepada keimanan dan wahyu.*
* *Agnostisme – orang yang percaya bahawa tidak ada yang boleh diketahui tentang kewujudan Tuhan atau tentang apa sahaja kecuali tentang benda-benda maujud.*
* *Subjektivisme – doktrin bahawa ilmu pengetahuan adalah subjektif dan tidak ada kebenaran yang luaran atau objektif.*

Alaattin Senel, juga seorang ahli akademi dan seorang penulis *Bilim ve Utopya*, memberikan isyarat yang sama dengan Rennan Pekunlu dengan mengatakan "Lupakan tentang kemusnahan Darwinisme, ancaman sebenar ialah yang ini", dan membuat tuntutan seperti berikut "Jadi buktikan apa yang kamu katakan" tanpa menyedari bahawa falsafahnya sendiri tidak mempunyai sebarang asas. Apa yang lebih menarik lagi ialah penulis ini sendiri telah menulis kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bahawa dia tidak dapat memahami fakta ini yang dianggapnya sebagai sebuah ancaman.

Sebagai contoh, di dalam sebuah artikel yang membincangkan secara eksklusif subjek ini. Senel menerima bahawa dunia luar diterima di dalam otak sebagai suatu imej. Bagaimana pun, kemudian dia mendakwa bahawa imej-imej telah terbahagi kepada dua seperti seorang yang mempunyai hubungan fizikal dan seorang yang tidak mempunyainya. Untuk menyokong dakwaannya, dia memberikan "contoh telefon". Secara ringkasnya, dia menulis: "Saya tidak tahu sama ada imej di dalam otak saya berhubung dengan dunia luar atau tidak, tetapi perkara yang sama berlaku ketika saya bercakap di dalam telefon. Apabila saya bercakap di dalam telefon, saya tidak dapat melihat orang yang sedang bercakap dengan saya tetapi saya dapat meyakinkan perbualan ini apabila saya bertemu dengannya kemudian." [187]

Dengan berkata demikian, penulis ini sebenarnya maksudkan begini: "Sekirannya kita meragui persepsi kita, kita boleh melihat kebendaan itu sendiri dan memeriksa kebenarannya." Tetapi, ini adalah satu bukti yang tersalah konsep kerana adalah mustahil bagi kita untuk mencapai kebendaan itu sendiri. Kita tidak akan dapat keluar daripada minda kita dan mengetahui apa yang ada "di luar". Sama ada suara di dalam telefon tersebut mempunyai hubungan atau tidak dapat dipastikan oleh orang yang berada di telefon. Bagaimana pun, kepastian ini juga adalah khayalan-khayalan yang dialami oleh minda.

Lagi pun, mereka juga dapat mengalami perkara yang sama di dalam mimpi-mimpi mereka. Sebagai contoh, Senel mungkin melihat di dalam mimpinya bahawa dia sedang bercakap di telefon dan kemudian

memastikan perbualan tersebut dengan orang yang bercakap dengannya. Atau, mungkin Pekunlu di dalam mimpinya merasa berhadapan dengan "satu ancaman yang serius" dan menasihatkan orang ramai supaya membaca buku-buku lama Lenin. Tetapi, apa pun yang mereka lakukan, materialis-materialis ini tidak akan dapat menafikan kenyataan bahawa peristiwa-peristiwa yang mereka alami dan orang-orang yang mereka berbual dengannya di dalam mimpi mereka adalah tidak lebih daripada persepsi-persepsi.

Jadi, kepada siapa seseorang dapat meyakinkan sama ada imej-imej di dalam otaknya mempunyai kaitan atau tidak? Kepada kewujudan bayangan di dalam otaknya lagi? Tidak diragukan lagi, adalah mustahil bagi para materialis untuk mencari satu sumber maklumat yang dapat menghasilkan data-data berkaitan dengan otak dan meyakinkannya.

Dengan menganggap bahawa semua persepsi telah terbentuk di alam otak tetapi mendakwa bahawa seseorang itu dapat melangkah "keluar" daripadanya, menunjukkan bahawa kapasiti perseptif orang tersebut amat terhad dan dia mempunyai pemikiran yang menyeleweng.

Bagaimana pun, fakta yang diberitahu di sini dapat difahami oleh seorang yang mempunyai tahap pemikiran dan pemahaman yang normal. Setiap orang yang saksama akan mengetahui, berkaitan dengan apa yang telah kami sebutkan, bahawa adalah mustahil untuk dirinya menguji kewujudan dunia luar dengan pancainderanya. Tetapi, apa yang terjadi ialah mereka yang taksub dengan materialisme telah memesongkan kapasiti pemikiran manusia. Kerana itulah, para materialis kini menunjukkan kecacatan logikal yang parah seperti mana mereka membimbing mereka dengan cuba "membuktikan" kewujudan kebendaan dengan menendang batu dan makan kek.

Perlu disebutkan di sini bahawa ini bukannya sebuah situasi yang memeranjatkan; kerana, ketidakupayaan untuk memahami merupakan sifat semula jadi orang-orang yang tidak beriman. Di dalam al-Quran, Allah menerangkan akan terdapatnya "kaum yang tidak berakal" seperti di dalam ayat:

وَإِذَا نَادَيْتُمْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ ٱتَّخَذُوهَا هُزُوًا وَلَعِبًا ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْقِلُونَ

Dan apabila kamu menyeru (azan) untuk mengerjakan sembahyang, mereka menjadikan sembahyang itu sebagai ejek-ejekan dan permainan. Yang demikian itu ialah kerana mereka suatu kaum yang tidak berakal. (Surah AL-Maidah:58).

Materialis Telah Jatuh Ke Dalam Perangkap Terbesar Dalam Sejarah

Keadaan panik telah merebak di kalangan golongan materialis Turkey seperti yang telah kita datangkan beberapa contoh yang menunjukkan bahawa materialis kini sedang berhadapan dengan kekalahan yang tidak pernah mereka alami sepanjang sejarah. Kenyataan bahawa kebendaan adalah sebuah persepsi telah dibuktikan oleh sains moden dan ia telah diterangkan dengan cara yang sangat jelas, jujur dan bertenaga. Apa yang tinggal pada para materialis ini ialah menyaksikan kemusnahan seluruh dunia material yang mereka yakini secara membuta tuli dan bergantung dengannya.

Di dalam sejarah kemanusiaan, pemikiran materialis sentiasa wujud. Terlampau yakin dengan diri mereka dan falsafah yang mereka anuti, mereka telah memberontak menentang Allah yang telah menjadikan mereka. Senario yang mereka aturkan ini mempertahankan bahawa kebendaan tidak mempunyai permulaan dan penamat, dan semua ini tidak mungkin ada seorang Pencipta. Ketika mereka menafikan Allah hanya kerana keangkuhan mereka, mereka beralih kepada kebendaan yang mereka kira mempunyai kewujudan yang sebenar. Mereka terlalu meyakini falsafah ini sehingga mereka menyangka adalah mustahil untuk mengemukakan satu contoh yang berlawanan dengannya.

Kerana itulah fakta-fakta yang disebutkan di dalam buku ini yang mengandungi natural kebendaan sebenar telah mengejutkan mereka. Apa yang telah disebutkan di sini telah memusnahkan asas falsafah

mereka dan tidak meninggalkan sebarang asas untuk perbincangan yang lebih jelas. Kebendaan, yang mendasari kepercayaan mereka, kehidupan, keangkuhan dan penafian, telah musnah secara mendadak. Bagaimana materialisme dapat wujud sedangkan kebendaan tidak ada?

Di antara sifat-sifat Allah ialah perencanaan-Nya menentang orang-orang yang tidak beriman. Ia disebutkan di dalam ayat berikut:

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ ۚ
وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَٰكِرِينَ ﴿٣٠﴾

"Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya" (Surah Al-Anfal:30)

Allah memerangkap materialis dengan membuatkan mereka mendakwa bahawa kebendaan itu wujud dan dengan itu ia telah memalukan mereka dengan cara yang tidak disedari. Materialis mengira harta, status, kedudukan, masyarakat yang mereka sertai, seluruh dunia dan sebagainya adalah wujud dan lebih daripada itu, meningkatkan keangkuhan mereka menentang Allah dengan bergantung kepada semua ini. Mereka memberontak menentang Allah dengan menjadi bongkak dan ditambah kepada ketidakpercayaan mereka. Ketika melakukannya, mereka bergantung penuh kepada kebendaan. Tetapi, mereka terlalu lemah untuk memahami sehingga gagal untuk memikirkan bahawa Allah meliputi sekeliling mereka. Allah mengumumkan kenyataan yang orang-orang kafir ini lalui sebagai kesan kepada kebodohan mereka:

أَمْ يُرِيدُونَ كَيْدًا ۖ فَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ هُمُ ٱلْمَكِيدُونَ ﴿٤٢﴾

(Mereka tidak cukup dengan kata-kata dan tuduhan-tuduhan yang buruk sahaja) bahkan mereka hendak melakukan rancangan jahat (terhadapmu wahai Muhammad; tetapi mereka tidak akan berjaya) kerana orang-orang yang kafir itulah yang akan ditimpa balasan rancangan jahatnya. (Surah At-Tuur:42)

Ini merupakan kekalahan paling besar di dalam sejarah. Apabila keangkuhan mereka makin meningkat, materialis telah diperdaya dan mengalami kekalahan yang serius di dalam peperangan yang mereka aturkan untuk menentang Allah dengan mengemukakan sesuatu yang ganjil menentang-Nya. Seperti yang disebutkan di dalam ayat:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا فِي كُلِّ قَرْيَةٍ أَكَابِرَ مُجْرِمِيهَا لِيَمْكُرُوا فِيهَا ۖ وَمَا
يَمْكُرُونَ إِلَّا بِأَنفُسِهِمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢٣﴾

Dan demikianlah Kami adakan dalam tiap-tiap negeri orang-orang besar yang jahat supaya mereka melakukan tipu daya di negeri itu, padahal tiadalah mereka memperdayakan selain dari dirinya sendiri (kerana merekalah yang akan menerima akibatnya yang buruk), sedang mereka tidak menyedarinya. (Surah Al-An'aam:123)

Di dalam ayat yang lain juga disebutkan perkara yang sama:

يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ

Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya. (Surah Al-Baqarah:9)

Apabila orang-orang kafir berkomplot, mereka tidak menyedari fakta penting yang disebutkan di dalam ayat di atas *"mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya"*. Kenyataannya, segala apa yang mereka alami adalah khayalan yang direka untuk diterima oleh mereka, dan segala komplot yang mereka aturkan adalah khayalan yang terbentuk di dalam otak mereka, seperti juga dengan perbuatan-perbuatan mereka yang lain. Kebodohan mereka telah menyebabkan mereka lupa bahawa mereka sebenarnya bersendirian dengan Allah dan, oleh itu, mereka terperangkap di dalam plan jahat mereka sendiri.

Seperti orang-orang kafir yang hidup di masa silam, mereka yang hidup kini juga menghadapi realiti yang akan menghancurkan perancangan-perancangan jahat mereka hingga ke dasarnya. Di dalam ayat;

إِنَّ كَيْدَ ٱلشَّيْطَٰنِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾

...kerana sesungguhnya tipu daya Syaitan itu adalah lemah. (Surah An-Nisaa:76)

Allah telah menjelaskan bahawa komplot ini telah pun musnah sejak hari ia direncanakan, dan memberikan khabar gembira kepada orang-orang yang beriman di dalam ayat;

لَا يَضُرُّكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْـًٔا

"Dan kalau kamu sabar dan bertaqwa, (maka) tipu daya mereka tidak akan membahayakan kamu sedikit pun." (Surah Ali Imran:120)

Di dalam ayat lain pula Allah menegaskan;

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَعْمَٰلُهُمْ كَسَرَابٍۭ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ ٱلظَّمْـَٔانُ مَآءً حَتَّىٰٓ إِذَا
جَآءَهُۥ لَمْ يَجِدْهُ شَيْـًٔا وَوَجَدَ ٱللَّهَ عِندَهُۥ فَوَفَّىٰهُ حِسَابَهُۥ ۗ وَٱللَّهُ سَرِيعُ
ٱلْحِسَابِ ﴿٣٩﴾

Dan orang-orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama riak sinaran panas (fartamorgana) di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju ke arahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; (demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan ia tetap mendapati hukum Allah di sisi amalnya, lalu Allah meyempurnakan hitungan amalnya (serta membalasnya); dan (ingatlah) Allah Amat segera hitungan hisab Nya. (Surah An-Nuur:39)

Materialisme juga telah menjadi "fatamorgana" untuk menderhaka seperti yang disebutkan di dalam ayat ini; apabila mereka mendapatkannya, mereka dapati ia hanyalah sebuah ilusi. Allah telah menipu mereka dengan sebuah fatamorgana, dan memperdayakan mereka untuk menerima seluruh himpunan imej-imej ini sebagai betul. Semua orang-orang yang "mulia" ini, profesor, ahli kaji bintang, ahli biologi, ahli fizik, dan semua yang lain tidak mengira darjat dan kedudukan mereka telah tertipu seperti kanak-kanak dan telah dimalukan kerana mengambil kebendaan sebagai tuhan. Mendakwa himpunan imej-imej sebagai benar, mereka telah meletakkan dasar falsafah dan ideologi mereka di atasnya, terlibat di dalam perbincangan-perbincangan yang serius, dan diterima wacana "intelektual" terkenal. Mereka merasa sudah cukup bijak untuk menawarkan satu argumen tentang kebenaran alam semesta dan, lebih penting, mereka bertelagah tentang Allah dengan kebijaksanaan mereka yang terhad. Allah menerangkan situasi ini di dalam ayat berikut:

وَمَكَرُوا۟ وَمَكَرَ ٱللَّهُ ۖ وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلْمَٰكِرِينَ ﴿٥٤﴾

Dan orang-orang (Yahudi yang kafir) itupun merencangkan tipu daya, dan Allah pula membalas tipu daya (mereka); dan (ingatlah), Allah se-bijak-bijak yang membalas (dan menggagalkan segala jenis) tipu daya. (Surah Ali Imran:54)

Mungkin kita dapat melepaskan diri daripada beberapa komplot; tetapi, perancangan Allah menentang orang-orang kafir adalah sangat kemas sehinggakan tidak ada jalan keluar bagi mereka. Tidak kira apa yang mereka lakukan atau kepada siapa mereka merayu, mereka tidak akan dapat menemui seorang pun pembantu selain daripada Allah. Seperti yang Allah ingatkan di dalam al-Quran:

يَجِدُونَ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٧﴾

"dan mereka pula tidak akan memperoleh sesiapa pun - selain daripada Allah - yang akan menjadi pelindung atau penolong bagi mereka." (Surah An-Nisa: 173)

Materialis tidak pernah menyangka akan terjatuh ke dalam perangkap yang seperti itu. Memiliki semua perolehan abad ke-20 untuk kegunaan mereka, mereka sangka akan dapat meningkatkan kedegilan mereka di dalam penafian mereka dan mengheret manusia untuk kufur. Mentaliti orang-orang kafir ini dan penyudah mereka telah digarap seperti berikut di dalam al-Quran:

وَمَكَرُوا مَكْرًا وَمَكَرْنَا مَكْرًا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٥٠﴾ فَانظُرْ كَيْفَ كَانَ
عَاقِبَةُ مَكْرِهِمْ أَنَّا دَمَّرْنَاهُمْ وَقَوْمَهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥١﴾

Dan (dengan demikian) mereka telah merancangkan rancangan jahat, dan Kami pula rancangkan balasannya dengan seburuk-buruk balasan, sedang mereka tidak menyedarinya. Maka lihatlah bagaimana akibat rancangan jahat mereka, iaitu Kami telah hancurkan mereka dan kaum mereka semuanya. (Surah An-Naml:50-51)

Ayat ini memberi makna: Materialis telah menyedari bahawa segala yang mereka miliki adalah sebuah ilusi, oleh itu apa yang mereka miliki akan musnah. Seperti mana mereka menyaksikan harta-harta mereka, kilang-kilang, emas, wang ringgit, anak-anak, pasangan hidup, rakan-rakan, kedudukan dan status, sehinggakan tubuh mereka, apa yang mereka sangka wujud telah tergelincir jatuh daripada tangan mereka, mereka telah "hancur" seperti yang disebutkan di dalam ayat ke-51 surah An-Naml. Pada peringkat ini, yang ada bukannya kebendaan tetapi hanya roh.

Tidak diragui lagi, menyedari hakikat ini merupakan perkara paling teruk kepada materialis. Kenyataan bahawa segala yang mereka miliki hanyalah ilusi, adalah sama seperti, dengan perkataan mereka sendiri, "mati sebelum mati" di dunia ini.

Fakta ini meninggalkan mereka hanya dengan Allah. Seperti di dalam ayat al-Quran:

ذَرْنِي وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ﴿١١﴾

"Biarkanlah Aku sahaja membalas orang (yang menentangmu) yang Aku ciptakan dia (dalam keadaan) seorang diri (tidak berharta dan anak pinak)" (Surah Al-Muddaththir:11).

Allah menegaskan kepada kita bahawa setiap manusia sebenarnya bersendirian dalam kehadiran-Nya. Fakta ini telah diulangi di dalam beberapa ayat lain:

وَلَقَدْ جِئْتُمُونَا فُرَادَىٰ كَمَا خَلَقْنَاكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَتَرَكْتُم مَّا خَوَّلْنَاكُمْ
وَرَاءَ ظُهُورِكُمْ

Dan demi sesungguhnya, kamu tetap datang kepada Kami (pada hari kiamat) dengan bersendirian, sebagaimana Kami jadikan kamu pada mulanya; dan kamu tinggalkan di belakang kamu apa yang telah kami kurniakan kepada kamu... (Surah Al-Ana'am:94)

وَكُلُّهُمْ آتِيهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَرْدًا ﴿٩٥﴾

Dan mereka masing-masing akan datang mengadap-Nya pada hari kiamat dengan seorang diri. (Surah Maryam: 95)

Dengan kata lain, ayat-ayat di atas memberi makna: Mereka yang mengambil kebendaan sebagai tuhan mereka telah datang daripada Allah dan kembali kepada-Nya. Mereka terpaksa menyerah ketentuan mereka kepada Allah sama ada mereka suka atau tidak. Kini mereka sedang menanti Hari Perhitungan di mana semua orang akan dipanggil untuk dihisab. Walaupun betapa kuatnya mereka tidak mahu memahaminya...

Konklusi

Subjek yang kami terangkan di sini setakat ini merupakan di antara kebenaran terhebat yang tidak mungkin akan diberitahu kepada kamu sepanjang hidup kamu. Membuktikan bahawa seluruh dunia material sebenarnya adalah sebuah "kewujudan khayalan", subjek ini merupakan kunci untuk memahami kewujudan dan ciptaan Allah dan untuk memahami bahawa hanya Dia satu-satunya yang wujud.

Mereka yang memahami subjek ini menyedari bahawa dunia ini bukan tempat seperti yang diduga oleh kebanyakan orang. Dunia ini bukan tempat yang mutlak dengan kewujudan yang sebenar seperti yang disangkakan oleh mereka yang merayau tanpa tujuan di jalan-jalan, mereka terlibat di dalam pergaduhan di pub, mereka yang menunjuk-nunjuk di cafe mewah, mereka yang bermegah dengan harta benda mereka, atau mereka yang memperuntukkan hidup mereka untuk tujuan yang kosong. Dunia ini adalah sebuah himpunan persepsi, sebuah ilusi. Semua mereka yang telah kami sebutkan di atas hanyalah kewujudan bayangan yang melihat persepsi-persepsi ini di dalam minda mereka: tetapi mereka tidak menyedarinya.

Konsep ini amat penting untuk meruntuhkan falsafah materialis yang menafikan kewujudan Allah dan menyebabkan ia binasa. Kerana itulah materialis seperti Marx, Engels dan Lenin merasa panik, meradang dan mengingatkan pengikut-pengikut mereka supaya "tidak memikirkan" konsep ini apabila ia diberitahu kepada kamu. Tambahan pula, mereka ini berada pada keadaan kelemahan mental sehinggakan mereka tidak dapat memahami kenyataan bahawa persepsi terbentuk di dalam otak. Mereka mendakwa dunia yang mereka lihat di dalam otak adalah "dunia luar" dan mereka tidak dapat memahami bukti-bukti jelas yang bertentangan dengannya.

Ketidaksedaran ini disebabkan oleh kelemahan akal yang Allah timpakan ke atas orang-orang kafir. Seperti yang disebutkan di dalam al-Quran, orang-orang kafir ini;

وَٱلْإِنسِ ۖ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ
أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ ءَاذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ
هُمْ أَضَلُّ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ ﴿١٧٩﴾

"mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai." (Surah Al-A'raaf:179)

Kamu dapat menjelajah melangkaui peringkat ini dengan menggunakan kuasa refleksi peribadi kamu sendiri. Untuk itu, kamu perlu memberikan tumpuan, kekal dengan perhatian kamu, dan fikirkan cara kamu melihat objek sekeliling kamu dan bagaimana kamu merasa sentuhan mereka. Sekiranya kamu memikirkan dengan teliti, kamu akan dapat merasai kewujudan bijak yang melihat, mendengar, menyentuh, memikirkan, dan membaca buku ini pada ketika ini hanyalah roh dan melihat persepsi-persepsi yang digelar "kebendaan" pada sebuah skrin. Sesiapa yang berjaya memahami perkara ini dianggap telah dapat berganjak daripada kawasan dunia material yang menipu kebanyakan manusia dan telah memasuki kawasan kewujudan yang hakiki (Wahdatul-Wujud).

Realiti ini telah difahami oleh sejumlah teis* atau ahli-ahli falsafah sepanjang sejarah. Intelektual Islam seperti **Imam Rabbani, Muhyiddin Ibnu Arabi** dan **Mevlana Cami** menyedari kenyataan ini berdasarkan tanda-tanda di dalam al-Quran dan dengan menggunakan pemikiran mereka. Beberapa ahli falsafah Barat seperti **George Berkeley** telah mencapai realiti yang sama melalui pemikirannya. Imam Rabbani menulis di dalam buku beliau *Maktubat* bahawa seluruh alam material ini adalah sebuah "ilusi dan andaian (persepsi)" dan sesungguhnya kewujudan yang mutlak ialah Allah:

Allah... Intipati kewujudan ini yang dijadikan-Nya daripada tiada... Dia menjadikan segalanya dalam lingkungan deria dan ilusi... Kewujudan alam ini adalah pada lingkungan deria dan ilusi, dan ia bukannya material... Sebenarnya, tidak ada yang lain di luar sana melainkan Kewujudan Yang Agung (iaitu Allah). [188]

Imam Rabbani menyatakan dengan jelas bahawa segala imej yang diperlihatkan kepada manusia hanyalah sebuah ilusi, dan mereka bukannya asal di dalam "dunia luar":

Lingkungan khayalan-khayalan ini telah digambarkan di dalam bentuk imaginasi. Ia kelihatan lebih luas daripada apa yang digambarkan. Tetapi dengan mata minda. Di luar sana, ia kelihatan seolah-olah ia dilihat dengan mata kepala. Tetapi, sebenarnya tidak. Ia mempunyai sama ada reka bentuk atau lekapan di luar. Tidak ada keadaan untuk dilihat. Seperti juga refleksi wajah seseorang di cermin. Tidak ada konstansi di luar. Tidak dapat diragui lagi, kedua-dua konstansi dan imej ini berada di dalam IMAGINASI. Allah lebih mengetahui segala-galanya.[189]

Mevlana Cami menyatakan kenyataan yang sama yang didapatinya berdasarkan tanda-tanda di dalam al-Quran dan dengan menggunakan akal fikirannya: "Segalanya di dunia ini adalah deria-deria dan ilusi-ilusi. Ia adalah seperti refleksi di depan cermin atau bayang-bayang".

Bagaimana pun, jumlah mereka yang memahami fakta ini sepanjang sejarah adalah amat terhad. Cendekiawan hebat seperti Imam Rabbani mencatatkan bahawa mungkin agak sukar untuk memberitahu fakta ini kepada masyarakat kerana ramai orang tidak dapat memahaminya.

Pada zaman kita kini, fakta ini telah diempiriskan oleh bukti-bukti yang dikemukakan oleh sains. Kenyataan bahawa alam ini adalah sebuah kewujudan bayangan telah digarap dengan cara yang sangat konkrit, jelas dan terang untuk pertama kalinya di dalam sejarah.

Oleh itu, kurun ke-21 akan menjadi suatu turning-point apabila manusia akan dapat memahami realiti-realiti ketuhanan dan terarah

** Teis (Theist) – Orang yang percaya kepada kewujudan Tuhan, terutama sekali Tuhan yang dipercayai sebagai pencipta dan raja alam semesta.*

untuk menuju kepada Allah, satu-satunya Kewujudan Mutlak. Pada abad ke-21 ini, ialah untuk pegangan materialistik abad ke-19 ditolak ke dalam tong sampah sejarah, kewujudan dan ciptaan Allah akan dapat dicapai, fakta-fakta seperti ruang kosong dan masa-sifar akan dapat difahami, manusia akan membebaskan diri mereka daripada kelubung kekunoan, penipuan dan khurafat yang mengelilingi mereka.

Adalah mustahil untuk hala tuju ini disekat oleh sebarang kewujudan bayangan.

RELATIVITI MASA DAN HAKIKAT TAKDIR

Semua yang telah diterangkan di atas menunjukkan bahawa sebuah "ruang tiga-dimensi" sebenarnya tidak wujud, ia hanyalah prejudis yang diinspirasikan oleh persepsi-persepsi dan manusia menjalani kehidupannya di dalam "ruang kosong". Untuk mendakwa sebaliknya adalah bersalahan dengan sebab musabab dan kebenaran sains, kerana tidak ada bukti kewujudan sebuah dunia material tiga-dimensi yang sah.

Fakta ini telah membatalkan dakwaan asas falsafah materialis yang mendasari teori evolusi. Ia adalah dakwaan yang menyatakan bahawa kebendaan adalah mutlak dan abadi. Dakwaan kedua yang dipegang oleh falsafah materialis ini ialah bahawa masa adalah mutlak dan kekal. Ini juga merupakan kepercayaan karut seperti yang pertama juga.

Persepsi Masa

Persepsi yang kita gelar masa. Sebenarnya, adalah satu metode dengan satu ketika dibandingkan dengan satu ketika yang lain. Kita dapat menjelaskannya dengan satu contoh. Sebagai contoh, apabila seseorang mengetuk satu objek, dia mendengar bunyi tertentu. Apabila dia mengetuk objek yang sama lima minit kemudian, dia mendengar bunyi yang lain. Orang tersebut menerima bahawa terdapat jarak di antara bunyi yang pertama dan bunyi yang kedua, dan dia menamakan ini jarak masa. Tetapi ketika dia mendengar bunyi yang kedua, bunyi pertama yang didengarnya adalah tidak lebih daripada sebuah imaginasi di dalam mindanya sahaja. Ia hanyalah satu bit maklumat di dalam memorinya. Orang tersebut merumuskan persepsi "masa" dengan

membandingkan saat kini dan apa yang ada di dalam memorinya. Sekiranya perbandingan ini tidak dilakukan, tidak akan ada persepsi masa.

Selalunya, seseorang itu akan membuat perbandingan apabila melihat seseorang memasuki sebuah bilik melalui pintu dan duduk di atas kerusi sandar di tengah bilik. Pada waktu orang ini duduk di atas kerusi, imej yang berhubung dengan saat ketika dia membuka pintu, berjalan ke dalam bilik, dan menuju ke arah kerusi tersebut, telah tersusun sebagai bit-bit maklumat di dalam otak. Persepsi masa berlaku apabila seseorang membandingkan lelaki yang duduk di atas kerusi dengan bit-bit maklumat yang dimilikinya.

Ringkasnya, masa wujud sebagai hasil daripada perbandingan yang dilakukan di antara beberapa ilusi yang tersimpan di dalam otak. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai memori, maka pemikirannya tidak akan dapat membuat tafsiran seperti itu dan dengan itu persepsi masa tidak mungkin terbentuk. Sebab mengapa seseorang itu merasakan dirinya berusia tiga puluh tahun adalah kerana dia telah mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tiga puluh tahun ini. Sekiranya memorinya tidak wujud, maka dia tidak akan memikirkan tentang kewujudan satu jangka masa yang telah berlalu dan dia hanya akan mengalami satu "ketika" yang sedang didiami kini.

Penjelasan Saintifik Ruang Kosong

Mari kita jelaskan subjek ini dengan mengambil kira penjelasan para saintis dan cendekiawan di dalam subjek ini. Dengan menganggap bahawa masa berundur ke belakang, **Francois Jacob**, seorang cendekiawan terkenal dan profesor kehormat Nobel di dalam ilmu genetik, telah mengeluarkan kenyataan berikut di dalam bukunya *Le Jeu des Possibles* (The Possible and the Actual):

> *Filem yang dimainkan ke belakang, membolehkan kita membayangkan sebuah dunia yang masanya berundur ke belakang. Sebuah dunia di mana susu memisahkan dirinya daripada kopi dan melompat keluar daripada cawan untuk*

mendapatkan kuali susu; sebuah dunia di mana sinaran cahaya terpancar daripada dinding untuk dikutip di dalam sebuah perangkap (pusat graviti), sebagai ganti memancar keluar daripada sumber cahaya; sebuah dunia di mana seketul batu terjun ke tapak tangan seorang lelaki dengan kerjasama mengejut daripada titisan-titisan air membolehkan batu tersebut lompat keluar daripada air. Tetapi, di dalam sebuah dunia yang masa mempunyai sifat-sifat terbalik, menyebabkan pemerosesan otak kita dan bagaimana memori mengumpul maklumat berfungsi secara songsang. Masa silam dan masa depan akan menjadi sama dan dunia akan muncul kepada kita seperti mana ia muncul kini. 190

Memandangkan otak kita telah terbiasa dengan satu pusingan peristiwa tertentu, maka dunia ini tidak beroperasi sebagaimana yang dibayangkan di atas dan kita mendakwa masa berjalan ke hadapan. Tetapi, ini adalah sebuah keputusan yang dicapai di otak dan kerana itu ia berkaitan sepenuhnya. Sebenarnya, kita tidak akan dapat mengetahui bagaimana masa berjalan atau sama ada ia bergerak atau tidak. Ini merupakan satu petunjuk bahawa masa bukan sebuah fakta mutlak tetapi hanya sejenis persepsi.

Relatif masa adalah satu fakta yang telah diakui oleh ahli fizik terpenting abad ke-20, **Elbert Einstein. Lincoln Barnett**, menulis di dalam bukunya *The Universe and Dr. Einstein*:

Seperti juga ruang mutlak, Einstein menolak konsep masa yang mutlak sebagai sesuatu yang kukuh, masa sejagat yang tidak dapat disekat bergerak, mengalir daripada masa silam yang luas kepada masa depan yang tidak terbatas. Kebanyakan kekaburan yang menyelubungi Teori Asas Relativiti berpunca daripada kelemahan manusia untuk menyedari bahawa deria masa, seperti juga deria warna, adalah sebuah bentuk persepsi. Seperti ruang yang merupakan aturan objek-objek material, maka masa pula adalah aturan peristiwa-peristiwa. Subjektiviti masa dapat dijelaskan dengan baik melalui perkataan Einstein sendiri. "Pengalaman seorang individu", menurut Einstein, "muncul kepada kita di dalam satu siri peristiwa-peristiwa"; di dalam siri-siri ini, sebuah peristiwa yang kita ingati muncul di dalam keadaan tersusun berdasarkan kepada sifat "awal" dan "kemudian". Oleh itu, ia wujud untuk individu, satu

masa-I, atau masa yang subjektif. Ini tidak dapat diukur di dalam dirinya sendiri. Saya boleh menggabungkan nombor-nombor dengan peristiwa-peristiwa, di dalam satu cara yang melibatkan sejumlah nombor-nombor yang menggabungkan peristiwa yang terkemudian dengan peristiwa-peristiwa yang awal. [191]

Einstein sendiri menyatakan, seperti yang dipetik daripada buku Barnett: "ruang dan masa adalah bentuk-bentuk gerak hati, yang tidak dapat dipisahkan daripada kesedaran seperti konsep kita terhadap warna, bentuk, atau saiz". Menurut Teori Asas Relatif: "Masa tidak mempunyai kewujudan tetap yang terpisah daripada aturan peristiwa oleh apa yang kita gelar ukuran".[192]

Memandangkan masa mengandungi persepsi, ia bergantung sepenuhnya ke atas penerima dan ia adalah berkaitan.

Kelajuan pergerakan masa disukat berdasarkan rujukan yang kita gunakan untuk mengukurnya kerana tidak terdapat jam semula jadi di dalam tubuh manusia untuk mengesan dengan tepat betapa cepatnya masa berlalu. Seperti yang dicatatkan oleh Lincoln Barnett: "Seperti mana warna tanpa mata untuk mengesannya, begitu juga sedetik atau sejam atau sehari tidak bererti tanpa sebuah peristiwa untuk menandainya".[193]

Relativiti masa adalah pengalaman yang kita alami di dalam mimpi. Walau pun apa yang kita lihat di dalam mimpi kelihatan mengambil masa berjam-jam, tetapi sebenarnya, ia hanya berlangsung selama beberapa minit, dan mungkin juga hanya beberapa saat.

Mari kita fikirkan sebuah contoh untuk menerangkan subjek ini dengan lebih jelas. Mari kita anggap bahawa kita telah di masukkan ke dalam sebuah bilik yang mempunyai hanya sebuah tingkap direka dengan begitu teliti dan kita ditempatkan di situ untuk beberapa lama. Biarkan sebuah jam di dalam bilik tersebut supaya kita dapat melihat jumlah masa yang telah berlalu. Pada masa yang sama, dibiarkan kita melihat melalui tingkap bilik matahari terbenam pada tempoh tertentu. Beberapa hari kemudian, jawapan yang akan kita berikan tentang berapa banyak masa yang telah diluangkan di dalam bilik tersebut akan berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang telah kita himpun

dengan melihat kepada jam dari masa ke semasa dan kepada pengiraan yang kita lakukan dengan merujuk kepada berapa kali matahari terbenam dan terbit. Contohnya, kita anggarkan kita telah menghabiskan masa di dalam bilik tersebut selama tiga hari. Tetapi, sekiranya orang yang memasukkan kita ke dalam bilik tersebut datang kepada kita dan menyatakan bahawa kita telah meluangkan masa selama dua hari di dalam bilik tersebut dan bahawa matahari yang dapat dilihat melalui tingkap telah dihasilkan oleh sebuah mesin simulasi dan bahawa jam di dalam bilik tersebut telah diaturkan untuk bergerak pantas, oleh itu perkiraan yang kita lakukan tidak mempunyai erti.

Contoh ini membuktikan bahawa maklumat yang kita miliki tentang kadar berlalunya masa adalah berdasarkan kepada rujukan-rujukan relatif. Relativiti masa adalah sebuah fakta sains yang telah dibuktikan oleh metode sains. Teori Asas Relativiti Einstein menegaskan bahawa kelajuan masa berubah berdasarkan kepada kelajuan sesuatu objek dan jaraknya daripada pusat graviti. Apabila kelajuan bertambah, masa akan menjadi singkat, mampat; menjadi perlahan seolah-olah ia berada pada tahap "berhenti".

Mari kita jelaskannya dengan sebuah misal yang dibuat oleh Einstein sendiri. Bayangkan dua orang kembar, seorang tinggal di bumi dan seorang lagi mengembara di angkasa lepas pada kelajuan yang hampir dengan kelajuan cahaya. Apabila dia kembali, si pengembara akan mendapati saudaranya telah membesar lebih tua daripadanya. Puncanya adalah kerana masa berjalan lebih perlahan kepada orang yang bergerak pada kelajuan yang hampir dengan kelajuan cahaya. Jika ibarat yang sama dilakukan kepada seorang ayah yang menjadi pengembara angkasa lepas dan anak lelakinya yang tinggal di bumi, sekiranya si ayah berusia 27 tahun ketika memulakan pengembaraan dan anak lelakinya berusia 3 tahun; maka, apabila dia kembali ke dunia 30 tahun kemudian (masa bumi), anak lelakinya akan berusia 33 tahun, tetapi ayahnya baru berusia 30 tahun.[194]

Perlu ditegaskan di sini bahawa, relativiti masa ini tidak berlaku dengan memperlahankan jam atau mempercepatkannya atau

memperlambatkan perjalanan mekanisme spring. Tetapi, ia adalah hasil daripada perbezaan operasi period seluruh sistem material sehingga kepada zarah-zarah sub-atom. Dengan kata lain, kesingkatan masa tidak seperti pergerakan perlahan sebuah gambar bagi orang yang mengalaminya. Di dalam sebuah latar yang masa menjadi singkat, degup jantung, pereplikaan sel, dan fungsi otak, dan semuanya bergerak lebih perlahan daripada pergerakan perlahan manusia di bumi. Seseorang akan meneruskan kehidupan sehariannya, tanpa sama sekali menyedari kesingkatan masa. Sememangnya kesingkatan masa ini tidak akan nampak jelas sehingga perbandingan dilakukan.

Relativiti Di Dalam Al-Quran

Kesimpulan yang dapat kita ambil daripada penemuan-penemuan sains moden ialah bahawa masa bukannya sebuah fakta yang mutlak seperti yang dianggap oleh para materialis, tetapi hanya sebuah persepsi yang relatif. Perkara yang lebih menarik ialah fakta ini, yang tidak ditemui hanya pada kurun ke-21 oleh sains, telah pun dimaklumkan kepada manusia di dalam al-Quran 14 kurun yang lalu. Terdapat beberapa rujukan di dalam al-Quran berkaitan dengan relativiti masa.

Adalah tidak mustahil untuk melihat bukti-bukti saintifik bahawa masa adalah sebuah persepsi psikologi yang bergantung kepada peristiwa, latar, dan keadaan di dalam banyak ayat-ayat al-Quran. Misalnya, hidup manusia ini adalah sementara seperti yang disebutkan oleh al-Quran:

يَوْمَ يَدْعُوكُمْ فَتَسْتَجِيبُونَ بِحَمْدِهِ وَتَظُنُّونَ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا
قَلِيلًا ﴿٥٢﴾

(Ingatlah akan) hari Ia menyeru kamu lalu kamu menyahut sambil memuji kekuasaan-Nya, dan kamu menyangka, bahawa kamu tinggal (dalam kubur) hanya sebentar. (Surah Al-Isra:52)

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ كَأَن لَّمْ يَلْبَثُوٓا۟ إِلَّا سَاعَةً مِّنَ ٱلنَّهَارِ يَتَعَارَفُونَ بَيْنَهُمْ ۚ قَدْ
خَسِرَ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ ٱللَّهِ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿٤٥﴾

Dan (ingatlah) masa Tuhan himpunkan mereka (pada hari kiamat kelak), dengan keadaan mereka merasai seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan sekadar satu saat sahaja dari siang hari. Mereka akan berkenal-kenalan sesama sendiri. Sesungguhnya rugilah orang-orang yang telah mendustakan hari menemui Allah untuk menerima balasan, dan yang tidak mendapat petunjuk (ke jalan mencari untung semasa hidup di dunia. (Surah Yunus:45)

Di dalam beberapa ayat telah dijelaskan bahawa manusia menerima masa secara berbeza dan kadang kala manusia menerima satu jangka masa yang sangat pendek atau sangat panjang. Perbualan manusia berikut yang berlangsung ketika hari perhitungan di Akhirat merupakan sebuah contoh yang baik:

قَٰلَ كَمْ لَبِثْتُمْ فِى ٱلْأَرْضِ عَدَدَ سِنِينَ ﴿١١٢﴾ قَالُوا۟ لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ
فَسْـَٔلِ ٱلْعَآدِّينَ ﴿١١٣﴾ قَٰلَ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ لَّوْ أَنَّكُمْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١٤﴾

Allah bertanya lagi (kepada mereka yang kafir itu): "Berapa tahun lamanya kamu tinggal di bumi?" Mereka menjawab: "Kami tinggal (di dunia) selama sehari atau sebahagian dari sehari; maka bertanyalah kepada golongan (malaikat) yang menjaga urusan menghitung Allah berfirman: "Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan sedikit masa sahaja, kalau kamu dahulu mengetahui hal ini (tentulah kamu bersiap sedia). (Suranh Al- Mu'minuun:112-114)

Di dalam ayat-ayat yang lain pula menjelaskan bahawa masa dapat berjalan pada jarak yang berbeza di dalam tempat-tempat yang berbeza:

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلْعَذَابِ وَلَن يُخْلِفَ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥ ۚ وَإِنَّ يَوْمًا عِندَ رَبِّكَ
كَأَلْفِ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴿٤٧﴾

Dan mereka meminta kepadamu (wahai Muhammad) menyegerakan kedatangan azab, padahal Allah tidak sekali-kali akan memungkiri janji-Nya; dan (katakanlah kepada mereka): sesungguhnya satu hari dari hari-hari azab di sisi Tuhanmu adalah menyamai seribu tahun dari yang kamu hitung. (Surah Al-Hajj: 47)

تَعْرُجُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيْهِ فِى يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ

Yang dilalui oleh malaikat-malaikat dan Jibril ke pusat pemerintahan-Nya (untuk menerima dan menyempurnakan tugas masing-masing, terutama) pada satu masa yang adalah tempohnya (dirasai oleh orang-orang yang bersalah) sungguh panjang, (kerana banyak hitungan hisab dan berat soal jawabnya). (Surah Maarij:4)

Semua ayat-ayat ini menerangkan ekspresi relativiti masa. Kenyataan bahawa natijah ini hanya dapat difahami oleh sains baru-baru ini di dalam abad ke-21, telah disampaikan kepada manusia 1400 tahun dahulu oleh al-Quran, merupakan tanda bahawa al-Quran telah diturunkan oleh Allah, Yang menguasai seluruh masa dan ruang.

Banyak kenyataan-kenyataan di dalam al-Quran menunjukkan bahawa masa adalah sebuah persepsi. Ini merupakan bukti di dalam cerita-cerita ini. Sebagai contoh, Allah telah membiarkan Ashabul-Kahfi, sekumpulan orang-orang yang beriman yang disebutkan di dalam al-Quran, berada di dalam tidur yang lena selama lebih daripada tiga kurun. Apabila mereka terjaga, mereka merasakan bahawa mereka telah berada di negeri tersebut sekejap sahaja, dan tidak dapat mengagak berapa lama mereka telah tidur:

فَضَرَبْنَا عَلَىٰٓ ءَاذَانِهِمْ فِى ٱلْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا ﴿١١﴾ ثُمَّ بَعَثْنَٰهُمْ لِنَعْلَمَ أَىُّ
ٱلْحِزْبَيْنِ أَحْصَىٰ لِمَا لَبِثُوٓا۟ أَمَدًا ﴿١٢﴾

Lalu Kami tidurkan mereka dengan nyenyaknya dalam gua itu,

bertahun-tahun, yang banyak bilangannya. Kemudian Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), untuk Kami menguji siapakah dari dua golongan di antara mereka yang lebih tepat kiraannya, tentang lamanya mereka hidup (dalam gua itu). (Surah Al-Kahfi:11-12)

وَكَذَٰلِكَ بَعَثْنَاهُمْ لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ ۚ قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِثْتُمْ ۖ قَالُوا لَبِثْنَا
يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ۚ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَابْعَثُوا أَحَدَكُم
بِوَرِقِكُمْ هَٰذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنظُرْ أَيُّهَا أَزْكَىٰ طَعَامًا فَلْيَأْتِكُم بِرِزْقٍ
مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾

Dan demikianlah pula Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya-tanyaan sesama sendiri. Salah seorang di antaranya bertanya: "Berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (Sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih menengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapapun menyedari akan hal kamu. (Surah Al-Kahfi:19)

Situasi yang dijelaskan di dalam ayat di bawah ini juga membuktikan bahawa masa sebenarnya adalah sebuah persepsi psikologi:

أَوْ كَالَّذِي مَرَّ عَلَىٰ قَرْيَةٍ وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا قَالَ أَنَّىٰ يُحْيِي هَٰذِهِ
اللَّهُ بَعْدَ مَوْتِهَا ۖ فَأَمَاتَهُ اللَّهُ مِائَةَ عَامٍ ثُمَّ بَعَثَهُ ۖ قَالَ كَمْ لَبِثْتَ ۖ قَالَ لَبِثْتُ
يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ۖ قَالَ بَل لَّبِثْتَ مِائَةَ عَامٍ فَانظُرْ إِلَىٰ طَعَامِكَ وَشَرَابِكَ لَمْ
يَتَسَنَّهْ ۖ وَانظُرْ إِلَىٰ حِمَارِكَ وَلِنَجْعَلَكَ آيَةً لِّلنَّاسِ ۖ وَانظُرْ إِلَى الْعِظَامِ
كَيْفَ نُنشِزُهَا ثُمَّ نَكْسُوهَا لَحْمًا ۚ فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُ قَالَ أَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٥٩﴾

Atau (tidakkah engkau pelik memikirkan wahai Muhammad) tentang orang yang melalui sebuah negeri yang telah runtuh segala bangunannya, orang itu berkata: "Bagaimana Allah akan menghidupkan (membina semula) negeri ini sesudah matinya (rosak binasanya)? " Lalu ia dimatikan oleh Allah (dan dibiarkan tidak berubah) selama seratus tahun, kemudian Allah hidupkan dia semula lalu bertanya kepadanya: "Berapa lama engkau tinggal (di sini)?" Ia menjawab: "Aku telah tinggal (di sini) sehari atau setengah hari". Allah berfirman:" (Tidak benar), bahkan engkau telah tinggal (berkeadaan demikian) selama seratus tahun. Oleh itu, perhatikanlah kepada makanan dan minumanmu, masih tidak berubah keadaannya, dan perhatikanlah pula kepada keldaimu (hanya tinggal tulang-tulangnya bersepah), dan Kami (lakukan ini ialah untuk) menjadikan engkau sebagai tanda (kekuasaan Kami) bagi umat manusia; dan lihatlah kepada tulang-tulang (keldai) itu, bagaimana Kami menyusunnya kembali kemudian Kami menyalutnya dengan daging ". Maka apabila telah jelas kepadanya (apa yang berlaku itu), berkatalah dia: Sekarang aku mengetahuinya (dengan yakin), sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu". (Surah Al-Baqarah:259)

Ayat di atas menerangkan dengan jelas bahawa Allah yang telah menjadikan masa juga berkuasa ke atasnya. Sebaliknya, manusia dikuasai oleh masa yang Allah memerintahnya. Seperti yang sebutkan di

dalam ayat tersebut, manusia tidak berupaya untuk mengetahui berapa lama dia tidur. Dalam keadaan ini, untuk mendakwa bahawa masa adalah mutlak (seperti yang para materialis lakukan di dalam mentaliti mereka yang lemah), adalah sesuatu yang tidak masuk akal.

Takdir

Relativiti masa telah menjelaskan sebuah perkara yang amat penting. Relativiti masa boleh berubah sehingga satu period masa yang kelihatan berbilion tahun tempohnya kepada kita, mungkin hanya tinggal sesaat sahaja di dalam dimensi lain. Tambahan pula, satu jangka masa yang besar berkembang daripada permulaan dunia sehingga penamatnya, mungkin tidak tinggal walau sesaat tetapi hanya sedetik di dalam dimensi lain.

Ini adalah inti pati sebenar konsep takdir – sebuah konsep yang tidak dapat difahami dengan baik oleh ramai orang, terutamanya para materialis, yang menafikannya. Takdir ialah pengetahuan sempurna Allah terhadap semua kejadian-kejadian silam atau masa hadapan. Sebahagian manusia mempersoalkan bagaimana Allah dapat mengetahui peristiwa-peristiwa yang belum berlaku dan ini menyebabkan mereka gagal untuk memahami kebenaran takdir ini. Bagaimana pun, "peristiwa-peristiwa yang belum berlaku" belum berlaku kepada kita. Allah tidak tertakluk kepada masa atau ruang kerana Dia sendiri yang menjadikannya. Kerana itu, masa silam, masa hadapan dan masa kini tidak ada bezanya kepada Allah; bagi-Nya segalanya telah berlaku dan telah tamat.

Lincoln Barnett menjelaskan bagaimana Teori Asas Relatif memandu kita kepada hakikat ini di dalam buku *The Universe and Dr. Einstein:* Menurut Barnett, cakerawala ini dapat "dikuasai seluruh kehebatannya oleh satu kebijaksanaan kosmik".[195] Apa yang disebutkan oleh Barnett sebagai "kebijaksanaan kosmik" adalah kebijaksanaan dan ilmu Allah, Yang menguasai selurah alam. Sebagai mana kita dapat melihat dengan mudah seorang pemerintah yang awal, pertengahan dan

yang terakhir, dan segala unit yang di antaranya, semuanya, Allah mengetahui waktu kita dijajah seperti satu detik daripada permulaannya hingga ke akhirnya. Manusia hanya mengalami kemalangan apabila masanya sampai dan mereka menyaksikan takdir yang telah Allah jadikan untuk mereka.

Perlu juga diberi perhatian terhadap pemahaman dangkal dan terpesong terhadap takdir yang berlaku di dalam masyarakat. Fahaman salah terhadap takdir ini berpegang kepada kepercayaan bahawa Allah telah menyiapkan "takdir" kepada setiap orang tetapi kadang-kadang takdir-takdir ini boleh diubah oleh mereka. Contohnya, apabila seorang pesakit hidup semula masyarakat akan beranggapan bahawa "Dia telah menewaskan takdirnya". Tetapi, sebenarnya tidak ada orang yang dapat mengubah takdirnya. Pesakit yang hidup semula itu sebenarnya tidak mati kerana dia ditakdirkan untuk tidak mati. Demikian juga takdir mereka yang menipu diri mereka dengan menyatakan "Saya telah menewaskan takdir saya", dia juga telah ditakdirkan untuk berkata demikian dan mempertahankan pemikiran tersebut.

Takdir adalah pengetahuan Allah yang agung dan hanya kepada Allah, yang mengetahui masa seperti satu detik dan yang menguasai seluruh masa dan ruang, segalanya telah ditetapkan dan diakhiri pada satu takdir. Kita juga dapat memahami daripada apa yang disebutkan di dalam al-Quran bahawa masa adalah kepunyaan Allah: beberapa kemalangan yang akan berlaku kepada kita di masa hadapan telah disebutkan di dalam al-Quran di dalam satu cara seolah-olah ia telah berlaku sebelum ini. Contohnya, ayat yang menggarap bagaimana laporan yang akan manusia berikan kepada Allah di hari Akhirat telah dijelaskan seolah-olah ia sebuah peristiwa yang telah pun berlaku:

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَعِقَ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَمَن فِي الْأَرْضِ إِلَّا
مَن شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنظُرُونَ ﴿٦٨﴾
وَأَشْرَقَتِ الْأَرْضُ بِنُورِ رَبِّهَا وَوُضِعَ الْكِتَابُ وَجِيءَ بِالنَّبِيِّينَ
وَالشُّهَدَاءِ وَقُضِيَ بَيْنَهُم بِالْحَقِّ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٦٩﴾

Dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah (terkemudian matinya); kemudian ditiup sangkakala sekali lagi, maka dengan serta merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing). Dan akan bersinar terang-benderanglah bumi (hari akhirat) dengan cahaya Tuhannya; dan akan diberikan Kitab suratan amal (untuk dibicarakan); dan akan dibawa Nabi-nabi serta saksi-saksi; dan akan dihakimi di antara mereka dengan adil, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun. (Surah Az-Zumar:68-69)

وَسِيقَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِلَىٰ جَهَنَّمَ زُمَرًا

Dan orang-orang kafir akan dihalau ke neraka Jahannam dengan berpasuk-pasukan,... (Surah Az-Zumar:71)

وَسِيقَ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ رَبَّهُمْ إِلَى ٱلْجَنَّةِ زُمَرًا

Dan orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka akan dibawa ke Syurga dengan berpasuk-pasukan,...(Surah Az-Zumar:73)

Ayat-ayat lain membincangkan subjek ini:

وَجَآءَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّعَهَا سَآئِقٌ وَشَهِيدٌ ﴿٢١﴾

Dan (setelah itu) datanglah tiap-tiap orang (ke Padang Mahsyar), disertai (dua malaikat: yang satu menjadi) pembawa, dan (yang satu lagi menjadi) saksi. (Surah Al-Qaf:21)

وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِىَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾

Dan terbelahlah langit, lalu menjadilah ia pada saat itu reput (dan runtuh) (Surah Al-Haaqqah:16)

وَجَزَىٰهُم بِمَا صَبَرُوا۟ جَنَّةً وَحَرِيرًا ﴿١٢﴾ مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ ۖ لَا
يَرَوْنَ فِيهَا شَمْسًا وَلَا زَمْهَرِيرًا ﴿١٣﴾

Dan kerana kesabaran mereka (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya), mereka dibalas oleh Allah dengan Syurga dan (persalinan dari) sutera. Mereka berehat di dalam Syurga dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias), mereka tidak nampak di situ adanya matahari (usahkan hawa panasnya), dan tidak juga merasai suasana yang terlampau sejuk. (Surah Al-Insan:12-13)

وَبُرِّزَتِ ٱلْجَحِيمُ لِمَن يَرَىٰ ﴿٣٦﴾

Dan neraka diperlihatkan kepada sesiapa sahaja yang dapat melihat-nya. (Surah An-Naaziat:36)

فَٱلْيَوْمَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنَ ٱلْكُفَّارِ يَضْحَكُونَ ﴿٣٤﴾

Maka pada hari ini, orang-orang yang beriman pula tertawakan orang yang kafir itu. (Surah Mutaffifiin:34)

وَرَءَا ٱلْمُجْرِمُونَ ٱلنَّارَ فَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُم مُّوَاقِعُوهَا وَلَمْ يَجِدُوا۟ عَنْهَا مَصْرِفًا

Dan orang-orang yang berdosa itu tetap akan melihat neraka, maka yakinlah mereka, bahawa mereka akan jatuh ke dalamnya dan mereka tidak akan mendapati sebarang jalan untuk mengelakkan diri daripadanya. (Surah Al-Kahfi:53)

Seperti yang dapat dilihat, peristiwa-peristiwa yang akan berlaku selepas kematian kita (mengikut kaca mata kita) telah dijelaskan seolah-

olah ia telah pun berlaku dan telah berlalu di dalam al-Quran. Allah tidak tertakluk oleh lingkungan masa yang relatif yang kita dikhususkan di dalamnya. Allah telah menjadikan semuanya di dalam keadaan masa-sifar: manusia telah melakukannya dan semua peristiwa telah berjalan dan telah tamat. Telah dinyatakan di dalam ayat di bawah bahawa setiap peristiwa, sama ada yang besar atau yang kecil berada di dalam pengetahuan Allah dan telah dirakamkan di dalam sebuah kitab:

وَمَا تَكُونُ فِي شَأْنٍ وَمَا تَتْلُوا مِنْهُ مِن قُرْءَانٍ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا
عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ وَمَا يَعْزُبُ عَن رَّبِّكَ مِن مِّثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي
الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَلَا أَصْغَرَ مِن ذَٰلِكَ وَلَا أَكْبَرَ إِلَّا فِي كِتَٰبٍ مُّبِينٍ

Dan tidaklah engkau (wahai Muhammad) dalam menjalankan sesuatu urusan, dan tidaklah engkau dalam membaca sesuatu surah atau sesuatu ayat dari Al-Quran dan tidaklah kamu (wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu mengerjakannya. Dan tidak akan hilang lenyap dari pengetahuan Tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-ringan yang ada di bumi atau di langit, dan tidak ada yang lebih kecil dari itu dan tidak ada yang lebih besar, melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata.(Surah Yunus:61)

Kebimbangan Materialis

Isu-isu yang telah dibincangkan di dalam bab ini, terutamanya landasan sebenar kebendaan, masa-sifar, dan ruang kosong, adalah amat jelas. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, ia bukan sebuah falsafah atau sebuah pemikiran, tetap adalah sebuah kebenaran yang tidak dapat dinafikan lagi. Di samping ia juga adalah sebuah kenyataan yang teknikal, bukti-bukti rasional dan logik juga tidak memberikan alternatif lain ke atas isu ini: cakerawala ini adalah sebuah ilusi keseluruhannya

bersama semua benda yang di dalamnya dan manusia yang tinggal di dalamnya. Ia adalah sebuah himpunan persepsi-persepsi.

Para materialis merasa amat sukar untuk memahami isu ini. Sebagai contoh, sekiranya kita berbalik kepada contoh bas Politzer: walau pun Politzer secara teknikalnya mengetahui bahawa dia tidak dapat melangkah keluar daripada persepsinya, tetapi dia hanya mengakuinya di dalam beberapa keadaan. Iaitu, bagi Politzer, peristiwa-peristiwa hanya berlaku di dalam otak sehinggakan pelanggaran bas, tetapi apabila pelanggaran ini berlaku, segalanya akan keluar daripada otak dan menjadi sebuah realiti fizikal. Kecacatan logikal pada peringkat ini amat jelas. Politzer telah melakukan kesilapan yang sama telah dilakukan oleh materialis-materialis lain seperti seorang falsafah materialis Johnson yang menyatakan "Saya menyepak batu, kaki saya saki, oleh itu ia wujud" dan dia tidak dapat memahami bahawa kejutan yang dialami selepas impak bas tersebut juga adalah sebuah persepsi.

Sebab sebenar mengapa materialis tidak dapat memahami subjek ini adalah kerana ketakutan mereka terhadap fakta yang akan mereka temui jika mereka memahaminya. Lincoln Barnett menyatakan bahawa subjek ini telah labelkan sebagai "tidak boleh dikaji" oleh sebahagian saintis:

> *Bersama dengan reduksi ahli-ahli falsafah bahawa semua realiti objek adalah sebuah bayangan – dunia persepsi, saintis telah menyedari keterbatasan deria-deria manusia.*[196]

Sebarang rujukan yang dilakukan terhadap kenyataan bahawa kebendaan dan masa adalah sebuah persepsi akan menambahkan ketakutan kepada seorang materialis, kerana ia adalah satu-satunya kepercayaan yang diyakininya sebagai kewujudan yang mutlak. Dia sebenarnya telah mengambilnya sebagai idola untuk disembah, kerana dia menyangka dia telah diciptakan oleh kebendaan dan masa (melalui evolusi).

Apabila dia merasakan bahawa alam yang disangka dia tinggal di dalamnya, dunia ini, tubuhnya sendiri, orang lain, para ahli falsafah lain yang dia terpengaruh dengan idea-idea mereka, dan ringkasnya,

segalanya, adalah sebuah persepsi, dia merasa telah dikalahkan oleh kengerian semua ini. Segala yang dia bergantung padanya, mempercayai, dan menjadi jalan keluar kepadanya, akan musnah secara tiba-tiba. Dia merasa putus asa seperti mana yang akan di alaminya di Hari Perhitungan di dalam keadaan yang sebenar seperti yang telah disebutkan di dalam ayat:

وَأَلْقَوْا إِلَى اللَّهِ يَوْمَئِذٍ السَّلَمَ ۖ وَضَلَّ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٨٧﴾

Dan pada hari itu mereka semua menyerah diri bulat-bulat kepada Allah, dan hilang lenyaplah dari mereka (yang musyrik itu) apa yang telah mereka ada-adakan (sebagai sekutu-sekutu Allah). (Surah An-Nahl:87)

Oleh itu, materialis ini cuba menyakinkan dirinya sendiri pada realiti kebendaan, dan mereka-reka "bukti" seperti; melagakan penumbuknya ke dinding, tendang batu, menjerit, berteriak, tetapi mereka tidak akan dapat melarikan diri daripada realiti.

Seperti mana mereka cuba menyingkirkan realiti ini daripada minda mereka, mereka juga mahu orang lain untuk membuangkannya. Mereka juga menyedari sekiranya hakikat semula jadi kebendaan diketahui umum secara keseluruhannya, keprimitifan falsafah mereka dan penipuan mereka kepada dunia akan didedahkan, dan tidak akan ada lagi landasan yang tinggal yang membolehkan mereka merasionalkan pandangan mereka. Ketakutan ini merupakan sebab utama mengapa mereka merasa amat terganggu dengan fakta-fakta yang disampaikan di sini.

Allah menyatakan bahawa ketakutan orang-orang kafir ini akan dilihat di hari akhirat kelak. Di Hari Perhitungan, mereka akan disapa seperti berikut:

وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوا أَيْنَ شُرَكَاؤُكُمُ
الَّذِينَ كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٢٢﴾

Dan (ingatlah), hari (kiamat yang padanya) Kami himpunkan mereka semua, kemudian Kami berfirman kepada orang-orang musyrik: "Manakah orang-orang dan benda-benda yang dahulu kamu sifatkan (menjadi sekutu Allah):?" (Surah Al-Anaam:22)

Kemudian, orang-orang kafir akan menyaksikan kedudukan mereka, anak-anak dan golongan-golongan yang rapat dengan mereka yang mereka anggap sebagai benar dan menganggapnya sebagai saingan kepada Allah, meninggalkan mereka dan musnah. Allah mengkhabarkan berita ini di dalam ayat:

ٱنظُرْ كَيْفَ كَذَبُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ ۚ وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ٢٤

Lihatlah bagaimana mereka berdusta terhadap diri mereka sendiri, dan bagaimana hilang lenyapnya dari mereka apa yang telah mereka ada-adakan (sebagai sekutu Allah) itu. (Surah Al-Anaam:24)

Keuntungan Orang-Orang Beriman

Sementara kenyataan bahawa kebendaan dan masa adalah sebuah persepsi telah mencemaskan materialis, perkara yang sebaliknya pula berlaku kepada orang-orang yang beriman. Orang-orang beriman merasa gembira apabila mengetahui rahsia di sebalik kebendaan ini. Realiti ini adalah kunci kepada semua persoalan. Dengan kunci ini, semua rahsia akan terbuka. Seseorang akan dapat memahami isu-isu yang sukar difahaminya sebelum ini.

Seperti yang disebutkan sebelum ini, persoalan kematian, syurga, neraka, hari akhirat, perubahan dimensi, dan persoalan-persoalan penting seperti, "Di mana Allah?", "Apakah benda sebelum Allah?", "Siapa yang menjadikan Allah?", "Berapa lamakah kehidupan di alam barzakh berlangsung?", "Di manakah syurga dan neraka?", dan "Di manakah syurga dan neraka wujud kini?", semuanya akan dapat dijawab dengan mudah. Akan dapat difahami dengan sistem apakah yang Allah gunakan untuk menjadikan seluruh alam daripada kosong. Lebih

daripada itu, dengan rahsia ini, persoalan "bila", dan "di mana" tidak akan mempunyai sebarang erti lagi kerana tidak akan ada masa dan ruang yang tinggal. Apabila ruang kosong difahami, maka akan dapat difahami bahawa neraka, syurga, dan bumi sebenarnya berada pada tempat yang sama. Sekiranya masa-sifar difahami, maka akan dapat difahami bahawa segalanya berlaku pada waktu yang sama: tidak ada apa yang dinantikan dan masa tidak bergerak, kerana segalanya telah sedia berlaku dan berakhir.

Apabila rahsia ini dikaji, dunia ini akan menjadi syurga kepada orang yang beriman. Segala perkara yang mendukakan seperti kebimbangan, kerisauan, dan ketakutan akan musnah. Seseorang akan menyedari bahawa hanya ada seorang Pemerintah, Dia yang mengubah seluruh dunia fizikal seperti yang dikehendaki-Nya dan apa yang perlu dilakukannya ialah berpaling kepada-Nya. Dia menyerahkan seluruh dirinya kepada Allah,

إِذْ قَالَتِ ٱمْرَأَتُ عِمْرَٰنَ رَبِّ إِنِّى نَذَرْتُ لَكَ مَا فِى بَطْنِى مُحَرَّرًا
فَتَقَبَّلْ مِنِّىٓ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٣٥﴾

"(Ingatlah) ketika isteri Imran berkata: "Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepadaMu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (dari segala urusan dunia untuk berkhidmat kepada-Mu semata-mata), maka terimalah nazarku; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (Ali-Imran,35)

Memahami rahsia ini merupakan keuntungan yang paling hebat di dunia.

Dengan rahsia ini, satu lagi realiti yang disebutkan di dalam al-Quran telah ditemui: kenyataan bahawa "Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya," (Surah Qaaf:16). Seperti yang diketahui, urat leher berada di dalam badan. Apa yang lebih rapat kepada seseorang daripada dalamannya sendiri? Situasi ini dapat dijelaskan oleh hakikat ruang kosong. Ayat ini akan lebih difahami dengan memahami rahsia ini.

Ini adalah kebenaran. Sepatutnya ia telah membuktikan dengan jelas bahawa tidak ada penolong dan pemberi rezeki yang lain selain daripada Allah. Tidak ada yang lain selain Allah; Dialah satu-satunya kewujudan mutlak (wahdatul-wujud) yang seseorang dapat melarikan diri kepada-Nya, memohon pertolongan, dan berharap untuk dikurniai.

Ke mana sahaja kita pergi, Allah tetap wujud.

PERSIDANGAN SRF: AKTIVITI UNTUK MEMAKLUMKAN MASYARAKAT TENTANG EVOLUSI

Propaganda evolusi, yang kian meningkat akhir-akhir ini, merupakan ancaman kepada kepercayaan nasional dan nilai-nilai moral. Yayasan Penyelidikan Sains (Science Research Foundation - SRF), yang menyedari keadaan ini, telah mengambil tanggungjawab untuk memaklumkan masyarakat Turkey tentang hakikat saintifik kebendaan.

Persidangan Pertama - Istanbul

Siri pertama daripada siri-siri persidangan antarabangsa yang diaturkan oleh Yayasan Penyelidikan Sains (SRF) telah dijalankan pada tahun 1998. persidangan yang diberi tajuk *"The Collapse of the Theory of Evolution: The Fact of Creation"*, telah berlangsung di Istanbul pada 4 April 1998. Persidangan tersebut, yang telah berlangsung dengan jayanya, telah disertai oleh pakar-pakar terkemuka dari seluruh dunia dan menyediakan sebuah platform yang membolehkan teori evolusi untuk pertama kalinya dipersoalkan dan dibatalkan secara saintifik di Turkey. Mereka yang datang daripada berbagai lapisan masyarakat Turkey telah menyertai persidangan, yang mendapat perhatian yang menggalakkan





ini. Mereka yang tidak mendapat tempat di dalam dewan mengikuti persidangan tersebut secara langsung daripada sistem televisyen litar langsung di luar.

Persidangan tersebut melibatkan penceramah-penceramah terkenal daripada Turkey dan daripada luar. Selepas ucapan ahli-ahli SRF, yang mendedahkan motif ideologi terselindung yang mendasari teori evolusi, sebuah video dokumentari yang disediakan oleh SRF telah ditayangkan.

Dr. Duane Gish dan **Dr. Kenneth Cumming**, dua orang saintis terkenal daripada Institute for Creation Research di USA yang berwibawa di dalam biokimia dan paleontologi. Mereka telah membuktikan dengan bukti yang kukuh bahawa teori evolusi sama sekali tidak sah. Ketika persidangan tersebut, salah seorang saintis Turkey tersohor, **Dr. Cevat Babuna** menjelaskan keajaiban-keajaiban di dalam setiap fasa ciptaan badan manusia dengan persembahan slaid yang menggemparkan "hipotesis kebetulan" evolusi hingga ke akar umbi.

Persidangan Kedua – Istanbul

Persidangan antarabangsa kedua di dalam siri-siri persidangan yang sama telah berlangsung tiga bulan selepas persidangan pertama pada 5

Julai 1998 bertempat di Dewan Persidangan Cemal Resit Rey sekali lagi di Istanbul. Para penceramah yang terdiri daripada enam orang Amerika dan seorang Turkey, telah memberikan ucapan yang menjelaskan bagaimana Darwinisme telah dibatalkan oleh sains moden. Dewan Persidangan Cemal Resit Rey, dengan kapasiti tempat duduk seribu telah dibanjiri oleh audiens daripada pendengar-pendengar yang asyik.

Penceramah dan subjek di dalam persidangan ini dapat diringkaskan seperti berikut:

Profesor Michael P. Girouard: Di dalam ucapan beliau menyatakan, "Apakah Mungkin Hidupan Ini Terbentuk Secara Kebetulan?", Michael Girouard. Seorang profesor biologi di Universiti Southern Louisiana, telah menerangkan melalui berbagai contoh kekompleksitian protein, unit asas hidupan, dan merumuskan bahawa ia hanya dapat muncul sebagai hasil sebuah rekaan bijak.

Dr. Edward Boudreaux: Di dalam ucapannya menyebut, "Rekaan Di Dalam Kimia", Edward Boudreaux, seorang profesor kimia di Universiti New Orleans, mencatatkan bahawa beberapa elemen kimia pasti dengan sengaja telah disusun oleh ciptaan untuk membolehkan hidupan muncul.

Profesor Carl Fliermans: Seorang saintis terkenal di USA dan profesor mikrobiologi di Universiti Indiana menjalankan penyelidikan ke atas "peneutralan kimia yang dibuang oleh bakteria", dengan dibiayai oleh Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat, Carl Fliermans telah menyanggah dakwaan evolusionis pada peringkat mikrokimia.

Profesor Edip Keha: Seorang profesor biokimia, Edip Keha merupakan satu-satunya penceramah Turkey di dalam persidangan ini. Beliau membentangkan maklumat asas sel dan menegaskan melalui bukti-bukti bahawa sel hanya dapat muncul sebagai hasil daripada



Pakar evolusi terkenal Dr. Duane Gish, menerima plak SRF daripada Dr. Nevzat Yalcintas, seorang ahli parlimen Turkey.

rekaan terancang (bukan kebetulan).

Profesor David Menton: Seorang profesor anatomi di Universiti Washington, David Menton, di dalam satu ucapan dengan disertai dengan satu persembahan berkomputer yang menarik, telah mengkaji perbezaan di antara bulu burung dan sisik reptilia, untuk membuktikan kesilapan andaian bahawa burung telah berubah daripada reptilia.

Profesor Duane Gish: Pakar evolusi terkenal Duane Gish, di dalam ucapan beliau bertajuk "The Origin Of Man", telah menyanggah tesis bahawa manusia telah berevolusi daripada beruk.

Presiden ICR John Morris: Profesor Morris, presiden Institute for Creation Research dan seorang ahli geologi terkenal, telah memberikan sebuah ucapan berkaitan komitmen ideologi dan falsafah yang berada di belakang evolusi. Beliau juga menerangkan bahawa teori ini telah menjadi sebuah dogma dan pendokong-pendokongnya mempercayai Darwinisme dengan semangat keagamaan.

Mendengar semua ucapan-ucapan ini, para audiens telah menyaksikan bahawa evolusi adalah sebuah kepercayaan dogmatik yang telah dimansuhkan oleh sains di dalam semua aspek. Tambahan pula, pameran poster bertajuk "The Collapse of the Theory of Evolustion: The Fact of Creation" yang telah di uruskan oleh Yayasan Penyelidikan Sains dan ditayangkan di lobi Dewan Persidangan Cemal Resit Rey telah menarik perhatian ramai. Pameran tersebut mengandungi 35 poster, setiap satu menyingkap sama ada dakwaan asas evolusi atau bukti-bukti kejadian.

Persidangan Ketiga – Ankara

Persidangan antarabangsa ketiga daripada siri-siri persidangan ini telah berlangsung pada tanggal 12 Julai 1998 di Hotel Sheraton di Ankara. Mereka yang mengambil bahagia di dalam persidangan kali ini – tiga orang Amerika dan seorang Turkey – telah mengemukakan bukti-bukti yang jelas dan nyata bahawa Darwinisme telah dibatalkan oleh sains moden.



PROF. CARL FLIERMANS: "Biokimia moden telah membuktikan bahawa organisma telah direka dengan sedemikian hebat dan fakta ini telah membuktikan kewujudan seorang Pencipta".



PROF. DUANE GISH: "Rekod fosil telah menyanggah teori evolusi dan ia membuktikan bahawa spesies telah muncul di bumi di dalam terbentuk dengan sempurna dan direka dan baik. Ini merupakan bukti kukuh bahawa mereka semua telah dijadikan".



PROF. DAVID MENTON: "Saya telah mengkaji sifat-sifat anatomi hidupan selama 30 tahun. Apa yang saya lihat sering menjadi bukti kepada ciptaan Allah".



PROF. EDWARD BOUDREAUX: "Dunia yang kita diami kini, dan undang-undang semula jadinya telah ditentukan dengan sempurna oleh Pencipta untuk kita, manusia".

Walaupun persidangan yang berangsung di Hotel Sheraton ini telah disiapkan untuk menerima audiens sekitar seribu orang, tetapi jumlah yang hadir ke persidangan tersebut mencecah 2,500 orang. Skrin telah dipasangkan di bahagian luar bagi mereka yang tidak mendapat tempat di dalam dewan. Pameran yang diadakan bersebelahan dengan dewan berkenaan bertajuk "The Collapse of the Theory of Evolution: The Fact of Creation", juga telah mendapat tumpuan ramai. Pada penghujung persidangan, para penceramah telah menerima tepukan sanjungan, yang membuktikan betapa masyarakat kehausan penerangan tentang realiti-realiti sains berkaitan dengan penipuan evolusi dan hakikat kejadian.

Ekoran kejayaan persidangan-persidangan antarabangsa ini, Yayasan Penyelidikan Sains mula mengatur beberapa persidangan di seluruh Turkey. Sekitar Ogos '98 dan Mei '99, 60 persidangan telah berlangsung di bandar-bandar yang berbeza. Kini SRF masih terus mengendalikan persidangan-persidangan di bahagian-bahagian berbeza negara ini.

PEMANDANGAN DARIPADA PERSIDANGAN-PERSIDANGAN SRF


Ankara


Sanliurfa


İzmir


Balıkesir


Samsun


Kayseri



Giresun


Bursa

قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾

Malaikat itu menjawab: "Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".

(Surah Al-Baqarah:32)

1 Cliff, Conner, "Evolution vs. Creationism: In Defense of Scientific Thinking", *International Socialist Review* (Monthly Magazine Supplement to the Militant), November 1980.

2 Ali Demirsoy, *Kalıtım ve Evrim (Inheritance and Evolution)*, Ankara: Meteksan Publishing Co., 1984, p. 61.

3 Michael J. Behe, *Darwin's Black Box*, New York: Free Press, 1996, pp. 232-233.

4 Richard Dawkins, *The Blind Watchmaker*, London: W. W. Norton, 1986, p. 159.

5 Dan Graves, *Science of Faith: Forty-Eight Biographies of Historic Scientists and Their Christian Faith*, Grand Rapids, MI, Kregel Resources.

6 *Science, Philosophy, And Religion: A Symposium*, 1941, CH.13.

7 J. De Vries, *Essential of Physical Science*, Wm. B. Eerdmans Pub. Co., Grand Rapids, SD 1958, p. 15.

8 H. S. Lipson, "A Physicist's View of Darwin's Theory", *Evolution Trends in Plants*, Vol 2, No. 1, 1988, p. 6.

9 Although Darwin came up with the claim that his theory was totally independent from that of Lamarck's, he gradually started to rely on Lamarck's assertions. Especially the 6th and the last edition of *The Origin of Species* is full of examples of Lamarck's "inheritance of acquired traits". See Benjamin Farrington, *What Darwin Really Said*, New York: Schocken Books, 1966, p. 64.

10 Steven M. Stanley, *Macroevolution: Pattern and Process*, San Francisco: W. H. Freeman and Co. 1979, pp. 35, 159.

11 Colin Patterson, "Cladistics", Interview with Brian Leek, Peter Franz, March 4, 1982, BBC.

12 Stephen Jay Gould, "The Return of Hopeful Monsters", *Natural History*, Vol 86, July-August 1977, p. 28.

13 Charles Darwin, *The Origin of Species: A Facsimile of the First Edition*, Harvard University Press, 1964, p. 189.

14 *Ibid*, p. 177.

15 B. G. Ranganathan, *Origins?*, Pennsylvania: The Banner Of Truth Trust, 1988.

16 Warren Weaver, "Genetic Effects of Atomic Radiation", *Science*, Vol 123, June 29, 1956, p. 1159.

17 Gordon R. Taylor, *The Great Evolution Mystery*, New York: Harper & Row, 1983, p. 48.

18 Michael Pitman, *Adam and Evolution*, London: River Publishing, 1984, p. 70.

19 Charles Darwin, *The Origin of Species: A Facsimile of the First Edition*, Harvard University Press, 1964, p. 179.

20 *Ibid*, pp. 172, 280.

21 Derek V. Ager, "The Nature of the Fossil Record", *Proceedings of the British Geological Association*, Vol 87, 1976, p. 133.

22 Mark Czarnecki, "The Revival of the Creationist Crusade", *MacLean's*, January 19, 1981, p. 56.

23 T. Neville George, "Fossils in Evolutionary Perspective", *Science Progress*, Vol 48, January 1960, pp. 1, 3.

24 David Raup, "Conflicts Between Darwin and Paleontology", *Bulletin, Field Museum of Natural History*, Vol 50, January 1979, p. 24.

25 Richard Monastersky, "Mysteries of the Orient", *Discover*, April 1993, p. 40.

26 Richard Dawkins, *The Blind Watchmaker*, London: W. W. Norton 1986, p. 229.

27 Douglas J. Futuyma, *Science on Trial*, New York: Pantheon Books, 1983, p. 197.

28 Charles Darwin, *The Origin of Species: A Facsimile of the First Edition*, Harvard University Press, 1964, p. 302.

29 Stefan Bengston, *Nature*, Vol. 345, 1990, p. 765.

30 Gerald T. Todd, "Evolution of the Lung and the Origin of Bony Fishes: A Casual Relationship", *American Zoologist*, Vol 26, No. 4, 1980, p. 757.

31 R. L. Carroll, *Vertebrate Paleontology and Evolution*, New York: W. H. Freeman and

Co. 1988, p. 4.
32 Edwin H. Colbert, M. Morales, *Evolution of the Vertebrates,* New York: John Wiley and Sons, 1991, p. 99.
33 Jean-Jacques Hublin, *The Hamlyn Encyclopædia of Prehistoric Animals,* New York: The Hamlyn Publishing Group Ltd., 1984, p. 120.
34 Jacques Millot, "The Coelacanth", *Scientific American,* Vol 193, December 1955, p. 39.
35 *Bilim ve Teknik Magazine*, November 1998, No: 372, p. 21.
36 Robert L. Carroll, *Vertebrate Paleontology and Evolution,* New York: W. H. Freeman and Co., 1988, p. 198.
37 Engin Korur, "Gözlerin ve Kanatların Sırrı" (The Mystery of the Eyes and the Wings), *Bilim ve Teknik,* No. 203, October 1984, p. 25.
38 *Nature,* Vol 382, August, 1, 1996, p. 401.
39 Carl O. Dunbar, *Historical Geology,* New York: John Wiley and Sons, 1961, p. 310.
40 L. D. Martin, J. D. Stewart, K. N. Whetstone, *The Auk,* Vol 98, 1980, p. 86.
41 *Ibid*, p. 86; L. D. Martin "Origins of Higher Groups of Tetrapods", *Ithaca,* New York: Comstock Publising Association, 1991, pp. 485, 540.
42 S. Tarsitano, M. K. Hecht, *Zoological Journal of the Linnaean Society,* Vol 69, 1985, p. 178; A. D. Walker, *Geological Magazine,* Vol 177, 1980, p. 595.
43 Pat Shipman, "Birds do it... Did Dinosaurs?", *New Scientist,* February 1, 1997, p. 31.
44 "Old Bird", *Discover,* March 21, 1997.
45 *Ibid*.
46 Pat Shipman, "Birds Do It... Did Dinosaurs?", p. 28.
47 S. J. Gould & N. Eldredge, *Paleobiology,* Vol 3, 1977, p. 147.
48 Pat Shipman, "Birds Do It... Did Dinosaurs?", p. 28.
49 *Ibid*.
50 Roger Lewin, "Bones of Mammals, Ancestors Fleshed Out", *Science,* vol 212, June 26, 1981, p. 1492.
51 George Gaylord Simpson, *Life Before Man,* New York: Time-Life Books, 1972, p. 42.
52 R. Eric Lombard, "Review of Evolutionary Principles of the Mammalian Middle Ear, Gerald Fleischer", *Evolution,* Vol 33, December 1979, p. 1230.
53 David R. Pilbeam, "Rearranging Our Family Tree", *Nature,* June 1978, p. 40.
54 Earnest A. Hooton, *Up From The Ape,* New York: McMillan, 1931, p. 332.
55 Malcolm Muggeridge, *The End of Christendom,* Grand Rapids, Eerdmans, 1980, p. 59.
56 Stephen Jay Gould, "Smith Woodward's Folly", *New Scientist,* February 5, 1979, p. 44.
57 Kenneth Oakley, William Le Gros Clark & J. S, "Piltdown", *Meydan Larousse,* Vol 10, p. 133.
58 Stephen Jay Gould, "Smith Woodward's Folly", *New Scientist,* April 5, 1979, p. 44.
59 W. K. Gregory, "Hesperopithecus Apparently Not An Ape Nor A Man", *Science,* Vol 66, December 1927, p. 579.
60 Philips Verner Bradford, Harvey Blume, *Ota Benga: The Pygmy in The Zoo,* New York: Delta Books, 1992.
61 David Pilbeam, "Humans Lose an Early Ancestor", *Science,* April 1982, pp. 6-7.
62 Solly Zuckerman, *Beyond The Ivory Tower,* New York: Toplinger Publications, 1970, pp. 75-94.
63 Charles E. Oxnard, "The Place of Australopithecines in Human Evolution: Grounds for Doubt", *Nature,* Vol 258, p. 389.
64 Fred Spoor, Bernard Wood, Frans Zonneveld, "Implication of Early Hominid Labryntine Morphology for Evolution of Human Bipedal Locomotion", *Nature,* Vol 369, June 23, 1994, pp. 645-648.
65 Holly Smith, *American Journal of Physical Antropology,* Vol 94, 1994, pp. 307-325.
66 Fred Spoor, Bernard Wood, Frans Zonneveld, "Implication of Early Hominid

Labryntine Morphology for Evolution of Human Bipedal Locomotion", *Nature,* vol 369, June 23, 1994, p. 645-648.

67 Tim Bromage, *New Scientist,* vol 133, 1992, p. 38-41.

68 J. E. Cronin, N. T. Boaz, C. B. Stringer, Y. Rak, "Tempo and Mode in Hominid Evolution", *Nature,* Vol 292, 1981, p. 113-122.

69 C. L. Brace, H. Nelson, N. Korn, M. L. Brace, *Atlas of Human Evolution,* 2.b. New York: Rinehart and Wilson, 1979.

70 Alan Walker, *Scientific American,* vol 239 (2), 1978, p. 54.

71 Marvin Lubenow, *Bones of Contention,* Grand Rapids, Baker, 1992, p. 83.

72 Boyce Rensberger, *The Washington Post,* November 19, 1984.

73 *Ibid*.

74 Richard Leakey, *The Making of Mankind,* London: Sphere Books, 1981, p. 62.

75 Marvin Lubenow, *Bones of Contention,* Grand Rapids, Baker, 1992. p. 136.

76 Erik Trinkaus, "Hard Times Among the Neanderthals", Natural History, vol 87, December 1978, p. 10; R. L. Holloway, "The Neanderthal Brain: What Was Primitive", *American Journal of Physical Anthropology Supplement,* Vol 12, 1991, p. 94.

77 Alan Walker, *Science,* vol 207, 1980, p. 1103.

78 A. J. Kelso, *Physical Antropology,* 1st ed., New York: J. B. Lipincott Co., 1970, p. 221; M. D. Leakey, *Olduvai Gorge,* Vol 3, Cambridge: Cambridge University Press, 1971, p. 272.

79 S. J. Gould, *Natural History, Vol* 85, 1976, p. 30.

80 *Time,* November 1996.

81 L. S. B. Leakey, *The Origin of Homo Sapiens,* ed. F. Borde, Paris: UNESCO, 1972, p. 25-29; L. S. B. Leakey, *By the Evidence,* New York: Harcourt Brace Jovanovich, 1974.

82 "Is This The Face of Our Past", *Discover*, December 1997, pp. 97-100.

83 A. J. Kelso, *Physical Anthropology,* 1.b., 1970, pp. 221; M. D. Leakey, *Olduvai Gorge,* Vol 3, Cambridge: Cambridge University Press, 1971, p. 272.

84 Donald C. Johanson & M. A. Edey, *Lucy: The Beginnings of Humankind,* New York: Simon & Schuster, 1981, p. 250.

85 *Science News*, Vol 115, 1979, pp. 196-197.

86 Ian Anderson, *New Scientist*, Vol 98, 1983, p. 373.

87 Russell H. Tuttle, *Natural History*, March 1990, pp. 61-64.

88 Ruth Henke, "Aufrecht aus den Baumen", *Focus,* Vol 39, 1996, p. 178.

89 Elaine Morgan, *The Scars of Evolution,* New York: Oxford University Press, 1994, p. 5.

90 Solly Zuckerman, *Beyond The Ivory Tower,* New York: Toplinger Publications, 1970, p. 19.

91 W. R. Bird, *The Origin of Species Revisited.,* Nashville: Thomas Nelson Co., 1991, pp. 298-99.

92 "Hoyle on Evolution", *Nature,* Vol 294, November 12, 1981, p. 105.

93 Ali Demirsoy, *Kalıtım ve Evrim (Inheritance and Evolution),* Ankara: Meteksan Publishing Co., 1984, p. 64.

94 W. R. Bird, *The Origin of Species Revisited.* Nashville: Thomas Nelson Co., 1991, p. 304.

95 *Ibid*, p. 305.

96 J. D. Thomas, *Evolution and Faith.* Abilene, TX, ACU Press, 1988. p. 81-82.

97 Robert Shapiro, *Origins: A Sceptics Guide to the Creation of Life on Earth,* New York, Summit Books, 1986. p.127.

98 Fred Hoyle, Chandra Wickramasinghe, *Evolution from Space,* New York, Simon & Schuster, 1984, p. 148.

99 *Ibid*, p. 130.

100 *Fabbri Britannica Bilim Ansiklopedisi (Fabbri Britannica Science Encyclopaedia),* vol 2, No 22, p. 519.

101 Richard B. Bliss & Gary E. Parker, *Origin of Life,* California: 1979, p. 14.

102 Stanley Miller, *Molecular Evolution of Life: Current Status of the Prebiotic Synthesis of Small Molecules,* 1986, p. 7.

103 Kevin Mc Kean, *Bilim ve Teknik*, No 189, p. 7.

104 J. P. Ferris, C. T. Chen, "Photochemistry of Methane, Nitrogen, and Water Mixture As a Model for the Atmosphere of the Primitive Earth", *Journal of American Chemical Society*, vol 97:11, 1975, p. 2964.

105 "New Evidence on Evolution of Early Atmosphere and Life", *Bulletin of the American Meteorological Society*, vol 63, November 1982, p. 1328-1330.

106 Richard B. Bliss & Gary E. Parker, *Origin of Life*, California, 1979, p. 25.

107 W. R. Bird, *The Origin of Species Revisited*, Nashville: Thomas Nelson Co., 1991, p. 325.

108 Richard B. Bliss & Gary E. Parker, *Origin of Life*, California: 1979, p. 25.

109 *Ibid*.

110 S. W. Fox, K. Harada, G. Kramptiz, G. Mueller, "Chemical Origin of Cells", *Chemical Engineering News*, June 22, 1970, p. 80.

111 Frank B. Salisbury, "Doubts about the Modern Synthetic Theory of Evolution", *American Biology Teacher*, September 1971, p. 336.

112 Paul Auger, *De La Physique Theorique a la Biologie*, 1970, p. 118.

113 Francis Crick, *Life Itself: It's Origin and Nature*, New York, Simon & Schuster, 1981, p. 88.

114 Ali Demirsoy, *Kalıtım ve Evrim (Inheritance and Evolution)*, Ankara: Meteksan Publishing Co., 1984, p. 39.

115 Homer Jacobson, "Information, Reproduction and the Origin of Life", *American Scientist*, January 1955, p.121.

116 Reinhard Junker & Siegfried Scherer, "Entstehung Gesiche Der Lebewesen", *Weyel*, 1986, p. 89.

117 Michael Denton, *Evolution: A Theory in Crisis*. London: Burnett Books, 1985, p. 351.

118 John Horgan, "In the Beginning", *Scientific American*, vol. 264, February 1991, p. 119.

119 G.F. Joyce, L. E. Orgel, "Prospects for Understanding the Origin of the RNA World", *In the RNA World*, New York: Cold Spring Harbor Laboratory Press, 1993, p. 13.

120 Jacques Monod, *Chance and Necessity*, New York: 1971, p.143.

121 Leslie E. Orgel, "The Origin of Life on the Earth", *Scientific American*, Ekim 1994, vol. 271, p. 78.

122 Chandra Wickramasinghe, Interview in *London Daily Express*, August 14, 1981.

123 Jeremy Rifkin, *Entropy: A New World View*, New York, Viking Press, 1980, p.6

124 J. H. Rush, *The Dawn of Life*, New York, Signet, 1962, p 35

125 Roger Lewin, "A Downward Slope to Greater Diversity", Science, vol. 217, 24.9.1982, p. 1239

126 George P. Stravropoulos, "The Frontiers and Limits of Science", *American Scientist*, vol. 65, November-December 1977, p.674

127 Jeremy Rifkin, Entropy: *A New World View*, p.55

128 For further info, see: Stephen C. Meyer, "The Origin of Life and the Death of Materialism", *The Intercollegiate Review*, 32, No. 2, Spring 1996

129 Charles B. Thaxton, Walter L. Bradley & Roger L. Olsen The Mystery of Life's Origin: Reassessing Current Theories, 4. edition, Dallas, 1992. chapter 9, p. 134

130 Ilya Prigogine, Isabelle Stengers, Order Out of Chaos, New York, Bantam Books, 1984, p. 175

131 Robert Shapiro, Origins: A Sceptics Guide to the Creation of Life on Earth. Summit Books, New York: 1986, s. 207

132 Pierre-P Grassé, *Evolution of Living Organisms*, New York: Academic Press, 1977, p. 103.

133 *Ibid*, p. 107.

134 Norman Macbeth, *Darwin Retried: An Appeal to Reason*. Boston: Gambit, 1971, p. 101.

135 Loren C. Eiseley, *The Immense Journey*,

Vintage Books, 1958, p. 186.
136 Charles Darwin, *The Origin of Species: A Facsimile of the First Edition,* Harvard University Press, 1964, p. 184.
137 Norman Macbeth, *Darwin Retried: An Appeal to Reason,* Harvard Common Press, New York: 1971, p. 33.
138 *Ibid*, p. 36.
139 Loren Eiseley, *The Immense Journey*, Vintage Books, 1958. p. 227.
140 Stuart B. Levy, "The Challange of Antibiotic Resistance", *Scientific American*, March 1998, p. 35.
141 *Medical Tribune,* December 29, 1988, pp. 1, 23.
142 Francisco J. Ayala, "The Mechanisms of Evolution", *Scientific American,* Vol 239, September 1978, p. 64.
143 S. R. Scadding, "Do 'Vestigial Organs' Provide Evidence for Evolution?", *Evolutionary Theory*, Vol 5, May 1981, p. 173.
144 *The Merck Manual of Medical Information, Home edition,* New Jersey: Merck & Co., Inc. The Merck Publishing Group, Rahway, 1997.
145 H. Enoch, *Creation and Evolution,* New York: 1966, pp. 18-19.
146 Frank Salisbury, "Doubts About the Modern Synthetic Theory of Evolution", *American Biology Teacher*, September 1971, p. 338.
147 Michael Denton, *Evolution: A Theory in Crisis.* London, Burnett Books, 1985, p. 145.
148 W. R. Bird, *The Origin of Species Revisited,* Thomas Nelson Co., Nashville: 1991, pp. 98-99; Percival Davis, Dean Kenyon, *Of Pandas and People,* Haughton Publishing Co., 1990, pp. 35-38.
149 W. R. Bird, *The Origin of Species Revisited*, pp. 98-99, 199-202.
150 Michael Denton. *Evolution: A Theory in Crisis.* London: Burnett Books, 1985, pp. 290-91.
151 G. G. Simpson, W. Beck, *An Introduction to Biology,* New York, Harcourt Brace and World, 1965, p. 241.
152 Keith S. Thompson, "Ontogeny and Phylogeny Recapitulated", *American Scientist,* Vol 76, May/June 1988, p. 273.
153 Francis Hitching, *The Neck of the Giraffe: Where Darwin Went Wrong,* New York: Ticknor and Fields 1982, p. 204.
154 Richard Lewontin, "The Demon-Haunted World", *The New York Review of Books*, January 9, 1997, p. 28.
155 Robert Shapiro, *Origins: A Sceptics Guide to the Creation of Life on Earth.* Summit Books, New York: 1986, p. 207.
156 Hoimar Von Dithfurt, *Im Anfang War Der Wasserstoff (Secret Night of the Dinosaurs)*, Vol 2, p. 64.
157 Ali Demirsoy, *Kalıtım ve Evrim (Inheritance and Evolution),* Ankara: Meteksan Publishing Co., 1984, p. 61.
158 *Ibid*, p. 61.
159 *Ibid*, p. 94.
160 Bilim ve Teknik, July 1989, Vol. 22, No.260, p.59
161 Grzimeks Tierleben Vögel 3, Deutscher Taschen Buch Verlag, Oktober 1993, p.92
162 David Attenborough, Life On Earth: A Natural History, Collins British Broadcasting Corporation, June 1979, p.236
163 David Attenborough, Life On Earth: A Natural History, Collins British Broadcasting Corporation, June 1979, p.240
164 "The Structure and Properties of Spider Silk", Endeavour, January 1986, vol. 10, pp.37-43
165 Görsel Bilim ve Teknik Ansiklopedisi, pp.185-186
166 Walter Metzner,http://cnas.ucr.edu/~bio/faculty/Metzner.html
167 Bilim ve Teknik, January 1990, pp.10-12
168 National Geographic, September 1995, p.98
169 David Attenborough, Life of Birds, Princeton Universitye Press, Princeton-New Jersey, 1998, p.47

170 James L.Gould, Carol Grant Gould, Life at the Edge, W.H.Freeman and Company, 1989, pp.130-136

171 David Attenborough, The Private Life of Plants, Princeton Universitye Press, Princeton-New Jersey, 1995, pp.81-83

172 Encyclopedia of Reptiles and Amphibians, Published in the United States by Academic Press, A Division of Harcourt Brace and Company, p.35

173 Frederick Vester, Denken, Lernen, Vergessen, vga, 1978, p.6

174 George Politzer, Principes Fondamentaux de Philosophie, Editions Sociales, Paris 1954, pp.38-39-44

175 R.L.Gregory, Eye and Brain: The Psychology of Seeing, Oxford University Press Inc. New York, 1990, p.9

176 Lincoln Barnett, The Universe and Dr.Einstein, William Sloane Associate, New York, 1948, p.20

177 Orhan Hançerlioğlu, Düşünce Tarihi (The History of Thought), Istanbul: Remzi Bookstore, 6.ed., September 1995, p.447

178 V.I.Lenin, Materialism and Empirio-criticism, Progress Publishers, Moscow, 1970, p.14

179 Bertrand Russell, ABC of Relativity, George Allen and Unwin, London, 1964, pp.161-162

180 R.L.Gregory, Eye and Brain: The Psychology of Seeing, Oxford University Press Inc. New York, 1990, p.9

181 Karl Pribram, David Bohm, Marilyn Ferguson, Fritjof Capra, *Holografik Evren 1(Holographic Universe 1)*, translated by Ali Çakıroğlu, Kuraldışı Publishing, Istanbul: 1996, p37

182 George Politzer, Principes Fondamentaux de Philosophie, Editions Sociales, Paris 1954, p.53

183 Orhan Hançerlioğlu, Düşünce Tarihi (The History of Thought), Istanbul: Remzi Bookstore, 6.ed., September 1995, p.261

184 George Politzer, Principes Fondamentaux de Philosophie, Editions Sociales, Paris 1954, p.65

185 Paul Davies, *Tanrı ve Yeni Fizik, (God and The New Physics)*, translated by Murat Temelli, Im Publishing, Istanbul 1995, s.180-181

186 Rennan Pekünlü, "Aldatmacanın Evrimsizliği", (Non-Evolution of Deceit) Bilim ve Ütopya, December 1998 (V.I.Lenin, Materialism and Empirio-criticism, Progress Publishers, Moscow, 1970, pp.334-335)

187 Alaettin Şenel, "Evrim Aldatmacası mı?, Devrin Aldatmacası mı?", (Evolution Deceit or Deceit of the Epoch?) Bilim ve Ütopya, December 1998

188 Imam Rabbani Hz. Mektupları (Letters of Rabbani), Vol.II, 357. Letter, p.163

189 Imam Rabbani Hz. Mektupları (Letters of Rabbani), Vol.II, 470. Letter, p.1432

190 François Jacob, Le Jeu des Possibles, University of Washington Press, 1982, p.111

191 Lincoln Barnett, The Universe and Dr.Einstein, William Sloane Associate, New York, 1948, pp. 52-53

192 Lincoln Barnett, The Universe and Dr.Einstein, William Sloane Associate, New York, 1948, p.17

193 Lincoln Barnett, The Universe and Dr.Einstein, William Sloane Associate, New York, 1948, p.58.

194 Paul Strathern, The Big Idea: Einstein and Relativity, Arrow Books, 1997, p. 57

195 Lincoln Barnett, The Universe and Dr.Einstein, William Sloane Associate, New York, 1948, p.84

196 Lincoln Barnett, The Universe and Dr.Einstein, William Sloane Associate, New York, 1948, pp.17-18